

Sambil melihat, membuka bungkusannya cincin itu ia akan berkata:

"Baginilah kak:

Kami ni pun bak kata kakak tadi:

Kok umur belum setahun jagung,
kok darah belum setampuk pinang,
kok akar belum selilit telunjuk.

Maka kedatangan kakak, abang:

kok hari nan se hari,
kok malam nan se malam ini,

kita ibaratkan:

singkap daun ambil buah,
kopek kulit ambil isi sahaja.

Kata orang: bila mengadakan anak perempuan:

Sehari ada, sehari bernama,
sehari berhutang pada mak bapa,
Hutang atas lima perkara:
Pertama kerat pusat
kedua upah bidan
ketiga tindik daleng
keempat diserahkan mengaji,
kelima nikah
Hutang adat dengan hukum.

Yang kecil sudah besar

yang bingung dah serdik,
sombong pada emaknya,
megah pada ayahnya.

Dalam demikian itu, lama kelamaan:

mengaji pun sudah tamat,
menyulam menjahit pun sudah pandai,
maka diserulah pula untungnya:
untung anak sahaya dinanti-nantikan,
risik dah berdesus
gamit nan berkecapi
kilat nan memancar.

Dan lagi kak,

Orang membeli kerbau dengan talinya,
mengikat kata dengan tanda.

Nampaknya hari ini:

mengikat kata dengan tandalah kita.

Apa tanda rupanya:

menerima kami cincin sebetuk,
cincin tawai, cincin tanya,
cincin penanya emak dan bapa.

Akhir kata kak:

Konsep
Perkawinan Adat
Bahagian I

OLEH. NORHALIM HJ. IBRAHIM.

Kami menerimalah:

kok esa sekata pihak tempat semenda,

kata dikembalikan,

kok tak esa sekata,

tanda dikembalikan.

Jadi:

Kami menerimalah cincin tanya ni,

mengikut:

sepanjang adat nan diadatkan".

Oleh pihak perempuan cincin tanya itu diedarkan kepada sanak saudara (kerabat yang hadir) dan juga kepada ketua adat yang hadir. Semasa cincin itu diedarkan selalunya hidangan makanan akan disajikan. Selepas makan, dan berehat beberapa ketika, pihak wakil lelaki akan berhadapan semula dengan wakil perempuan, meminta jawapan tentang cincin tanya itu. Antara lain katanya:

Bagini sahajalah kak:

Haripun dah petang, dan bak kata pantun:

Orang Rokan pergi ke Rasa,

Sampai di Rasa mencari timba;

Makanan dihidang dah kami rasa,

Kerana air hilang dahaga.

Jadi kak, datang kami tadi membawa hajat:

BAHAGIAN I

KONSEP

PERKAHWINAN

ADAT

Cincin sebetuk, cincin tanya
Menanya emak dan bapa.

Jadi, bak kata orang tua,
Pergi membawa tanda,
kok balik ni nak membawa kata.

Apakah kata orang disini:
supaya yang mengunggu tak tertanya,
yang menanti tak ternanti-nanti?"

Kepada kata-kata ini pihak perempuan akan menjawab:

"Baginilah:
Nampaknya,
Urat dah merdangkak,
kilat dah memancar,
tegor dah menyapa.
Cincin sebetuk, cincin tanya,
menanya ibu dan bapa.

Cindin sebetuk itu, petaruhlah dua hari yang ketiga;
kerana kami ni sebelum memberikata nak:

jauh dijemput
dekat dikampung:
segala tempat semenda,
segala buapak yang beradat
oleh orang semenda.

PENDAHULUAN

1.0. Sistem Nisab-ibu

Kepada seorang pengkaji atau ahli antropologi dan sosiologi sistem kekeluargaan atau persanakan yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan diistilahkan sebagai sistem sesisi⁽¹⁾ atau unilineal. Sistem jenis ini adalah sistem yang menjuraikan keturunan berdasarkan kepada satu pihak sahaja, samada dari pihak ibu atau perempuan yang diistilahkan sebagai nisab-ibu atau matrilineal, atau dari pihak bapa atau lelaki yang diistilahkan sebagai nisab-bapa atau patrilineal. Dalam konteks ini, sistem keturunan masyarakat Melayu Negeri Sembilan tergolong ke dalam sistem jenis nisab-ibu atau matrilenal.

Sistem nisab-ibu bukan hanya diamalkan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan tetapi juga oleh beberapa buah masyarakat lain di dunia ini. Contoh-contoh masyarakat yang mempraktikkan sistem ini adalah masyarakat-masyarakat Nayar di India, Ashanti, Bantu, Bemba, Cewa, Kongo dan Tonga di Afrika, dan juga beberapa buah masyarakat Red Indian seperti Chiricagua, Cochiti, Hopi, Mescalero dan Navaho di Amerika Utara dan juga masyarakat di Kepulauan Trobriand.

Di Nusantara, selain dari Negeri Sembilan, satu lagi masyarakat yang terkenal mengamalkan sistem ini ialah masyarakat Minangkabau di Sumatra Barat. Antara kedua masyarakat ini, mengikut sejarah, terdapat perhubungan dan kaitan yang rapat.

Supaya duduk sepereret,
hendak dikeluarkan:
urat yang merangkak
kilat nan memancar
kepada tempat semenda serta buapak.
Esa sekata, diterima,
kata dikembalikan, menerima.
Tak esa sekata,
tanda dikembalikan, tak menerima.

Jadi, kita buatlah janji,
cepat janji tiga hari,
lewat janji tujuh hari,
laun janji dua kali tujuh hari".

Setelah janji adat itu, maka majlis menghantar cincin tanya itu berakhir.

3.4. Mengembangkan Cincin

Untuk membuat keputusan samada menerima atau tidak cincin tanya pihak lelaki, ibu bapa pihak perempuan akan mengadakan perhimpunan dikalangan anggota keluarga mereka, terutama sekali ahli-ahli keluarga yang terdekat dengan ibu perempuan.

Apabila sudah terhimpun maka orang semenda tua yang

1.1. Sistem Nisab-ibu Negeri Sembilan

Walaupun secara umum dikatakan bahawa orang Melayu Negeri Sembilan mengamalkan sistem keturunan nisab-ibu tetapi pada hakikatnya bukan demikian keadaannya. Secara geografis moden hanya masyarakat Melayu di daerah-daerah Jelebu, Jempul, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin sahaja yang mengamalkan sistem ini. Daerah Port Dickson, melainkan kampung-kampung di bahagian pendalaman yang bersempadanan dengan Daerah Seremban tidak mengamalkannya. Kawasan disepanjang pinggir pantai daerah Port Dickson mengamalkan sistem yang sama seperti orang Melayu di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Selain dari masyarakat Melayu Negeri Sembilan, masyarakat Melayu di Nanning, Melaka Utara juga mengamalkan sistem kekeluargaan jenis nisab-ibu ini. Dari segi sejarah, sebelum kedatangan penjajah barat, Nanning adalah salah sebuah dari sembilan buah 'negeri' yang menganggotai persekutuan sembilan buah negeri untuk mewujudkan entiti politik Negeri Sembilan tradisi.

Wilayah-wilayah Negeri Sembilan tradisi yang masih kekal dalam Negeri Sembilan hari ini ialah Jelebu, Johol (yang terletak dalam Daerah Kuala Pilah dan juga Daerah Tampin sekarang), Rembau dan Sungai Ujong (sebahagian besarnya adalah Daerah Seremban sekarang dan juga bahagian pendalaman Daerah Post Dickson

mewakili seresam mengambil cincin tanya dan menyerahkannya kepada buapak, sambil berkata:

"Sembah datok:

Maka ditengok,

serantau saya nan seresam,

kebulatan pula waris pusaka,

pada hari nan sehari ini,

kebulatan pula menjemput yang seadat:

Pak Long, Pak Ngah semua.

Koh jauh dah dijemput

kok dekat dah dikampung;

yang jauhpun dah sampai

yang dekat telah terkampung.

Perbilangan ada,

bertanya lepas penat,

berunding lepas makan.

Sekarang sudahlah makan.

Maka dek saya nak menyampai khabar yang sepatah:

Adalah orang semenda ini,

peti bunian, dinding tasak mata telinga;

petang menutup,

pagi melepaskan,

siang memandang,

malam mendengar

dan kawasan Daerah Ulu Langat, Selangor yang bersempadan dengan Negeri Sembilan sehingga ke pekan Semenyih sekarang). Selain dari empat 'negeri' yang baru di sebut (Jelebu, Johol, Rembau dan Sungai Ujong) yang secara tradisi dipimpin oleh seorang Undang, terdapat juga 'negeri-negeri' kecil iaitu Gunung Pasir, Inas, Jempul, Terachi dan Ulu Muar yang setiap satunya diketuai oleh seorang Penghulu. 'Negeri' Tampin yang diketuai oleh Tunku Besar, yang terkandung dalam bahagian Daerah Tampin Tengah hari ini adalah ciptaan penjajah Inggeris pada sekitar tahun 1830-an. Sebelum itu, Tampin adalah sebahagian dari 'Negeri' Rembau. Kesemua 'negeri-negeri' tradisi ini dikenali sebagai luak satu istilah yang masih kekal digunakan ke hari ini.

Kelainan sistem kekeluargaan di Luak-Luak di Negeri Sembilan dan Naning di Melaka Utara dari masyarakat Melayu lain di Semenanjung Malaysia adalah kerana mengikut sejarah, ianya telah dibuka oleh penghijrah Minangkabau. Orang Minangkabau telah membuka Negeri Sembilan tradisi sejak lebih dari 500 tahun yang lalu. Selepas menetap dikawasan tersebut mereka telah terus mengamalkan sistem kekeluargaan tempat asal mereka - sistem sesis corak nisab-ibu. Oleh peredaran masa dan juga persekitaran (politik dan ekonomi) hari ini antara dua masyarakat yang asalnya satu ini terdapat beberapa perbezaan walaupun dasar dan falsafahnya masih banyak persamaan.

Perlu juga disebut di sini bahawa selain dari wilayah-wilayah

Maka dalam sehari yang dua ini,
dapatlah cincin sebetul,
ialah menanya anak buah Datok.

Inilah cincinya Datok. Cubalah Datok tengok".

Cincin tanya itupun diserahkan kepada Buapak. Dan Buapak akan menerimanya lalu diedarkan untuk dilihat oleh tiap-tiap yang seadat. Pada masa menelek cincin tersebut pada hadirin akan mengeluarkan pendapat samada setuju atau menghalang rundingan itu. Perhimpunan dan permaufakatan serta perbuatan menunjukkan cincin tanya ini disetengah tempat di Negeri Sembilan dikenali sebagai mengembangkan cincin tanya. Disamping itu, pada masa ini jugalah mereka mengkaji buruk baiknya dan keadaan keluarga pemuda tersebut dengan teliti.

Dalam membuat keputusan ini, bapa si gadis tidak mempunyai sebarang fungsi. Si anak, dari segi adat milik waris susu. Segala urusan mengenai anak gadis adalah diletakkan dibawah tanggungjawab waris susu atau disebut juga seadat yang kadim. Seadat yang kadim adalah terdiri dari abang, bapa saudara, sepupu (sanak ibu) dan juga dua pupu (sanak datok).

Jika tiada yang menghalang maka Buapak pun memberi kata pemutus:

yang dinyatakan di atas terdapat sebuah lagi perkampungan yang pada dasarnya mempraktikkan sistem sesis nisab-ibu. Perkampungan yang dimaksudkan itu ialah Kampung Lukut yang terletak di Daerah Kota Tinggi, Johor. Masyarakat Kampung Lukut ini bukan berasal dari keturunan orang Minangkabau tetapi adalah berasal dari Negeri Sembilan. Mereka telah berpindah dan membuat penempatan di situ sejak tahun 1890 yang lalu. Beberapa aspek dari adat istiadat yang amalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan masih dikekalkan oleh orang Kampung Lukut. Justru itu Kampung Lukut ini bolehlah dianggap sebagai 'negeri' yang kesepuluh dalam konfederasi Negeri Sembilan.

1.3. Sistem Adat Negeri Sembilan

Sistem nisab-ibu yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan adalah menjadi dasar kepada keseluruhan tingkah dan tindaklaku yang merangkumi sistem-sistem politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat tersebut. Kepada orang luar dan dalam Negeri Sembilan sistem ini dikenali sebagai adat perpatih.

1.3.1. Prinsip Adat

Adat perpatih adalah berdasarkan kepada prinsip: baik dipaksi dek muafakat, buruk dibuang dek rundingan. Sebagai keseluruhan sistem adat ini boleh dikategorikan kepada empat jenis iaitu:

- a) Adat nan sebenar adat,
- b) Adat nan teradat,

"Nampaknya tiada yang menghalang,
 seadat, seresam seiya sekata,
 Jadi eloklah diberi jawab
 jangan orang sana ternanti-nanti.
 Esa sekata kata dikembalikan,
 tak esa sekata, cincin dibalikkan.

Nampaknya hari man sehari ni,
 bulatlah ^umaufakat,
 seadat dan seresam,
 menerimalah cincin tanya ni.

Kok gitu,
 Dah esalah sekata,
 katalah dikembalikan.

Dalam pada itu,
 yang terpelangong akan jatuh,
 liang akan temb^upk,
 genting akan putus,
 yang terbengkalai nak disudahkan.
 Jadi bilalah hari akan dibuat,
 menerima tanda."

Setelah diperolehi keputusan itu maka berita ini akan disampaikan kepada pihak lelaki melalui duai yang menghantar

- c) Adat nan diadatkan;
- d) Adat istiadat.

Diantara kategori ini hanya adat ketegori pertama: adat nan sebenar adat sahaja yang tidak mungkin berubah. Ini adalah kerana ianya adalah berdasarkan kepada ^{kebiasaan} kejian alam semula jadi. Antara adat yang tergolong ke dalam kategori ini ialah:

- Adat air cair,
- adat api panas,
- adat pisau melukai.

Adat dari kategori inilah yang dikatakan sebagai adat yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, dianjak layu, dicabut mati.

Adat dari kategori yang lain adalah terhasil dari maufakat dan rundingan serta persetujuan ahli-ahli masyarakat. Adat dari kategori adat nan teradat adalah hasil dari kelaziman, kekerapan dan kebiasaan manusia melakukannya, misalnya hormat anak kepada orang tua, kepatuhan anakbuah kepada ketua adat atau pemimpin atau sebagainya. Begitu juga dengan kategori adat yang diadatkan. Adat jenis ini adalah hasil dari ketetapan dan peraturan yang telah diambil oleh masyarakat dari ^{U.A} permaufakatan dikalangan ketua-ketua adat seperti buapak, lembaga dan Undang atau Penghulu. Misalnya larangan perkahwinan se suku. Perbuatan ini tidak akan berlaku kalau masyarakat masih taat dan patuh

tanya dahulu. Dalam perhimpunan itu akan dipilih wakil pihak perempuan yang akan menyampaikan keputusan tersebut. Seperti pihak lelaki wakil ini selalunya terdiri dari saudara perempuan ibu si gadis dan suaminya.

35. Penerimaan Cincin Tanya

Wakil pihak perempuan akan memberitahu pihak lelaki yang ia akan menemuinya mengenai perjanjian adat yang telah dibuat berkenaan dengan cincin tanya yang dihantar. Pihak lelaki akan mengadakan jamuan kecil untuk menanti ketibaan mereka. Ketibaan mereka itu selalunya hanya dinanti oleh beberapa orang keluarga rapat sahaja. Mereka pada peringkat ini belum lagi mahu berita ini tersebar kerana takut jika cincin tanya itu ditolak.

Selepas berbual-bual barang seketika maka pihak perempuan akan memulakan kata, antara lain:

"Baginilah kakak, abang semua:

sakit bermula,

mati bersebab.

Hujan berpokok,

kata berasal.

Mana kata asal:

Awal berpemulaan,

akhir berkesudahan.

akan peraturan itu. Tetapi sekiranya orang ramai hendak merubah adat nan diadatkan ini maka haruslah diadakan ma'afakat dan masyuarah melalui proses berkampung dan kerapatan sesuai dengan petunjuk perbilangan adati

Tiap satu dengan ma'afakat,
 begitu kata maka suci,
 begitu perbuatan maka sempurna.

Sedangkan adat istiadat iaitu kategori adat yang keempat, hanya merupakan hiasan dan tambahan kepada tiga kategori yang sebelumnya. Tujuan dasar adat jenis ini adalah untuk mencantikkan adat yang sedia ada. Contohnya ialah peraturan nikah kahwin yang didalamnya ada adat bersanding, adat hambat pintu, hambat pelamin, adat berinai besar dan kecil serta acara-acara lain yang lebih berfungsi sebagai mencantikkan dan menghiburkan.

Oleh sebab ketiga-tiga kategori adat ini bukan terjadi atas kehendak alam semula jadi tetapi atas kehendak manusia maka ia adalah lebih dinamik, hanya ketegangan dan kekendurannya sahaja yang berbeza di antara satu sama lain. Justru itu, melainkan adati kategori pertama, sistem adat dalam adat perpatin ini terutama sekali kategori adat istiadat adalah tertakluk kepada perubahan seperti kata perbilangan:

Yang buruk dibaharui,
 yang usang diganti;

Kedatangan datuk dahulu,
 membawa cincin cintaan,
 cincin tanya kepada kami:
 mengikat tali persemendaan;
 lalulah dibuat janji:
 cepat janji tiga hari,
 lambat janji tujuh hari,
 laun janji dua kali tujuh hari;
 itulah janji adat.

Dan lagi kak:

Janji adat janjinya teguh,
 janji dibuat, janji dimuliakan,
 didalam janji digaduhkan;
 janji sampai ditepati.
 Tergawa mati, tanda berutang,
 bukan utang padi nan bersukat,
 bukan hutang kain nan berhasta,
 bukan hutang riaggit nan berbilang,
 utang adat dan pusaka.

Dek sebab itu maka

jauh dah dijemputkan,
 dekat dah dikampungkan,
 segala tempat samenda,
 serta buapak nan beradat
 oleh orang semenda kami.

Sekali air bah:

sekali tebing berubah.

Perbilangan di atas ini menyarankan jika adat itu telah ketinggalan zaman ia boleh diubah agar sesuai dengan masa, ruang dan persekitaran. Namun, perubahan, kalaulah ia mesti berlaku, harus didapati melalui per^{ua}maufakatan - ibu adat maufakat. Dengan itu adat perpatih bukannya satu sistem sosial yang statik. Ia boleh, ia telah dan ia akan berubah untuk penyesuaian dengan nilai-nilai semasa tanpa menyeleweng dari norma dan prinsip-prinsip dasarnya.

1.3.2. Perjalanan Adat

Keseluruhan adat perpatih ini berjalan dan berfungsi baik dari segi sosial, ekonomi mahupun politik atas dua kod etika yang dasar dan fundamental. Konsep-konsep tersebut adalah konsep ^{ua}maufakat dan konsep menyeraya, bekerjasama dan gotong royong. Dalam kehidupan masyarakat sehari-hari kedua-dua konsep ini sangat berkait dan berhubung rapat.

Adat ini mengaturkan bahawa pengamalnya di dalam membuat sebarang keputusan atau sebarang perkara haruslah diambil melalui kerapatan. Dalam kerapatan ahli-ahli masyarakat akan membincangkan masalah, gaya dan cara bagaimana menyelesaikan masalah dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Tindakan menyelesaikan-masalah dalam kerapatan itu diistilahkan sebagai

Bulat air dek pembotong,
 bulat kata dek muafakat.
 Nampaknya tiadalah yang menghalang,
 bulatlah ^umuafakat:
 seadat dan seresam,
 seiya sekata:
 menerimalah kami:
 cincin cintaan,
 cincin tanya untuk anak buah kami.

Begitulah keputusan kami kak".

Selepas berkata itu bersalamanlah wakil pihak perempuan
 dengan pihak lelaki. Pihak lelaki akan menjawab kata-kata
 wakil perempuan itu dengan kata manis dan hormat pula, lagi
 merendahkan serta menyatakan kegembiraan mereka. Antara lain
 katanya:

"Nampaknya kedatangan kami dulu berjumpa datuk:
 membawa cincin cintaan,
 cincin tanya dari kami,
 untuk anak buah datuk,
 mengikat tali persemendaan:
 lalulah dibuat janji,
 cepat janji tiga hari,
 lambat janji tujuh hari,
 laun janji dua kali tujuh hari;
 itulah janji adat.

maufakat.

Maufakat dalam adat ini sentiasa mendahului sebarang aktiviti masyarakat adat kerana ianya adalah keunggulan sosial yang kudus adat ini. Kepentingan tindakan ini telah jelas diterangkan oleh banyak perbilangan adat, antaranya ialah:

Bulat air dek pemetung,
bulat manusia dek maufakat.

Penghulu beraja ke maufakat,
maufakat beraja kepada yang benar.

Ibu hukum maufakat,
ibu adat maufakat.

Istilah-istilah maufakat dan bulat dalam perbilangan-perbilangan di atas bermaksud keputusan yang dicapai bukan melalui undi paling ramai tetapi bulat suara, yang agak sama dengan konsep syura dalam Islam.

Perbuatan berkumpul di suatu tempat untuk membincangkan sesuatu perkara, masalah ataupun aktiviti (sosial, ekonomi dan politik) dikatakan sebagai berkampung. Istilah ini ada persamaan dengan kata kerapatan hanya dikalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan kerapatan sering membawa maksud pertemuan atau perhimpunan pemimpin-pemimpin politik adat. Konsep

Kok bagitu datuk,
 hari nan sehari ini,
 kok malam nan semalam ni,
 datuk datang membawa kata:
 esa sekata,
 kata dikembalikan:
 tak esa sekata,
 tanda dikembalikan.

Nampaknya:

risik dah berdesus,
 gamit dah berkecapi.

Jadi,

Datuk datang hari ini,
 membawa kata:
 esa sekata:
 kata dikembalikan.

Kemudian daripada itu, nampaknya:

akan terdinding rupanya tabir,
 akan terbentang lelangit,
 akan tergantung kain simpai,
 akan terlonggok rupanya pinang,
 akan tersusun rupanya sirih,
 akan terkecip rupanya pinang
 akan putih rupanya kapur,

berkampung membawa erti pertemuan yang melibatkan orang se kampung yang pula bermaksud perjumpaan antara ahli-ahli se rumpun, se ruang, se perut atau/dan se suku. Dalam berkampung inilah terbitnya perbilangan:

Nan jauh dijemput,
 nan dekat dikampungkan;
 hilang dicari,
 cicir dipungut.

Perbilangan di atas dengan jelas menghendaki setiap ahli mesti hadir disebarang berkampung dan juga kerapatan. Ketidakhadiran seorang ahli sahaja sudah cukup untuk membatalkan tujuan utama perjumpaan itu. Sebelum diadakan perjumpaan kali kedua untuk meneruskan perbicangan mengenai tujuan berkampung yang tergendala, adat memestikan bahawa yang tidak hadir itu harus bersama. Untuk tujuan ini adat memerlukan agar sebab musabab ketidakhadiran ahli itu diselesaikan terlebih dahulu seperti kata adat:

Yang kusut diselesaikan,
 yang keruh dijernihkan.

Selepas kusut diselesaikan dan yang keruh dijernihkan dikalangan semua ahli barulah diadakan perkampungan atau kerapatan yang kedua.

Seiring dengan konsep berkampung ini ialah konsep ¹¹maufakat

akan kuning rupanya gambir,
 akan bergumpal rupanya tembakau,
 akan bertimpoh tilam pandak,
 akan terbentang tilam panjang,
 akan beratur bantal besar,
 akan bersusun bantal kecil,
 akan berjunjung gunung berangkat,
 akan bersilang gunting-gunting,
 akan memancung rupanya parang,
 akan menikam rupanya keris,
 akan terurañ rupanya tombak,
 akan terkembang rupanya payung,
 akan berkecimpung tawak-tawak,
 akan meningkah bunyi genderang,
 akan beratur rupanya meriam,
 akan bersukat ubat bedil,
 akan terbakar rupanya tunan,
 akan berderun bunyi alamat:
 adat akan beratur:
 bilang akan tertentu.

Kami di sini kak,

maka menerimalah kata yang kak bawa:
 bak orang mengantuk diberi bantal,
 kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan."

Berikutnya, dirundingkan pula bila masanya hendak melapik

menyeraya, bekerjasama dan bergotong royong. Dalam masyarakat adat segala tindakan, baik sosial, ekonomi, budaya dan juga politik harus dilakukan dengan konsep bekerjasama. Adat berpendapat setiap ahli, walaupun kekurangan dan kelebihan status dan kedudukannya harus memberiguna kepada ahli yang lain, lantaran keseluruhan kelompoknya - ruang, rumpun, perut dan suku. Ini jelas dibayangkan dalam perbilangan:

Jika cerdik teman berunding,
 jika bodoh disuruh arah;
 tinggi banir tempat berlindung,
 rimbun daun tempat bernaung.
 Yang buta penghembus lesung,
 yang patah menunggu jemuran,
 yang pekak mencucuh meriam,
 yang berani buat kepala lawan,

dan seterusnya.

Oleh sebab demikian peratusannya maka adat menyatakan bahawa:

Kalau besar jangan melanda,
 kalau cerdik jangan menipu.

Secara ini maka wujudlah konsep kerja dan ganjaran:

Berat sama di^{ghul}junjung,
 ringan sama di^{sinin}pikul;
 bukit sama didaki,
 luruh sama dituruni;
 hati gajah sama dilapah,
 hati kuman sama dicicah.

cincin atau menghantar cincin pertunangan sesuai dengan kata adat:

Cincin sebetuk,
tanda muafakat;
cincin dua bentuk
tanda terikat.

Pada ketika itu dirandungkan juga mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan proses yang berikutnya. Antara perkara yang dibicarakan ialah:

- (a) masa mengadakan hari pertunangan,
- (b) hantaran belanja,
- (c) bayaran maakahwin,
- (d) dan adat-adat lain yang berkaitan.

Diantara empat perkara ini yang memerlukan keputusan semerta ialah masa mengadakan adat istiadat melapik cincin kerana sebelum sampai hari yang berkenaan berbagai aturcara harus dijalankan. Selepas mendapat kata putus maka wakil pihak perempuan akan memohon diri dan berjanjikan mengaduh-gadahkan lagi perkara tersebut, dengan erti kata keduabelah pihak akan berhubungan akan perkembangan selanjutnya mengenai hari melapik tanda itu.

3.6. Penolakan Cincin Tanya

Cincin tanya tidak semestinya diterima oleh pihak perempuan

Konsep-konsep ini mewujudkan rasa kekitaan atau 'esprit de corps' dikalangan ahli kelompok yang seterusnya menjadikan kelompok itu kuat dan kokoh. Apabila kuat dan kokoh maka barulah kesatuan kelompok kekeluargaan dalam sistem masyarakat ini dapat menghindar dan terhindar dari rasa malu yang mengikut adat dikatakan sebagai:

Malu tak dapat diagih,

Suku tak dapat dianjak.

1.4. Masyarakat Bersuku-suku Negeri Sembilan

Masyarakat adat perpatih Negeri Sembilan terbagi kepada kelompok-kelompok tertentu yang dipanggil suku. Orang yang menjadi ahli sesuatu suku itu menganggap diri mereka sebagai mempunyai hubungan adik beradik. Mereka percaya bahawa mereka berketurunan dari seorang nenek moyang perempuan. Oleh sebab itu, dan sesuai dengan prinsip sistem sesis nisab-ibu, suku seseorang ahli masyarakat Negeri Sembilan adalah berdasarkan kepada suku ibunya.

Pada idealnya terdapat dua belas (12) bush suku dalam masyarakat adat ini. Suku-suku tersebut adalah: Anak Acheh, Anak Melaka, Batu Belang, Batu Hampar, Biduanda, Mungkal, Paya Kumbuh atau Pekumbuh, Seri Lemak atau Selemak, Seri Melanggang atau Semelenggang, Tanah Datar atau Tedatar, Tiga Batu (Bator), dan Tiga Nezak. Apa yang harus diperhatikan di sini ialah tidak semua Luak di Negeri Sembilan mempunyai dua belas suku

atas sebab-sebab tertentu. Jika berlaku sedemikian, maka proses menemui wakil pihak lelaki adalah sama seperti yang dihuraikan di atas hanya maksudnya sahaja yang berbeza. Dalam keadaan bagini tutur kata yang disampaikan oleh wakil pihak perempuan haruslah halus dan merendah-merendahkan diri supaya tidak menimbulkan umpat mengumpat dan berkecil-kecil hati dipihak lelaki.

Selaps berbual-bual, pihak lelaki akan berkata, antara lain:

"Baginilah kakak, abang semua:

sakit bermula,
 mati bersebab;
 hujan berpokok,
 kata berasal.
 Mana kata asal:
 awal permulaan,
 akhir berkesudahan.

Kadatangan datuk dahulu:

membawa cincin cinta,
 cincin tanya kepada kami:
 mengikat tali persemendaan;
 lalulah dibuat janji:
 cepat janji tiga hari,
 lambat janji tujuh hari,
 laun janji dua kali tujuh hari.

tersebut; kebanyakannya mempunyai kurang dari jumlah itu. Di Rembau misalnya, kedua-belas buah suku itu wujud. Tetapi kalau kita melihat suku-suku di Rembau berdasarkan prinsip kekeluargaan dengan erti kata orang sesuku tidak boleh berkahwin, maka jumlah suku tidak lagi dua belas tetapi lebih dari itu, iaitu sekurang-kurangnya dua puluh tiga (23) buah.

Luak Rembau tradisi terpecah kepada dua bahagian - Darat dan Baroh. Kedua-belas suku yang tersebut tadi wujud di kedua-dua bahagian, melainkan suku Seri Lemak. Misalnya suku Mungkal. Di Rembau terdapat dua buah suku Mungkal - Mungkal Baroh dan Mungkal Darat. Antara keduanya itu tidak ada kaitan. Tiap-tiap satunya mempunyai kepimpinan tersendiri. Suku Mungkal Baroh di pimpin oleh Dato' Samsura Pahlawan dan suku Mungkal Darat pula di ketuai oleh Dato' Niang. Ahli antara kedua-dua suku ini dibenarkan berkahwin. Jadi walaupun mempunyai satu nama namun dari segi organisasi pentadbiran antara keduanya adalah berbeza. Setiap satu berdiri dengan sendirinya. Selain dari itu, ada beberapa buah suku di Rembau mempunyai variasi nama; misalnya suku Seri Melenggang. Di Rembau terdapat lima buah variasi suku ini iaitu: Seri Melenggang Kendong, Seri Melenggang Baroh, Seri Melenggang Minangkabau, Seri Melenggang Miku dan Seri Melenggang Empat Ibu.

Disamping itu terdapat juga beberapa buah suku yang namanya tidak termasuk kedalam senarai nama yang dua belas tersebut.

Itulah janji adat.

Dan lagi kak:

Janji adat janjinya teguh,
 janji dibuat, janji dimuliakan:
 didalam janji digaduhkan;
 janji sampai ditepati.
 Tergawa mati, tanda berutang,
 bukan hutang padi nan bersukat,
 bukan hutang kain nan berhasta,
 bukan hutang ringgit nan berbilang,
 hutang adat dan pusaka.

Dek sebab itu maka

nan jauh dah dijemputkan,
 nan dekat dah dikampungkan:
 segala tempat semenda,
 serta buapak nan beradat,
 oleh orang semenda kami.

Kemudian daripada itu ditunjukkanlah:

kepada seadat dan nan seresam:
 Membeli kerbau dengan talinya,
 mengikat kata dengan tandanya,
 apa tandanya?
 cincin tawai, cincin tanya.

Salah satu daripadanya ialah suku Telang di Luak Jelebu.

1.4.1. Pecahan Suku

Setiap suku itu dapat pula dipecahkan kepada pengelompokan yang lebih kecil yang dipanggil perut. Bilangan perut dalam sesuatu suku itu tidak menentu, ada yang satu dan ada pula yang lebih dari satu, bergantung kepada jumlah ahli suku yang berkenaan.

Kalau suku terpecah kepada perut, perut pula boleh dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil iaitu Ruang. Seperti perut, bilangan ruang di dalam sesuatu perut juga berbeza. Kelompok yang kecil sekali, yang selalunya terdiri dari kelompok keluarga luas, adalah Rumpun. Bilangan rumpun di dalam sesuatu ruang juga berbeza-beza.

1.4.2. Keanggotaan Suku

Oleh sebab sistem masyarakat ini sistem nisab-ibu maka pasangan di Negeri Sembilan sering mengharapkan anak perempuan. Anak perempuan adalah penting kerana ia adalah penyambung kepada keturunan sesuatu keluarga, lantasnya sesuatu suku. Apabila sesuatu pasangan itu hanya memperolehi anak lelaki maka adat menganggap keluarga itu sebagai telah pupus atau musnah yakni tiada lagi keturunannya yang akan menyambung pusaknya.

Kalau esa sekata,
 kata dikembalikan;
 tak esa sekata,
 tanda dikembalikan.

Maka kedatangan kami kak, abang semua,
 kok hari nan sehari,
 kok malam nan semalam ini,
 menunsikan janji:
 janji dibuat dimuliakan,
 dalam janji digaduh-gaduhkan,
 sampai janji, janji ditepati.

Janji yang kita buat hari tu dahlah kami jalankan.
 Tetapi itulah kata orang: rezki, maut, tanah
 perkuburan dan jodoh pertemuan kuasa Tuhan belaka.
 Jadi untung pertemuan budak-budak ini belum ada
 lagi nampaknya.

Kalau yang keras pertemuannya itu:
 asam digunung, ikan dilaut pun bertemu,
 Inikan pula kita:
 duduk dekat rumah, dekat kampung;
 sehalaman sepermainan.
 seperigi sepermandian,
 sejamban seperulangan.

Pada zaman tradisi masalah seperti ini diatasi dengan mengambil anak angkat perempuan. Selalunya, orang suku mengambil anak perempuan keturunan China sejak kecil dan dipelihara sebagai anak kandung. Pengangkatan anak seperti ini disebut sebagai menarik anak dan anak itu pula dikatakan sebagai anak tarik. Proses ini perlulah diikuti dengan adat istiadat berkadim.

Berkadim bermaksud mengiktiraf anak angkat (perempuan) menjadi anggota suku, perut, ruang dan rumpun wanita yang mengambilnya. Antara upacara ritual yang harus diadakan dalam adat berkadim ini ialah cicah-darah dengan kenduri menyembelih kambing atau kerbau. Kenduri itu harus dihadiri dan direstui oleh pembesar-pembesar adat kerana mereka yang bertindak dalam mengkadim anak tersebut. Biasanya anak itu dikadimkan ketika dia masuk kecil disekitar umur dua sehingga lima tahun.

Dalam masyarakat adat ini terdapat dua jenis kadim, iaitu kadim adat dan kadim adat dan pusaka. Tiap-tiap satunya itu memberikan status yang berbeza kepada anak tersebut dalam aspek perwarisan harta pusaka suku ibu angkatnya. (Perlu diperhatikan di sini bahawa adat berkadim tidak lagi diizinkan di Luak Rembau sejak awal tahun 1930-an lagi).

1.4.3. Suku Lereng

Dikalangan masyarakat adat di Luak Rembau, khususnya sebelum

Bukan apa-apa, ibu bapanya mengatakan budak ni
 kecil ^{benar} benci lagi. Menyapu hingusnya pun belum
 tahu. Lagi pun dia tu ada niatnya sedikit. .
 Nantilah, tengok lepas niatnya besok.

Nampaknya kali ini tidak adalah.

Maka bak kata tadi:

Atas kesudian pihak di sini menanyakan anak
 buah kami, kami sekalian berterima kasih.

Jadi inilah kami datang
 membawa salam dan sembah
 orang seadat dan seresan kami:
 minta maaf dari hujung rambut ke hujung kaki,
 kok ada salah dan silap,
 baik tutur jo kata,
 maaf sahajalah yang kami pinta.

Jadi, inilah bak dijanjikan dulu:
 orang membeli kerbau dengan talinya,
 mengikat kata dengan tanda,
 cincin tawai, cincin tanya:
 kalau esa sekata,
 kata dikembalikan,
 tak esa sekata,
 tanda dikembalikan.

kedatangan Inggeris terdapat segolongan masyarakat yang tidak bersuku. Mereka ini adalah terdiri dari keturunan hamba yang dipanggil budak. Dalam kehidupan sehari-harian kelompok budak ini dikenali dengan nama orang kurang atau suku bukit oleh masyarakat bersuku di Rembau.

Dibandingkan dengan masyarakat bersuku orang kurang ini sangat rendah kedudukannya. Dalam sebarang upacara misalnya, tempat mereka adalah di penanggahan, tempat mencuci pinggan dan mangkok, serta di tempat bertanak nasi. Disamping itu mereka tidak dibolehkan duduk bersama-sama dengan ketua-ketua adat.

Pada hari ini bangsa kurang ini tidak dapat lagi dikenal-pasti. Tegasnya masyarakat hari ini tidak lagi sedar akan kewujudan keturunan mereka dan mereka tidak lagi dibezakan dengan masyarakat bersuku biasa di Luak Rembau.

1.5. Kepimpinan Dalam Masyarakat Adat

Setiap suku itu mempunyai seorang ketua yang diistilahkan sebagai Lembaga yang membawa gelaran dato'. Lembaga bagi setiap suku itu mempunyai nama gelaran tertentu yang berbeza dari satu Luak dengan yang lain. Misalnya suku Tanah Datar. Di Rembau seperti dinyatakan di atas tadi, suku ini ada dua iaitu suku Tanah Datar Baroh dan suku Tanah Datar Darat. Ketua atau Lembaga

Maka kakak-kakak dan abang-abang semua:
 inilah saya kembalikan tanda dahulu. Haraplah
 diterima semula".

Dengan itu, cincin tanya akan diserahkan kepada wakil
 pihak lelaki. Pihak lelaki pula akan menjawab kata-kata
 itu dengan penuh tertib tanpa menunjukkan kehampaannya.
 Antara lain katanya:

"Kalau dah begitu bagini sajalah:

sakit bersula
 mati bersebab;
 hujan berpokok,
 kata berasal.
 Mana kata asal:
 awal berpemulaan,
 akhir berkesudahan.

Dulu kami datang kepada datuk:

membawa cincin cintaan
 cincin sebetuk menanya ibu bapanya,
 nak mengikat tali persemendaan;
 lalulah dibuat janji:
 cepat janji tiga hari,
 lambat janji tujuh hari,
 laun janji dua kali tujuh hari,
 itulah janji adat dan pusaka.
 Apakah janjinya:

suku Tanah Datar Baroh ialah Dato' Raja Senara dan Dato' Maharaja Jinda bagi suku Tanah Datar Darat. Sedangkan Lembaga bagi suku Tanah Datar di Luak Ulu Muar pula bergelar Dato' Duka (Paduka) Besar, dan di Luak Jempul Lembaganya ialah Dato' Seri Amar Menteri.

Perbezaan gelaran Lembaga sesuatu suku di kalangan Luak-Luak adat ini, dan di Luak Rembau pula terdapat dua buah suku yang se nama dan mempunyai dua orang dato' Lembaga menunjukkan bahawa konsep sejurai seketurunan bagi sesuatu suku itu hanya terhad kepada batasan sempadan wilayah sahaja. Dalam kes Luak Rembau wilayah ini tidak lagi menjangkau ke paras sempadan Luak tetapi kepada Luak kecil iaitu Rembau Baroh dan Rembau Darat.

Saperti juga suku, perut juga mempunyai ketua yang dipanggil Buapak. Buapak juga mempunyai gelaran tertentu. Misalnya Buapak bagi perut dalam suku Seri Lemak di Rembau bergelar Dato' Juan. Ketua bagi sesuatu Ruang ialah Besar yang juga mempunyai gelaran tertentu. Akhir sekali, pemimpin adat yang paling bawah dalam struktur kepimpinan adat ini ialah ketua bagi Rumpun yang dipanggil Tua Rumpun atau Kadim.

Dari segi organisasi politik adat pemimpin-pemimpin tersebut, melainkan Tua Rumpun atau Kadim mempunyai rol, fungsi dan tanggungjawab dalam lingkungan masing-masing (suku, perut dan

Kalau esa sekata,
 kata dikembalikan;
 tak esa sekata,
 tanda dikembalikan.

Kemudian itu, mengikut kata adat:

Janji dibuat,
 janji dimuliakan.
 Dalam janji digaduh-gaduhkan,
 sampai janji,
 janji ditepati.

Nampaknya,

kok hari nan sehari,
 kok malam nan semalam ini,
 datanglah datuk menunaikan janji:
 esa sekata,
 kata dikembalikan,
 tak esa sekata,
 tanda dikembalikan.

Bak kata datuk tadi:

Rezki, maut, tanah perkuburan dan jodoh pertemuan
 kuasa Tuhan belaka.
 Yang lelaki diserukan tuahnya,
 yang perempuan dinantikan tuahnya.
 Untung melambong,

ruang). Tua Rumpun atau Kadim tidak banyak memainkan peranan dalam perjalanan politik adat. Dato' ini lebih banyak berfungsi dalam bidang sosial ahli kelompoknya sahaja.

Secara keseluruhan masyarakat adat di sesuatu Luak di Negeri Sembilan dipimpin oleh Undang atau Penghulu. Hari ini hanya empat buah Luak sahaja, iaitu Luak-Luak Jelebu, Johol, Rembau dan Sungai Ujong yang dipimpin atau diketuai oleh Undang. Luak-Luak kecil yang lain seperti Inas, Jempol dan Ulu Muar adalah diketuai oleh Penghulu. Tampin yang sebelum tahun 1830-an adalah sebahagian dari Luak Rembau, hari ini dipimpin oleh Tunku Besar.

kok malang menimpa.
Nampaknya anak buah kami ni,
ke laut pecah perahu,
ke darat pecah periok:
tak adalah jodoh dengan anak buah datuk.

Nampaknya, kedatangan datuk ni,
menepati janjilah:
tak esalah orang di sana
maka tandalah dikembalikan.

Kami di sini:
menerima kembali tanda kami.
Di harap dengan ini tidaklah berkecil hati.
Kami di sini semua:
minta sampaikanlah kepada pihak seadat dan
seresam di sana:
kok salah dan silap kami,
terlanjur kata,
termakan budi minta ampun dan maaf sahaja.

Mungkin hari ini tak ada jodoh,
lain kali dicuba lagi".

Dengan itu mereka yang hadir akan bersalaman tanda tiada
rasa tidak puas atau berkecil hati.

KONSEP PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT

2.0. Perkahwinan Dalam Lingkaran Hidup

Lingkaran hidup seseorang itu boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat tertentu. Peringkat-peringkat ini, antara lain adalah masa bayi, masa kanak-kanak, masa remaja, masa dewasa dan masa tua. Semasa melalui peringkat-peringkat tersebut seseorang itu akan mendapat pendidikan dan pembelajaran mengenai segala aspek kehidupan sebagai individu dan bermasyarakat dari segala apa yang ada disekelilingnya. Antara agen yang paling rapat dan berkesan dalam proses pensosialisasian, pembudayaan dan penginternalisasian ini adalah keluarga.

Di dalam masyarakat adat di Negeri Sembilan pemeringkatan dan segala proses yang berkaitan dengannya seperti yang ^{di}beru disebutkan di atas, telah dijadikan satu charter kepada struktur dan organisasi masyarakat itu. Secara tradisi setiap anggota dalam masyarakat ini dimestikan mematuhi charter tersebut kerana dalam peraturan hidup ada diperbilangkan:

Lama kelamaan mengadakan anak:

Lelaki ada, perempuan pun ada.

Sehari ada, sehari bernama,

sehari berhutang mak bapak.

Hutang atas lima perkara:

Pertama kerat pusat,

Kedua upah bidan,

3.7. Fungsi Cincin Tanya

Secara umum cincin tanya itu mempunyai tiga fungsi utama:

- (a) Ianya adalah sebagai tanda yang menunjukkan bahawa anak gadis itu sudah ditanya orang;
- (b) Ianya adalah sebagai tanda atau bukti untuk memberitahu sanak saudara pihak perempuan tentang anak gadis yang berkenaan telah dirisik orang. dan
- (c) Ianya adalah bukti kepada ketua-ketua adat dalam perut (Besar dan Buapak) perempuan tersebut bahawa gadis yang berkenaan telah dipinta orang, tetapi belum rasmi.

Dengan menggunakan cincin tanya ini sebagai bukti, Ketua keluarga yang berkenaan akan memberitahu ketua-ketua adat - Besar dan Buapak - dalam perutnya, disamping keluarga yang kadim mengenai risikan terhadap gadis tersebut. Upacara membuktikan risikan ini dikatakan mengembangkan cincin seperti yang diuraikan di atas tadi. Pemberitahuan ini penting terutama sekali untuk pengetahuan ketua adat jika mereka tidak hadir semasa cincin tanya itu diterima. Jika ketua adat tidak dimaklumi tentang cincin tanya ini, terutamanya buapak, keluarga perempuan akan dikenakan denda yang dikenali sebagai timbang salah kerana dalam proses-proses berikutnya sehingga langsungnya upacara perkahwinan buapak akan memainkan peranan. Tanpa Buapak majlis berikutnya tidak dapat dijalankan secara adat.

Ketiga sunat rasul,
Keempat khatam mengaji: tindik daing;
Kelima nikah kahwin.

Yang kecil dibesarkan,
yang besar dicerdikkan.

Ibarat ayam:

pagi dilepaskan,
petang direbankan.

Yang ^{lelaki} jantan diserahkan mengaji,
yang perempuan diserahkan menjahit.
Kok harinya tak terbilang,
bulannya pun tak tertentukan.

Kecil sudahlah besar,
Terpegang pula parang punting,
terlayu pula olehnya rumput sehelai:
maka kena pula hutang mak bapaknya:

Yang lelaki disemendakan orang,
yang perempuan disemendai oleh orang;
yang perempuan diiras-iraskan,
yang lelaki digursu sendakan.

Perbilangan di atas secara tidak langsung meletakkan aturan kepada ibu dan bapa serta kaum kerabat se keluarga bahawa sekurang-kurangnya untuk tiga peringkat awal dalam lingkaran hidup seseorang itu (masa bayi, masa kanak-kanak dan masa remaja)

PROSES PINANG MEMINANG4.0. Persediaan Menghantar dan Menerima Tanda

Selepas proses risik dan duai iaitu setelah seiya sekata pihak perempuan menerima cincin tanya pihak lelaki dimulakan pula peringkat pinang meminang yang dikatakan juga sebagai menghembur merebat atau menyawar. Ini bserseuaian dengan perbilangan adat yang berbunyi:

Lepas salah dek bertimbang,
 lepas tobat dek berung kai,
 lepas kufur dek bertegar,
 lepas hutang dek berbayar;
 bukan hutang padi nan bersukat,
 bukan hutang kain nan berhasta,
 bukan hutang ringgit nan berbilang;
 hutang adat dengan pusaka,
 hutang budi dengan bahasa.

Sebelum diadakan majlis meminang (yang dikatakan sebagai menghantar tanda bagi pihak lelaki dan menerima tanda bagi pihak perempuan) beberapa aturcara harus dilalui oleh kedua belah pihak. Antaranya adalah:

- (a) Mencari se adat dan se resam,
- (b) Berkampung.

adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menjadikan anak itu manusia yang bermoral, berpendidikan dan beragama. Disamping itu, perbilangan ini juga mengatitkan bahawa adalah juga tanggungjawab ibu dan bapa serta sanak saudara yang berkaitan untuk memastikan yang istiadat tertentu dijalankan setiap kali anak itu melalui masa peralihan dari satu peringkat ke peringkat lain dalam lingkaran hidupnya.

Dalam lingkaran hidup seorang individu dalam masyarakat, ianya akan sentiasa mengalami beberapa krisis hidup yang kritikal. Dalam kebanyakan masyarakat masa peralihan dari satu peringkat ke peringkat yang lain dianggap sebagai masa-masa yang krisis. Dari itu, upacara-upacara inisiasi yang dikatakan sebagai Upacara krisis (crisis-rites) atau upacara peralihan (rites de passage) harus dijalankan. Antara krisis hidup yang kritikal ialah kelahiran, perkahwinan dan kematian. Kelahiran adalah bentuk krisis kritikal yang dialami oleh individu pada ketika permulaan hidupnya, dan kematian ialah krisis kritikal yang terakhir dialaminya semasa hidupnya di dunia ini. Sedangkan perkahwinan pula adalah suatu pengiktirafan yang membolehkan seseorang itu mencapai kedudukan sebagai seorang dewasa yang diakui sah serta diiktiraf oleh masyarakatnya.

Dalam masyarakat adat Negeri Sembilan perkahwinan merupakan bentuk krisis kritikal terakhir yang harus diselesaikan oleh ibu dan bapa serta ahli keluarganya, seperti yang dibilangkan:

4.1. Mencari Se Adat dan Se Resam

Mencari se adat bermaksud pihak keluarga yang mengadakan upacara pinang meminang harus mencari dan mengenalpasti kesemua kaum keluarga se perut dari pihak ibu keluarga yang berkenaan. Kesemua ahli keluarga jenis ini dikatakan orang tempat semenda se adat. Disamping itu, keluarga yang berkenaan juga harus mencari dan mengenalpasti kesemua orang yang berkahwin ke dalam perut keluarga yang berkenaan. Mereka ini dikatakan sebagai orang semenda se resam. Selepas dikenalpasti mereka ini dijemput untuk berhimpun di rumah tua perut yang berkenaan ataupun di rumah di mana upacara pinang meminang itu bakal diadakan.

Lazimnya tugas mengumpulkan sanak saudara seperut ini, se adat dan se resam ini adalah atas ibu bapa yang berkenaan. Tugas ini mengikut kata adat adalah:

Hilang dicari,
 cicir dipunggut;
 jauh dijemput,
 dekat dikampungkan.

Tujuan utama mengadakan perhimpunan ini adalah untuk mengadakan majlis berkampung di mana mereka akan diberitahu mengenai upacara pinang meminang yang akan dijalankan. Untuk tujuan tersebut satu khenduri akan diadkan oleh pihak yang berkenaan.

Hutang atas lima perkara:

- Pertama kerat pusat,
- Kedua upah bidan,
- Ketiga sunat rasul,
- Keempat khatam mengaji: tindak daing,
- Kelima nikah kahwin.

2.1. Konsep Perkahwinan Dalam Adat

Adat istiadat perkahwinan atau adat semenda-menyemenda merupakan upacara inisiasi yang paling besar dalam lingkaran hidup seorang individu dan kelompok kekeluargaannya. Upacara ini, dari awal sehingga akhirnya harus mengikuti saluran adat baik dari segi kombinasi satu persatu adat istiadatnya, ketatertiban sistem perkahwinannya mahupun peranan yang dipikul bersama. Demi pentingnya upacara ini maka Lembaga, Buspak, Besar dan Kadim, serta semenda dan se adat atau tempat semenda nan seresam dengan kuasa pengendaliannya, anakbuah dengan kepatuhannya turut berganding bahu menyumbangkan tenaga dan menghulurkan bantuan sekadar yang upaya demi menjayakan majlis tersebut; sebagaimana kata adat:

Berat sama dipikul,
 ringan sama dijinjing;
 ke gunung sama didaki,
 ke lurah sama dituruni;
 hati gajah sama dilapah,
 hati kuman sama dicicah.

4.2. Berkampung

Di Negeri Sembilan adat berkampung iaitu ekoran atau hasil dari proses mencari se adat dan se resam tadi mempunyai erti yang besar. Di majlis inilah sanak saudara tidak kira orang tempat semenda atau orang semenda memberikan buah fikiran. Dalam keadaan sebegini majlis tersebut lazimnya diadakan dirumah pusaka asal, iaitu rumah pusaka tertua dalam rumpun berkenaan. Yang mengendalikan majlis berkenaan adalah **Tua Kadim**.

Sebelum majlis berkampung itu dimulakan Tua Kadim akan memberitahu atau memberi taklimat tentang tujuan berkampung itu kepada ketua adat: Besar dan Busapak yang harus hadir bersama. Selepas itu, Tua Kadim meminta ketua adat itu mempengerusikan majlis dan selalunya dipulangkan semula kepada Tua Kadim kerana ia yang lebih faham akan apa yang hendak dilakukan. Dengan demikian, Tua Kadim akan minta izin kepada ketua adat dan terus menjalankan acara. Antara lain ia akan berkata:

"Baginilah nampaknya: orang-orang semenda dan tempat semenda, kecil besar, tua muda, lelaki dan perempuan. adik kakak yang ada di sini. Adapun bak kata orang:

Kok jauh dah dijemput,
kok dekat dah dikampungkan;
haling dah dicari,
cicir dah dipungut;

Oleh karena masyarakat adat di Negeri Sembilan mempunyai falsafah hidup yang tersendiri maka perkahwinan ini tidak lari dari landasan-landasan adat. Ia terpaksa tunduk di bawah peraturan dasar yang telah ditetapkan atau apa yang dikatakan sebagai berkisar dalam genggaman adat.

Dengan berlangsungnya upacara ini, dari segi adat bermakna antara-lain, seorang individu

- (a) telah berjaya membuktikan bahawa dia telah mampu berdikari untuk dirinya, isterinya atau suaminya dan anak-anak yang bakal lahir,
- (b) telah diakui ada hak di dalam kelompoknya;
- (c) telah mencapai kedudukan sebagai seorang dewasa.

Justru itu individu berkenaan telah boleh memberikan pendapat dan bersuara dalam perjalanan adat. Suaranya lebih didengar daripada waktu ia belum berkahwin.

Oleh sebab inisiasi ini merupakan tanggungjawab terakhir ibu dan bapa maka ianya dijalankan dengan diiringi oleh upacara adat dan istiadat yang lebih kompleks jika dibandingkan dengan upacara krisis yang lain. Ianya juga merupakan suatu yang unik dan berbeza jika dibandingkan dengan upacara perkahwinan dikelangan masyarakat di luar masyarakat adat perpatih.

Kekomplekan dan keyunikannya juga berpunca dari pengertian masyarakat adat terhadap perkahwinan itu. Kepada masyarakat adat perkahwinan itu bukan sahaja dapat menjelmakan hubungan

yang jauhpun dah sampai,
yang dekat telah berkampung.

Kemudian dari itu,

maka dek saya nak menyampaikan khabar nan sepatah:
adalah orang semenda ini,
peti bunian, dinding tasak mata telinga:
petang menutup,
pagi melepaskan,
siang memandang,
malam mendengarkan,
maka dalam sehari dua ini,
dapatlah cincin sebetuk,
ianya menanya anak buah datok sekalian.

Oleh itu dibuat janji:

cepat janji tiga hari,
lambat janji tujuh hari,
lawa . janji dua kali tujuh hari;
itulah janji adat.
Janji adat janjinya teguh,
janji dibuat, janji dimuliakan,
didalam janji digaduhkan
sampai janji ditepati.

Oleh itu,

Bulat air dek pebetung,
bulat kata dek muafakat.

diantara dua individu yang berlainan jantina yang diperakui oleh agama, budaya dan masyarakat tetapi juga penyatuan atau penyambung pertalian diantara dua keluarga, dua ^{rumpun} ruang, dua rumpun, dua perut dan malahan juga dua buah suku. Disamping itu perkahwinan itu juga mempunyai implikasi terhadap perhubungan seluruh masyarakat itu dan dengan itu perkahwinan itu juga merupakan upacara bagi semua anggota masyarakat. Dengan itu perkahwinan tidak sahaja menjadi keramaian bagi suatu keluarga kecil tetapi juga menjadi keramaian bagi seluruh anggota kampung. Hakikat ini menjelmakan keadaan dimana kesemua aspek hubungan sosial dan organisasi sosial kelompok itu menjadi keseluruhan yang kohesif yakni melahirkan rasa kesatuan antara individu, antara keluarga serta seluruh anggota suku itu.

- Hakikat ini lebih nyata apabila selepas perkahwinan itu pasangan suami dan isteri akan mempunyai tanggungjawab serta tugas yang telah ditentukan oleh budaya dan masyarakatnya. Secara resmi mereka menerima segala obligasi yang telah ditentukan oleh sistem sosial masyarakat itu baik dalam aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi, politik atau agama. Mereka dengan secara resmi juga mendapat kebebasan untuk menyertai sebarang aktiviti orang-orang dewasa. Jika semasa belum berkahwin dan masih berada di dalam keluargan orientasinya, seseorang itu didapati secara positif menerima sahaja aspek-aspek peranan sosial, norma-norma sosial, sistem nilai kemasyarakatan, serta struktur sikap masyarakatnya. Selepas perkahwinan pasangan

bulat manfakat,
 se adat dan se resam nan kadim,
 menerimalah cincin tanya.
 Oleh dek itu,
 esa sekata, kata kembalikan,
 tak esa sekata, tanda dikembali:
 Dek telah esa sekata,
 se resam dan se adat nan kadim,
 maka kata dikembalikan.

Kalau bagitu: (Kata perbilangangan dipihak perempuan)

sampailah pula nampaknya budak di rumah ini:
 ibarat bulat datang menggolek,
 yang pipih datang melayang.
 Inilah dikampungkan:
 semenda, tempat semenda,
 kecil besar, tua muda,
 jauh dan dekat.

@ (Lazimnya di majlis berkampung di pihak lelaki
 kata-kata di atas diubah seperti:)

Kalau bagitu:

sampailah pula nampaknya budak di rumah ini
 risik dah berdesus,
 gamit dah berkecapi.

suami isteri yang baru itu akan bertindak sebagai agen sosialisasi yang aktif menyampaikan segala pola-pola folkways dan mores komunitinya kepada anak-anak yang bakal dilahirkan dari hasil perkongsian hidup mereka. Mereka menyediakan latarbelakang yang kokoh untuk anak-anak yang dilahirkan itu dapat dikenali, dididik, dan dipelihara sehingga membolehkan mereka itu sendiri mencapai status sebagai orang dewasa. Dengan lain perkataan inisiasi ini adalah upacara yang merubah segala aspek hidupan seseorang individu itu.

Justru itu, walaupun untuk melaksanakan adat dan istiadat perkahwinan ini terpaksa melalui segala rupa masalah namun dengan wujudnya jalinan kekeluargaan dalam konteks kesukuan, keperutan, keruangan dan kerumpunan yang utuh semuanya dihadapi dengan mudah dan berlangsung dengan penuh kegembiraan. Segala kesukaran akan dilampaui berteraskan kepada perbilangan:

Adat bersaudara, saudara dipertahankan,
 adat berkampung, kampung dipertahankan,
 adat bersuku, suku dipertahankan:
 Hidup sandar menyandar,
 bagai aur dengan tebing.

Atas alasan-alasan tersebut perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih mempunyai identiti tersendiri dan jauh berbeza dari adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat bukan// adat yang lain. Sungguhpun demikian, tidaklah bermakna ia terasing secara bersendirian langsung, malah dalam ciri-ciri

Inilah dikampungkan:
 semenda, tempat semenda,
 kecil besar, tua muda,
 jauh dan dekat.

Kemudian daripada itu:

Inilah nak menerima (menghantar, jika lelaki)
 cincin tanda.

Kalau ada muafakat,

ibarat mayat dimandikan pula nampaknya,
 nan jauh minta didekatkan
 nan dekat minta diangkatkan,
 kok berat tolong tatingkan
 kok ringan sama letakkan;
 kok kayunya barang sekerat,
 kok tungkunya barang sebuah,
 kok pondoknya barang selayar atap".

Selepas membuka kata itu dinyatakan tujuan majlis itu diadakan.

Pada hari berkampung ini adalah tugas dan tanggungjawab semua yang hadir, terutama sekali Tua Kadim, Besar dan Buapak memastikan bahawa semua ahli perut, baik orang semenda mahupun orang tempat semenda hadir tanpa pengecualian. Kalau ada yang

tertentu ia adalah sehaluan dengan adat perkahwinan lain, khususnya mengenai persoalan agama. Syarat-syarat kesalahan perkahwinan di sisi hukum syarak tetap berfungsi secara mutlak seperti mana juga dalam masyarakat Melayu Islam yang lain. Jadi dalam masyarakat adat di Negeri Sembilan, perkahwinan itu haruslah dirujuk kepada perbilangan:

Syarak tidak menghalang,
adat tidak menggalang.

Ini bermakna, perkahwinan itu hanya sah apabila diadakan oleh wali atau wakilnya, bersaksi dan membayar mas kahwin (mahr), iaitu tidak terhalang oleh pengharaman syarak. Disamping itu perkahwinan itu harus juga sah dari segi adat iaitu tidak melanggar pantang larang adat. Seandainya perkahwinan itu tersangkut kepada galangan-galangan adat maka dari kacamata adat ia masih tergantung. Untuk ini, adat mempunyai saluran-saluran tertentu untuk menyelesaikannya kerana bagi adat: kusut boleh diselesai.

2.2. Norma Perspektif Perkahwinan Adat

Adat perkahwinan masyarakat adat perpatih mempunyai kedua-dua norma prespektif dan preferential. Norma prespektif dasar sistem ini adalah eksogami, yakni seorang lelaki tidak boleh menikah dengan seorang perempuan dari sukunya sendiri. Bersamaan suku dianggap sebagai bersaudara kandung. Perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih seperti dihuraikan di atas adalah dilihat sebagai hubungan antara dua suku dan/atau dua

tidak hadir maka ini bermakna majlis berkampung yang diadakan itu masih kusut dan keruh lagi pada pandangan adat. Dan telah diadatkan oleh masyarakat Negeri Sembilan bahawa sebelum menerima ketibaan orang (semenda) baru ataupun berbaik-baik dengan orang lain perlulah sesama sendiri diperbaiki atau berdamai dahulu. Jika keadaan kusut dan keruh ini masih berlaku maka majlis berkampung pada ketika itu harus membincangkan atau mengkaji terlebih dahulu sebab-sebab mengapa ahli yang berkenaan, walaupun sudah diberitahu dan dijemput tidak juga datang. Mengikut adat untung laba majlis berkampung itu adalah untuk sendiri (bermaksud ruang, rumpun, perut dan suku sendiri) juga: kerja darah daging sendiri, tetapi orang datang awak tidak! Tegasnya, seandainya masalah ini timbul maka tujuan awal majlis berkampung itu harus ditangguhkan dan adalah menjadi tugas majlis berkenaan untuk:

- menyelesaikan nan kusut
- menjernihkan yang keroh.

4.2.1. Menyelesaikan Nan Kusut

Penangguhan sesuatu majlis berkampung dari tujuan asalnya adalah tanggung jawab Tua Seadat iaitu orang yang tua di kalangan orang tempat semenda, ataupun Buapak sendiri. Agenda majlis akan ditukar kepada membincangkan masalah ketidakhadiran ahli yang berkenaan. Kata perbilangan:

- dipanggil datang,
- didamaikan: bertimbang salah.

perut. Dengan perkataan lain, perkahwinan yang digalakkan adalah antara dua orang yang berlainan suku - lain suku lain waris; dan dikatakan sebagai:

Labu ke kundur,
 kundur ke labu;
 orang ke orang.

Di setengah tempat dan suku hari ini, prinsip eksogami ini tidak lagi tertaklok kepada satu suku tetapi kepada satu perut; dan perut menjadi unit eksogami yang terkecil dalam proses mencari jodoh. Dengan kata-kata lain, ada beberapa buah suku tertentu yang diizinkan oleh adat untuk melakukan perkahwinan indogami. Misalnya di Luak Rembau, suku Biduanda Jakun boleh berkahwin dengan Biduanda Dagang atau Biduanda Jawa. Begitu juga dikalangan anggota suku Mungka Darat: anggota suku Mungkal perut Bukit diizinkan berkahwin dengan anggota suku Mungkal Perut Tebat; tetapi antara kedua pecahan perut Bukit dan Keling tidak diizinkan perlakuan pernikahan.

Perkahwinan yang ideal dalam masyarakat adat ini ialah diantara pasangan yang berlainan suku.

Disamping kepercayaan yang anggota sesuatu suku itu adalah adik-beradik, dipercayai juga bahawa larangan itu lahir persumpahan antara nenek moyang dari berbe^agai suku. Kononnya pada zaman

Jika salah, disuruh menyembah,
 terkapa (takbur) disuruh taubat,
 hutang dibayar,
 piutang ^{diterima} ~~menyerima~~.

Para hadirin akan diminta memberikan pendapat serta pandangan mengenai masalah yang timbul. Disamping itu hadirin juga akan memberikan buah fikiran bagaimana hendak menyelesaikan masalah tersebut. Mereka yang berkaitan dengan timbulnya masalah itu diminta memberikan keterangan dan penerangan lanjut mengenainya.

Setelah membincangkan dengan teliti kesilapan yang telah berlaku - sebab musabab dan cara menyelesaikannya - majlis akan melantik wakil untuk menyiasat lebih lanjut mengenai perkara tersebut. Wakil yang dilantik harus menemui ahli yang berkenaan dan mencari punca kenapa ia tidak bersama dalam majlis ber^akampung itu.

Wakil yang dilantik selalunya dari mereka yang telah berumur lebih dari 40 tahun. Jika yang tidak hadir itu orang tempat semenda seadat maka wakil yang menemuinya juga dipilih dari orang tempat semenda seadat dan sebaliknya jika orang semenda seresam. Andainya suami isteri yang tidak hadir maka wakil itu juga harus menjalankan tanggungjawabnya bersama dengan isterinya. Wakil yang dilantik itu diistilahkan sebagai monti iaitu orang perantaraan atau orang yang disuruh.

awal dahulu nenek moyang yang meneroka negeri ini telah bersetia agar keturunan mereka mencari jodoh di luar suku masing-masing. Implikasi dari kepercayaan ini seluruh ahli masyarakat adat mestilah takluk kepada aturan:

Ada bersaudara, saudara dipertahankan,
ibarat telur se sangkar:

pecah se biji, pecah semua;
hina seorang, hina se suku.

Konsep inilah yang cuba dipertahankan dalam kesemua aspek hidup masyarakat ini, tidak terkecuali dalam persoalan memilih jodoh.

Adat perpatih mengaturkan anggota-anggotanya supaya berkahwin dengan suku lain adalah atas beberapa sebab. Antaranya adalah:

(a) Perkahwinan bentuk ini mengekalkan dan melanjutkan perhubungan persaudaraan dalam suku, dan dengan secara tidak langsung memperkokohkan lagi kekuatan moral masyarakat adat. Dengan ada hubungan ini maka anggota lelaki akan memandang dan menganggap anggota perempuan yang se suku dengannya samada sebagai emak atau ibu, kakak, adik dan/ atau anak yang perlu dan patut dihormati, dijaga dan dilindungi serta disayangi.

(b) Perkahwinan luar suku juga mengeratkan lagi perhubungan dan menggabungkan suku-suku tersebut dalam satu kombinasi kekeluargaan yang diistilahkan sebagai semenda

Monti harus bertindak dengan semerta dan cuba menyelesaikan masalah itu dalam tempoh seminggu. Oleh sebab keadaan ini sensitif maka monti, semasa menemui ahli yang berkenaan hendaklah bertutur dengan kata-kata yang lemah lembut, merendahkan diri dan menyatakan akan kerelaannya menerima hukuman dan akan memenuhi atau menunaikan kehendak ahli yang berkenaan. Apa yang perlu dipastikan ialah: "perkara yang sudah itu sudahlah; pintalah supaya dilupakan sahaja".

Namun, kadangkala terdapat juga ahli yang berkeras, tidak mahu berdamai. Sekiranya demikian, terpaksaah ^{ahli} ahli tersebut dijemput ke majlis berdamai dengan adat bertepak sirih. Ini bermakna: monti akan ke rumah ahli yang berkenaan dengan membawa tepak sirih. Dengan menyusun jari sepuluh monti akan berkata, antara lain:

"Datuk (atau Pak Long/Pak Ngah, mengikut panggilan kebiasaan), saya ini disuruh oleh orang tempat semenda seadat (jika ahli itu orang semenda seresam disebut: oleh orang semenda seresam) menjemput Datuk. Pendek kata, saya ini apa yang harus pada Datuklah:

kok dijual, jauh,
kok digantung, tinggi.

Saya ini ibarat:

lembut bak lilin,
susun jari nan sepuluh;
dua puluh jua.

dan tempat semenda. Si suami sebagai pihak mendatang (konsep tempat tinggal selepas berkahwin dalam masyarakat ini adalah matrilokal atau oksorilokal) dipanggil orang semenda dan pihak menanti (si isteri dan kaum keluarga se sukunya) bergelar tempat semenda, dan bagitu sebaliknya si isteri dari pandangan kaum keluarga se suku si suami. Oleh kerana orang semenda dalam sesuatu suku (mungkin .. juga dalam se rumah) itu datang dari beberapa suku maka dengan sendirinya wujud hubungan antara suku. Tegasnya sistem perkahwinan atau semenda-menyemenda dalam masyarakat adat ini mementerikan satu jalinan sosial yang menyeluruh dan membantu menyempurnakan rasa kekitaan (esprit de corps) dikalangan anggota masyarakat adat.

(c) Perkahwinan bentuk ini juga dapat mengawal perbuatan sumbang atau terlarang antara lelaki dan perempuan, terutama sekali dikalangan anggota se suku. Disamping itu, oleh sebab perkahwinan adalah eksogami yang menularkan jalinan kekeluargaan maka konsep saudara itu tidak lagi terhad kepada sukunya sendiri (sebagai orang tempat semenda) tetapi juga kepada suku-suku abang atau adik atau kakak ipar (orang semenda). Sebagai saudara maka secara otomatis hukum bersaudara (adat bersaudara, saudara dipertahankan) berkuatkuasa.

2.3. Norma Preferential Perkahwinan Adat

Norma preferential pula adalah untuk melakukan perkahwinan

kok nasi gulai pun dua puluh jua,
 kok sirih pinang dua puluh jua;
 mana yang harus dek Datuk,
 saya ini mengikut sahaja."

Setelah dijemput dengan sedemikian, yang diistilahkan juga sebagai jemputan adat mahu tidak mahu ahli yang berkenaan harus datang. Kalau tidak juga datang ia akan dikenakan hukum adat dan hukum ini tidak ada kaitan dengan masalah awal tadi.

Hasil penyiataan monti haruslah dilapurkan kepada orang tempat semenda tua seadat atau sebaliknya berdasarkan kedudukan ahli yang berkenaan dalam sukunya. Monto, bersama dengan orang tempat semenda tua seadat atau orang semenda tua seresam akan memberitahu mengenai perkembangan kes itu kepada ketua-ketua adat yang lain - Besar dan Buapak. Selepas mendapat tahu akan kedudukan dan punca masalah dari kedua-dua pihak maka adalah menjadi tanggungjawab Buapak untuk mendamaikan mereka. Upacara perdamaian ini dikatakan sebagai majlis berdamai.

4.2.2. Majlis Berdamai


Untuk mengadakan majlis berdamai ini upacara berkampung harus diadakan. Berkampung kali ini akan diadakan di rumah pusaka tua atau di tanah adat (tanah adat di sini bermaksud tanah wakaf adat iaitu tanah didalam sesuatu suku yang tidak diperuntukkan kemana-mana ahli). Seperti yang dihuraikan di

silang pupu iaitu dengan anak gadis abang atau adik lelaki ibu sendiri; dan dengan anak gadis kakak atau adik perempuan kepada ayah. Dalam bentuk pemilihan jodoh terakg^{ir} ini, walaupun mempunyai kaitan biologi yang sama dengan hubungan pupu selari tetapi oleh sebab masyarakat ini mengamalkan sistem nisab-ibu, tergolongkan ke dalam persanakan (kelompok perut dan suku) yang berlainan (lihat gambarajah I di bawah).

GAMBARAJAH I

Bentuk Perkahwinan Preferential
Adat Perpatih: Silang Pupu

(A) Perkahwinan Anak Gadis Abang/Adik Lelaki Kepada Ibu



Legenda

- Δ : Lelaki
 ○ : Perempuan
 = : Kahwin
 Ego : Tumpuan perbincangan
 ~~~~~ : Pembahagian suku  
 | : Keturunan  
 □ : Adik beradik


atas semua ahli seperut harus hadir.

Majlis berkampung ini akan dipengerusikan oleh Buapak. Ia akan bertindak mencari penyelesaian dan menegakkan keadilan. Kedua belah pihak yang bertelingkah akan menyatakan kemusykilan, kesalahan, kesilapan atau segala apa yang terbuku dihati masing-masing. Buapak dan Besar serta Kadim bersama para hadirin akan menimbangkan kemusykilan itu yaitu melihat bagaimana kedudukan kesalahan dan diadili secara saksama. Proses ini dikatakan sebagai bertimbang salah. Selepas dibincangkan dan tercapai keputusan, hukuman akan dijatuhkan kepada yang berkenaan.

Hukuman yang dijatuhkan adalah berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan. Hukum yang paling berat dikenakan adalah hukuman menyembelih kambing serta mengadakan khenduri dan membayar wang sejumlah \$7.20 (ringgit: tujuh dan sen dua puluh sahaja) kepada Lembaga. Kalau ringan hukumannya memadai dengan mengadakan jamuan kecil dan selawat Nabi s.a.w. sahaja. Setelah dijatuhkan hukum, antara yang berselisih faham diminta berdamai dan berbaik semula. Bila hukuman itu (mengadakan khenduri) diadakan akan diputuskan pada hari yang berkenaan juga. Segala keputusan yang tercapai didalam majlis berdamai itu haruslah dilaporkan kepada Lembaga suku dan mengundangnya sekali menghadiri majlis khenduri yang berkenaan.



(B) Perkahwinan Dengan Anak Gadis Kakak/Adik  
Perempuan Ayah.



Gambarajah I (A dan B) menunjukkan bahawa Ego orang yang kita jadikan tumpuan perbincangan, mempunyai hubungan se pupu dengan isterinya tetapi dikatakan silang kerana ibu ego bertaraf adik beradik dengan ayah isterinya dalam gambarajah I - A; dan dalam gambarajah I - B ayah ego adik beradik dengan ibu isterinya. Oleh sebab sistem keturunan masyarakat ini adalah berdasarkan nisab-ibu maka ego dan isterinya menganggotai dua suku yang berlainan, yaitu dalam gambarajah I - A suku Ego ialah Suku B sedangkan isterinya ahli Suku A; dan dalam gambarajah I - B Ego adalah anggota Suku A dan isterinya pula dari Suku B. Kelainan suku antara pasangan itu membolehkan mereka berkahwin, walaupun ayah dan ibu mereka adik-beradik

#### 4.3. Adat Solo-Menyolo

Selepas berdamai maka ditetapkan sekali lagi hari mengadakan majlis berkampung untuk membincangkan persiapan untuk menerima atau menghantar cincin tanda yang tergendala. Dalam majlis berkampung itu akan dibincangkan mengenai segala yang berkaitan dengan majlis menghantar atau menerima tanda itu. Antara lain ialah menetapkan tarikh khenduri (jika ia belum ditetapkan atau membuat tarikh baru akibat adanya majlis berdamai), mengatur kerja untuk persediaan mengadakan khenduri menghantar/menerima tanda, melantik wakil yang akan membawa atau menerima peralatan pinang-meminang, mengatur ahli yang akan mengadakan dan menyediakan alat-alat pinang-meminang, dan lain-lain perkara dan tugas yang berkaitan.


Segala keputusan berkampung itu akan disampaikan oleh monti kepada pihak yang sebelah, termasuk penangguhan majlis menghantar/menerima tanda, jika perlu, akibat dari perselisihan faham dikalangan ahli sepertut dan majlis berdamai. Dengan itu, dalam masa antara penerimaan cincin tanda kedua belah pihak lelaki dan perempuan melalui monti berlaku pemberitahuan timbalbalik mengenai perkembangan di keduabelah pihak. Perbuatan ini dikalangan masyarakat adat Negeri Sembilan dikatakan sebagai adat solo-menyole. Dengan adanya adat ini maka kedua belah pihak sentiasa mengetahui akan perkembangan dipihak yang lain.

se ibu.

Perkawinan silang pupu mewujudkan hubungan yang rapat antara kelompok-kelompok se sisi kalau dilakukan dari generasi ke generasi. Hubungan-hubungan ini juga dikekalkan melalui perkawinan silang pupu klasifikasi, misalnya dengan anak gadis kepada anak perempuan abang atau adik lelaki emak kepada emak (MMBDD) atau dengan anak gadis kepada anak perempuan kakak atau adik perempuan ayah kepada emak (MPZDD), lihat gambarajah II di bawah:

GAMBARAJAH II: Bentuk Perkawinan Silang Pupu  
Klasifikasi

- (A) Perkawinan Dengan Anak Gadis Kepada  
Anak Perempuan Abang/Adik Lelaki Emak  
Kepada Emak (MMBDD).



Seandainya salah satu pihak tidak dapat menyelesaikan masalah dalaman menjelang hari yang ditetapkan maka pihak yang berkenaan harus merundingkannya dengan pihak yang lain mengenai penangguhan itu. Dan pihak yang lagi satu haruslah pula memberitahu atau menyampaikan berita itu kepada orang seadap dan serasam sukunya disamping memberitahu mengenai tarikh baru yang dipersetujuan. Jika tarikh baru itu tidak sesuai dengan mana-mana pihak maka rundingan diteruskan sehingga tercapai satu tarikh yang dipersetujui bersama.

Lazimnya persediaan untuk mengadakan majlis pinang meminang ini, terutama sekali dipihak lelaki kerana pihak lelaki yang akan membawa adat sedangkan pihak perempuan hanya menerima adat, telah bermula sejak beberapa hari sebelum sampainya hari tersebut. Dalam beberapa hari itu rumah di mana akan berlangsungnya majlis tersebut akan di datangi oleh sanak saudara serta jiran tetangga yang:

dekat rumah dekat kampung,

boleh pinta meminta,

tolong menolong,

jengok-menjengok:

kalau sakit pening,


lupa beringat-ingatan,

tidur jaga-menjaga;

tanah datar airnya jernih,

tanda muafakat sama esa.

- (B) Bentuk Perkahwinan Dengan Anak Gadis  
Kepada Anak Perempuan Kakak/Adik  
Perempuan Ayah Kepada Emak (MFZDD)



Gambarajah II A - B di atas menunjukkan pola bentuk perkahwinan silang pupu klasifikasi atau dikatakan juga sebagai perkahwinan sanak datok. Ego dalam kedua-dua gambarajah di atas adalah anggota Suku A iaitu suku ibu atau emaknya. Sedangkan isterinya, cucu perempuan kepada adik lelaki atau abang kepada neneknya dalam gambarajah I - A dan cucu perempuan kepada adik atau kakak perempuan kepada datoknya dalam gambarajah I - B, adalah dari Suku C. Walaupun dari satu segi ego dan isterinya adalah dari darah yang sama, tetapi oleh sebab mereka

#### 4.4. Adat Pinang Meminang

Ada dua istilah yang digunakan untuk adat ini iaitu adat menghantar tanda (peminangan) jika dilihat daripada pihak lelaki, dan adat menerima tanda (peminangan) jika dilihat dari pihak perempuan. Disamping itu adat ini juga dikatakan sebagai adat menerima atau menghantar cincin, bergantung kepada dari pihak mana ianya dilihat atau diperkatakan.

Pada masa tradisi istiadat ini lazimnya dihadiri oleh seluruh ahli perut. Turut hadir bersama ialah Buapak, ketua perut. Ahli-ahli seperut akan mula berkampung di rumah yang beralat sejak petang hari sebelum hari istiadat ini berjalan. Kalau di Luak Rembau, pada malam tersebut diadakan majlis berdikir maulud. Pada malam itulah juga dikenakan persiapan terakhir segala peralatan yang akan digunakan besoknya. Di pihak lelaki, antara yang diperkemasakan malam itu ialah membersihkan peralatan peminangan dan membuat bunga rampai.

Diantara peralatan yang akan dibawa adalah cincin sebetuk, pakaian seperlulusan (pakaian bagi seorang perempuan seperlengkapannya), tepak sirih dan adat pusaka yang berupa wang sebanyak \$48.00 (ringgit: empat puluh lapan sahaja).


##### 4.4.1. Cincin Pinangan

Cincin pinangan atau disebut juga cincin tanda itu sebetuk sahaja, tetapi ada juga di tempat-tempat tertentu di Negeri Sembilan yang menggunakan dua bentuk cincin. Cincin itu,

berlainan suku maka adat membenarkan mereka berkahwin.

Perkahwinan seperti dalam kes gambarajah II di atas diistilahkan juga sebagai perkahwinan tarik-menarik. Perkahwinan silang pupu klasifikasi seperti ini tidak terhad kepada sanak datuk sahaja. Ia boleh berlaku antara sanak saudara yang lebih jauh lagi, malahan boleh berlaku antara pupu dari satu generasi (lingkungan umur yang lebih kurang) sama tetapi berlainan tinggang (berlainan status kekeluargaan seperti bapa saudara dengan anak buah), lihat gambarajah III di bawah:

GAMBARAJAH III: Perkahwinan Silang Pupu Klasifikasi:  
Satu Generasi Lain Tinggang



seperti juga cincin tanya adalah cincin emas belah rotan.

Cincin tanda ini diikat dengan benang semperona, lazimnya dibuat dari tiga jenis warna iaitu merah, putih dan hitam. Warna ini tidak pula ditetapkan. Setelah diikat cincin itu dimasukkan ke dalam cembul yang dialas dengan kain beldu atau kertas merah dan dihiasi dengan bunga rampai.

Cembul berisi cincin itu pula diletakkan ke dalam boko iaitu sejenis pinggan atau dulang air bulat dan kecil tetapi lebih lengkung ke dalam yang dibuat dari tembaga. Boko itu dialas dengan kain atau kertas bunga berwarna merah. Di atas boko itu ditaburkan bunga rampai. Cembul cincin itu diletakkan dibahagian tengah boko dan bunga rampai itu.

Boko itu kemudian dibungkus dengan kain. Banyak lapisan kain pembungkus itu tidak ditentukan. Yang dipastikan ialah jumlah lapisan kain pembalut itu mestilah bilangan-ganjil - tiga, lima atau tujuh. Lazimnya lapisan yang paling kurang ialah tiga dan yang paling banyak adalah tujuh. Jenis kain yang digunakan untuk membalut boko itu juga tidak ditentukan. Yang biasa digunakan dalam istiadat ini ialah kain batik atau kain songket yang baru.

#### 4.4.2. Tepak Sirih Meminang

Satu lagi peralatan yang penting dalam istiadat ini ialah tepak sirih. Dalam sebarang adat dan istiadat di Negeri Sembilan



Gambarajah III di atas menunjukkan bahawa Ego, dari Suku A telah berkahwin dengan anak perempuan kepada pupu silang klasifikasinya, dari Suku C. Ini bermakna ego telah berkahwin dengan anakbuah klasifikasinya. Dalam kes ini, dari segi status kekeluargaan ego dan isterinya adalah berlainan tingga. Tetapi dari segi umur antara ego dan isterinya mungkin tidak jauh bezanya - antara lima ke sepuluh tahun sahaja. Justru itu antara ego dan isterinya adalah dari generasi yang sama.

Perkahwinan seperti gambarajah III juga dianggap sebagai perkahwinan silang pupu dan diamalkan oleh masyarakat adat perpatih. Saandainya perkahwinan bentuk ini berlaku selepas beberapa generasi berlalu maka ia disebut sebagai kahwin menyambung tali yang putus.

#### 2.4. Sumbang Atau Larangan Dalam Perkahwinan

Setiap perkahwinan itu mestilah tertaklok kepada peraturan tertentu. Di dalam peraturan ini terdapat batasan atau penentuan orang-orang yang tidak boleh dikahwini untuk selama-lamanya dan orang-orang dilarang sementara sahaja.

Dalam masyarakat adat perpatih, selain dari larangan perkahwinan menurut hukum syarak, terdapat juga larangan menurut aturan adat. Larangan adat itu terbagi kepada dua:

tepak sirih dikatakan sebagai alat penyogok adat atau disebut juga sebagai kepala adat. Tanpa tepak sirih dizaman tradisi, peralatan adat, termasuk adat pinang-meminang, dianggap sebagai tidak lengkap, dan oleh itu tidak diterima dan dikatakan sebagai tidak tahu beradat. Jenis tepak sirih yang digunakan untuk istiadat meminang lazimnya tepak sirih segi empat panjang yang diperbuat dari tembaga.

Dalam menyediakan tepak sirih perhatian haruslah diberikan kepada susunan peralatan yang ada di dalamnya. Susunan daun sirih mestilah betul iaitu kepala sirih diletakkan mengadap kepala tepak. Kelengkapan lain seperti kapur, gambir, pinang, congkeh dan sebagainya yang perlu untuk mengapur sirih harus ada di tempat-tempat khas. Seandainya berlaku kesilapan dalam menyusun dan mengisi peralatan dalam tepak ini, disetengah tempat di Negeri Sembilan dianggap sebagai tidak tahu adat. Dari itu ianya adalah satu kesalahan adat, tetapi terjumlah dalam kategori kesalahan ringan.

Untuk upacara pinang-meminang tepak sirih itu haruslah dibungkus dengan kain khas. Kalau tidak ada maka kain songkit atau kain-kain lain yang cantik boleh digunakan. Pembungkus tepak ini juga terdiri dari bilangan ganjil. Biasanya tiga, lima atau tujuh lapis. Tiap-tiap lapisan bungkusan itu mempunyai simpulan yang tertentu. Antara lain gunanya simpulan itu adalah untuk menandakan kedudukan kepala tepak supaya

- (a) Larangan perkahwinan se suku (indogami) atau diistilahkan oleh adat sebagai Sumbang Balai Melintang.
- (b) Larangan perkahwinan antara saudara pupu selari.

#### 2.4.1. Sumbang Balai Melintang.

Pada awal tadi telah dinyatakan bahawa adat melarang perkahwinan se suku - satu suku, satu waris yang dikatakan sebagai:

Dihambat dek syarak,  
digalang dek adat.

Jika berlaku juga perkahwinan bentuk ini, adat mengistilahkan perbuatan itu sebagai sumbang se waris. Namun oleh sebab pertambahan penduduk yang pesat di setengah tempat dan suku, kesumbangan ini telah dilunturkan; dan yang dilarang adalah perkahwinan se perut. Dari segi adat perkahwinan se perut ini dikatakan sebagai sumbang se kadim. Sehingga hari ini, sumbang se kadim ini masih kekal sebagai larangan eksogami yang terkecil.

Secara keseluruhan, kedua jenis sumbang ini dikatakan sebagai sumbang balai melintang. Mengikut kepercayaan perkahwinan jenis ini jika dilakukan juga akan mengakibatkan:

Kok ke darat sial balau,  
kok ke laut tumpal garam;  
kok beranak tak cukup sifatnya,  
ditimpa dek bisa besi kawi.

jangan tersongsang pula semasa menghidangkannya.

#### 4.4.3. Penentuan Wakil Meminang

Penentuan mengenai siapa yang akan mewakili pihak lelaki menghantar tanda atau/dan pihak perempuan menerima tanda boleh dibuat samada lebih awal iaitu semasa berkampung ataupun dihari sebelum menghantar/menerima tanda itu. Orang yang menentukan siapa dianya itu adalah orang semenda tua; iaitu orang semenda yang tertua dalam perut atau keluarga. Beliau ini diadatkan sebagai: orang semenda tumpuan tempat semenda. Kadangkala penentuan ini juga dibuat oleh Buapak perut itu sendiri. Ini terpulanglah kepada <sup>WA</sup>ma'afakat dan budi bicara semasa berkampung.

Tugas membawa cincin pinangan ini terletak atas dua orang ~~orang~~ semenda. Seandainya ada dua ruang dalam perut itu maka setiap satu ruang akan memberikan wakilnya. Namun kalau lebih dari dua ruang, maka tugas itu digelarkan; siapa yang sudah siapa yang belum mengikut perkiraan dan pandangan orang semenda tua atau Buapak. Begitu juga jika dalam perut itu hanya ada satu ruang. Tegasnya dalam masyarakat adat, sesuatu tugas itu harus digelarkan.


Antara dua orang wakil itu, seorang akan membawa tepak sirih dan seorang lagi membawa cincin peminangan. Telah diadatkan bahawa orang yang membawa tepak sirih itu harus berjalan mendahului orang yang membawa tepak cincin. Selalunya

### 2.4.2. Kahwin Sepupu Selari

Perkahwinan pupu selari dapat dipecahkan kepada dua kategori iaitu pupu selari sebelah ibu dan pupu selari sebelah ayah. Kategori pertama perkahwinan pupu selari ini adalah bersamaan dengan larangan sumbang balai melintang. Pasangan yang ada kaitan pupu selari sebelah ibu bermakna mereka adalah anggota dari satu suku. Justru itu perkahwinan pupu kategori pertama adalah dilarang.

Larangan ini tidak hanya terhad kepada tingkat pupu seibu tetapi juga jenis pupu klasifikasi, senek misalnya. Dasar utama pelarangan ini adalah pasangan itu menganggotai satu suku yang sama; lihat gambarajah IV di bawah:

GAMBARAJAH IV:      Bentuk Perkahwinan Sumbang  
Perkahwinan Pupu Selari:  
Sumbang Sewaris



orang yang membawa tepak sirih itu adalah orang semenda yang telah berumur. Beliaulah yang akan menjadi juruacara pihak lelaki semasa istiadat menyampaikan cincin kepada pihak perempuan nanti. Mereka ini akan diikuti atau diiringi oleh saudara-mara lain. Lazimnya dalam istiadat menghantar cincin tanda, orang perempuan lebih ramai dari jumlah orang lelaki; dan orang-orang perempuan inilah yang ditugaskan membawa peralatan lain seperti pakaian, duit adat dan lain-lain jika ada.

Aturan perjalanan rombongan ini lazimnya adalah didahului oleh kaum perempuan, diikuti oleh orang-orang lelaki dan pembawa peralatan meminang. Disetengah tempat, pembawa cincin itu adalah orang perempuan tetapi tepak sirih tetap dibawa oleh orang lelaki. Ada juga kawasan yang menentukan dua tiga orang lelaki yang membawa peralatan ini; dan dalam keadaan seperti ini bilangan kaum perempuan dan lelaki yang bersama rombongan itu kecil sahaja.

Di rumah pihak perempuan, suasana adalah serupa seperti di rumah pihak lelaki. Keluarga seperut akan sedia menunggu kedatangan rombongan menghantar tanda itu.

#### 4.4.4. Adat Istiadat Menghantar-Menerima Tanda

Kedatangan rombongan pihak lelaki akan disambut dengan hormat dan dipersilakan naik. Di setengah kawasan di Negeri Sembilan, tegur sapa semasa kedatangan rombongan pihak lelaki itu dilakukan secara berpantun. Contohnya adalah seperti berikut:


Gambarajah IV menunjukkan bahawa hubungan antara ego dengan isterinya adalah sesuku kerana ibu ego dan ibu isterinya adalah adik beradik. Dalam gambarajah ini ego, ibu ego, isteri ego dan ibu mertua ego yang juga ibu mertua ego adalah anggota Suku B. Sebagai orang-orang yang se suku ego dan isterinya, oleh adat di anggap sebagai orang yang adik beradik. **Justru** itu mereka dilarang berkahwin. Kalau mereka berkahwin juga maka mereka telah melakukan sumbang se waris.

Sebaliknya, dari segi teori perkahwinan sepupu selari dimana ayah yang adik beradik mengikut aturan adat tidak bersalahan. Perkahwinan dalam bentuk ini, walaupun ego dan isterinya masih se pupu tetapi dari segi keanggotaan suku mereka datang dari suku yang berlainan, lihat gambarajah V di bawah:

GAMBARAJAH V:

Perkahwinan Pupu Selari:

Ayah Adik Beradik - Tidak Dilarang



'A' (Pihak Perempuan)

Katung-katung berisi manik,  
 manik berisi hampa padi;  
 Semua yang datang silalah naik,  
 Inilah air pembasuh kaki.

'B' (Wakil Pihak Lelaki)

Dari jauh ke pematang,  
 tetak tangan papan kesudi;  
 dari jauh kami datang,  
 mendengar tuan yang baik budi.

'A' Tatang puan tatang cerana,

tatang biduk Seri Rama;  
 datang tuan datang bermakna,  
 jemput naik duduk bersama.

'B' Anting manik subang pun manik,

hilang dekat rumpun senduduk;  
 suruh naik saya naik,  
 suruh duduk saya duduk.

Di atas rumah, susunan duduk pihak perempuan selalunya orang lelaki yang telah berumur, baik orang tempat *semenda* dan juga orang *semenda* lelaki akan duduk dibahagian serambi rumah. Orang perempuan pula duduk dibahagian dalam rumah atau induk atau/dan di dapur. Rombongan meminang yang lelaki akan



Gambarajah V di atas menunjukkan berdasarkan suku ibunya, ego adalah ahli Suku C. Isteri ego yang juga sepupunya, iaitu anak kepada abang atau adik lelaki ayahnya, datang dari Suku B kerana ibunya ahli suku tersebut. Pada pandangan adat Ego dan isterinya bukan orang yang adik beradik; dari itu mereka dibenarkan untuk berkahwin.

Tetapi pada praktiknya bentuk ini juga tidak digalakkan kerana mereka tetap dianggap sebagai membunyi wali yang sama. Artinya sepupu lelaki boleh bertindak sebagai wali andaikata sepupu wanitanya mahu bernikah dan tidak mempunyai wali yang lebih hampir dari itu.

Satu lagi pengecualian dalam kes nikah bentuk ini, pupu selari dimana ayah adik beradik; di mana ayah ego dan adik atau abang lelakinya berkahwinan dengan dua orang wanita yang datang dari suku yang sama. Keadaan ini sama aturannya dengan kes kahwin pupu selari ibunya adik beradik. Hanya dalam kes ini ibu ego dan ibu isterinya datang dari suku yang sama, yang pada kacamata adat dianggap sebagai orang adik beradik walaupun dari segi biologi tidak. Dengan lain perkataan, dalam kes seperti ini konsep adik beradik dilihat dari segi klasifikasi.

#### 2.4.3. Larangan Poligami (Poliandri) Se Suku

Selain dari larangan yang tersebut di atas adat juga memelarang seorang lelaki dari berkahwin dengan dua atau lebih

diberikan tempat duduk dibahagian serambi rumah bersama dengan pihak yang menunggu dan yang perempuan dibahagian tengah rumah.

Selepas berbual-bual seketika, maka majlis pun dimulakan. Semasa berbual-bual itu peralatan peminangan (cincin) jika ianya dibawa oleh orang perempuan, akan diserahkan kepada wakil pihak lelaki. Selalunya istiadat ini dimulakan oleh tempat semenda tua pihak perempuan dengan berpantun:

"Datuk-datuk, bapak-bapak dan <sup>hadirin</sup> hadirin sekalian:

Meranti dua batang~~nya~~,

ditebang dua pemuka;

yang dinanti dah datang,

silalah, apa nak dikata.

Keduduk di tepi pagar,

uratnya meraba-raba;

duduk di atas tikar,

membilang adat dan pusaka.

Bukan lebah sebarang lebah,

lebah bersarang dipokok nangka;

sirih menguap, pinang menyembah,

kerana adat dan pusaka.

Silakanlah datuk!".

orang perempuan yang datang dari suku yang sama.

Termasuk juga ke dalam kategori sumbang ialah perkahwinan semula yang dilakukan ke dalam suku bekas isteri yang telah ditalak; tetapi hal ini biasanya dirundingkan dahulu dengan pihak ketua-ketua adat - buapak dan lembaga - agar dapat kebenaran. Kalau dibenarkan, dan selalunya diizinkan, pihak lelaki harus membayar denda yang disebut kalang batang sebanyak \$7.20 (ringgit: Tujuh dan sen dua puluh sahaja) atau lebih mengikut keputusan yang dicapai.

Sekiranya isteri meninggal dunia maka suami diizinkan, malahan dapat dikatakan sebagai digalakkan untuk melakukan sejenis bentuk sororate iaitu berkahwin lagi dengan saudara perempuan arwah isterinya. Perkahwinan jenis ini disebut sebagai ganti tikar. Sebaliknya bila suami yang meninggal, isteri tidak dibenarkan melakukan perkahwinan dengan adik suaminya. Tegasnya perkahwinan jenis liverate atau yang sebertuk dengannya tidak dibenarkan oleh adat.

## 2.5. Hukuman Perbuatan Sumbang

(Sumbang Balai Melintang)

Seandainya berlaku juga perkahwinan sumbang pasangan itu akan dikenakan hukum kahar. Pada pandangan masyarakat adat orang yang melakukan sumbang ini adalah ibarat haiwan dan

Pantun ini akan dijawab oleh pihak lelaki dengan berkata:

"Sembah: Datuk-datuk, bapak-bapak, abang-abang,  
adik-adik sekalian.

Rumah besar alangnya besar,  
rumah Datuk Perdana Menteri;  
kalau tidak hajat nan besar,  
kami takkan sampai ke mari.

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah hinggap di pohon buluh;  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah mengangkat jari sepuluh.

Lebah hingg<sup>f</sup> di pohon buluh,  
Terbang hinggap di atas akar;  
sembah menyusun jari sepuluh,  
dari hujung sampai ke pangkal.

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di pokok nangka;  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah adat dengan pusaka.

Burung belatuk dari seberang,  
hinggap berempat di darat rumah;  
mohon saya ke datuk nan garang,  
di mana tempat melalui sembah.

tidak layak wujud dalam masyarakat. Mereka dipulaukan dan disisihkan dari segenap sudut kehidupan seharian masyarakatnya.

### 2.5.1. Sumbang Se Waris

Kalau berlaku sumbang jenis ini maka pasangan yang berkenaan akan dihalau oleh ahli-ahli sukunya. Ia tidak lagi dibenarkan duduk di dalam kawasan sukunya, dan tidak pula diterima oleh suku-suku lain di Luak berkenaan. Tegasnya, mereka terhalau dari kawasan Luak. Disamping itu, pada zaman dahulu, tempat duduk mereka di atas rumah pun akan dibasuh.

Bagi pihak lelaki yang melakukan kesalahan ini tidak lagi boleh menjunjung saka atau menjawat pusaka suku. Seandainya semasa ia melakukan kesalahan itu ia sedang menjunjung pusaka maka pusakanya itu luruh dengan sendirinya. Pada pihak perempuan pula segala harta suku yang ada padanya akan luruh yakni ia tidak ada hak lagi memiliki sebarang harta pusaka sukunya. Pada masyarakat adat pasangan itu dipandang rendah, tidak lagi berfaedah sebagai anggota masyarakat.

Mereka ini diperbilangkan sebagai:

Laksana buah beluluk:

tercampak ke laut tidak dimakan ikan,

tercampak ke darat tidak dimakan ayam.

Walaupun bagaimanapun adat membolehkan pasangan itu balik ke tempat asalnya (ke sukunya). Perbuatan ini dikatakan sebagai

Sembah datuk!"

Kata-kata wakil pihak lelaki ini akan dijawab oleh  
semenda tua pihak perempuan:

"Sembah datuk,  
Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di atas atap;  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah saya hendak bercakap.

Kalau mengaji <sup>kepada</sup> kepada alif,  
kalau membilang <sup>kepada</sup> kepada esa;  
ambil kata kepada pangkal,  
ambil turusan pada nan tua.

Pohon mengkudu di tanah seberang,  
uratnya panjang hingga ke lembah;  
mohon saya ke datuk nan garang,  
kepada datuk ini haluan sembah.

Sembah datuk!"

Dengan itu, beliau pun menunjukkan kepada wakil pihak  
perempuan yang akan menerima adat.

Ada kalanya, jawapan kepada soalan wakil pihak lelaki  
mengenai 'tempat melalukan sembah' dijawab sendiri oleh wakil

masuk adat sesuai dengan kata perbilangannya: sesat hujung jalan balik ke pangkal jalan. Untuk tujuan ini beberapa syarat harus dipenuhi terlebih dahulu.

Di Rembau, yang bersalah hanya boleh kembali masuk adat selepas berlaku perceraian atau kematian salah seorang dari pasangan itu. Walaubagaimana pun penerimaan mereka kembali kepangkuan masyarakat sukunya bergantung kepada keizinan pihak kelompok kekerabatannya, dan diestuai pula oleh pemimpin-pemimpin adat yang berkenaan. Apabila ada persetujuan, selepas berkampung dan bermaufakat, barulah yang berkenaan dibolehkan memenuhi syarat-syarat tersebut. Cara penerimaan yang melakukan sumbang itu dan juga syarat-syarat yang dikenakan mungkin berbeza dari satu Luak ke Luak adat yang lain.

Antara syarat yang harus dipenuhi di Luak Rembau adalah membayar 50 (lima puluh) gantang beras, membayar wang tunai berjumlah \$14.00 (ringgit: empat belas sahaja), dan mengadakan se ekor kerbau atau lembu. Beras dan kerbau atau lembu itu haruslah digunakan untuk mengadakan majlis khenduri. Dalam khenduri itu ketua-ketua adat - lembaga, buapak dan besar - mesti dijemput dengan penuh adat istiadat, disamping menjemput keseluruhan ahli suku dan orang semenda sukunya. Perjalanan majlis khenduri ini akan diawasi oleh Datok Lembaga suku yang berkenaan agar tidak berlaku cacat yang boleh membatalkan majlis masuk adat itu.

yang dilantik bagi pihak perempuan. Jika demikian, pantun terakhir itu akan berbunyi:

Burung belatok dari seberang,  
 hinggap berempat di darat rumah;  
 mohon saya ke datuk nan garang,  
 kepada sayalah melalui sembah.

Seperti juga pihak lelaki, wakil pihak perempuan yang akan menerima pinangan itu adalah terdiri dari dua orang. Kedua-duanya adalah terdiri dari orang semenda. Seorang sebagai penerima adat dan seorang lagi sebagai saksi. Perlantikan mereka ini juga adalah ditentukan oleh orang semenda tua atau Buapak sendiri, mengikut galiran.

Setelah diketahui siapa yang akan menerima adat, wakil pihak lelaki akan beralih tempat duduk agar bersetentangan dengan wakil pihak perempuan. Jika jauh jarak tempat duduk mereka, kedua-dua wakil pihak lelaki harus bangun dan menghampiri serta duduk bersetentangan dengan wakil-wakil pihak perempuan. Peralatan peminangan, tepak sirih dan bokok bekas cincin diletak dihadapan selanya, dengan tepak sirih dihadapan. Pada masa ini wakil pihak lelaki harus berhati-hati mengenai kedudukan tepak sirih, kepala tepak harus menghalau atau menghadap kepada wakil pihak perempuan. Setelah bersetentangan kedua-dua wakil dari kedua belah pihak akan bersalaman dengan menggunakan kedua belah tangan. Sambil bersalaman itu wakil pihak lelaki akan berpantun:



Tujuan utama mengadakan khenduri itu adalah untuk mendamaikan pihak yang berkenaan dengan seluruh anggota suku dan masyarakat se tempat:

- menjernihkan yang keruh,
- menyelesaikan yang kusut.

Dalam majlis ini pasangan (atau salah seorang, jika telah berlaku perceraian mati) itu akan mengistiharkan kesalahan yang telah mereka lakukan. Mereka juga, selanjutnya akan membayangkan keinginan mereka untuk masuk kembali ke pangkuan suku serta bergabung semula dalam ikatan keluarga seperti mana dahulunya. Selepas mengakui kesalahan dan meminta maaf kepada orang ramai mereka harus pula menyembah semua anggota suku yang hadir untuk memohon maaf.

Dengan adanya khenduri ini maka terhebah kepada masyarakat se suku dan se Luak yang pasangan berkenaan telah surut ke pangkal jalan, serta mengakui kesalahannya disamping menebus kesalahannya. Pendeknya, majlis ini adalah satu cara untuk membuat apologi awam.

Apabila selesai istiadat itu pihak yang berkenaan akan <sup>balik</sup>berbalik ke tempat asalnya dan diberi kedudukan seperti sebelum berlakunya kesilapan tersebut.

#### 2.5.2. Sumbang Se Kadim

Jika dibandingkan dengan sumbang yang sebelum ini yakni sumbang akibat berkahwin dalam perut sendiri, sumbang kategori

"Sembah datuk,  
 Bukan lebah sebarang lebah,  
 lebah bersarang di pohon buluk;  
     bukan sembah sebarang sembah,  
     sembah menyusun jari sepuluh.

Sembah datuk!"

Selepas bersalaman wakil pihak lelaki akan menghulurkan tepak sirih dengan menghalakan kepada tepak sambil berpantun:

"Sembah datuk,  
 Anak belatok di pohon selasih,  
 burung kerling terbang di lantai;  
     jemput datuk makan sirih,  
     sirih kering pinangnya kotai.

Makan sirih berpinang tidak,  
 pinang datang dari Melaka;  
     Makan sirih mengenyang tidak,  
     cuma tangkal budi bahasa.

Pinang datang dari Melaka,  
 bawa singgah di tengah pekan;  
     Cuma tangkal budi bahasa,  
     mintalah datuk tolong sudikan.

Sembah datuk!"

Tepak sirih pun disorongkan kepada wakil pihak perempuan yang akan menyambutnya. Beliau akan membuka ikatan tepak sirih

ini merupakan sebesar-besar kesalahan dalam adat perpatih. Hukumannya adalah dirampas segala harta bendanya. Di setengah tempat pada zaman dahulu, dikenakan hukuman bunuh. Pernah berlaku di Pulau Sebang, Naning anggota Suku Seri Melanggang melakukan sumbang jenis ini. Pasangan tersebut telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam bakul dan dibenamkan ke dalam sungai. Mereka telah mati lemas dan kubur mereka, sehingga ke hari ini dikenali sebagai Jerat Sumbang.

Kepada ahli masyarakat adat perpatih kedudukan mereka yang melakukan sumbang jenis ini ialah:

Hidup tak terpelihara,  
 mati tak ditanam  
 harta diambil,  
 tuan dibunuh.

Atau diperbilang juga sebagai:

Ke laut tumpah karam,  
 ke darat sial terbakar.

## 2.6. Bentuk Perkahwinan Adat

Secara menyeluruh dikalangan masyarakat adat di Negeri Sembilan terdapat dua jenis bentuk perkahwinan, iaitu:

- (a) perkahwinan yang lazim atau biasa;
- (b) perkahwinan yang tidak lazim.

Perkahwinan bentuk lazim atau biasa adalah yang mengikut

yang akan menyambutnya. Beliau akan membuka ikatan tepak sirih itu dengan penuh berhati-hati, perlahan dan satu-satu. Selepas terbuka kesemua ikatan, ia akan mengapur sirih sambil berpantun:

"Sembah datuk,

Pokok pepaya pokok selasih,  
pergi ke pekan pakaian bersilih;  
kepada saya disorongkan sirih,  
saya ucapakan berbanyak terima kasih.

Orang menari mengikut irama,  
orang berjalan di tengah pekan;  
sirih diberi saya menerima,  
disuruh makan maka saya makan.

Sembah datuk!"

Selepas berpantun itu beliau akan mempelawa orang-orang lain dipihak perempuan untuk merasa sirih pinangan itu. Lazimnya perbuatan ini disela dengan kata-kata yang melucukan.

Kini tibalah masanya pihak perempuan pula yang membalas. Wakil pihak perempuan pula akan mendorongkan tepak sirihnya dengan penuh tertib ke arah wakil pihak lelaki. Sambil itu ia akan berpantun:

"Sembah datuk,

aturan adat. Ia melibatkan semua pihak dari awal sehingga akhir. Perkahwinan ini harus melalui peringkat-peringkat tertentu; antara lain ialah:

- (a) merisik,
- (b) meminang,
- (c) akad nikah atau hari olek,
- (d) menyalang.

Disetiap peringkat itu <sup>adat</sup> adakan akan berjalan mengikut alurnya dan diraikan serta diindahakan dengan istiadatnya.

Sedangkan perkahwinan tidak lazim atau tidak biasa bermaksud pernikahan itu tidak mengikut kebiasaan saluran adat; setidak-tidaknya dua peringkat awal (merisik dan meminang) tidak diikuti. Disamping itu, perkahwinan jenis ini tidak disertai oleh bunga adat dan istiadat. Perkahwinan bentuk ini selalunya mempunyai motif paksaan ke atas pihak tertentu. Walaupun bentuk perkahwinan jenis ini diistilahkan sebagai tidak lazim atau tidak biasa, ianya adalah diakui dan di-institusikan oleh adat.

## 2.7. Rumusan

Berdasarkan kepada konsep perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih seperti diuraikan di atas nyata bahawa pada adat, motivasi perkahwinan lebih menekankan kepada membesarkan anggota suku disamping mengeratkan lagi hubungan antara suku-suku untuk mewujudkan satu kesatuan masyarakat. Ini beresuaian

Makan sirih berpinang tidak,  
 pinang dibeli dari pekan,  
 ditukar dengan sekam jerami;  
 makan sirih kenyangnya tidak,  
 hanya tanda salam pengenalan,  
 sekarang sudikan pula sirih kami.

Sembah datuk!"

Wakil pihak lelaki akan menerima dan mengapur pula sirih sekapur. Tepak itu akan disorongkan pula kepada pengiringnya.

Pada masa mereka bertukar-tukar tepak sirih itu kedua pihak akan bergurau senda melalui pantun. Misalnya, semasa wakil pihak lelaki mencolek kapur, wakil pihak perempuan akan berpantun:

"Datuk,  
 Kambing saya kambing Seri Sultan,  
 mari ditambat dengan tali ijuk;  
 kapur saya tu kapur mak jintan,  
 tak boleh dipalit dengan telunjuk!"

Dan ini akan dijawab oleh pihak lelaki dengan pantun:

"Datuk,  
 Teletuk dibelah-belah,  
 Sebelah pula di dalam pinggan;  
 jari telunjuk di beri Allah,  
 untuk menyelet kapur mak jintan.

Kemudian, semasa makan siri mereka akan berpantun juga, misalnya:

dengan kehendak adat yang diperbilangkan sebagai:

menyebarkan lebar,

menyambung panjang.

Kemudian, semasa makan sirih, mereka akan terus berpantun, misalnya:

"Kambing saya tu kambing sejentu,  
makannya pula di balik rumah;  
sirih saya tu sirih bertentu,  
datuk makan tak boleh mengunyah".

Kepada pantun ini dijawab pula:

"Tapak siapa pula si jerung ini,  
tapak budak dibalik rumah;  
Datuk ini betulah pembohong ni,  
adakah makan sirih tak mengunyah!"

Demikianlah seterusnya mereka bergurau senda dengan berpantun dengan tujuan untuk memeriahkan suasana dan membuka jalan untuk beradat seterusnya.

Setelah wakil dari kedua belah pihak itu makan sirih barang sekapur dua dan berpantun serangkap dua, maka wakil pihak lelaki akan menghadap tepat dan serious kepada wakil pihak perempuan, lalu berkata:

"Sembah datuk,

Lebah bukan sebarang lebah,

lebah berserta burung kerakap;

sembah saya bukan sebarang sembah,

sembah berserta hendak bercakap.



BAHAGIAN 2

ATURCARA

PERKAHWINAN

ADAT

Sembah datuk!"

Pantun ini akan dijawab oleh wakil pihak perempuan:

"Sembah datuk,

Tuba saya tuba ikan,  
mari dituba dalam belangkar;  
silalah datuk keluarkan,  
saya sedia hendak mendengar.

Sembah datuk!"

Ini akan ditingkah pula oleh wakil pihak lelaki:

"Sembah datuk.

Kami datang ke mari datuk hendak menyampaikan  
hajat kami yang dulu. Kakau bagitu datuk, saya  
ini:

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang atas atap;  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah saya hendak bercakap.

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang dirumpun buluh;  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah mengangkat jari sepuluh.

Kedatangan kami kali pertama, datang berjalan;

## ATURAN PERKAHWINAN ADAT

Adat perpatih telah mengariskan beberapa konsep dalam aturcara adat istiadatnya ke arah pembentukan hidup berumah tangga. Dalam struktur ke arah ini adat telah menetapkan suatu rangka penyusunan bertingkat-tingkat dengan aturcara tersendiri mewarnai setiap tahap yang dilalui. Institusi perkahwinan biasa akan bermula dari adat merisik, atau disebutkan juga risik nan duai atau risik andai. Ini akan diikuti dengan adat menghantar cinjin tanya dan kemudian adat pinang meminang atau adat menghantar tanda (pihak lelaki) atau adat menerima tanda (pihak perempuan). Selepas itu diadakan pula hari langsung atau hari olek, yang terkandung didalamnya peristiwa: akad nikah, bertandang atau menyalang, dan menikam jejak atau tempuh jejak. Adat perkahwinan ini diakhiri dengan adat menyalang rumah saudara mara kedua belah pihak.

kali yang kedua, luar biasa. Maka ditengok pula tempat diri saya:

turun dari rumah yang berkotak tangga,  
maka saya langkahkan tangga nan bongsu.

Maka saya serukan:

untung baik, untung jahat,  
malang melambung, untung menimpa,

sampailah saya ke:

kampung nan bersudut,  
rumah nan berkotak tangga di sini.

Maka tangga pun sudah saya jingkat,  
pelempar sudah saya langkahkan,  
atap sudah saya serundukkan,  
tikar sudah saya duduki;

Sembah datuk.

Sederet bendul di tepi,  
sederet bendul di tengah,  
serangan tulang bumbung:  
kecil tidak tahu nama,  
gedang tak tahu gelarnya,  
terbilang tidak,  
teratap pun tidak.  
Saya mengemasi resap:  
sembah saya empunya sembah.

## RISIK WAN DUAI

### 1. Merisik

Sudah menjadi kelaziman yang dipusakai turun temurun untuk ibubapa masyarakat adat perpatih ini berusaha sedaya upaya dan penuh teliti mencari sebelum satu-satu calon menantu mereka ditetapkan. Usaha 'mencari' menantu inilah yang dikatakan sebagai merisik. Jadi merisik adalah satu proses yang dijalankan sebelum adat istiadat mempinang. Wujudnya acara merisik ini apabila anak lelaki telah melahirkan hasrat ingin berumahtangga.

Pada kebiasaannya pihak lelaki yang akan melakukan merisik ke atas pihak perempuan bersesuaian dengan perbilangan adat:

- untung anak lelaki cari-carikan,
- untung anak perempuan nanti-nantikan.

Proses ini selalunya melalui dua peringkat, iaitu:

- (a) merisik,
- (b) risik duai.

Walaupun pada kelazimannya kedua proses ini dimulakan oleh pihak lelaki berasaskan kepada perbilangan diatas, tetapi tidaklah pula menjadi kesalahan jika pihak perempuan yang mengambil langkah pertama. Adat sendiri membayangkan tentang kemungkinan ini apabila diperbilangkan: yang perempuan diiras-iraskan. Perbilangn ini antara lain bermaksud keluarga perempuan berhak

Enau kecil panjang pelepah,  
 daunnya kecil tunduk menundukan;  
     saya kecil berdatang sembah,  
     kalau salah tolong tunjukkan.

Sembah datuk.

Kalau bagitu datuk,  
     usul-usul asal-asal,  
     asal ada jangan ditinggalkan,  
     terang-terang, nyata-nyata,  
     biar terang pangkal kata.

Hujan itu ada pohonnya,  
 kata itu ada pangkalnya,  
 sakit itu ada mulanya,  
 mati itu ada sebabnya.

Sembah datuk.

Apa sebabnya datuk?

    duduk mengaji pada alif,  
     duduk membilang pada esa,  
     itulah perbilangan nan tua-tua.

Maka duduk berbilang pula:

    tahu nan kecil tempat nan godang,  
     tahu nan godang tempat nan tua;  
     tatkala buluh bilah,

untuk menonjol-nonjolkan (perbuatan ini agak relatif maksudnya) anak gadisnya agar dipinang orang.

Pada kebiasaannya, wakil yang dipilih untuk menjalankan proses ini adalah dari kalangan kaum perempuan yang sudah berumur dan petah berkata-kata. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, tujuan utama peringkat ini adalah untuk mencari jodoh yang paling sesuai. Kalau pada zaman tradisi proses ini telah mula dijalankan sejak anak mulai remaja, seperti kata adat:

Kecil sudahlah besar,  
 terpegang pula parang punting,  
 terlalu pula rumput se helai;  
 maka kena pula hutang mak bapak:  
     yang lelaki disemendakan ke orang,  
     yang perempuan disemenda oleh orang;  
     yang perempuan diiras-iraskan,  
     yang lelaki digurau-guraukan.

Dalam proses memilih jodoh ini keturunan bakal menantu sangat diperhatikan. Ada dua sebab utama dalam soal ini. Pertamanya bagi menentukan yang bakal menantu itu bukannya dari suku-sakat yang boleh membatalkan pernikahan itu dari segi agama dan adat. Keduanya untuk memastikan bahawa bakal menantu itu bukan berasal dari keturunan bangsa kurang atau suku lereng.

ditanam besi berdenting,  
 puntung berasap,  
 si genta hitam,  
 gagak putih,  
 nenek gadis, datuk hijau;  
 dizaman itulah terbit adat:  
 semenda menyemenda.

Sembah datuk.

Apa perbilangan nan tua-tua dahulu?

Pertama kalam Allah,  
 kedua kalam Rasul;  
 ketiga resam dunia.

Sembah datuk,

Kalam Allah itu:  
 berbunyi, berlafaz, berdalil,  
 bertunggal, berperasan, bercacar, berjerami;  
 itu kalam Allah.

Kalam Rasul itu:  
 waktu nan lima,  
 hari nan tujuh,  
 bulan nan dua belas;  
 itu kalam Rasul.

Resam dunia itu:



Orang tua biasanya akan menolak bermenentukan orang yang berasal dari lapisan bangsa kurang kerana perkahwinan yang demikian akan dikenakan isbat adat yang dianggap berat bagi keturunan anak perempuannya. Keturunan mereka tidak mungkin menyandang pusak<sup>ah</sup> baik berupa gelaran adat mahupun harta pusaka.

Penelitian juga harus ditumpukan pada paras rupa dan budi pekerti gadis. Dengan secara tidak langsung wakil tadi akan menimbulkan pertanyaan-pertanyaan yang akan cuba mencungkil hal ehwal si gadis terutama sekalai yang berkaitan dengan pribadi dan personaliti. Dari persoalan seperti inilah akan diketahui samada gadis itu sudah dilamar orang ataupun belum, masih gadis atau telah janda, serta suku dan susurgalur keturunannya.

Merisik ini, kalau diamati adalah suatu proses penyelidikan atau suatu proses penyiasatan secara sembunyi tetapi amat terperinci. Keseluruhan proses ini adalah mengikut aturan adat yang berbunyi:

Kalau hendak meminang anaknya,  
pinang dahulu ibubapanya;  
Rimbun pokok tempat berlindung,  
tinggi banir untuk berteduh.

Apabila telah bertemu dengan yang sesuai maka yang merisik akan membayangkan-bayangkan kepada yang berkenaan: 'yang perempuan

sebagaimana awalnya dulu yang kita buat  
sebagitulah akhirnya sekarang.

- Tapi ketiga-tiganya,

adatnya datar, pusakanya sama;  
tidak ada juga berselisih faham.

Kalau bagitu datuk:

Umur baru se tahun jagung,  
darah baru se tampuk pinang;  
tanahnya baru, belukarnya muda,  
kok perjalanan saya belum jauh lagi,  
datuk.

Dek belum jauh perjalanan,  
tersungkup pula saya dek tulang bumbung,  
terlingkung dek ben<sup>d</sup>ful nan empat,  
mengirap cucuran atap,  
terkurung dek adat;  
iaitu adat yang saya bawa ini,  
adat perpatih.

Adat perpatih:

tak lekang dek panas,  
tak lapuk dek hujan,  
adatnya datar,  
maufakatnya sama,

Sembah datuk.

diiras-iraskan, yang lelaki digurau-sandakan'. Pada peringkat ini selalunya keluarga pihak yang dirisik tidak sedar akan keadaan yang sebenarnya. Kepada mereka hanya diguraukan sahaja mengenai siapa calon yang sesuai bagi anak gadisnya. Semuanya berlaku dengan secara tidak sengaja dan tidak ketara. Dari jawapan pihak keluarga perempuan terhadap gurauan dan irasan itu dapatlah wakil yang merisik tadi mengetahui samada ada atau tidak peluang untuk meneruskan proses mencari jodoh itu. Seandainya positif maka acara selanjutnya akan disusuli dan kalau negatif, merisik itu terhenti setakat itu dan di cuba pula kepada keluarga bergadis yang lain.

Pada pihak teruna, pada peringkat ini juga 'diguraukan' mengenai gadis dan keluarga yang bakal menjadi isterinya. Tindakbalas teruna juga diambil perhatian, samada positif atau negatif. Jadi, proses merisik ini mengambil masa dan waktu. Wakil yang merisik, apabila telah menemui keluarga yang berpotensi akan mengunjungi keluarga berkenaan beberapa kali memberikan irasan dan bayangan sehingga terdapat tindakbalas yang positif.

Proses merisik yang diuraikan diatas hanya dilakukan jika sekiranya bakal menantu itu dipilih dari luar keluarga sendiri, tegasnya keluarga asing. Proses ini tidak perlu dijalankan sekiranya bakal menantu itu adalah dari sanak

Kalau bagitu datuk,  
 hari ribut sedang dayu,  
 sedang anak sedang dara,  
 sedang anak jengkal kera;  
 kusut menggila tengah malam,  
 kumbang terkejut dinihari,  
 menguak pula kerbau dikandang,  
 embun jantan rintik-rintik,  
 itulah tanda hari nak siang.

Tetapi, perjalanan jauh lagi,

datuk.

Dek dah jauh perjalanan,  
 terpasek saya ke hulu sungai;  
 berjumpa pula belukar nan rendah;

Di situ:

Se gantang se lubuk,  
 tempat si dengking berbunyi malam,  
 tempat si kapeh turun mandi,  
 tempat ungka bergegauan.

Sembah datuk.

Kalau bagitu,

beralih pandangan saya ke kuala;

di situ:

Tempat galang silang seli,  
 tempat perahu hilir mudik;

saudara sendiri atas dasar untuk menyambung tali yang putus, ataupun dari keluarga yang dikenali secara peribadi. Dalam kedua-dua kes ini, anak mereka selalunya telah sejak dari kecil lagi diaku-akukan oleh kedua keluarga yang berkenaan.

### 3.2. Risik Duai

Apabila telah dikenalpasti siapa yang hendak dijadikan menantu, barulah dijalankan peringkat kedua proses merisik. Pada peringkat ini prosesnya agak lebih formal dari peringkat awal tadi, dengan ertikata wakil pihak lelaki yang disebut duai akan berhadapan dengan keluarga pihak perempuan.

Duai atau wakil pihak lelaki diperingkat ini adalah orang yang dipercayai oleh ibubapa atau keluarga pihak lelaki. Ianya boleh jadi terdiri dari wakil diperingkat awal tadi ataupun mungkin orang lain. Duai tidak semestinya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pihak lelaki; tetapi lazimnya wakil itu dipilih dari kalangan kerabat yang dekat seperti emak saudara pihak lelaki terutama sekali isteri bapa saudara kadim. Pemilihan duai ini terpulang kepada kesesuaian keadaan.

Walau siapapun yang pergi, utusan diperingkat ini haruslah seorang yang bijak dan petah bercakap. Kata-kata yang dilafazkannya harus pilih dan dikeluarkan dengan berhati-hati, seperti meniti jambatan lapok: dirasa-rasa dan dicuba-cuba sebelum melangkah dan memijaknya. Setelah berhadapan dan

itu bernama Tanjung Pinang Sebatang,  
puteri bernama Sangkar Balam.

Di sini duduk dua beradik:

Abang pergi ke laut,  
adik pergi ke darat;  
yang di laut Datuk Temenggung,  
yang di darat Datuk Perpatih.

Bangau putih terbang siang,  
lagi terbang elok pula saya suluh,  
tersuluh pula dek saya:  
kedai yang berjejer.

Di situ:

tempat China timbang menimbang,  
tempat Keling putar memutar,  
tempat Melayu berjual beli.

Tetapi ketiga-tiganya:

adatnya datar,  
maufakatnya sama jua.

Sembah datuk,

Alam beraja,  
Lusk berpenghulu,  
berlembaga bersuku-suku,  
beradat,

bersemuka dengan keluarga pihak perempuan namun hajat yang hendak disampaikan masih belum dinyatakan secara terus terang. Apa yang dinyatakan hanyalah bayangan dan pada kebiasaannya berlangsung dalam suasana gurauan sahaja. Misalnya anak gadis itu melintas dan apabila membelakang sahaja, wakil pihak lelaki akan berkata: "wah! Dah besar betul anak kau ni. Tak lama lagi menerima menantulah nampaknya. Sudah-sudah mari sahaja kita berbesan." Kepada gurauan ini ibu si gadis akan menjawab, juga secara selamba, "Boleh. Apa salahnya. Dari orang lain, baik sesama kita sahaja". Kata-kata seperti ini sudah cukup membayangkan bahawa si gadis belum diakukan kepada sesiapa dan sesungguhnya boleh dipinang.

Jadi peringkat ini adalah peringkat kepastian. Ini bermakna risik-duai peringkat ini adalah menentukan yang pinangan pihak lelaki tidak ditolak. Tanpa risik-duai yang semi formal ini ada kemungkinan yang pinangan pihak lelaki akan ditolak. Jika ditolak ini akan memalukan bukan sahaja keluarga yang meminang tetapi juga wakil yang pergi; seolah-olah dikatakan: hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong.

### 3.2.1. Contoh Aturcara Risik Duai

- 'A' adalah seorang lelaki yang akan meminang.
- 'B' adalah perempuan yang akan dipinang.
- 'C' seorang perempuan yang telah berumur - samada ibu saudara atau mungkin nenek 'A'.

berbuapak beranakbuah.

Anak buah saya ini datuk,  
ada pula yang perempuan,  
ada pula yang lelaki.

Sembah datuk.

Yang lelaki dulu kecil,  
sekarang ini sudah membesar,  
dalam membesar itu:  
se orang ingin pula dia berdua,

sembah datuk.

Kemudian itu datuk:

maka ditengok pula ke darat:  
meranti bersanggit dahan,

sembah datuk.

Maka ditengok pula ke sebelah baroh:

lopaknya luas,  
airnya jernih,  
orangnya ramai,  
pematangnya luas.  
Sawahnya berlopak-lopak.  
Pinang berjejer,  
nyior berliok-liok,  
rumah berkotak, bertangga;  
kampung nan bersudut,



'D' seorang perempuan yang telah berumur - samada  
ibu saudara atau mungkin nenek 'B'.

Setelah dikenalpasti melalui merisik akan gadis ('B') yang akan dipinang oleh 'A', pihak keluarga 'A' akan menghantar wakilnya, 'C' menemui 'D'. Dalam pertemuan itu, dengan menggunakan kata-kata kiasan dan ibarat 'C' akan menyatakan hasratnya kepada 'D'.

'D', selepas mendengar hasrat dan hajat 'C' serta mendapat kepastian tentang siapa 'A' akan berunding pula dengan ibubapa 'B' mengenai risikan itu. Jawapan bersetuju atau tidak mengenai risikan itu mungkin diberikan pada hari itu juga atau mungkin ditangguhkan kehari lain. Kalau ditangguhkan maka dirundingkan pula bagaimana keputusan pihak 'B' itu akan disampaikan kepada pihak 'A'.

Apabila tercapai persetujuan atau dengan kata lain risikan itu diterima, kedua-dua belah pihak akan merundingkan pula tentang langkah yang berikutnya iaitu adat menghantar cincin tanya. Antara lain dipastikan bila masanya hendak menjalankan adat tersebut.

Di setengah masyarakat yang mengamalkan adat perpatih ini, atureara yang baru dinyatakan diatas, yakni pihak lelaki merisik pihak perempuan dikatakan sebagai: gamit nan berkecapi.

bilik nan berisi:

ada anak buah saudara datuk,

sembah datuk.

Kalau bagitu,

dalam nak berdua itu:

maka saya tengok pula,

gaduh di ulu sama di ulukan,

gaduh di hulir sama di hilirkan,

gaduh di tengah sama dihipunkan.

Se jalan se pelakuan,

se lama sepermainan,

se perigi sepermandian,

se jamban seperulangan,

sembah datuk.

maka ditengok pula kata adat:

nampaknya sama-sama pula kita beradat,

maka saya tengok pula pada datuk:

kok pucuk nak diursikan,

kok batang nak dirintangkan,

kok pantang nak dibilangan,

sembah datuk.

Dalam bagitu datuk,

Ada pula risik andainya,

dalam risik andai itu datuk:

Sebaliknya, jika langkah awal ini dilakukan oleh pihak perempuan iaitu 'D' sebagai wakil 'B' pergi mendapatkan 'C' untuk merisik 'A' maka ia diperbilangkan sebagai: risik nan berdesus. Prosedurnya adalah sama.

Pada keseluruhannya, proses risik duai ini, samada risik dan berdesus atau gamis<sup>f</sup> nan berkecapi masih dalam keadaan rak<sup>h</sup>sia. Yang mengetahui akan berlangsungnya proses ini hanya ahli keluarga yang dekat bagi pihak lelaki dan perempuan, dan duai jika ianya bukan ahli keluarga yang berkenaan. Ahli keluarga pihak lelaki dan perempuan yang tahu mengenainya adalah terdiri dari mereka dianggap sebagai: boleh menghitam dan mesutihkan sahaja.

### 3.2.2. Risik Duai di Jelebu

Mengikut penyelidikan, di Luak Jelebu pada suatu masa dahulu, merisik dilakukan dengan cara yang paling simbolik dan tersendiri. Kerja merisik biasanya dilakukan oleh ayah pihak lelaki.

Ayah pihak lelaki akan pergi ke rumah gadis yang dihajati. Sesampai di rumah itu ia akan meminjam batu asah parang. Setelah diberi ia akan mengasah parangnya. Oleh sebab ianya adalah tetamu, selalunya ayah si gadis akan turut hadir semasa ia mengasah itu. Sambil berkata-kata ayah pihak lelaki akan

ada pula kilat nan memancar,  
 kata dusi nan merangkap,  
 kata esa sekata,  
 hujung dengan pangkal;  
 maka ditanda berupakan:  
 dilabuhkan cincin tanya,  
 cincin sebetuk tanda muafakat.

Cincin pun dilabuhkan:  
 cincin berjalan, didengar-dengarkan,  
 dalam dengar-dengar tadi,  
 sah lalunya.

Maka diikatlah janji,  
 mengikut perbilangan adat:  
 cepat janji: dua hari nan ketiga,  
 lama janji tujuh hari,  
 laun janji dua kali tujuh hari.

Janji dilabuhkan, dimuliakan,  
 dalam janji digedoh-gedahkan,  
 sampai janji, ditepati.

Esa sekata, diterima:  
 tak esa sekata, kembali.

Nampaknya datuk,

ini esa sekata - diterima.

Dalam diterima datuk,

mengasah parangnya secara lain dari kebiasaan, sehingga menghasilkan irama bunyi yang membawa maksud dan makna yang mendalam. Bunyi yang terhasil akan menyuarakan hasrat hati si teruna. Parang itu akan diasah sehingga ayah pihak lelaki merasa pasti bahawa maksud dan hajatnya telah difahami. Setelah yakin beliau akan meminta diri untuk pulang dan memulangkan kembali batu pengasah tersebut.

Sepeninggalan ayah pihak lelaki, ibu dan ayah pihak perempuan akan mengumpulkan sanak saudara kadimnya untuk membincangkan dan mendapat kata sepakat samada menerima atau menolak risikan pihak lelaki. Selepas mendapat kata putus, pada keesokan harinya ibu si gadis akan pergi ke rumah pihak lelaki. Beliau akan membawa bersama padi atau beras yang belum bertampi. Sesampainya di rumah pihak lelaki, beliau akan meminjam nyiru dan mula menampi padi atau beras secara tertentu. Melalui bunyi tampian padi atau beras itu pihak lelaki akan memaklumi jawapan risikan yang telah dibuat - diterima atau tidak. Jika risikan itu diterima bunyian tampian itu berlainan dari bunyi tampian yang menolak. Sebagaimana ayah si lelaki, ibu si perempuan juga akan meminta diri untuk pulang selepas ia merasa yakin bahawa maksud yang hendak disampaikan telah difahami oleh pihak keluarga lelaki.

Seandainya risikan itu diterima maka diadakan pertemuan sekali lagi diantara dua belah pihak untuk merundingkan mengenai langkah yang berikutnya iaitu istiadat menghantar cincin tanya.

ditengok pula dari segi adat dan hukum:  
 adat pun tidak menghambat,  
 hukum pun tidak melarang,  
 disetujui pula antara dua pihak,  
 sembah datuk.

Kalau bagitu,  
 dalam bersetuju antara dua pihak,  
 datang pula pinang berjunjung,  
 dibawa pula cincin berikat.

Cincin berikat itu datuk,  
 cincin satu jadi dua.  
 Cincin asal dikembalikan.

Kalau bagitu datuk,  
 Ke laut menuju arus,  
 ke darat menuju benar:  
 benar lalu tidak saya siahkan,  
 sembah datuk.

Bulat air dek ropong,  
 bulat adat dek muafakat;  
 kalau pipih, boleh dilayangkan,  
 kalau bulat, boleh digolekkan,  
 sembah datuk.

Secara keseluruhan proses merisik ini melalui dua tahap:

- (a) mencari dan mengenalpasti pihak yang bakal dipinang,
- (b) mendapatkan persetujuan secara tidak resmi.

Untuk itu proses merisik ini memakan waktu dan memerlukan beberapa kali pertemuan.

### 3/3. Adat Istiadat Menghantar Cincin Tanya

Istiadat menghantar cincin tanya adalah langkah terakhir dalam tingkat merisik dalam masyarakat adat perpatih. Jika dibandingkan dengan aturcara sebelum ini, istiadat ini adalah lebih formal.

Istiadat ini memerlukan sebetuk cincin yang disebut cincin tanya. Cincin yang digunakan adalah cincin emas belah rotan. Cincin tanya ini dihantar oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan sebagai tanda merasmikan pertanyaan-pertanyaan mereka (semasa proses merisik awal) samada mahu ataupun tidak bersemenda. Ia bukan lagi bersifat pertanyaan sambil lalu tetapi suatu penegasan.

Pada hari yang telah ditetapkan, kedua belah pihak akan mengadakan khenduri kecil yang dihadiri oleh beberapa orang keluarga dekat. Pada sebelah pagi hari berkenaan, pihak lelaki akan menyediakan peralatan yang perlu termasuk membuat bunga rampai. Cincin belah rotan yang akan dihantar diikat dengan benang tiga warna iaitu hitam, putih dan merah. Cincin itu diletakkan ke dalam bekas, selalunya cembul yang ditaburi

Cincin dilaboh janji diikat,  
 dalam diikat perjanjian itu datuk,  
 pendak kata datuk:

Esa sekata janji ditangguhkan,  
 dalam janji digaduh-gadahkan.  
 Sampai pula masanya datuk,  
 sampai masa sampailah waktunya.

Kalau bagitu kedatangan saya ini menepati janjilah.  
 Saya datang membawa adat,  
 sekali dengan penggantinya.

Cincin se bentuk menanya ibubapa,  
 cincin dua bentuk esa sekatar  
 esa sekata dikembalikan,  
 tak esa sekata cincin dikembalikan.

Janji dibuat, dimulihkan,  
 dalam janji digaduh-gadahkan  
 sampai janji ditepati:  
 Helah lelaki loncor tanda,  
 helah perempuan ganda tanda,  
 cacat cida -  
 sawan gila, di luar janji,  
 tinda apa pada adat,

sembah datuk.

Kalau bagitu,



dengan bunga rampai. Bekas berisi cincin itu akan dibungkus dengan satu tangan istimewa yang juga ditaburi dengan bunga rampai. Aturan membungkus cincin tanya ini berbeza-beza dari tempat ke tempat. Ada tempat sapu tangan pembungkus itu berwarna kuning, sedangkan ditempat lain pula dibuat dari jahitan perca-perca kain yang beraneka warna sahaja.

Istiadat ini selalunya dijalankan sebelah tengah hari, selepas zuhur. Ada juga yang membuatnya diwaktu pagi. Masa menjalankan istiadat adalah terpulang kepada rundingan dan keadaan pihak yang berkenaan. Yang membawa cincin itu lazimnya saudara perempuan ibu pihak lelaki dan suaminya. Jarang sekali dilakukan oleh ibu dan bapa pihak lelaki. Kedatangan mereka ditunggu oleh ahli keluarga terdekat pihak perempuan.

Selepas berbual-bual dan memakan sirih sekapur dua seorang, pihak lelaki akan menyatakan tujuan kedatangan mereka. Oleh sebab istiadat menghantar cincin tanya ini bukan yang formal lazimnya gurindam adat yang dilafazakan adalah ringkas sahaja. Yang memulakan upacara itu adalah wakil perempuan pihak lelaki. katanya antara lain:

"Bagi kak/abang, (bergantung kepada siapa kata itu ditujukan). Kami ini ibaratnya:

Kok usur belum setahun jagung,  
kok darah belum setampuk pinang,  
kok akar belum selilit telunjuk.

Apakah kata nan tua di sini pula?  
 Lepas tebat tentulah diungkai,  
 lepas kopor tentulah bertobat,  
 lepas hutang tentulah berbayar.

Kerana dek anak lahir dengan perempuan,  
 jalan dekat menuju ke hadapan,  
 jalan jauh tiga purnama.  
 Rendah gunung,  
 tinggi harapan saya kepada datuk jua,  
 yang boleh menerima.

Bak kata pantun budak-budak:

Kertas putih surat khabar,  
 bungkus keladi dengan jagung;  
 Nampaknya ni bekas sahaja yang besar,  
 harap saya sampaikan kepada datuk  
 malam ini jua.

Ini ada pula pantun nan tua-tua:

Berbilik-bilik disangka itik,  
 terbang tinggi turun ke sawah;  
 kok berlebihan beri saya balik,  
 kok kurang datuklah yang tambah.

Sembah datuk!™

Maka kedatangan kami:

Kok hari nan se hari,  
kok malam nan se malam ini,

ialah ibarat:

singkap daun ambil buah  
kopek kulit ambil isi, sahaja.

Kata orang:

Bila mengadakan anak:

kok lelaki diserahkan mengaji,  
kok perempuan diserahkan menjahit;  
sombong pada emaknya,  
megah pada ayahnya.

Dalam demikian itu, lama kelamaan:

mengaji pun sudah tamat,  
menyulam menjahit pun sudah pandai;  
maka diserulah pula untungnya.  
Adapun untuk anak lelaki, dicari-carikan,  
untung si perempuan, dinanti-nantikan.

Kemudian dari itu, pertemuan nak ada:

maka ada pula risik dan berdesus,  
duai nan merangkak:  
dekat rumah dekat kampung;  
gamit nan berkecapi,  
kilat nan memancar,  
maka dipenanda teruna cincin sebetuk

Dengan itu boko yang berisi cincin peminangan itu pun disorongkan kepada wakil pihak perempuan. Wakil pihak perempuan akan menerima boko tersebut dan sebagai hormat akan bersalaman selepas menerimanya. Sambil itu akan berseloroh:

"Hai Datuk. Panjang nempaknya yang dibilang.  
Susah pula saya menjawabnya tu. Tapi cuba-cubalah,  
mana tahu kok jadi pula. Ni nak cuba ya Tuk!

Sembah datuk.

Pokok keduduk di tepi pagar,  
memakan landak di atas kota;  
    harap datuk cuba dengar,  
    saya hendak membalas kata.

Limau purut jatuh ke lembah,  
tiba di lembah tumbuh duri;  
    pinang mengadap, sirih menyembah,  
    jari sepuluh menjunjung duli.

Keduduk ada dalam kualii,  
urat bersilang sampai ke Melaka;  
    duduk kita di dalam negeri,  
    elok membilang adat pusaka.

Bukan lebah sebarang lebah,  
belah bersarang di pokok nangka;

itu penanya esak dan bapa,  
 cincin dua bentuk:  
 tanda seiya sekata.

Jadi, inilah:

kok selingkung Pulau Perca,  
 selilit Tanah Melayu,  
 cebingkah tanah nan terbalik,  
 sehelai tikar nan tertetas,  
 sehelai daun mengterentih;  
 serantau ke hulu  
 serantau ke hilir.  
 Terpandanglah sawah nan berlopak,  
 kampung nan se sudut,  
 pinang nan berjajar:  
 maka nampaklah seekor burung permainan.

Kok begitu:

dilapik risik desusnya:  
 inilah diserahkan cincin se bentuk -  
 cincin tanya:  
 esa sekata, kata dikembalikan;  
 tak esa sekata, cincin dikembalikan".

Habis sahaja pertuturan itu wakil yang membawa cincin akan menyerahkan bungkusannya kepada wakil pihak perempuan yang menyambutnya dengan penuh hormat dan beradat.

bukan sembah sebarang sembah,  
sembah adat dengan pusaka.

Sembah datuk.

Awal permulaan,  
akhir berkesudahan.  
Hidup beruntungan,  
mati berkemulah.  
Hidup dikandung adat,  
mati dikandung tanah.

Tatkala alun beralun:  
alam belum beraja,  
lusk belum berpenghulu;  
adat berlum bertentu,  
bilang belum beratur.

Maka ditengok:  
Pulai berpangkat naik,  
mendapatkan ruas dengan buku;  
Maka ditengok pula manusia:  
berjinjang turun,  
bertangga naik,  
membincang adat dengan pusaka:  
bulat air dek pemetung,  
bulat kata tegah dek muafakat.

Dek kata sepakat:

Gunung nan tinggi sama didaki,  
 luruh nan dalam sama dituruni;  
 hati gajah sama dilapah,  
 hati kuman sama dicecah.

Ke laut menuju alur,  
 ke darat menuju benar,  
 tak lekang dek panas,  
 dicabut layu, dianjak mati.

Cacat cida  
 sawan gila luar janji.

Anak dipanggil makan,  
 anak buah disorong balas,  
 biar mati anak,  
 jangan mati adat,  
 tunang ke adat perpatih.

Dalam suku nan dua belas:  
 turun istana menjunjung titah,  
 turun balai menjunjung sabda,  
 turun telapak membawa sembah:  
 susun jari nan sepuluh,  
 angkat sembah kepada datuk.

Sembah datuk.

## PERKAHWINAN OLEK LEMBAGA

### 6.1. Berkonak Olek

Istiadat berkonak olek ini lazimnya diadakan pada sebelah malam sebelum majlis akad nikah-nikah. Pada malam itu Datuk Lembaga akan datang untuk menjalankan istiadat tersebut. Kedatangannya akan disambut oleh Buapak, Besar dan Tua Kadim di pintu pagar rumah tersebut. Anak buah-anak buah tertentu juga menyambut dengan membawa alat-alat kebesaran yang tersebut di atas tadi. Datuk Lembaga akan dipayungkan dengan payung kain dan isterinya dengan payung kertas. Rombongan ini akan berjalan dengan didahului oleh pembesar-pembesar adat diikuti oleh pembawa-pembawa pedang, lembing, dan alat-alat yang lainnya.

Di Luak Rembau, jika yang datang itu Datuk Lembaga dari suku Biduanda waris ia akan ditemani oleh Orang Besar Undang. Disamping itu kedatangannya akan disambut dengan bakaran bedil se letus. Jika majlis itu tidak memerlukan kedatangan Datuk Lembaga suku Biduanda, bedil tidak boleh dibakar.

Setelah rombongan itu sampai ke muka tangga Datuk Lembaga dan isterinya akan dipersilakan naik. Datuk Lembaga akan didudukkan di tempatnya, iaitu di atas tilam pandak; sedangkan isterinya diiringi masuk ke tengah rumah dan duduk berhampiran dengan pelamin. Peralatan kebesaran akan diletakkan ditempat khasnya dengan kedua kaki payung sentiasa ter-kembang.



Awal mengaji daripada alif,  
 duduk berbilang daripada esa.  
 Hujan turun daripada langit,  
 embun se titik menjadi laut,  
 tanah se kepal menjadi gunung;  
 hujan berpohoh kata berasal.

Usul asal, asal kata,  
 tahu kecil pada nan gedang,  
 tahu gedang pada nan tua,  
 tahu nan tua pada nan sudah-sudah.

Tatkala buluh bilah ditanam,  
 besi nan berdenting,  
 se zaman puntung berasap,  
 gagak hitam,  
 bangau putih,  
 Datuk Perpatih nan Se batang  
 adat sentosa dalam suku nan dua belas.

Selilit Pulau Perca,  
 selimbang Tanah Melayu;  
 mengedar ke hulu:  
 gunung nan tinggi,  
 kayu nan besar,  
 gaung nan dalam,  
 tempat penternak liar berulang alik,

Setelah Datuk Lembaga duduk dan memakan sirih sekapur,  
 Buapak akan mengadap untuk memulakan istiadat. Antara lain  
 Buapak akan berkata:

"Sembah datuk.

Adat berpangkal ke bumi,  
 adat berpucuk ke langit.

Adat perpatih:

cincang diberi pampas,  
 mati diberi belas;  
 anak dipanggil makan,  
 anak buah disorong balas.

Adat temenggung:

siapa membunuh, siapa dibunuh,  
 siapa berhutang, siapa membayar,  
 siapa salah, siapa bertimbang.

Raja memerentahkan alam,

Penghulu memerentahkan luak,

Tua memerentahkan suku,

Waris memerentahkan pusaka,

Buapak memerentahkan anakbush,

Tempat semenda memerentahkan orang semenda,

Laki memerentahkan bini,

Emak memerentahkan anak.

Mengedar ke darat:

meranti nan bersenggat dahan,  
 tempat ular sampai melampai,  
 tempat siamang menghayun kaki;  
 anak kera bermain catur.

Mengedar ke baroh:

lepan nan lebar,  
 jalor nan berpematang,  
 sawah nan berlantak,  
 tempat rakyat bertanam padi.

Mengedar ke hilir,

air nan melurut,  
 pasir putih airnya jernih,  
 tempat galah silang seli,  
 tempat perahu hilir mudik,  
 tempat dagang keluar masuk,  
 tempat Keling putar memutar,  
 tempat China timbang menimbang;  
 orang ramai dalam negeri,

sembah datuk.

Kalau bagitu:

Ke laut menuju alur,  
 ke darat menuju benar,  
 bertanam menuju musim.

Kemudian Datuk,

Di lengkong kampung nan bersudut,  
 di tokok tangga nan berkata-katak,  
 di betulkan rasok pelancar,  
 di tahan rasok melintang,  
 di tatang lantai nan se belah,  
 di tutup atap nan selayar,  
 di arak kayu nan panjang;  
 terhampar rupanya kasau,  
 tersirak tabar layar,  
 terkuit bunyi pintu,  
 tempat terdiri tiang tengah;

sembah Datuk.

Kemudian Datuk:

Sudah terdinding rupanya tabir,  
 sudah terbentang langit-langit,  
 sudah tergantung kain sampai,  
 sudah terlonggok rupanya pinang,  
 sudah tersusun rupanya sirih,  
 sudah terkacip rupanya pinang,  
 sudah putih rupanya kapur,  
 sudah kuning rupanya gambir,  
 sudah bergumpal rupanya tembakau,  
 sudah bertimpuh tilam pandak,  
 sudah terbentang tilam panjang,

Ke laut pulau-pulauan,  
 ke darat busut-busutan,  
 air setitik sama dilautkan;  
 tanah sekepal sama digunungkan.

Kemudian datuk,

Nak tahu pamah nan lebar,  
 bertanya pada belalang;  
 nak tahu belukar menompok,  
 bertanya pada denak;  
 nak tahu tanjung berliku,  
 bertanya pada bebarau,

sembah datuk.

Kemudian,

Tanah dah datar,  
 air dah jernih,  
 padi dah menjadi,  
 negeri dah sentosa,

sembah datuk.

Maka duduklah bersuku-suku,  
 berapalah sukunya: dua belas.

Kalau di Luak Rembau, selepas sampai ka perbilangan  
 ini di tambah pula dengan perbilangan:

◊ Alam beraja,

sudah teratur bantal besar,  
 sudah bersusun bantal kecil,  
 sudah bergonjong gunung berangkat,  
 sudah bersilang gunting-gunting;  
 sudah memancung rupanya pedang,  
 sudah menikam rupanya keris,  
 sudah terurai rupanya tombak,  
 sudah terkembang rupanya payung,  
 sudah kerkecipong tawak-tawak,  
 sudah meningkah bunyi genderang,  
 sudah beratur rupanya meriam,  
 sudah bersukat ubat bedil,  
 sudah terbakar rupanya tunam,  
 sudah berderun bunyi 'lamat,  
 Adat pun beratur,  
 Bilang pun tertentu.

Sembah Datuk.

Jadi Datuk,  
 pada hari nan sehari ini,  
 kok malam nan se malam ini,  
 saya ini,  
 kok mengaji kepada alif,  
 kok berbilang kepada esa,  
 kok bercakap kepada pangkal.

Jadi Datuk, inilah anak buah saya ni,

Luak berpenghulu,  
 saya misalkan:  
 Raja berganti Allah,  
 Penghulu berganti Rasul.  
 Raja yang berkejaan lembaga,  
 mengadap Undang bernobat,  
 berempat di baroh,  
 nan lima bersuku berempat di darat,  
 dalam sembilan dua tiga,  
 Leabaganya satu\_7

Adatnya datar,  
 maufakatnya asa,  
 pusakanya bulat;  
 waris nan punya:  
 telur sebiji sama ditatang,  
 pusaka nan satu sama dijunjung;  
 ke laut menjadi apung,  
 ke darat menjadi suluh,  
 di tengah menjadi tumpuan.

Kalau bagitu datuk,  
 Maka dilihat kampung nan bersudut,  
 sawah nan berlopak,  
 nyior nan melick,  
 pinang nan berjejer,  
 parit nan melintang;  
 di situ perhimpunan suku nan dua belas.

sudah pula mengadakan anak:  
 sehari ada se hari bernama,  
 se hari berhutang kepada mak bapanya,  
 Hutang diatas enam syarat:  
 pertama kerat pusat,  
 kedua upah bidah,  
 ketiga sunat rasul,  
 keempat tindak daeng,  
 kelima diserahkan mengaji,  
 keenam nikah;  
 hutang adat dengan hukum.

Jadi datuk,  
 kok malam nan se malam ini,  
 kok hari nan se hari ini,  
 itulah anak buah saya ini nak membayar hutang:  
 bukan hutang padi nan bersukat,  
 bukan hutang kain nen berhasta,  
 bukan hutang ringgit nan berbilang,  
 Hutang adat dengan pusaka,  
 adat diisi orang nikah,  
 Sembah datuk.

Itulah nan saya sembahkan kepada datuk. Habislah  
 sembah saya, datuk.

Kepada sembahnan Buapak ini akan dijawab oleh Datuk



Suku nan bertua,  
 anak buah nan berbuapak;  
 berompok seorang satu,  
 berhak masing-masing.

Dekat rumah dekat kampung,  
 singgap bersisir,  
 rumah berkotak, bertangga;  
 se halaman sepermainan,  
 se perigi sepermandian,  
 se jamban seperulangan,

sembah datuk.

Kalau bagitu datuk,  
 dilihat pula pada hukum  
 dan pada adat,  
 hukum tak mengambat,  
 adat tak menggalang,  
 alur pulak semenda menyemenda.

Se bulan nan setengah,  
 se tahun nan dua,  
 mengadakan anak dua orang:  
 seorang lelaki, seorang perempuan.  
 Anak perempuan,  
 sampai had dan masanya,  
 diserahkan mengayam dan menjahit;

Lembaga. Antara lain katanya:

"Sembah Datuk.

Mengaji daripada alif,  
 membilang daripada esa,  
 berkata daripada asal;  
 usul asal jangan ditinggalkan.

Ialah datuk:

Se helai akar,  
 se bingkah tanah,  
 se batang kayu,  
 se helai akar yang putus akan pengikat,  
 se bingkah tanah terbalik buat permatang,  
 kayu se batang buat turusan.  
 Permatang sudah lurus,  
 tanah sudah datar,  
 tanaman sudah menjadi,  
 orang sudah nan sentoasa.

Kemudian Datuk, berbilang sedikit:

Si pasin mudik ke hulu,  
 si lawah mudik ke hilir,  
 Alam nan beraja,  
 Luak nan berpenghulu,  
 Suku nan berlambaga,  
 Anak buah dengan Buapak.

dapat tškar sehelai,  
 bantal se buah;  
 maka sukaiah emak bapanya.

Anak lelaki:

diserahkan mengaji,  
 dapat se patah nan dua,  
 tangkal judi dengan sabung.  
 Kemudian nan lelaki,  
 sudahlah umur dengan jangkanya,  
 jika ka laut,  
     bercincangan dayung,  
 jika ke darat,  
     bercincang pedang;  
 kemudian yang kecil sudah besar,  
 nan belayar dah pulang,  
 nan bingong dah cerdik,

sembah datuk.

Anak lelaki, apa untungnya?  
 dicari-carikan, ditanya-tanyakan.  
 Anak perempuan, apa untungnya?  
 dinanti-nantikan, dikilat-kilatkan,  
 di sikat-sikatkan,

sembah datuk.

Kemudian lagi datuk,  
 kalaulah:  
 adat datar, pusaka satu,  
 adat tidak bertukar,  
 setia tidak berubah,  
 muafakat tidak beralih:  
 kok bukit sama didaki,  
 kok luruh sama dituruni,  
 kok cicir sama rugi,  
 kok dapat sama laba.  
 Kok tanah se kepal sama digunungkan,  
 kok air se titik sama dilautkan,  
 kok padang sepermainan,  
 kok se perigi sepermandian,  
 kok se jamban seperulangan,  
 kok jalan telah se dundun,  
 kok lenggang dah se ayun,  
 kok duduk dak se jajar.  
 Se kocong bak kuih,  
 se bungkus bak nasi.  
 Kok tumbuh di hulu dimudiki,  
 kok tumbuh di hilir dihiliri,  
 kok tumbuh di tengah dihimpuni.

Kemudian tu Datuk:

Kok jauh dah dijemput,  
 kok dekat dah dikampungkan,

Kalau bagitu datuk,

Apalah syarat semenda menyemenda:

Risik diandaikan,  
kilat dibayangkan.

Maka sekarang,

risik nan berdesus,  
kilat nan memancar,  
duai nan merangkak,  
gamit nan berkecapi.  
Hilang risik hilang desus,  
lalu dibuat kata muafakat:  
kata ia ditanda rupai,  
lalu mengelek cincin sebetuk,  
cincin tahui, cincin tanya,  
cincin sebetuk tanda muafakat,

sembah datuk.

Dengan itu datuk,

Cincin digenggam dek esak dan bapa,  
nan jauh dijempatkan,  
nan dekat dikampungkan,  
maka cincin pun dibuka,  
esa sekata, kata dibalikkan,  
tak esa sekata, cincin dikembalikan.

Kini nampaknya:

esa sekata timbal balik,  
lalu dibuat janji adat.

segala tempat semenda nan se adat,  
 segala orang semenda nan se resam,  
 serta tua nan beradat.

Dan lagi datuk:

Kemudian daripada itu,  
 Kok tabir sudah terdinding,  
 kok langit-langit sudah terbentang,  
 kok sampai sudah tergantung,  
 kok pinang sudah terlonggok,  
 kok sirih sudah bersusun,  
 kok pinang sudah berkecip,  
 kok kapur sudah putih,  
 kok gambar sudah kuning,  
 kok tembakau sudah bergumpal,  
 kok tilam pandak sudah bertimpuh,  
 kok tilam panjang sudah terbentang,  
 kok bantal besar sudah beratur,  
 kok bantal kecil sudah tersusun,  
 kok gunung berangkat sudah bergonjong,  
 kok gunting-gunting sudah bersilang,  
 kok pedang sudah memancung,  
 kok keris sudah menikam,  
 kok tombak sudah terurai,  
 kok payung sudah terkembang,  
 kok tawak-tawak sudah berkecipong,  
 kok genderang sudah meningkah,

Apalah janji adat?  
 cepat janji tiga hari,  
 lewat janji tujuh hari,  
 laun janji dua kali tujuh hari.

Nampaknya datuk,  
 Hari nan sehari ini,  
 malam nan semalam ini,  
 datanglah datuk ke telapak kami;  
 turun istana menjunjung titah,  
 turun balai menjunjung sabda,  
 turun telapak menjunjung sembah  
 tempat semenda.

Kalau bagitu, datuk datang ni  
 membawa tanda rupa:

urat nan merangkak,  
 kilat nan memancar,  
 tegur menyapa,  
 cincin sebetuk,  
 tanda maufakat;

dah sudahpun.

Dan hari ini,

cincin dua bentuk

yang datuk bawa:

tanda terikatlah kita!

kok meriam sudah beratur,  
 kok ubat bedil sudah bersukat,  
 kok tunam sudah terbakar,  
 kok 'lamat sudah berbunyi,  
 Adat pun teratur,  
 Bilang pun tertentu.

Kemudian Datuk:

Kalaulah telah:

dilihat pada hukum dan pada adat:

hukum tak menghambat,

adat tak menggalang,

alur pulak semenda menyemenda,

dek saya datuk tidaklah ada apa-apa. Jemputlah

datuk mulakan. Sembah datuk".

Dengan lafazan kata-kata tersebut, Datok Lembaga memberi restu untuk memulakan istiadat. Dengan itu Buapak pun memohon izin untuk memulakan olek. Selepas diberi izin Buapak pun bangun dan memukul gong yang telah sedia ada sebanyak satu kali. Pemukulan gong ini menandakan bermulanya berkonak olek dan selesai istiadat membesarkan Lembaga. Di setengah tempat pukulan gong ini akan diikuti pula dengan pukulan tawak-tawak, rebana dan lain-lain bagi memberitahu orang se kampung bahawa majlis olek telah bermula.

Selesai adat memulakan olek itu hidangan pun diedarkan.



Bagi kami di sini:

Untunglah menanti,

Datuk pun tiba menghantar cincin sebetuk  
maka dek saya menerimalah;

Itupun jika:

esa sekata tempat semenda.

Jika esa sekata,

kata saya kembalikan;

jika tak esa sekata,

cincin saya belikkan,

sembah datuk.

Dalam pada itu datuk,

kita labuhlah janji adat:

sakit lelaki lari pada perempuan,

sekit perempuan lari pada lelaki;

cacat cida

sawan gila luar janji.

Kemudian,

janji dibuat dimuliakan,

dalam janji digaduh-gadahkan,

sampai janji ditepati.

Sembah datuk.

'Dulang hidangan untuk Dato' Lembaga ialah di atas tempat peminangan ataupun di atas dulang berkaki. Pinggan diletakkan di atasnya. Dulang dan nasi untuk hidangan (jambur) Dato' Lembaga bertutup dengan tudung saji yang dilapik dengan kain di atasnya. Kain lapik atau tutup dulang ini selalunya berwarna-warni dan di tekad dengan benang emas bahagian emas di bahagian tepinya.

Apa yang harus diambil perhatian di sini ialah pada lazimnya dikalangan masyarakat adat perpatih, pesta perkahwinan di rumah pengantin perempuan adalah lebih besar daripada rumah pengantin lelaki. Ada dua sebab utama mengapa keadaan ini terjadi.

- 1) Majlis akad nikah diadakan di rumah pengantin perempuan.
- 2) Majlis perkahwinan itu secara tidak langsung adalah juga perayaan menerima ahli baru (orang semenda) bagi pihak perempuan.

Oleh yang demikian, olek kahwin selalunya diadakan oleh pengantin perempuan. Ini tidak pula bermakna olek tidak boleh dijalankan di rumah pengantin lelaki, tetapi dijalankan selepas habis olek di rumah pengantin perempuan. Pihak lelaki pada hari dan malam mengenakan olek itu harus juga bersedia. Mereka akan mengadakan kenduri juga untuk mempersilakan pengantin lelaki untuk pergi berakad nikah di rumah pengantin perempuan.

## 6.2. Adat Istiadat Memberi Gelaran

Salah satu istiadat yang harus dilakukan oleh pihak pengantin lelaki sebelum melepaskan anak bujangnya pergi berkahwin ialah adat memberi gelaran. Adat istiadat ini bersesuaian dengan perbilangannya:

Kecil bernama,

Besar bergelar.

Maksudnya ialah seseorang anak itu, apabila ia lahir sahaja ke dunia ini akan diberi nama. Peristiwa memberi nama ini dijalankan semasa

Cantik nampaknya bungkusannya ni. Boleh saya buka Datuk."

Boko yang berisi cincin pinangan itu dibuka, dan cincin yang ada akan dilihat dengan teliti. Sambil itu wakil pihak perempuan akan berkata lagi:

"Datuk. Saya bagi pihak orang semenda nan seresam di sini menerimalah cincin pinangan ini (jika ada iringan lain seperti wang, persalinan dan sebagainya di tambah: "dan iringannya sekali") separas adat nan diadatkan sebagai orang semenda; iaitu:

Pagar pasak poti bunian,  
tempat benar,  
tempat percaya,  
tempat semenda.  
Kok dapat pagi, sampaikanlah pagi,  
kok dapat petang, sampaikanlah petang,  
kok dapat buruk, sampaikanlah buruk,  
kok dapat baik, sampaikanlah baik.

Ini nampaknya perkara baik. Jadi saya menerimalah bagi pihak saya orang semenda nan seresam untuk menyembahkan kepada tempat semenda saya nan se adat.

kok dapat esa sekatanya,  
saya pulangkan kata esa-sekata;

istiadat kerat pusat. Bagi anak perempuan nama yang diberi itu akan terus digunakan untuk sepanjang hayatnya. Tetapi, bagi anak lelaki, pada malam sebelum ia pergi berakad nikah akan diberi gelaran yang sesuai bagi dirinya.

Memberi gelaran kepada anak lelaki ini bermaksud ia telah mencapai status besar yakni telah dewasa. Mulai dari saat itu, ia tidak lagi bertaraf kanak-kanak tetapi telah matang untuk menjalani hidup bersendirian, bertanggungjawab terhadap dirinya, isterinya dan anak yang bakal lahir. Di samping itu, dengan adanya gelaran itu, maka senangnya ia dipanggil oleh kaum kerabat pihak isterinya nanti, kerana pada anggapan masyarakat adat, adalah kurang manis bagi orang semenda (kaum keluarga isteri) untuk memanggil menantu <sup>nya dengan</sup> nama.

Tentang gelaran yang diberikan itu tergantung kepada kelayakan dan kebolehan mempelai lelaki. Umpamanya, kalau ianya seorang yang pandai mengaji maka sesuai sekiranya digelar "Malim Muda". Sekiranya ia seorang yang kuat serta tegap dari segi fizikal ia mungkin digelar "Pendekar Muda". Gelaran-gelaran lain seperti "Nika", "Nara", "Malano" dan sebagainya boleh juga diberikan. Gelaran ini akan diisytiharkan oleh Buapak kepada orang ramai pada malam itu juga. Dan gelaran inilah yang akan digunakan sebagai panggilan di suku isterinya nanti. Setelah diberi gelaran, diadakan majlis jamuan sementara menunggu kedatangan jemputan daripada pihak perempuan. Adalah diadatkan dalam majlis perkahwinan oleh pihak pengantin perempuan harus datang menghantar wakil, yang dipanggil orang menjemput, mempersilakan pengantin lelaki ke rumah untuk upacara akad nikah dan adat-istiadat seterusnya di rumah pengantin perempuan.

### 6.3. Adat Menjemput Pengantin Lelaki

Sementara itu, pada masa yang lebih kurang sama di rumah pengantin perempuan akan berjalan persediaan untuk menjemput pengantin. Setelah

kok tak dapat ese-sekatanya,  
maka saya pulangkan tanda rupa;  
dengan kata tak esa-sekata.

Sembah datuk!"

Setelah itu, boko dengan cincinnya sekali akan diserahkan kepada rakan pembantunya. Beliau, selepas menyaksikannya akan menyerahkannya kepada ketua-ketua adat yang hadir. Ketua adat akan menasihatkan ibu dan bapa perempuan agar menyimpan dan menjaga cincin itu dengan cermat. Selepas dipersaksikan oleh kaum lelaki di bahagian serambi rumah, alat-alat itu akan didorong pula ke dalam rumah (bahagian dalam rumah) agar dapat dilihat pula oleh kaum perempuan dan akhirnya disampaikan kepada ibu perempuan untuk disimpan.

Sementara itu wakil-wakil pihak lelaki dan perempuan akan terus berunding dan berbincang mengenai perkara-perakara yang berkaitan dengan hari langsung iaitu hari perkahwinan. Antara yang dirundingkan termasuklah: mas kahwin, tempoh pertunangan, yang pada zaman dahulu selalunya diadakan selepas pertahunan yakni selepas musim menuai padi ataupun selepas hariraya puasa atau haji, dan lain-lain perkara yang bersangkutan.

Selepas selesai segala perundingan, hidangan makanan pun disajikan. Selalunya pada masa ini, terutama selepas ter-

jamuan pecah olek atau berkonak olek selesai, Buapak akan meminta izin daripada Dato' Lembaga untuk mengarahkan orang semenda pergi menjemput pengantin lelaki, mas kahwin, adat dan pusaka. Pusaka di sini bermaksud gelaran, samada gelaran pusaka atau gelaran biasa yang telah diberikan kepada pengantin lelaki (lihat huraian 6.2. di atas). Peralatan yang dibawa untuk pergi menjemput ini adalah tepak sirih yang telah dibungkus dengan kain ataupun di setengah tempat, bujam epok. Orang semenda yang ditugaskan untuk menjemput adalah terdiri dari dua orang.

Pemilihan orang semenda untuk menjemput pengantin ini kadangkala telah dibuat pada masa hari berkampung dahulu. Ada juga yang membuat pemilihan itu pada hari atau malam berkonak olek. Cara pemilihan adalah seperti berikut:

- a) Mengikut giliran dalam perut suku dan orang yang dipilih, sekurang salah seorang daripada yang dua itu, orang yang mengenai adat dan pandai dalam perbilangan. Pada kebiasaannya orang yang kedua itu adalah orang muda, orang semenda baru dan tujuan pemilihannya adalah agar ia mendapat pengalaman dan belajar menjalankan adat menjemput. Justeru itu, ia akan menjadi pembantu kepada orang yang 'lama' tadi.
- b) Kalau orang yang dijemput (pengantin lelaki) itu

saji hidangan terdapat juga gurau-senda berbalas pantun antara kedua pihak. Antara pantun yang sering digunakan adalah:

"Wakil tuan rumah:

Sayang kerunci di tengah rumah,

Bercampur dengan biji kepaya;

Tulus ikhlas tuan punya rumah,  
dia berwakil kepada saya.

Dari Muntuk ke Batu Hampar,

Anak puyuh terlari-lari;

Hidangan saya sudah terhampar,  
Sudikan lah membasuh jadi.

Hidangan saya dari Mengkasar,

Letak mari atas atap;

Hidangan saya sudah terhampar,  
Saya menyembah minta santap.

Ayam hitam terbang ke bukit,

Jatuh terpuruk makan dedak;

Nasi hitam lauk sadikit,  
Entah sedap entah tidak."

#### 4.4.5. Implikasi Penerimaan Tanda

Apabila cincin pinsangan telah diterima maka rasmilah pertunangan antara si lelaki dengan si perempuan. Mengikut

Orang bergelar atau penyandang pesaka adat seperti anak Dato' Lembaga, anak Buapak atau anak Dato' Undang/Penghulu maka orang semenda yang dipilih mestilah juga seorang yang bergelar, contohnya Buapak suku lain yang menyemenda di suku tersebut (suku pihak perempuan).

Setelah ditentukan, orang-orang semenda yang terpilih itu akan dibawa mengadap Dato' Lembaga dan ketua-ketua adat yang hadir. Buapak akan memperkenalkan mereka kepada Dato' Lembaga. Selepas bersalaman, Buapak dengan dicelahi oleh Dato' Lembaga akan menerangkan kepada orang menjemput akan tugas-tugasnya. Antara lain ialah:

- 1) Menjemput diri pengantin lelaki.
- 2) Menjemput pusaka pengantin lelaki.
- 3) Menjemput mas kahwin.
- 4) Dan mengingatkan bahawa mereka juga harus menjemput ke semua yang hadir dalam majlis pihak lelaki untuk datang bersama mengiringi pegantin lelaki ke majlis pengantin perempuan..

Selepas diberi keterangan dan nasihat, tepak sirih atau bujam epok pun diserahkan kepada salah seorang daripada orang yang menjemput itu. Tepak sirih atau bujam epok ini penting dibawa kerana ia merupakan pemecah kata adat dan melambangkan serta mewakili keseluruhan ahli kelompok kekeluargaan yang menjemput. Tepak sirih itu akan disambut oleh orang menjemput dan dengan itu mereka akan bersalaman dengan Dato' Lembaga, Buapak dan ketua-ketua adat yang lain, serta memohon izin untuk berjalan menyempurnakan tugas.

Dipihak lelaki, pemilihan yang sama juga akan dilakukan tetapi bukannya untuk menjemput tetapi untuk mengiringi pengantin dan membawa adat pusaka. Mereka inilah yang akan menyerahkan pengantin lelaki kepada pihak pengantin perempuan untuk menjalankan upacara ijab kabul. Di setengah dalam masyarakat



adat dalam masa pertunangan yang disebut juga sebagai masa dalam janji kedua belah pihak harus menuruti dan menghormati aturan perjanjian atau undang-undang adat. Perjanjian itu disalurkan melalui kata-kata perbilangang yang dilafazkan semasa memberi dan menerima cincin adat:

Cincin sebentuk menanya ibu bapa,  
 cincin dua bentuk esa sekata,  
 esa sekata kata **dibalikkan**,  
 tak esa sekata tanda dikembalikan;  
 esa sekata janji dibuat:  
 Janji dibuat, dimulihkan:  
 dalam janji, digaduhkan,  
 sampai janji, ditepati.  
 Elah si lelaki loncor tanda,  
 Elah se perempuan ganda tanda.

Maksudnya di dalam masa pertunangan, jika pihak lelaki yang membuat helas seperti memutuskan pertunangan itu maka segala yang dibayar atau dihantar sebagai tanda peminangan terpulang kepada perempuan. Dengan perkataan lain, segala hantaran pihak lelaki semasa mengikat pertunangan tidak dipulangkan dan pihak lelaki tidak boleh menuntutnya semula. Sebaliknya, jika pihak perempuan pula yang membuat helas maka tanda pertunangan hendaklah dipulangkan dengan berganda yakni cincin sebentuk menjadi dua bentuk dan bagitu juga peralatan lain, walau dalam apa bentuk sekalipun.

kat adat perpatih, mereka itu dipanggil sebagai pembawa adat.

Setibanya utusan menjemput itu ke rumah pengantin mereka akan memberi salam. Salam mereka akan dijawab dan selalunya diiringi dengan kata-kata lucu dan sindiran untuk memeriahkan suasana. Mereka akan dijemput naik ke atas rumah dan didudukkan pada tempat telah disediakan untuk mereka. Sebelum duduk, sebagaimana adat orang Melayu mereka akan bersalaman dengan semua yang ada di serambi rumah tersebut.

Setelah duduk mereka akan berborak kecil dahulu dengan yang hadir sebelum menjalankan adat menjemput. Tujuannya adalah untuk melepaskan lelah dan bermesra dengan pihak yang menunggu. Apabila dirasakan yang lelah telah pulih, seorang wakil pihak perempuan akan bertepok tangan sekali, sebagai menandakan upacara hendak dimulakan. Para hadirin akan berhenti bercakap. Wakil pihak perempuan akan berkata:

"Dato'-dato', bapak-bapak, abang-abang dan adik, serta yang hadir sekalian, nampaknya tetamu kita malam datang dengan hajat. Malam pun dah lewat. Eloklah kita dengar apa hajatnya. Kalau berat hajatnya 'tu sama kita pikul, kok rengan samalah kita jujung."

Pokok pauh di tengah pedang,  
Bersama langsung dan meranti,  
Dari jauh Dato' datang,  
Apakah hajat di dalam hati".

Kepada kata-kata ini, ketua orang menjemput, iaitu orang memegang tepak sirih akan menjawab:

"Dato'-dato', bapak-bapak, abang-abang, adik-adik serta saudara sekalian, kedatangan kami pada malam nan semalam ini, memang besar hajatnya,

Perjanjian adat ini juga meletakkan syarat:

cacat cida,  
sawan gila,  
di luar janji.

Ini bermaksud jika salah satu pihak terkena penyakit seperti sawan atau gila atau penyakit lain seperti kusta, mati pucuk, untut dan/atau cacat sebab kemalangan ia tidak akan menjejaskan perjanjian. Segala marapetaka ini tidak termasuk dalam janji adat.

Namun, adat menyatakan jika mati salah seorang yang bertunang, separuh dari wang adat dikembalikan kepada pihak lelaki. Barang-barang pemberian dipulangkan semua sekali.

Disamping itu, jika dalam masa pertunangan ini berlaku sesuatu hal diluar dugaan maka pihak yang berkenaan harus memberitahu pihak yang lain, sebagai kata adat:

Sakit lelaki lari pada perempuan,  
sakit perempuan lari pada lelaki.

Dan pihak yang lain harus bersama menyelesaikan masalah yang tumbuh. Segala masalah yang berkaitan, terutama sekali pihak perempuan tidak harus disurukkan. Jika didapati pihak perempuan menyurukkan perkara buruk maka mereka terpaksa membayar tiga kali ganda adat dan pemberian.

#### 4.4.6. Pembatalan Pertunangan

Jika berlaku perlanggaran kepada salah satu daripada

Pokok pauh di tengah padang,  
Bersama langsung dan meranti,  
Dari jauh kami datang,  
Membawa hajat besar sekali.  
Sembah Dato':  
Bekas sirih tidak berpinang,  
Sirih yang ada kecut-mecut,  
Isi menyirih bukan meminang,  
Isi menyirih kerana nak menjemput.  
  
Detik-detik bersarang di lada,  
Takut disambar burung sikap,  
Gedang kecil semua ada,  
Kepada siapa saya nak bercakap".

Kata-kata ini akan dijawab oleh pihak lelaki dengan menyatakan kepada siapa haluan sembah itu harus ditujukan. Biasanya orang yang menerima sembah itu ialah Buapak pihak lelaki.

"Bukan siakap sebarang siakap,  
Siakap ditangkap di dalam tebat,  
Nampaknya, bukan cakap sebarang cakap,  
Cakap penuh dengan adat istiadat.

Siakap ditangkap di dalam tebat,  
Burung belatuk hinggap di tingkap,  
Cakap penuh dengan adat istiadat,  
Maka kepada Dato' inilah dihalukan cakap.  
Sembah Dato'!

perjanjian tersebut di atas maka pertunangan itu akan batal. pembatalan ini harus dilakukan secara rasmi. Jika lelaki yang ingin membatalkan maka wakil yang menghantar tanda haruslah menemui kembali wakil pihak perempuan dan menyatakan hasrat dan tujuan. Begitu juga sebaliknya. Semasa menemui pihak yang berkenaan, terutama sekali jika pihak perempuan haruslah membawa denda yang dikenakan mengikut perjanjian yang dibuat, iaitu:

alah se lelaki loncor tanda,  
alah si perempuan ganda tanda.

Dengan berbekalkan tepak sirih adat pihak yang hendak membatalkan tali pertunangan itu akan mengunjungi pihak yang lagi satu. Setelah berbual-bual seketika, pihak yang datang akan berkata:

"Sembah datuk.

Sehelai akar sebingkah tanah,  
akar menjadi kayu ara,  
pulang kayu ara menjadi rimba;  
pandang ke hulu,  
pucuk penak beratapan,  
pandang ke hilir,  
pucuk manau bercuitan,  
pandang ke darat,  
pucuk meranti tinjau meninjau,  
pandang ke baruh,  
pucuk sendayan selang seli.  
Rimba dah menjadi belukar,

Sambil itu wakil berkenaan akan meminjamkan Buapak pihak lelaki.

Seandainya orang-orang menjemput tadi duduk jauh dari tempat Buapak, mereka akan bangun dan beralih tempat duduk, agar berhadapan dengan Buapak. Kalau mereka telah berhadapan maka mereka hanya terus sahaja mengadap Buapak berkenaan.

Orang-orang menjemput itu akan bersalaman dengan Buapak. Setelah bersalaman, tepak sirih akan disorongkan kepada Buapak sambil berkata:

"Sembah Dato':

Pokok senduduk tumbuh di lirik,  
Tanahnya lembik tidak padat,  
Kepada Dato' disorongkan sirih,  
Sebagai tanda kita beradat.

Makan sirih berpinang tidak,  
Pinang ada dari Melaka,  
Makan sirih mengenyang tidak,  
Sebab budi dan bahasa,  
Jemputlah Dato', makan sirih!.

Buapak akan menyambut tepak sirih yang didor<sup>o</sup>ngkan kepadanya.

Sambil menerima itu akan menjawab:

"Sembah Dato':

Orang berjalan berlima-lima,  
Seorang terpijak daun selasih,  
Tepak diberi saya terima,  
Saya ucapkan terima kasih".

Dengan itu tiba pula giliran Buapak itu memberikan tepak sirihnya kepada orang menjemput. Untuk ini ia akan berkata:

belukar dah menjadi padang,  
 padang dah menjadi kampung nan bersudut,  
 rumah nan berkotak tangga,  
 sawah nan berlopak.

Duduk serumah,  
 tidur se bantal,  
 makan sedulang,  
 mandi seperigi  
 kain se hampaian.  
 Maka orangpun dah ramai,  
 maka tumbuh pulalah adat.

Duduk bersuku-suku nan duabelas,  
 maka diharuskan semenda menyemenda,  
 suku dengan suku.  
 Maka ditengok dalam sehari nan dua,  
 mengkaji kesah nan lama,  
 bulan tak dapat dikira,  
 kok tahun tak dapat ditentukan.

Maka tersemenda pula saya  
 terbiras nan seresam,  
 Kok nan baru,  
     mengadakan ipar dan lamai,  
 kok nan lama,  
     mengadakan anak dan pinak.

"Sembah Dato':

Sungguh susah mencari selasih,  
Selasih datang dari Andalas,  
Dato' sudah memberi sirih,  
Sirih diberi sirih dibalas,  
Jemputlah Dato'!

Pihak orang menjemput akan menerima tepak. Kedua-dua pihak akan menyirih. Selepas menyirih, maka Buapak, sebagai tuan rumah akan memulakan adat:

"Sembah Dato':

Orang Lereh pergi Beranang,  
Dengan hajat untuk berladang,  
Sirih telah dimakan sekapur seorang,  
Nyatakan hajat Dato' datang bertandang.  
Batang senduduk di dalam dulang,  
Urat menjaral berjalur-jaluran,  
Duduk kita duduk berbilang,  
Adat yang mana nak kita keluarkan.

"Sembah Dato':

Kata-kata ini akan disambut oleh orang menjemput dengan berpantun:

tun:

"Sembah Dato':

Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di tepi tingkap,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah saya sembah nak bercakap.

Sarang tempua dalam belukar,  
Ambil galah jolok-jolokkan,



Lelaki ada, perempuan pun ada,  
 kecil dianduh diandai,  
 haus diberi minum,  
 lapar diberi nasi,  
 lauknya pisang bersalai.  
 Sombong dek emak,  
 megah dek bapa.  
 Kecil dah gedang,  
 gedang dah pula sampai hadnya.  
 Maka diserukan untung,  
 untung pada lelaki dicari-carikan,  
 untuk pada perempuan dinanti-nantikan;  
 maka untunglah dek anakbuah saya,

Dalam se hari nan dua  
 risik nan berdesus,  
 kilat nan memancar.  
 Maka datanglah duai nan merengkak,  
 maka ditengokkan:  
     hukum tak menghambat,  
     adat tak mengalang,  
 maka diharuskan kita semenda-menyemenda.  
 Maka janji dibuat  
 dalam persetujuan antara dua pihak,  
 datang pula pinang berjunjung,  
 dibawa (jika perempuan: "diterima") pula  
 cincin berikat - cincin tanda.

Saya ni muda baharu belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.

"Sembah Dato':

Saya ini,  
Umur baru belukar muda,  
Umur belum setahun jagung,  
Darah belum setampuk pinang.  
Kalau begitu,  
Saya ini ibarat pisang,  
Singkap daun ambil buah,  
Kopek kulit dapat isi.

Sembah Dato':

Kita ini,  
Hidup berperuntungan,  
Mati berkemulah (berhukum Allah),  
Mati dikandung tanah,  
Berupa ada, tanah badan,  
Hidup dikandung adat,  
Berupa ada, rumput nan menjalar.

Duduk bersuku-suku,  
Suku bertua,  
Anak buah berbupapak,  
Luak berpenghulu,  
Alam beraja.

Sembah datuk.

Tetapi itulah bak kata orang:

rezki, maut,

tanah perkuburan

dan jodoh pertemuan, kuasa Tuhan belaka.

Bak kata orang-orang tua:

kalau ke laut, pecah perahu,

kalau ke darat, pecah periok.

Nampaknya tidaklah ada jodoh pertemuan

budak-budak ini.

Kalau keras peremuannya:

asam di gunung,

ikan di laut pun bertemu juga;

inikan pula kita:

duduk dekat rumah, dekat kampung,

se halaman sepermainan,

se perigi sepermandian,

se jamban seperulangan.

Dan datuk,

dek janji telah dibuat,

janji adat dengan pusaka:

helah lelaki loncor tanda,

helah perempuan ganda tanda.

Kalau pihak lelaki yang meloncorkan pertunangan itu maka  
disebut:

Maka ada pula suku nan dua belas:

Orang semenda bertempat-semenda,

Umpama kundur tu,

Kelabu ia.

Sembah Dato':

Untung melambung,

Malang menimpa,

Tersemendalah saya kepada anak buah:

(Gelaran Dato' Lembaga suku isterinya)

Petang tiba,

pagi diunjuk,

Diberi oleh orang tempat semenda:

Knapung nan sesudut,

rumah nan berkotas<sup>k</sup> tangga,

serta beripar berlantai,

Kemudian Dato'

Bulan tidak ditentukan,

Tahun tidak dibilangkan,

Dek setahun nan dua,

Dek dua nan tiga,

Maka mengadakan pula<sup>a</sup>nak dan pinak,

Pertama lelaki,

kedua perempuan,

Sehari ada sehari bernama,

Sehari berhutang kepada mak bapa.

Hutang atas enam perkara:

Pertama kerat pusat,

Kedua upah bidan,

Ketiga sunat rasul,

Dek kami yang helah,  
 maka segala apa yang dibawa dulu  
 terpulanglah kepada pihak sini.

Sembah datuk.

Kalau pihak perempuan yang memutuskan ikatan pertunangan itu  
 maka disebutkan sebagai:

Dek kami yang helah  
 maka inilah datuk  
 saya serahkan ganda tanda.

Sembah datuk.

Jadi inilah kami datang  
 membawa salam dan sembah  
 orang se adat dan seresam kami  
 minta maaf dari hujung rambut ke hujung kaki,  
 kok ada salah dan silap,  
 baik tutur jo kata,  
 maaf sahajalah yang kami pinta.

Kalau pihak perempuan maka ditambah lagi dengan berkata:

Inilah kami kembalikan tanda dahulu bersama  
 dengan gandaannya sekali. Haraplah datuk lihat  
 dan saksikan.

Sembah datuk".

Keempat tindik daeng,  
Kelima serah mengaji,  
Keenam nikah - kahwin.

Untung lelaki diserahkan mengaji:

Ke sana kemari,

Untung anak perempuan diserahkan:

Anyam-menganyam,

Tekat-menekat,

Jahit-menjahit.

Untung anak saya nanti-nantikan,

Risik nan berdesus,

Gamit nan berkecapi,

Duai nan merangkak,

Kilat nan membayang,

Bak pikat, seekor -seekor,

Bak angin, sepoi-sepoi

Sekarang ini sudah pula ditanda rupakan dek anak buah Dato',

Cincin sebetuk, kata sepatah,

Untuk menanya anak dan bapanya,

Maka: esa sekata:

Tanda dikembalikan,

Sembah Dato',

Nampaknya sekarang ini:

Esa sekata,

Kata dikembalikan,

Janji dibuat, dimuliakan,

Sampai janji, ditepati,

Edah janji: tujuh hari,

Demikian bunyi sembah kata dari wakil pihak yang meloncorkan cincin. Kata-kata ini akan dibalas oleh pihak yang menerima seperti berikut:

"Sembah datuk.

Asal kata sejak berbilang,  
 tahu yang kecil pada nan gedang,  
 tahu nan gedang pada nan tua.  
 Tatkala bilah buluh ditanam,  
 besi berdenting-puntung berasap,  
 sigenta hitam, gagak putih,  
 nenek gadis, datuk bujang;  
 zaman itulah terbit semenda menyemenda.

Kemudian datuk,

Sehelai akar nan ditetas  
     akan pengikat,  
 sebatang kayu nan ditebang  
     akan pelintang,  
 tanahnya datar,  
 airnya jernih,  
 padinya menjadi,  
 negerinya aman.  
 Duduk dalam alam, beraja,  
 duduk dalam luak, berpenghulu,  
 duduk dalam suku, bertua.  
 Negeri dah lebar,  
 orang dah ramai;

Laun janji: dua kali tujuh hari.

Dalam janji digaduh-gadahkan,  
Sekarang ini janji sudah ditepati,  
Nan jauh sudah saya jemputkan,  
Nan dekat sudah saya kampungkan,  
Maka berhutanglah orang semenda,  
Orang semenda beraja ke tempat semenda,  
Disuruh pergi, dipanggil datang.

Maka menyuruhlah yang seadat kepada nan seresan;  
Kok nan buta menghambus lesung,  
Kok nan pekak membakar bedil,  
Kok nan cerdik teman berunding,  
Kok patah menghalau ayam,  
Kok turun dari istana menjunjung titah,  
Kok turun balai, menjunjung sabda,  
Kok turun telapak membawa sembah tempat-semenda,

Kalau bagitu Dato':

Saya ini,  
Turun dari kampung nan bersudut,  
Sawah dan berlopak berjenjang,  
Dari rumah nan berkotak tangga,  
Atap nan selayar,  
Lantai nan sebilah,  
Membawa kata janji.

Dalam janji dahulu:

Sakit lelaki lari pada perempuan,  
Sakit perempuan lari pada lelaki,



adat bertentu,  
 bilang beratur,  
 duduk dalam suku nan duabelas.

Kemudian datuk,

pandang ke hulu  
                   pucuk nan terhampai,  
 pandang ke hilir  
                   batang nan berlintang,  
 maka disadakan  
                   adat semenda menyemenda.

Diserukan untungnya,  
 kok panjang, nak menyibar,  
 kok rajin, nak minta kerjanya,  
 kok malim, nak minta deanya,  
 kok cerdek, nak minta rundingannya.

Sembah datuk.

Berperuntungan saya menerima biras se resam,  
 Kok nan baru,  
                   mengadakan iapar dan lamai,  
 Kini oleh sebab dek dah lama:  
                   mengadakan pula anak pinak.  
 Pertama lelaki,  
 kedua perempuan.  
 Se masa kecil dianduh andaikan,  
 haus diberi minum,

Cacat cindo<sup>Cida</sup> berkembalian,

Sawan gila luar janji,

Kemudian,

Janji dibuat dimuliakan,

Dalam janji digaduhkan,

Sampai janji ditetapi,

Sembah kepada Dato':

Kemudian,

Dalam janji cacat tidak,

Cida pun tidak,

Muafakat pun tak bertukar,

Setia pun tak berubah,

Terkurung mati,

Tertanda berhutang,

Bukan hutang kain nan berhasta,

Bukan adat dengan pusaka,

Sembah Dato'.

Inilah saya datang,

Diharuskan oleh tempat semenda petang ini,

Menjunjung kata tempat semenda,

Menyuruh menjemput anak buah Dato',

Adat, pusaka berserta orangnya sekali,

Disuruh juga menjemput: senak saudara yang ada di sini,

Kecil besar, tua dan muda, kesemuanya sekali,

Harap benarlah sudi datang ke telapak kami.

Sembah Dato':

Demikianlah antara bunyi sembah adat utusan pengantin perempuan kepada Buapak pengantin lelaki.

lapar diberi nasi,  
 lauknya pisang bersalai.  
 Sombong dek emak,  
 megah dek bapa.  
 Kecil dah gedang,  
 gedang dah sampai pula hadnya,  
 maka diserukan untungnya.  
 Untung lelaki dicari-carikan,  
 untung perempuan dinanti-nantikan;  
 maka untunglah anak buah saya.

Sembah datuk.

Dalam se hari nan dua,  
 risik nan berdesus,  
 kilat nan memencar,  
 duai nan merangkak,  
 maka ditengokkan:

hukum tak menghambat,

adat tak menggalang,

maka diharuskan kita semenda-menyemenda.

Maka dibuat janji:

esa sekata tempat semenda kata dikembalikan,

tak esa sekata, benda dikembalikan.

Cepat janji tiga hari,

lama janji tujuh hari,

laun janji dua kali tujuh hari.

Kata-kata adat ini akan dijawab oleh Buapak pihak lelaki.

Antara lain katanya:

"Sembah Dato':

Awal perpermulaan,  
Akhir berkesudahan,  
Sakit bermula,  
Mati bersebab,  
Kata berasal,  
Asal cakap pada awal,  
Asal mengaji pada alif,  
Asal membilang pada ésa,  
Usul-usul jangan dilupakan.

Kemudian Dato':

Nak tahu pernah nan leber,  
Bertanya pada belalang,  
Nak tahu berlukar menompok,  
Bertanya pada denak,  
Nak tahu tanjung berliku,  
Bertanya pada bebarau.

Kemudian lagi Dato',

Rimba dijadikan belekur,  
Belukar dijadikan pedang,  
Lantak ditukul,  
Emas ditahil,  
Tanah dah datar,  
Air dah jernih,  
Padi dah menjadi,  
Negeri dah sentosa.

Sembah datuk.

Adat berkata:

orang meminang tanda berani,  
berani surut, berani lalu, berani lambai,  
berani diraih, berani beralih.

Nampaknya kedatangan datuk

malam nan semalam,  
hari nan sehari ini;  
bak seperti dijanjilah:  
esa sekata kata dikembalikan,  
tak esa sekata, benda dikembalikan:  
helah lelaki, loncor tanda,  
helah perempuan, ganda tanda.

Bak kata datuk tadi:

rezki, maut,  
tanah perkuburan,  
jodoh pertemuan kuasa Tuhan belaka.  
Bak kata orang-orang tua:  
kalau ke laut pecah perahu,  
kalau ke darat pecah periok.  
nampaknya tidaklah ada jodoh pertemuan  
anak-anak kita ni.

Kalau keras pertemuannya:

asam di gunung,

Sembah pada Dato',  
Maka duduklah bersuku-suku.  
Berapa sukunya - dua belas.  
Adatnya datar,  
Muafakatnya esa,  
Pusaknya bulat.

Telor sebiji sama ditatang,  
Pusaka nan satu sama dijinjing,  
Maka dilihat kampung nan bersudut,  
Sawah nan berlopak,  
Pucuk nyior nan meliok,  
Pinang nan berjejer,  
Parit nan melintang,  
Di situlah perhimpunan suku nan dua belas.

Suku nan bertua,  
Anak buah nan bertuapak.  
Berompok seorang satu,  
Berhak masing-masing,  
Dekat rumah dekat kampung,  
Singap bersisir,  
Rumah berkotak tangga,  
Sehalaman sepermainan,  
Sejamban seperulangan.

Maka ditengok pada hukum,  
Dengan lapangan adat,  
Hukum tak menggalang,  
Adat tak menghambat,  
Harus pula semenda menyemenda.

ikan di laut,  
 dalam belanga bertemu juga;  
 inikan pula kita:  
 dekat rumah, dekat kampung,  
 se halaman sepermainan,  
 se perigi sepermandian,  
 se jamban seperulangan.

Dan datuk,

dek janji telah dibuat:

janji adat dengan pusaka:

helah lelaki loncor tanda,

helah perempuan ganda tanda;

Kami di sini menerimalah kata nan datuk bawa.

(jika pihak lelaki yang meloncorkan. Kalau

perempuan yang meloncorkan di sebut:

"kami di sini menerimalah gandaan

tanda sebagai yang dijanjikan adat").

Sembah datuk".

Jikalau perempuan yang helah maka tanda yang dikembalikan itu dibuka dan dilihat dengan teliti untuk memastikan bahawa benda-benda yang asal. Disamping itu dipastikan juga yang barang gandaan itu sama nilainya dengan yang dijadikan tanda. Kemudian, barang-barang itu diedarkan kepada anggota keluarga pihak lelaki yang hadir. Sekiranya didapati barang gandaan

Kemudian Dato',  
Sebulan nan setengah,  
Setahun nan dua,  
Untung melambung,  
Malang menimpa,  
Teruntunglah kepada kami,  
Mendapat seorang anak lelaki,  
Anak lelaki diserahkan mengaji,  
Dapat sepatah nan dua,  
Tangkal judi dengan sabung.

Kemudian anak lelaki,  
Sudahlah diukor dengan jangkanya,  
Ke laut belajar mencincang dayung,  
Ke darat belajar mencincang pedang,  
Kemudian nan kecil sudah gedang,  
Nan belayar dah pulang,  
Nan banyong dah cerdek.

Anak lelaki bak apa untung ya.  
Untungnya: Dicari-carikan,  
Ditanya-tanyakan.

Kemudian Dato'  
Dirisik diandaikan,  
Kilat dibayangkan.

Ada pula risik nan berdesus,  
Kilat nan memancar,  
Duai nan merangkak,  
Gamit nan berkecapi.



itu tidak sama nilainya maka hal itu akan diberitahu kepada wakil yang membawa. Pihak yang membawa akan menjanjikan bahwa gejala kekurangan itu akan diganti dalam tempoh masa tertentu.

#### 4.4.7. Penangguhan Hari Langsung

Di atas tadi telah dinyatakan bahawa tempoh masa pertunangan itu selalunya ditetapkan pada masa menerima atau menghantar tanda. Namun demikian, dalam keadaan tertentu mana-mana pihak boleh menangguhkan atau mempercepatkan tarikh hari langsung itu. Kemungkinan ini timbul apabila berlaku sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan jika dipatuhi juga tarikh tersebut berkemungkinan besar akan membawa akibat yang buruk. Dalam keadaan yang sedemikian adat menyatakan:

susah lelaki lari ke perempuan,  
 susah perempuan lari ke lelaki,  
 mengikut tali yang terentang.

Kalimat tali yang terentang dalam perbilangan di atas bermaksud: jalan perhubungan diantara kedua belah pihak di masa dalam pertunangan. Tali ini dilambangkan oleh benang semperona (semperwarna) yang diikatkan kepada cincin tanda. Benang semperona itu adalah lambang perantaraan yang membolehkan sebarang pihak berkomunikasi dengan pihak yang lain mengenai kedudukan ikatan janji pertunangan tersebut, samada yang buruk mahupun yang baik. Misalnya, si lelaki yang ber-

Hilang risik, hilang desus,  
Kata dibuat, kata muafakat,  
Kata ia, tanda rupai,  
Lalu mengelek cincin sebetuk,  
Cincin tahui, cincin tanya,  
Sebetuk lagi tanda muafakat.

Sembah Dato'  
Kemudian lagi Dato',  
Cincin digenggam dek emak bapanya,  
Nan jauh dah dijemputkan,  
Nan dekat ~~dkah~~ dikampungkan,  
Nan jauh dah datang,  
Bulat air dek pemetung,  
Bulat kata dek muafakat,  
Esa sekata timbal balik.

Lalu dibuat janji adaty  
Apakah janji adat.

Cepat janji tiga hari,  
Lambat janji tujuh hari,  
Laun janji dua kali tujuh hari.

Kemudian dalam janji,  
Sakit lelaki lari pada perempuan,  
Sakit perempuan lari pada lelaki,  
Cacar <sup>4</sup> ~~cipda~~ berkembakian,  
Sawan gila luar janji,  
Janji dibuat, dimuliakan,  
Dalam janji digaduhkan,

tunang sering digoda oleh perempuan lain sedangkan dia sendiri tidak sanggup menghadapi keadaan sedemikian ataupun sebaliknya berlaku maka pihak berkenaan perlu memberitahu pihak yang lain - susah lelaki lari ke perempuan atau sebaliknya - dan membincangkan keadaan selanjutnya: samada dipercepatkan hari perkahwinan atau diadakan usaha-usaha lain untuk mengelakkan berlakunya perkara yang boleh memalukan. Tindakan seperti merangkupi juga kata adat:

janji dibuat dimuliakan,  
dalam janji digaduh-gadahkan.

Jadi dalam tempoh masa pertunangan itu adat menggalakkan agar kedua belah pihak sering berhubungan antara satu sama lain untuk mendapat dan memberi berita mengenai perkembangan persiapan menjelang hari langsung. Perbuatan bertukar-tukar maklumat ini dikatakan sebagai solo-menyolo.

Dari huraian di atas jelas bahawa adat Negeri Sembilan amat menekankan penelitian yang mendalam disemua ruang lingkup perjalanan aturcara adat istiadatnya. Disamping menyediakan ruang-ruang terbuka untuk menghindarkan kemungkinan-kemungkinan yang tidak diinginkan berlaku, adat juga berjaya mengatur beberapa saluran yang menjamin ke arah hidup berumahtangga.

Seterusnya, jika semua berjalan dengan baik maka pada hari yang ditetapkan, pertunangan itu akan disusuli pula oleh hari langsung atau hari perkahwinan.

Sampai janji ditepati.

Sembah Dato',  
Kemudian dalam janji,  
Cacat tidak, cida pun tidak,  
Muafakat pun tak bertukar,  
Setiapun tak berubah,  
Terkurung mesti,  
Tertanda berhutang,  
Bukan hutang kain nan berhasta,  
Bukan hutang ringgit nan berbilang,  
Hutang adat dengan pusaka.

Dan lagi Dato',  
Turun istana menjunjung titah,  
Turun balai menjunjung sabda,  
Turun telapak membawa sembah tempat semenda.

Jadi kedatangan Dato' ini,  
Mengikut tali nan terentang,  
Mengikut jejak nan berkecamban,  
Terbang lalat, seekor-ekor,  
Bertiup angin, sepoi-sepoi,  
Pandang ke hilir,  
Jeram nan melintang,  
Pandang ke hulu,  
Anjung nan membujur,  
Pandang ke darat,  
Kayu nan menghijuau,  
Pandang ke baruh,  
Sungai nan mengalir,

## PERSEDIAAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

### 5.1. Persediaan Hari Langsung

Apabila telah ditetapkan tarikh hari langsung, kedua belah pihak haruslah bersedia untuk menyambut kedatangan hari tersebut. Persediaan perlu dilakukan kerana institusi perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan akan diiringi dengan upacara adat istiadat yang kompleks dan unik. Selain dari mempunyai aturcara yang penuh berdisiplin, ia juga berbentuk anikarupa sesuai untuk menjiwai suasana kata adat yang berbunyi:

adat dijunjung,  
istiadat dikelek.

Justru itu, demi menjaga kemurnian dan mengelakkan dari berlakunya kesilapan sehingga mendatangkan malu dan dikatakan sebagai "tidak tahu adat" terhadap keluarga yang berkenaan, beberapa langkah tertentu harus dijalankan. Antara langkah yang harus diadakan sehingga sampainya hari langsung adalah:

- (a) Hari berkampung,
- (b) Hari kayu berakar, dan
- (c) Hari menggantung atau hari pasang olek.

### 5.2. Hari Berkampung

Proses mengadakan hari berkampung ini serupa dengan yang telah dijalankan semasa sebelum menghantar cincin tanda seperti yang dihuraikan di awal tadi (4.2.). Di setengah tempat di

Memanglah kami nanti-nantikan.

Nampaknya Dato',  
Hari nan sehari,  
Malam nan semalam ini,  
Dato' diharuskan oleh tempat semenda,  
Menjemput waris adat dan pusaka anak buah kami,  
Sabit kerana dengan anak buah Dato',  
Kami terimalah,  
Kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan.

Sembah Dato',  
Atas jemputan Dato' nan pihak orang di sana, kami terimalah  
dengan besar hati. Insh'Allah kami dan anak buah kami, kami  
akan turun bersama. Tetapi Dato', kami di sini timpuhlah da-  
hulu. Saya akan lepaskan anak buah saya, pusaka, adat serta  
orangnya selepas makan nanti.

Sembah Dato',

Dengan kata-kata itu selesailah adat menjemput pengantin lelaki  
ke rumah pengantin perempuan. Pihak lelaki akan menghibahkan kepada orang  
ramai tentang jemputan itu dan meminta supaya bersiap untuk mengiringi pe-  
ngantin ke rumah pengantin perempuan.

Setelah tamat adat menjemput, diadakan pula majlis membaca doa  
selamat. Ini akan diikuti dengan jamuan makan. Selepas makan, orang men-  
jemput akan memohon izin daripada Buapak dan ketua-ketua adat yang hadir  
untuk beredar dan membawa pengantin beserta pengiringnya ke rumah pengan-  
tin perempuan.

Pengantin lelaki, lengkap dengan pakaian pengantin akan ber-  
salam-salaman dengan ketua-ketua adat, didahulukan dengan Buapak, dan pa-

Negeri Sembilan, hari ini juga dikatakan sebagai mengembangkan cincin. Keadaan terakhir disebut ini dijalankan pada masa selepas menerima/menghantar tanda adalah sebab pihak keluarga luas tidak diberitahu, seperti yang dihuraikan di atas; dan prosesnya adalah sama seperti yang disebutkan (3.4.). Selepas dinyatakan tentang cincin tanda itu barulah diteruskan ke peringkat membincangkan persediaan mengadakan olek kahwin.

Hari berkampung kali ini selalunya diadakan anggaran se bulan atau dua sebelum sampainya janji hendak membuat kerja kahwin. Ibu bapa kedua belah pihak akan menjemput ketua-ketua adat (Besar, Buapak), tempat semenda seadat, orang semenda seresam, waris pusaka dan juga orang dekat rumah dekat kampung untuk datang ke rumahnya atau ke tanah adat masing-masing pada hari tertentu. Dalam menjemput itu dinyatakan juga tujuan menjemput iaitu untuk berkampung merundingkan perkahwinan anaknya atau anakbuahnya jika yang menjemput itu ibu dan bapa saudara yang hendak berkahwin.

Apakala sampai waktu dan setelah terhimpun semuanya maka seorang semenda, yakni wakil tuan rumah yang seresam dengannya selalunya semenda tua yang pandai beradat dan berpengetahuan mengenai adat akan menyampaikan kata dan tujuan mengampungkan sana saudara yang seadat dan seresam kepada ketua adat - Buapak. Dalam pembukaan kata beliau akan berkata:

"Sembah kepada Datuk.

ra hadirin sekalian. Akhir sekali sebelum turun dari rumah ialah dengan ibu bapa dan sanak waris yang dekat. Selepas bersalaman, pengantin akan turun dan berjalan dengan diiringi oleh pengapit-pengapitnya, orang menjemput dan sanak saudara yang pergi menghantar. Pengantin berjalan akan dipayungi dengan payung pengantin yakni payung yang bertatahkan bunga emas. Lazimnya pengantin akan diarak orang dengan dikir rebana, setidak-tidak sehingga sampai ke luar pagar rumahnya.

Di Luak Rembau, selain daripada pengiring, pengantin lelaki juga akan didampingi oleh pengantin kecil. Pengantin kecil ini adalah seorang kanak-kanak lelaki berumur antara lapan dan sepuluh tahun. Kanak-kanak<sup>nak</sup> itu dipilih daripada salah seorang ahli perut pengantin lelaki. Budak lelaki itu adalah anak yang cerdik dan selalu faham tentang perjalanan ke rumah dan keadaan dalam rumah pengantin perempuan. Kanak-kanak ini akan diberi berpakaian sama cantiknya dengan pengantin sebenar yakni berbaju Melayu yang diperbuat daripada kain songket, bertanjak dan sebagainya, sesuai dengan panggilan 'pengantin'. Pengantin kecil ini akan dimuliakan, diraikan dan diberi keistimewaan sama seperti pengantin yang sebenar. Waktu berjalan ke rumah pengantin perempuan ia akan seiring dengan pengantin sebenarnya.

Pemergian pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan untuk istiadat nikah ini akan diiringi oleh pengantin kecil (jikalau di Luak Rembau) bersama dengan barang-barang adat. Barang-barang adat yang dibawa, antara lain ialah tepak sirih, wang mas kahwin, wang adat (ini terpulangkan kepada Luak, di Rembau lazimnya \$20.00), persalinan (yang biasanya di setengah Luak <sup>u</sup>berapa wang \$10.00), seekor ayam, segantang beras dan setali (dua biji) kelapa. Jumlah mas kahwin ini adalah mengikut lazim di tempat yang berkenaan (di zaman tradisi jumlah adalah \$24.00). Mas kahwin suku biasa adalah lebih murah daripada suku Biduanda atau suku yang menyen-



Meranti di tengah padang,  
 mari ditebang tiga muka;  
     saya menanti Datuk datang,  
     ada kata yang saya nak buka.

Sembah datuk.

Hidup berperuntungan,  
 mati berkemullah.  
 Hidup dikandung adat,  
 mati dikandung tanah.  
 Adat berkata,  
 alam beraja,  
 luak berpenghulu,  
 besar berpusaka,  
 buapak beranak buah,  
 orang semenda bertempat semenda,

Kemudian datuk:

orang semenda:  
 tempat yang baru mengadakan ipar dan lamai,  
 tempat yang lama mengadakan anak dan pinak,  
 bila mengadakan anak,  
 maka terhutanglah orang semenda:  
     pagi melepaskan,  
     petang mengandangkan;  
     kok kerbau jangan merompok,  
     kok ayam jangan dicekau musang,

dang pusaka Penghulu Luak. Wang adat juga berbeza dari tempat ke tempat di wilayah adat perpatih, namun sekarang ia berjumlah dua kali ganda daripada jumlah mas kahwin (terpulang kepada ma'afakat antara kedua belah pihak dan kelazinan adat). Ayam, beras dan kelapa, mengikut adat adalah barang makanan bagi pengantin lelaki semasa 'menumpang' bermalam di rumah pengantin perempuan selama olek kahwin ini dijalankan, dengan maksud ayam dan kelapa itu lauknya, dan beras itu nasinya. Barang-barang ini akan dibawa oleh wakil pengantin lelaki, selalunya terdiri dari orang semenda yang dipilih atau dilantik.

Apabila rombongan pengantin lelaki tiba dikawasan rumah pengantin perempuan, bedil akan dibakar sebanyak empat letus (disetengah tempat enam letus kerana pengantin itu diberikan taraf raja sehari atau Penghulu Luak). Ada dua cara yang biasa dilakukan apabila pengantin lelaki sampai ke pintu pagar rumah pengantin perempuan, iaitu:

a) Pengantin lelaki dan rombongannya akan berhenti di pintu pagar. Ia akan berada di situ sehingga datang tiga atau empat orang 'wakil' tuan rumah menyongsongkannya. Wakil ini akan mempelawa pengantin dan ahli-ahli rombongannya masuk ke kawasan atau halaman rumah. Wakil itu datang mempelawa harus membawa bersamanya tepak sirih dan tepak peminangan. Orang yang membawa tepak sirih dan peminangan inilah yang harus mempelawa mereka masuk. Jikalau di Luak Rembau pelawaan itu haruslah dinyatakan secara khusus, bukan untuk pengantin lelaki sahaja, tetapi juga pengantin kecil. Selagi tukang pelawa ini tidak datang pengantin dan rombongan akan tetap berdiri di situ. Seruan atau kata-kata mempersilakan ini antara lain berbunyi:

"Orang kaya, orang muda (kepada pengantin kecil, jikalau di Luak Rembau) jemputlah masuk. Mengapa tegak sahaja di pagar. Si-

dapat baik disampaikan baik,  
dapat buruk disampaikan buruknya.

Tempat yang lama,  
hari ke hari,  
bulan ke bulan,  
tahun bergantu tahun,  
untung di saya nan sebiras pula  
mengadakan pula anak lelaki (jika pihak lelaki;  
jika pihak perempuan di sebut: "mengadakan anak perempuan") .

Kok kecil dah besar,  
kok bodoh dah pandai.

Jika pihak lelaki diteruskan:

Maka teraku pulah ia nak berumahtangga,  
maka dirisik-risik duaikan,  
serantau ke hulu,  
serantau ke hilir.  
Maka ternampak pula dikampung nan bersudut,  
sawah nan berjenjang,  
nyior nan sako,  
berjumpa nan berkenan dihari:  
orang .....  
anak kepada (nama ibu-bapa perempuan) .....  
anakbuah Datuk (gelaran Buapak) .....  
maka risik dah berdesus,  
gamit dah berkecapi,  
gayung bersambut,  
maka bersetuju pula menerima tanda kita.

lakanlah masuk. Kami di sini dah lama menunggu kedatangan orang kaya dan orang muda. Jemputlah".

Selepas itu, ia akan berseru pula kepada ahli-ahli rombongan: "Hai Dato'-dato', bapak-bapak, ibu-ibu, abang-abang, kakak-kakak, adik-adik, besar kecil, tua, muda, lelaki dan perempuan, kesemuanya, jemputlah!. Silakanlah. Sudikanlah ke majlis kami yang tidak sempurna ini. Masuklah! Marilah kita ke rumah."

Selepas ada seruan itu maka berulah pengantin dan rombongannya melangkah masuk ke kawasan halaman rumah pengantin perempuan.

b) Pengantin lelaki dan rombongannya terus sahaja masuk sehingga ke muka tangga tanpa berhenti di pintu pagar. Keadaan berlaku kerana telah ada permuafakatan antara kedua belah pihak. Tambahan pula, pengantin semangnya telah dijemput oleh orang menjemput seramai dua orang. Dengan itu, pengantin tidak perlu lagi disambut di muka pintu pagar. Namun dalam aturcara begini, apabila rombongan pengantin telah menghampiri ke kawasan rumah pengantin perempuan, salah seorang daripada orang menjemput harus dahuluan ke rumah memberitahu pihak pengantin perempuan tentang ketibaan mereka dan bersiap untuk mengadakan istiadat menyambut di muka tangga.

Apabila sampai di muka tangga, walaupun kaedah pertama yang dijalankan, sekali lagi pengantin (dan pengantin kecil, jikalau di Rembau) beserta rombongan akan diseru.

Sebelum pengantin dan rombongan sampai ke muka pintu rumah telah sedia menunggu tukang pelawa. Peralatan yang lazimnya ada bersama dengan orang menunggu/pelawa itu adalah satu dulang kecil berisi beras kunyit

Jika berkampung itu pada pihak perempuan maka dibilangkan sebagai:

Dek perempuan, . . .  
 diiras-iraskan, dinanti-nantikan;  
 malang melambung,  
 untung menimpa pada biras nan seresam:  
 maka datanglah risik dan duai,  
 serantau ke hulu,  
 serantau ke hilir,  
 bertemulah pula kampung kita nan bersudut,  
 sawah nan berjenjang,  
 nyior nan sako.  
 Risik dah berdeus,  
 gamit nan berkecapi,  
 kilat dah memancar:  
 dari orang . . . (nama suku lelaki),  
 anak kepada . . . (nama ibu-bapa lelaki),  
 anakbuah Datuk . . . (Gelaran Buapak),  
 maka bersetujulah menerima tandanya.

Kata-kata perbilangan ini diteruskan:

Adat berkata:  
 sehari ada sehari bernama,  
 sehari berhutang emak bapanya:  
 pertama kerat pusat,  
 kedua upah bidan,  
 ketiga beri nama,

beras basah dan air dalam batil. Seruan di muka pintu itu berbunyi:

"Hai orang baru! Siapa gelarannya tu!.

Hai anak muda, anak cantik (untuk pengantin kecil)!

Naiklah! Naiklah ke pondok kami ni!.

Dato'-dato', kecil besar, tua muda, lelaki dan perempuan,  
Semuanya naiklah! Jemputlah naik!".

Seruan ini akan diulang untuk beberapa kali. Sambil menyeru dari atas itu, tukang pelawa akan menaburkan beras kunyit dan beras basah ke arah pengantin lelaki (dan pengantin kecil). Selalunya seruan ini akan dijawab oleh salah seorang atau lebih ahli rombongan secara berjenaka. Hasilnya sering berlaku gelak-tertawa di ruang tersebut.

Sebelum pengantin melangkah anak tangga yang terbawah sekali, kasutnya (dan kasut pengantin kecil) akan dibukakan oleh orang-orang menjemput tadi. Kasut itu akan disimpan oleh orang menjemput. Dengan kata-kata lain, adalah menjadi tanggungjawab orang menjemput untuk menjaga keselamatan kasut pengantin. Apabila pengantin melangkah ke mata tangga teratas, orang menjemput akan menjiruskan atau membasuh kaki pengantin (dan pengantin kecil) dengan air dalam batil itu. Selepas itu orang menjemput akan memimpin pengantin (dan pengantin kecil) dan membawanya serta mempersilakannya duduk di tempat yang telah disediakan.

Pengantin dan pengiring atau pengapitnya dipersilakan duduk di bahagian tengah serambi iaitu dekat tiang tengah serambi (yang juga dikenali sebagai tiang menantu). Pengantin akan duduk di atas tilam pandak. (Namun, ada pendapat menyatakan pengantin akan duduk di sebelah tilam pandak, hanya semasa berakad nikah baru pengantin berubah duduk di atas tilam tersebut. Talam pandak juga disediakan untuk pengantin kecil di Luak Rembau. Pengantin kecil akan duduk di atas tilam pandaknya sepanjang perjalanan adat dan

keempat serah mengaji,  
 kelima sunat rasul,  
 keenam beri berumahtangga;  
 hutang adat dengan hukum.  
 Maka inilah hari nan sehari ini,  
 mengumpulkan Datuk, abang-abang, kakak-  
 kakak semua;  
 nan seadat waris pusaka,  
 nak pulangkan kerja ini pada yang punya;  
 Datuk, Pak Long, Pak Ngah, Mak Long, Mak  
 Ngah serta semua nan seadat dan seresam.

Sembah datuk.

Kok ikut janji,  
 hari olek ni nak diadakan pada  
 (nyatakan tarikh hari olek)  
 .....

Dah hampir sangat dah tu.

Kemudian datuk,

harinya pun dah hampir sangat,  
 maka saya bagi pihak yang berkenaan memintalah  
 semua yang seadat dan seresam membantu:

berat sama dijunjung,  
 ringan sama dijenjing,  
 hati gajah sama dilapah,  
 hati kuman sama dicicih.

Dalam pada itu mintalah:

yang tiada minta diadakan,

upacara. Ia duduk di sebelah kanan pengantin. Di hadapan tempat duduk pengantin ada tersedia sebuah tepak sirih peminangan.

Kedudukan para jemputan khas di serambi rumah pada masa beradat ini ialah:

- a) Di pangkal serambi: tempat duduk Dato'-dato' Lembaga pengantin perempuan, dan ketua-ketua adat yang lain (Dato' Lembaga yang dijemput, Buapak-buapak dan Besar-besar) dan yang menyemenda ke suku pengantin perempuan.
- b) Di tengah serambi: atau disekitar tiang menantu: tempat duduk pengantin lelaki (dan pengantin kecil), pengapit pengantin, imam, wali dan saksi. Berhadapan dengan tiang menantu akan duduk wakil pihak perempuan yang bakal menerima hantaran.
- c) Di hujung serambi: tempat duduk Buapak dan lain-lain orang bergelar dari suku pengantin perempuan. Di sini jugalah duduknya orang-orang menjemput. Di setiap tempat atau bahagian serambi itu ada disediakan sekurang-kurangnya sebuah tepak sirih peminangan.

Setelah setiap ahli rombongan duduk, wakil orang menjemput akan mengadap Buapak pihak perempuan. Ia akan memberitahu Buapak dan ketua-ketua adat lain bahawa mereka telah menjalankan tugas seperti yang diamanahkan. Bujam epok atau tepak sirih yang digunakan pergi menjemput tadi diserahkan kembali kepada Buapak.

#### 644. Upacara Menerima Adat

Langkah berikutnya adalah upacara menerima adat. Wakil pengantin lelaki, setelah duduk seketika, dan setelah orang menjemput memulangkan bujam epok atau tepak sirih kepada Buapak, akan bersuara bertanyakan wakil pihak perempuan yang akan menerima adat pusaka. Pertanyaan ini adalah perlu demi



yang jauh minta didekati,  
 yang patah minta diganti,  
 yang lemah minta disokong.

Sembah datuk".

Demikianlah bunyinya persembahan kata semenda tua kepada ketua-ketua adat dan kepada yang seadat. Biasanya Buapak bersetuju sahaja menerima persembahan kata orang semenda tua itu. Buapak tidak payah lagi menanya secara terperinci dalam hal yang berkait kerana selalunya telah dibisikkan terlebih dahulu kepadanya sebelum majlis itu bermula atau semasa menjemputnya dahulu. Namun sebagai teradat, Buapak akan menjawab kata persembahan semenda tua itu.

Sebagai jawapan, Buapak akan berkata:

"Nampaknya di hari nan sehari ni,  
 hadirilah semuanya:

baik tempat semenda nan seadat,  
 dan orang semenda nan seresam.  
 Kok kecil ada, besar pun ada,  
 tua ada dan muda pun ada.

Namun cubalah tengok kiri dan kanan,  
 depan dan belakang,

kok ada pula nan cicir,  
 kok ada pula nan hilang.

menjaga 'adat' walaupun, dalam kebanyakan upacara, telah pun diketahui siapa wakil pihak perempuan. Adalah dianggap kurang manis jikalau wakil pihak lelaki dengan tiba-tiba sahaja terus memulangkan adat. Di samping itu, dengan bertanya ini orang yang hadir akan turut menyaksikan upacara tersebut.

Pertanyaan mencari wakil pihak perempuan itu lazimnya adalah melalui pantun, dan ditujukna kepada umum. Contoh pantun yang selalu digunakan adalah seperti berikut:

"Sembah Dato',  
Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di cucur atap,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah saya nak mula bercakap.

Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah boleh dibuat tangkal,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Dari hujung sampai ke pangkal.

Anak kancil memakan lada,  
Lada siapa tumbuh dilemah,  
Dodang kecil semua ada,  
Kepada siapa nak dihalukan sembah.

"Sembah Dato'.

Pantun ini akan dijawab oleh salah seorang daripada pihak perempuan menyatakan kepada siapa sembah itu harus ditujukan:

Nampaknya:

nan cicir dah dipungut,  
 nan hilang dah dicari,  
 nan jauh dah dijemput,  
 nan dekat dah dikampungkan.

Kalau bagitu, kita semua sudahpun mendengar  
 persembahan kata Pak Long/Pak Ngah (ikut lazim  
 atau disebut gelarannya seperti Menteri, dan  
 sebagainya jika ada), orang semenda tua kita.

Jika bak itu, ikat kata perbilangan:

Orang mengaji kepada alif,  
 orang membilang kepada esa.  
 Ambil wazin daripada Nabi,  
 ambil turasan daripada nan tua.  
 Sehelai akar, sebingkah tanah,  
 sekerat kayu, sebatang buluh,  
 sehelai akar nan putus,  
     akan pengikat,  
 sebingkah tanah nan terbalik,  
     akan pematang,  
 sekerat kayu akan turusan,  
 sebatang buluh akan berlintang.

Kita ini,

duduk sepelarasan,  
 pinta meminta, seraya menyeraya,  
 dekat rumah, dekat kampung.

"Sembah Dato'

Pokok bunga tumbuh di lembah,  
Burung berlatuk hinggap di tingkap,  
Dato' bertanya haluan sembah,  
kepada Dato' inilah, Dato' mengadap.

Sembah Dato'.

Ataupun mungkin wakil pihak perempuan yang bertanggungjawab itu sendiri.

"Sembah Dato'

Pokok bunga tumbuh di lembah,  
Bunga raya mekar di tingkap,  
Dato' bertanyakan haluan sembah,  
Dengan sayalah Dato' bercakap.

Sembah Dato'.

Wakil pihak lelaki, setelah mengetahui siapa yang akan menerima adat, jikalau ia duduk berjauhan dari wakil itu akan berpindah tempat, jikalau sudah berdekatan, ia terus menghadapi wakil tersebut. Barang-barang adat yang dibawa iaitu tepak sirih, wang adat, paksian sepersalinan serta barang-barang lain akan diletakkan di hadapan kedua-dua wakil. Setelah siap semuanya, kedua orang yang berkenaan akan berjabat tangan. Semasa berjabat ini wakil pihak lelaki akan berpantun.

"Sembah Dato'.

Tangga sudah saya tenggek!  
Lantai sudah saya pijak!  
Tikar sudah saya duduk.

Kemudian itu,

Si pasin mudek ke hulu,  
si lawah mudik ke hilir.

Alam nan beraja,  
Luak nan berpenghulu,  
Suku nan berlembaga,  
anakbuah nan berbuapak.

Kemudian lagi,

Adat nan datar,  
pusaka nan satu.  
Adat tidak bertukar,  
setia tidak berubah,  
maufakat tidak beralih.  
Bukit sama didaki,  
lurah sama dituruni,  
cicir sama rugi,  
dapat sama laba.  
Tanah sekepal kita gunungkan,  
air setitik kita lautkan.  
Se halaman, se padang sepermainan,  
se perigi sepermandian,  
se jamban seperulangan,  
jalan se dundun,  
lenggang se ayun,  
susuk se jajar.

Pokok senduduk di atas tikar,  
Uratnya banyak silih-menyilih,  
Duduklah Dato' di atas tikar,  
Saya hendak memberi sirih.

Makan sirih berpining tidak,  
Pining ada dari Melaka,  
Makan sirih mengenyang tidak,  
Sebab budi dengan bahasa.

Sembah Dato'.

Dengan itu salaman pun dilepaskan. Dan tepak sirih disorongkan kepada wakil pihak perempuan. Wakil pihak perempuan akan menyambut tepak itu sambil berpantun:

"Sembah Dato'.  
Orang berjalan berlina-lima,  
Seorang terpijak daun selasih,  
Tepak diberi saya terima,  
Saya ucapkan terima kasih.

Habis sahaja berpantun, wakil pihak perempuan akan memegang tepak sirihnya pula, dan kemudian mendorongkannya kepada wakil pihak lelaki sambil berpantun:

"Dan lagi Dato'.  
Keduduk ada di atas tikar,  
Mempelas terletak di atas tundis,  
Duduklah Dato' atas tikar,  
Saya hendak membalas sirih.

Sembah Dato'.

Kata-kata se esa.

Se kocong bak kuah,

se bungkus bak nasi.

Tumbuh di hulu, dimudiki,

tumbuh di hilir, dihiliri,

tumbuh di tengah, dihimpuni.

Nampaknya dalam hari nan se hari ini,

bulatlah maufakat kita:

tempat semenda nan seadat,

orang semenda nan seresam.

Jadi, saya sembahkanlah di sini kepada

sekaliannya:

pinang nan sekachip,

sirih nan secarik,

kapur nan sepalit,

gambar nan seurat,

air nan setegok,

nasi nan sekepal.

Hari ini nampaknya:

orang semenda telah menyerahkan

kepada kita semua untuk mengada olek

anak buah kita.

Oleh itu, eloklah kita buatkan seperti nan dulu-dulu:

yang tiada, diadakan,

Tepak sirih yang didorong akan disambut pula oleh wakil pihak lelaki. Sambil mereka mengapur dan memakan sirih dari tepak masing-masing, sekapur seorang lazimnya mereka akan berbalas pantun. Siapa yang mendahului membuka pantun tidak menentu. Tujuannya adalah untuk memeriahkan suasana dan membuka ruang untuk kata-kata perbilangan yang berikunya. Antaranya lain contoh pantun yang selalu dilafazkan ialah:

"Wakil lelaki:

"Anak kambing lindau Dewi,  
Makan kulit mendang bulu,  
Sirih saya sirih puteri,  
yang mana diambil dahulu.

Wakil pihak perempuan:

Pergi ke dusun hendak berbilang,  
Menebang pokok mendang bulu,  
Kata hukum, Kata Allah,  
pinanglah elok makan dahulu".

Dan beberapa buah rangkap pantun lagi. Setelah sudah sirih dimakan, maka wakil pihak lelaki akan memulakan upacara.

"Sembah Dato'.

Batang senduduk di dalam dulang,  
Urut menjalar berjalur-jaluran,  
Duduk kita <sup>du dyle</sup> ~~yang mana kita~~ berbilang;  
Adat yang mana nak kita keluarkan.

Orang lereh pergi ke Beranang,  
Dari Kuala singgah di Kota,  
Makan sirih sekapur seorang,  
Itulah mula asal kata.



yang jauh, didekati,  
 yang patah, diganti,  
 yang lemah, disokong.

Itulah adat kita,

nan tak lekang dek panas,  
 nan tak lapuk dek hujan.

Namun bak itu, ingin juga saya bertanya  
 kepada yang nak berolek:

Yang terpelanggang akan jatuh,  
 liang akan tembok,  
 genting akan putus;  
 yang terbengkalai nak disudahkan.

Nampaknya,

janji dah dibuat,  
 haripun dah ditentu.

Jika demikian, eloklah ditentukan:

paras mana olek nan dibuat:  
 paras lepan, lereng atau bukit.  
 Kok tumbuh di lepan,  
                     anakbuah yang punya,  
 kok tumbuh di lereng,  
                     buapak yang punya;  
 kok tumbuh di bukit,  
                     lembaga yang punya.

Enggang datang seperti ribut,  
Terbang beserta mahkotanya,  
Dek baik budi nan menyambut,  
Pumpun kuku patah pahunya.

Jadi Dato',  
Dek kita ini ada adat,  
Atur sama diturut,  
Lembaga sama kita tuang,  
Maka:

Alah berurat bak Si pasin,  
Kok berikat alah berjejak,  
Habis tahun berganti musim,  
Sendi adat jangan dianjak.

Adat dipakai baru,  
Kok kain dipakai usang,  
Bukankah begitu Dato',

Kerana dek itu Dato',  
Maka berbilanglah saya:

Sembah Dato',  
Hujan berpohon,  
Kata berpangkal,  
Sakit bermula,  
Mati bersebab.

Mengaji pada alif,  
Berbilang pada esa,  
Berbilang pada yang tua-tua,

Dengan itu dapatlah kita semua berbuat kerja mengikut: mana yang patut, mana yang padan:

air nak disauk,  
ranting nak dipatah,  
kerbau nak ditumbangkan,  
bedil nak dibunyikan."

Selepas Buapak menjawab kata persembahan orang semenda tua maka para hadirin pun mula membincangkan jenis olek yang bakal diadakan; seperti yang ditanyakan oleh Buapak apabila ia berkata:

Paras mana olek nan dibuat:  
paras lepan, lereng atau bukit.

(Huraian mengenai paras olek ini akan dihuraikan dibahagian depan - 5.2.1.). Selepas tercapai kata maufakat mengenai paras olek itu, majlis berkampung itu akan membicarakan dan menetapkan tarikh dan masa mengadakan hari kayu berakar dan seterusnya hari menggantung. Dengan penetapan hari-hari untuk kerja tersebut, pihak yang akan mengadakan oleh tidak perlu lagi memberitahu dan menjemput ahli se perut atau se suku untuk datang. Mereka, apabila sampai masanya akan datang sendiri.

Adakalanya paras olek itu tidak dapat diputuskan pada hari berkampung itu. Jika berlaku sedemikian, Buapak akan melantik seorang orang semenda tua yang dipanggil varis sekadin untuk menguruskan perbincangan mengenai paras olek yang

Perkhabaran pada yang kecil.

Apa yang dibilang itu.

Sepertama kalay Allah,

Kedua kalam Nabi,

Ketiga kalam tua,

Keempat resam negeri.

Hidup berperuntungan,

Mati hukum Allah,

Yang mana kalam Allah,

Rezeki dimakan,

Pertemuan dinikahi,

Tanah berbaris diperkuburan.

Yang mana kalam Nabi:

Berhadis, berdalil,

Berlafaq, bermakna.

Yang mana kalam yang tua:

Berlukis<sup>s</sup> berlambaga,

Berturas bertauladan,

Yang diucap, dipakai,

Yang tidak, diperbinasakan,

Turun temurun daripada nenek moyang,

Dianjak layu, dianggor mati.

Yang mana resam negeri:

Syariat palu memalu,

Berbudi orang, berbahasa kita,

Di dunia berganti-ganti:

Sekali diorang, sekali dikita.

hendak diadakan. Dalam adat, waris se kadim dalam keadaan  
sebagini adalah:

kok berat dialah yang memikul,  
kok ringan dialah yang menjinjing;  
hak atasnya: memutus dan mematahkannya.

Hasil permaufakatan itu akan dibawa kepada pengetahuan  
waris tua atau Besar Ruang. Dalam istiadat perkahwinan  
waris tua atau Besar Ruang juga tidak kurang pentingnya.  
Beliau adalah teras dan tunjang utama terhadap jaya atau  
gagalnya istiadat itu. Waris tua itu, seperti perbilangan  
adat, adalah:

mata nan menentang,  
bahu nan memikul,  
menampung nan dari atas,  
memijak nan memusat dari bumi.

Di tahap ini akan dibincangkan pula persoalan mengenai  
jemputan yang akan diundang: samada sisik pelepah yaitu  
menjemput secara menyeluruh ahli se suku ataupun dituju-tuju  
yakni menjemput orang tertentu sahaja.

Keputusan rundingan tahap kedua itu akan disampaikan  
pula oleh waris tua kepada Buapak kerana Buapak itu berfungsi  
menjadi nadi penggerak setiap upacara berolek nanti. Dikala  
menemui Buapak itu waris tua harus diiring dengan epok.  
Pertemuan ini lebih kepada meminta nasihat dan pandangan Buapak  
mengenai rancangan tersebut.

Sembah Dato'.

Kemudian daripada itu,

Ada pula perbilangan:

Selilit Pulau Perca,

Selimbang Tanah Melayu,

Se Alam Meriangkan.

Untung sekali,

Malang berturut,

Untung tak boleh diraih,

Malang tak boleh ditolak,

Untung melambung tinggi,

Malang menimpa badan.

Hidup dikandung adat,

Mati dikandung tanah,

Sembah Dato'.

Maka peruntunganlah kita:

Bersuku, berwaris,

Jauh pun ada,

Dekat pun ada.

Maka nan jauh di dengar-dengarkan,

Nan dekat dipandang-pandangkan.

Kemudian daripada itu,

Menerima orang senerda pula,

Tiap-tiap yang menerima orang senerda itu,

Ditentukan pula dengan:



Adatnya benar,  
Muafakatnya bulat.

Kalau ada berkata ada,  
Kalau tidak berkhebar tidak.

Ke baroh: sawah nan berlopak,  
Lantak nan bertugal,  
Ke darat: kampung nan bersudut,  
Pinang nan sebatang.

Tempat ke baruh mencari makan,  
Tempat ke bukit mencari minum.

Bagi orang semenda:

Mencari kepala nak berserkap,  
Mencari belakang nan tak bersauk,  
Mencari perut nan tak berisi.

Sembah Dato'.

Kemudian daripada itu:

Lama kelamaan mengadakan anak,  
Lelaki ada,  
Perempuan pun ada,  
Sehari ada, sehari bernama,  
Sehari berhutang pada mak bapaknya.

Hutang atas lima perkara:

Pertama kerat pusat,  
Kedua upah bidan,  
Ketiga bedak langir,  
Keempat akhil baligh,



paras kenduri biasa sahaja. Di **Lauk Naning**, kenduri jenis ini yang memakan masa sehari semalam atau disebut juga sebagai semalam lalu, dipanggil kenduri separas air segolok. Dalam majlis jenis ini di zaman tradisi, lauk-pauk kebanyakannya adalah terdiri dari sayur-sayuran seperti pucuk paku, rebung dan jantung pisang. Majlis itu hanya dikendalikan oleh Tua Waris tanpa membuat jemputa beradat terhadap ketua-ketua adat seperti Buapak dan Lembaga.

Majlis jenis kedua, paras lereng atau di Lauk Naning di sebut separas sayur adalah lebih kompleks dari paras yang tadi. Olek paras ini memakan masa dua hari dua malam. Majlis ini dikelolakan, **direstui** dan dihadiri oleh Buapak. Oleh sebab Buapak hadir dengan jemputan adat maka pihak rumah diadatkan untuk menyembelih kambing, sekurang-kurangnya. Dengan lain perkataan, olek jenis ini harus diresmikan oleh Buapak.

Akhir sekali adalah olek paras bukit atau separas jantung kata orang Naning. Olek paras bukit ini dipanggil juga olek lembaga sebab yang merasmikan majlis ini adalah Datok Lembaga sendiri. Oleh sebab itu, sebelum hari kayu berakar Datok Lembaga hendak diberitahu mengenainya, meminta restunya, dan menjemput ia hadir pada hari yang berkenaan serta menasihatkan masa yang perlu dalam menyediakan dan menjalankan aturcara. Kerana Datok Lembaga akan bersama

Kelima nikah kahwin.

Yang kecil, dibesarkan,

Yang besar, dicerdikkan,

Ibarat ayam:

Pagi dilepaskan,

Petang direbankan,

Pagar tasak, parit lintang,

Dapat buruk, disampaikan baruknya,

Dapat baik, disampaikan pula baiknya,

Tempat harap, tempat percaya.

Yang jantan diserahkan mengaji,

Yang perempuan diserahkan menjahit,

Kok harinya tak terbilangkan,

Bulannya pun tak tertentukan.

Yang kecil sudahlah besar,

Terpegang pula parang punting,

Terlalu pula olahnya rumput sehelai,

Maka kena pula hutang mak bapaknya,

Adat benarnya,

Bokéh sememendalah yang tahu.

Sembah Dato'.

Maka diperbilang pula:

Yang lelaki,

Disemendakan orang,

Yang perempuan,

Disemendai orang,

Yang perempuan,

dalam majlis itu maka telah diadatkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan yang tuan punya olek harus menyembelih sekurangnya se ekor kerbau atau lembu dan se ekor kambing. Dengan kehadiran Datok Lembaga maka dengan sendirinya ketua-ketua ada yang lain dalam suku berkenaan - Besar dan Buapak, harus hadir. Ketua-ketua adat dari suku-suku yang lain juga dijemput. Ketua-ketua ada harus dijemput dengan cara adat oleh pihak yang berkenaan dan berdasarkan status yang dijemput.

Majlis kahwin olek lembaga akan berlangsung untuk selama tiga hari tiga malam. Memandang dari barisan para jemputan yang diundang menghadiri majlis ini, olek jenis adalah yang paling canggih boleh diadakan oleh orang kebanyakan. Dalam olek jenis ini segala alat kebesaran adat seperti payung bertirai, tombak berambu, ular-ular, pembakaran bedil dan alat-alat kebesaran lain harus dibesarkan dan dipamerkan. Disamping itu, olek jenis ini juga menghendaki tiang-tiang rumah dibalut dengan kain warna-warni. Seandainya kesemua atau salah satu daripada alat tanda kebesaran adat ini tertinggal atau terlupa dipasang atau dipamerkan maka perbuatan itu adalah menjadi kesalahan adat. Sebagai kesalahan adat - dikatakan tidak tahu adat - pihak berkenaan akan dikenakan hukum adat.

Diiraskan-iraskan,  
Yang lelaki,  
Digurau-sendakan,  
Diarah-arahkan.

Cukup pula panjang besarnya,  
Maka diarahkan sudah,  
Digurau sendakan pun sudah  
Maka disebut pula:  
Risik nan berkecapi,  
Pada pandangan, andai-andai,  
Dekat rumah, dekat kampung.

Tali tidak merentang,  
Batang tidak melintang,  
Maka diuji dengan <sup>Cincin</sup> ~~ciri-ciri~~ sebetuk,  
Sah lalu,  
Batal kembali.

Maka kata adat:  
Sah lalu, berterima,  
Adat diisii.  
Anak buah dihantar,  
Orang dinikahkan.

Sembah Dato'.

Maka lepas daripada itu,  
Rupa lalu dirundingkan,  
Orang hendak bersemenda,  
Adat tidak menggalang,  
Hukum tidak menghambat,

### 5.3. Hari Kayu Berakar

Hari kayu berakar yang di setengah tempat di Negeri Sembilan dan juga Luak Naning disebut sebagai istiadat merapat adalah hari mula menetapkan atau meletakkan atau hari menating olek untuk membuat persiapan bagi menyambut hari langsung. Jangka masa yang diperlukan untuk kayu berakar ini bergantung kepada jenis olek yang hendak diadakan. Jika olek itu hanya cara biasa, persediaan untuk mengadakan majlis kahwin itu tidak panjang. Mungkin seminggu sebelum hari langsung. Tetapi sekiranya olek itu adalah olek Buapak, lebih lagi jika olek Lembaga maka jangka masa yang diperlukan untuk mengadakan persiapan akan memakan masa yang lebih lama, dua tiga minggu sebelum hari langsung. Keadaan ini akan lebih rumit jika itulah perkahwinan anak perempuan sulungnya yang disebut sebagai sulung menantu.

Huraian mengenai kayu berakar di bawah ini adalah persediaan untuk mengadakan istiadat kahwin olek lembaga - paras bukit. Lazimnya, dalam nikah kahwin di Negeri Sembilan pihak pengantin perempuan yang harus membuat persediaan yang lebih, mungkin kerana pihak perempuan yang menguatkan adat.

Pada hari yang ditetapkan kesemua ahli perut akan datang ke rumah di mana majlis kahwin itu akan diadakan. Mereka datang membawa peralatan kemahiran masing-masing

Bolehlah diterima.

Cincin diterima,  
Berkebulatanlah segala waris,  
Jauh berpangkalan,  
Dekat berhimpunan,  
Sah lalu,  
Batal dikembalikan,  
Kata bulat dilabuh,  
Janji dilabuh disuliakan,  
Janji sampai ditepahi.

Sembah Dato'.

Maka inilah saya datang,  
Laksana jaring kurang mengena,  
Laksana sikat kurang pembalik,  
Saya datang menepati janji,  
Mengisi adat serta anak buah.

Jadi Dato'.

Janganlah malu,  
Janganlah segan,  
Saksikanlah bersama-sama,  
Nampaknya:

Kok panjang keratlah,  
Kok pendek hubunglah,  
Kok berlebih untunglah,  
Kok kurang minta maafilah.

Sembah Dato'.

atau sekurang-kurangnya setiap orang lelaki akan membawa sebilah kapak dan sebilah parang. Kadangkala ada juga yang membawa kayu api. Kaum perempuan juga akan membawa alat-alat tertentu seperti kukur kelapa, pisau dan alat-alat lain yang perlu untuk membuat kerja-kerja dapur atau kerja-kerja lain yang berkaitan dengan wanita. Disamping membawa alat-alat tersebut, kaum perempuan juga, sekurangnya seorang bagi sebuah keluarga akan membawa bersama seekor ayan, padi atau beras segantang, kepada dua biji atau setali dan sayur-syuran mana yang perlu.

Kerja-kerja yang dibuat dalam masa kayu berakar ini boleh dibahagikan kepada dua - kerja-kerja berat akan dilakukan oleh kaum lelaki, manakala kerja-kerja ringan akan dibuat oleh kaum perempuan. Antara kerja yang dilaksanakan oleh kaum lelaki sepanjang hari kayu berakar ini adalah:

- (a) menyebar atau membesarkan rumah dan serambi seandainya rumah dan serambi rumah itu kecil dan difikirkan tidak cukup luas atau besar untuk menampung para jemputan.
- (b) membuat atau memberi sokongan kepada mana-mana bahagian rumah yang difikirkan kurang kuat.
- (c) membuat bangunan tambahan atau khemah sebagai tempat tambahan kepada ruang rumah dan serambi

Dengan itu, wakil pengantin lelaki pun menyembahkan barang-barang adat (di setengah tempat disebut juga bungkus adat hantaran) kepada wakil pihak perempuan. Sambil menerima barang-barang adat itu wakil pihak pengantin perempuan akan menjawab kata-kata persembahan pihak pengantin lelaki. Antara lain, katanya:

"Nampaknya Dato' ni,

Anjalai pemagar kota,  
Tumbuh serumpun jo ligundi,  
Sungguh bijak Dato' Berkata-kata,  
Umpama santan jo tangguli.

Dek itu, nampaknya saya ini terpaksa pula,  
Berjalan peliharakan kaki,  
Berkata peliharakan lidah,

Kerana saya ini:

Berguru<sup>b</sup> kepadang datar,  
Dapat rusa belang kaki,  
Berguru kepalang ajar,  
Bak bunga kembang tak jadi.

Jadi Dato', kalaulah saya ini berbilang nanti seperti  
kata orang:

Berkata bak belalai gajah,  
Berbicara bak ketiak ular,  
Minta maaf sahaja.

Tetapi dek Dato' dah mulakan tadi,  
Maka dek saya nampaknya,



di bahagian halaman rumah untuk menjamu para tetamu dan jempunan.

(d) mendirikan tungku perangkah iaitu sebuah bangunan sementara atau khemah unyuk tempat masak memasak makanan, selalunya berbentuk pisang se sikat. Tempat masak memasak ini didirikan berhampiran dengan dapur rumah. Ini termasuk membina rak-rak kayu untuk meletakkan pinggan mengkok dan tupai bergelut.

(e) membina tempat memasak air, menyimpan air dan membuat air minuman.

Pada zaman tradisi untuk menyediakan perkara-perkara yang tersebut di atas dan juga peralatan lain yang diperlukan, kaum lelaki terpaksa pergi ke hutan mencari kayu dan buluh. Selain dari itu mereka juga mengumpul akar-akar kayu yang sesuai untuk dijadikan pengikat binaan tersebut. Mengikut orang-orang tua akibat perbuatan mencari kayu dan akar itulah maká-perbuatan bergotong-róyong untuk membuat persediaan menyambut hari kahwin disebut diistilahkan sebagai hari kayu berakar.

Kaum perempuan pula, sepanjang hari kayu berakar itu akan membuat kerja-kerja antara lain:

(a) menumbuk, menampi padi dan pulut.

Kok gayung terpaksa disambut,  
Kok kata terpaksa dijawab,  
Kok timbau nampaknya terpaksa saya sahuti,  
Sembah Dato'.

Usul-usul asal-asal,  
Asal jangan ditinggalkan.

Terang-terang nyata-nyata,  
Berusul pangkal kata.

Awal perpeulaan,  
Akhir berkesudahan,  
Sakit bermula,  
Mati bersebab,  
Hujan berpokok,  
Kata berasal,

Asal kata pada esa,  
Asal mengaji pada alif,  
Asal membilang pada sa.

Ke laut adat Temenggung,  
Ke darat adat Peppatih.

Ke laut adat Temenggung,  
Siapa menjala siapa terjun,  
Siapa salah siapa bertimbang,  
Lantak bertukul pada Lembaga,

Maka ditengok pula,  
Adat kampung: bersudut,  
Adat sawah: berlopak,

- (b) memilih beras dan pulut iaitu mengasingkan sebagai bendasing di dalam beras dan pulut.
- (c) menyediakan kelapa goreng, serta memasak minyak iaitu santan kelapa dimasak sehingga menjadi minyak, menumbuk beras untuk dijadikan tepung dan menyediakan alat-alat masakan yang lain seperti menghiris bawang, lada, menumpuk rempah dan sebagainya.
- (d) menjahit dan menyulam untuk membuat kelambu pengantin, bantal, tilam, tabir, langit-langit, langsir tingkap dan pintu, dan juga menyediakan perhiasan lain seperti membuat bunga untuk perhiasan pelamin dan perhiasan telur.
- (e) menggumpulkan pinggan mangkok, dulang, cawan, teko, jag air dari rumah sanak saudara dan membersihkannya. Ini termasuklah menyediakan, membersihkan peralatan keperluan adat seperti dulang berkaki dan tepak sirih.
- (f) orang-orang perempuan tua pula lazimnya bertugas mengacip pinang, menyediakan tembakau, kapur, dan gambir untuk mengisi tepak sirih, disamping melihat yang segala peralatan yang diperlukan oleh adat seperti tudung saji khas, tilam pandak tidak dilupakan.

Rumah nan beranak tangga,  
Bilik nan berbunyi.

Sembah Dato'.

Maka diperbilangkan lagi:  
Tatkala negeri sudah besar,  
Orang pun sudah ramai,  
Adat bertentu,  
Bilang beratur.

Beralah kecil pada nan godang,  
Godang beralah pada nan tua.

Apalah kata orang tua-tua:  
Di dalam alam ada rajanya,  
Di dalam luak ada penghulunya,  
Di dalam suku ada lembaganya,  
Betompok masing-masing,  
Berharta, masing-masing punya.

Harta orang jangan ditarik,  
Untuk <sup>w</sup>ajak jangan diberikan,

Duduk kita ada berpelantaran,  
Dekat rumah, dekat kampung,  
Bobah pinta meminta,  
Tolong menolong,  
Jongkok menjanggok, sakit pening,  
Siapa berhutang siapa membayar,  
Siapa membunuh siapa kena bunuh.

Kaum perempuan, disamping menjalankan tugas-tugas yang antaranya disebutkan di atas tadi juga bertugas menyediakan makanan dari bahan-bahan yang mereka bawa untuk menjamu kaum lelaki yang membuat kerja di kawasan luar rumah. Makanan dan minuman harus disediakan.

Dari huraian di atas ternyata bahawa dalam menjalankan tugas dipanjang masa kayu berakar ini terdapat pembahagian kerja, antara kaum lelaki dan kaum perempuan. Malahan dikalangan kaum lelaki sendiri terdapat pembahagian kerja iaitu ada kelompok yang membuat khemah, ada yang menyebar rumah dan kelompok-kelompok lain yang bertugas berdasarkan kemahiran masing-masing secara berkumpulan. Begitu juga kaum perempuan. Mereka juga membahagikan tugas berdasarkan keahlian masing-masing. Apa yang perlu diperhatikan di sini ialah walaupun mereka membahagikan tugas namun pembahagian tugas itu tidak diarah oleh sesiapaupun. Mereka tahu sendiri apa yang harus mereka lakukan agar pekerjaan itu menjadi lebih senang dan ringan.

Walaupun terdapat semacam pembahagian tugas antara lelaki dan perempuan namun dalam keadaan tertentu, malahan dapat dikatakan dalam hampir kesemua kerja terwujud sikap kerjasama, gotong-royong dan saling bantu membantu antara pihak lelaki dan perempuan. Lazimnya dalam membuat sesuatu itu, kedua pihak - lelaki dan perempuan - akan bertukar pandangan, fikiran dan pendapat. Pandangan, fikiran dan pendapat ini

Ke darat adat perpatih:

Hutang nan berturut,

Cagar nan bergadai,

Cincang pampas,

Bunuh beri balas.

Jadi Dato',

Adat bertentu,

Bilang beratur,

Beruntuk-untuk harta masing-masing.

Maka dibilang:

Buluh<sup>bilah</sup> tanah ditanam,

Besi berdenting puntum<sup>9</sup> berasap,

Sebingkah tanah ditanam,

Tumbuh aur yang berjejer-jejer.

Sebatang kayu nan melintang,

Sebingkah tanah akan pematang,

Sehelai akar akan pengikat,

Tanah datar,

Permatangnya lurus,

Orang ramai,

Padi menjadi.

Sehelai akar akan putus,

Sebingkah tanah akan terbalik,

Sebatang kayu yang tumbang.

akan diberikan, disampaikan dan dinyatakan secara gurauan dan sidiran yang selalunya menimbulkan rasa lucu dan gelak ketawa. Oleh yang demikian pekerjaan menyediakan peralatan ini sentiasa diselubungi oleh rasa kegembiraan.

Tugas-tugas dan kerja-kerja yang dilaksanakan dalam membuat persiapan itu (kayu berakar) tidak mungkin selesai dalam tempuh masa sehari dua. Lazimnya ia akan berlarutan sehingga ke hari kahwin. Oleh sebab itu, rumah yang akan mengadakan majlis itu sentiasa ramai orang, baik siang mahupun malam. Sanak saudara yang rumahnya jauh terus menetap di rumah tersebut sehingga hari langsung. Bagi mereka yang tinggal berhampiran akan berulang alik sahaja, malahan mereka juga pada ketikanya akan tidur di rumah tersebut.

Pada waktu malam, di mana-mana bahagian rumah itu akan sentiasa ada orang berbaring, kalau tidak anak-anak orang dewasa, melepaskan penat lelah. Berbaring atau tidur bagi setengah tempat di Negeri Sembilan dikatakan sebagai bergolek. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kata olek dalam istilah olek kahwin itu terbitnya dari perbuatan bergolek tadi. Selanjutnya pendapat ini menerangkan bahawa di zaman tradisi, sejak dari hari mula melatakan pekerjaan kaya berakar, sanak-saudara, jauh dan dekat akan bergolekan (berbaring dan tidur) di sekitar kawasan rumah itu tanpa mengira tempat, baik siang ataupun malam. Yang penting dapat merebahkan badan dan berehat.

Hela tali pada waris,  
Putus tebus pada Undang,  
Lupa, beringat-ingatkan,  
Tidur, jaga menjagakan,  
Tanahnya datar,  
Airnya jernih,  
Tanda muafakat sama esa.

Maka diperbilangkan: pula;  
Diharuskan pula semenda menyemenda,  
Di dalam hari nan tak terkira,  
Kok tahun nan tak dihitung,  
Maka mengadakan pula anak:  
Anak lelaki, ada,  
Anak perempuan pun ada.

Dek tengok anak perempuan,  
Ditendang-tendang,  
Ditandai-tandai,  
Serantau ke hulu,  
Serantau ke hilir.

Maka sampai pula:  
Gमित nan berkecapai,  
Menerima pula sebetuk cincin tanya,  
Maka bertaruhlah dua hari nan tiga.

Sembah Dato'.

Kemudian daripada itu:

Jauh dijemput,  
Dekat dikumpulkan,



Di setengah tempat di Negeri Sembilan, seminggu sebelum hari kahwin, kaum perempuan telah mulai membuat masakan yang tahan lama atau yang memakan masa untuk masak. Antara yang awal dibuat ialah menapai. Tapai ini akan dijadikan salah satu dari hidangan pembasuh mulut dimajlis pekahwinan nanti. Selain daripada membuat tapai kaum perempuan juga membuat kueh mneh yang sudah tetapi tahan lama. Antaranya ialah kueh bahun.

#### 5. 4. Hari Mengacau

Hari mengacau bermaksud hari untuk memasak dodol atau sisebut juga penganan. Hari mengacau ini lazimnya dilakukan tiga hari sebelum hari langsung. Mengacau dodol hanya dilakukan oleh pihak pengantin perempuan sahaja.

Dodol adalah suatu makanan yang penting dalam olek kahwin di dalam masyarakat adat Negeri Sembilan. Ia adalah merupakan barang persembahan adat yang akan berperanan dalam masa perkahwinan nanti. Disamping itu, dodol juga adalah buah tangan yang akan dibawa oleh pengantin apabila pergi mehyalang, iaitu adat istiadat mengunjungi sanak-saudara pihak pengantin lelaki dan perempuan setelah selesai adat perkahwinan. Untuk tujuan terakhir ini, sebelum pihak pengantin perempuan memasak dodol, mereka terlebih dahulu akan menghubungi pihak pengantin lelaki bertanyakan jumlah rumah sanak saudara pengantin lelaki yang akan dikunjungi. Dari itu jumlah dodol yang dimasak haruslah mencukupi.

Segala tempat semenda nan seadat,  
Serta orang semenda rian seresam,  
Duduklah sama sejajar.

Dikeluarkan urat nan herangkak,  
Kilat nan memancar,  
Kepada tempat semenda nan seadat,  
Serta orang semenda nan seresam.

Pertama esa sekata —  
Cincin diterima,  
Kata dikembalikan,  
Kedua tak esa sekata —  
Tanda rupa dikembalikan.

Sembah Dato'.

Kemudian daripada itu:  
Togah dek kata dah sama seiya,  
Lenggang dah seayun,  
Di antara waris,  
Maka cincin tanda diterima,  
Maka janji pun dilabuh,  
Elah perempuan, ganda,  
Elah lelaki, loncor,  
Cacat cinda, mengembalikan,  
Sawan gila, luar janji,  
Janji dibuat, dimulihkan,  
Dalam janji, digaduhkan.

Sembah Dato'.

Disamping memasak dodol mereka juga memasak wajik.

Jumlah wajik yang dimasak adalah kurang dari dodol. Kegunaannya adalah sama seperti dodol.

Memasak kedua bahan ini, terutama sekali memasak dodol memakan masa yang lama, mungkin mengambil masa seharian suntuk. Selepas masak dodol dan wajik itu dijadikan boko. Selain daripada menjadikan boko wajik dan dodol itu akan diisikan ke dalam tetapak atau disetengah tempat disebut juga sebagai tapak-tapak. Bahagian bawah tetapak itu akan diisi dengan wajik dan bahagian atas dengan dodol. Tetapak hanya disediakan oleh pihak pengantin perempuan dan merupakan salah satu alat yang diperlukan dalam istiadat kahwin nanti.

#### 5.5. Hari Membasuh Beras

Hari membasuh beras ini lazimnya berlangsung dua hari sebelum hari olek. Pada hari yang berkenaan, sejak pagi lagi orang telah mulai berkerja. Antara tugas yang dilakukan pada hari tersebut adalah:

(a) Membasuh beras. Beras yang dibasuh adalah untuk makanan para jemputan dan juga orang pangkal iaitu sanak saudara yang bertugas mengendalikan perjalanan olek.

(b) Membasuh beras pulut. Selain dari beras biasa pada hari tersebut beras pulut turut dibasuh. Beras pulut ini untuk dikukus menjadi pulut kuning pada

Dilengkung kampung nan sesudut,  
Di kotak tangga nan berkotak,  
Dibantutkan rasok yo pelancar,  
Ditahan rasok nan melintang,  
Ditatang lantai nan sebilah,  
Ditutup atap nan selayar,  
Diarak kayu panjang,  
Terhampar rupanya kacau,  
Terserak tabir layar,  
Terkuit rupanya pintu,  
Nampak terdiri tiang tengah.

Sembah Dato'.

Sudah terdinding rupanya tabir,  
Sudah terbentang langit-langit,  
Sudah bersusun rupanya sirih,  
Sudah berkacip rupanya pinang,  
Sudah putih rupanya kapur  
Sudah kuning rupanya gambir,  
Sudah bergumpal rupanya tembakau,  
Sudah bertimpuh tilam pandak,  
Sudah terbentang tilam panjang,  
Sudah teratur bantal besar,  
Sudah bersusun bantal kecil,  
Sudah memancung rupanya pedang,  
Sudah terurai rupanya tombak,  
Sudah terkembang rupanya payung,  
Adat pun teratur,  
Bilang pun tertentu,

malam pechah olek. Di setengah tempat malam tersebut dikatakan juga sebagai malam mengukus.

Untuk membuat pulut kuning beras pulut itu selalunya direndam dengan air kunyit untuk selama dua hari sekurang-kurangnya.

(c) Kuih muih juga dimasak pada hari berkenaan. Kuih-muih ini adalah untuk membasuh mulut dihari olek nanti. Antara kuih yang dibuat adalah bahu dan agar-agar. Setengah tempat di Negeri Sembilan lemas juga dimasak tetapi sehari sebelum olek bermula.

(d) Telur juga direbus pada hari ini. Telur rebus ini yang telah dijadikan bunga telur bersama dengan se bungkus pulut kuning akan dihadihkan kepada para tetamu sebagai tanda terima kasih atas kesudian mereka datang memeriahkan majlis. Setelah telur itu masak ia akan diberikan bunga. Ada dua cara memberi bunga kepada telur:

- i. Dicucuk secara memanjang dengan buluh yang telah diraut halus sepanjang lebih kurang satu kaki dan diberi bunga di satu hujung, dan hujung yang lagi satu telah ditajamkan.
- ii. Bunga yang telah dibuat seperti di atas dilekatkan kepada telur tersebut.

Kok sah hutang itu, berbayar,  
Kok sah piutang itu, berterima,  
Serta saya menerimalah adat,  
Serta mas kahwin,  
Sepanjang adat datar,  
Pusaka satu.

Sembah Dato'.

Dengan itu tamatlah jawapan balas pihak pengantin perempuan. Wakil itu akan bangun, dan pergi mengadap Buapak dan menyerahkan barang-barang adat itu kepadanya. Sambil menyerahkan itu, beliau akan berkata:

"Sembah Dato'.

Maka adalah risik nan berdesus,  
Duai yang merangkak,  
Habis risik,  
Habis desus,  
Bertemulah pangkal bersama pangkal,  
Kemudian,  
Dijemputlah Dato' dan tempat semenda,  
Yang jauh sudah sampai,  
Yang dekat sudah datang,  
Minta sah batal perbuatannya.

Sembah Dato'.

Buapak akan menerima peralatan itu. Setelah menerima, Buapak akan bangun, dan dengan diiringi oleh wakil yang menerima tadi, akan pergi menghadap Dato' Lembaga. Sambil melutut di hadapan Dato' Lembaga, Buapak akan berkata:

"Sembah Dato'.

Tugas memberi bunga ini lazimnya dilakukan oleh kaum perempuan dan kanak-kanak. Jumlah telur rebus yang disediakan tidak menentu, kadangkala sampai ke seribu biji berdarakan kepada para jemputan yang diundang dan jenis olek yang dijalankan.

(e) Di luar rumah pula, kaum lelaki harus membereskan segala peralatan yang belum siap. Tegasnya, menjelang tengahari kesemua peralatan seperti balai, khemah untuk tetamu dan lain peralatan harus siap.

(f) Muda-mudi dan juga kanak-kanak pula akan menghiaskan binaan yang telah dibuat. Antara hiasan yang lazim dilakukan ialah melilit tiang-tiang binaan itu dengan kertas warna-warni serta disulami dengan paku pakis.

(g) Sebahagian dari para pemuda akan menyediakan air dan tempat memasak air. Peralatan yang berkaitan dengannya seperti teko, cawan dan piring serta peralatan lain yang berkaitan perlu dikumpulkan dan disediakan.

(h) Sebahagian dari pemuda pula akan mengenakan perhiasan terakhir diatas rumah; seperti memasang langsir untuk tingkap dan pintu dan sebagainya.

Janji diletak dimuliakan,  
Dalam janji digaduhkan,  
Sampai janji ditepati,  
Maka pada hari ini,  
Sampailah janji,  
Kalau begitu Dato':  
Inilah adat anak buah Dato',  
Cubalah Dato' periksakan, lihatkan.  
  
Sembah Dato'.

Datuk Lembaga akan menerima hantaran itu dan memeriksanya. Apabila didapati lengkap seperti yang dijanjikna, ia pun berkata:

"Nampaknya,  
Adat hantaran dan mas kahwin cukup,  
Tak ada sumbangnya".

Orang semenda yang mewakili pihak perempuan, setelah mendengar kata pengesahan daripada Dato' Lembaga itu akan menyeru majlis dengan mengulang kata:

"Adat hantaran dan mas kahwin cukup,  
Tak ada sumbangnya!".

Dato' Lembaga akan menyerahkan semula barang-barang hantaran itu kepada Buapak. Buapak pula setelah menyaksikan akan menyerahkan kepada ketua-ketua adat yang lain yang hadir bersama, bergilir-gilir sehinggalah ke waris kadim atau waris pusaka. Waris kadim akan menyerahkannya kepada pengantin perempuan, yang duduk bersimpuh dengan diiringi oleh pengapit dan mak andam (jikalau di Rembau bersama pengantin kecil perempuan) di dalam bilik pengantin. Pada masa itu pengantin perempuan (dan pengantin kecil) telah



## 5.6. Berinaï Kecil

Berinaï kecil adalah upacara yang diadakan oleh pihak pengantin perempuan dua hari sebelum hari akad nikah. Pada malam berkeajaan pengantin perempuan akan berinaï dan disertai oleh sanak-saudaranya. Tujuan majlis ini adalah untuk berhibur bersama sanak-saudara yang berkumpul. Untuk upacara ini disediakan bahan-bahan seperti berikut:

- (a) Daun inai tua yang telah dipilih.
- (b) Nasi untuk membantu inai itu melekat kepada kuku dan jejari.
- (c) Perahan limau nipis atau limau kasturi supaya inai itu cepat menyerap dan warna yang dihasilkan cepat menjadi kuning kemerahan.
- (d) Gambar supaya inai itu lebih terang warnanya.

Daun ini dibuang urat-uratnya dan dicampur dengan bahan-bahan lain yang disebutkan di atas. Kemudian ianya ditumbuk atau digiling sehingga lumat. Selepas itu barulah inai itu dipakaikan pada waktu malam untuk selama se malaman.

Apa yang penting di sini ialah cara memakai inai. Pemakaian ini ini dimulakan dengan tangan kanan dengan didahului ibu jari. Selepas itu barulah diinaikan anak-anak jari yang lain. Bagitulah dibuat untuk tangan kiri, diikuti dengan jejari-jejari kaki kanan dan akhirnya kaki kiri. Turutan yang seperti ini melambangkan bahawa ibu atau orang tua adalah lebih diutamakan.

berpakain pengantin lengkap.

Sementara itu, pihak semenda perempuan akan mengeluarkan cincin tanya dan cincin peminangan dari pihak keluarga pengantin perempuan. Kedua-dua bentuk cincin tersebut akan dimasukkan ke dalam bekas adat hantaran yang isinya telah dikeluarkan. Setelah siap, wakil tersebut akan membawanya keluar mengadap wakil pihak lelaki. Setelah duduk berhadapan, wakil pihak perempuan akan berkata:

"Sembay Dato'.

Kita ini telah sampailah ke peringkat-

Adat itu beratur,

Bilang pun bertentu,

Kok sah hutang itu, berbayar,

Kok sah piutang itu, berterima,

Maka pada malam nan semalam ini,

Datanglah Dato' kepada kami,

Membawa anak buah dan barang-barang adat,

Dek bagitu janji dulu:

Sembah Dato'.

Maka dek sebab:

Risik nan berdesus,

Duai nan merangkak,

Duai nan merangkak,

Habis risik, habis desus,

Maka bertemulah pangkal sama pangkal,

Dan Lagi:

Janji di letak di muliakan,

### 5.7. Hari Masak-memasak

Pada hari terakhir menjelang malam akad-nikah ini kerja masak-memasak telah bermula. Pada hari ini hanya ayam dan kambing sahaja yang disembelih. Masak memasak pada hari ini hanya diutamakan untuk menjamu para tetamu yang datang pada tengahari dan malam tersebut.

Jamuan tengahari hanya untuk Buapak, Besar, anak buah-anak buah dan orang pangkal yang lainnya. Mereka ini adalah terdiri dari orang-orang yang terlibat dalam membuat persiapan terakhir dan yang penting sekali memasang olek atau istiadat menggantung-gantung (akan di huraikan dibawah nanti). Tugas masak memasak ini akan dijalankan secara kerjasama antara lelaki dan perempuan dan terdapat pembahagian kerja yang teratur. Petugas-petugas ini akan menjalankan kerja masing-masing sehinggalah keseluruhan majlis olek ini selesai.

Jamuan makan untuk Buapak dan Besar pada tengahari itu haruslah mengikut cara adat. Dulang hidangan mestilah tertutup dengan tudung saji. Tudung saji itu pula haruslah dilapik dengan kain yang bertekad emas di tepinya. Salah satu lauk yang patut ada dalam hidangan itu adalah kepala kambing. Kepala kambing adalah merupakan hak ketua adat dalam sebarang jamuan. Jika tidak dihidangkan tuan rumah dianggap sebagai tidak tahu adat; dan ia boleh dikenakan hukum. Malahan Buapak boleh meninggalkan majlis dan ini bererti majlis itu cacat.

Dalam janji digaduhkan,  
Sampai janji ditepati.

Maka pada malan nan semalam ini,  
Kok hari nan sehari ini,  
Nampaknya ditepatilah janji.

Telah kami lihat dan kami periksa,  
Nampaknya:

Kok sah berhutang itu, berbayar,  
Kok sah piutang itu, berterima,  
Nampaknya malam ini:

Adat hantaran dan mas kahwin,  
Tepatlah sebagai janji,  
Cukup, tak ada sumbingnyo.

Sembah Dato'.

Kata-kata ini akan dijawab oleh wakil pihak pengantin lelaki. Antara lain, katanya:

"Sembah Dato'.

Maka adalah risik nan berdesus,  
Kilat nan memancar,  
Duai nan merangkak,  
Gamit nan berkecapi,  
Hilang risik,  
Hilang desus,  
Lalulah dimuar kata muafakat.

Kata ia, tanda rupai,  
Lalu mengètek cincin sebetuk,

### 5.8. Istiadat Mengandam

Pada hari akhir sebelum majlis akad-nikah akan diadakan juga istiadat mengandam. Mengandam adalah satu keadah yang dilakukan ke atas pengantin perempuan sahaja oleh Mak Andam untuk tujuan-tujuan tertentu.

Mak Andam merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyerikan wajah pengantin melalui andaman dan solekan serta menguruskan sepenuhnya perihal pengantin perempuan sepanjang hari perkahwinan. Ini termasuklah istiadat bertandang ataupun menyalang.

Tujuan pengantin perempuan di andam adalah untuk menaikkan seri wajah. Disamping itu bagi setengah Mak Andam istiadat ini merupakan satu cara untuk mengentahui mengenai kesucian gadis tersebut.

Cara mengandam itu berbeza antara seorang Mak Andam dengan Mak Andam yang lain. Dalam melakukan andaman, Mak Andam menggunakan banyak petua. Disamping itu terdapat alat-alat atau bahan-bahan tertentu. Selalunya sbelum Mak Andam menjalankan tugasnya alat-alat berikut adalah diperlukan:

- (a) Kain putih sebanyak dua ela untuk menadah anak rambut yang dicukur.
- (b) Pisau cukur untuk mencukur anak rambut dan kening pengantin.

Cincin tahu,  
Cincin tanya,  
Sebentuk lagi cincin:  
Tanda muafakat,  
Muafakat adat dengan pusaka.

Nampaknya Dato',  
Muafakat pun tak berubah,  
Janji dibuat, dah pun dimuliakan,  
Sampai janji, dah pun ditetapkan.

Nampaknya Dato',  
Hari nan sehari ini,  
Malam nan semalam ini,  
Datanglah kami kepada Dato',  
Menepati janji.

Dalam pada itu,  
Kok adat dah pun kami isi,  
Kok duit dah pun kami bayar,  
Jadi kerja saya selesailah sudah.

Kalau bagitu Dato',  
Kami berhutang, telah dibayar,  
Maka piutang,  
Saya nak berterimalah pula,  
Bak kata adat:  
Adat naik, tanda turun.

Sembah Dato'.

- (c) Tepung tawar atau campuran bedak sejuk dan air (ada tempat digunakan air mawar) untuk menepung tawar pengantin.
- (d) Kemenyan dan tempat perasap (tunam). Asap kemenyan akan diusapkan ke muka dan badan untuk menaikkan seri pengantin.
- (e) Daun sepulih dan daun hati-hati sebagai alat atau bahan untuk menepung tawar pengantin.
- (f) Telur. Telur ini adalah untuk digolekkan di belakang pengantin dengan bacaan dan jampi-serapah tertentu.
- (g) Duit sebanyak \$1.45 sebagai duit pengeras untuk Mak Andam.

Apa yang menarik semasa Mak Andam mengandam pengantin ini ialah Mak Andam akan melihat tahu lalat yang ada pada badan pengantin. Mengikut kepercayaan tahi lalat mempunyai makna yang tertentu mengikut kedudukannya. Jika terdapat tahi lalat yang membawa makna tidak baik pihak pengantin akan dikenakan denda sebanyak seringgat atau mengikut budi bicara Mak Andam. Denda ini adalah sebagai tanda membuang sial pengantin. Semasa mengandam ini juga Mak Andam akan memberi nasihat tentang tugas-tugas sebagai se orang dan peranan serta tanggungjawab sebagai seorang isteri atau ibu kepada anak-anak.

Upah juga diberi kepada Mak Andam, yang selelaunya seorang yang pelucu di atas apa yang dilakukannya untuk memeriahkan hari perkahwinanan nanti. Jumlah yang diberi adalah mengikut budi bicara atas rundingan antara Mak Andam dan pihak pengantin.

Dengan kata-kata itu sampailah masanya bagi pihak wakil perempuan menyerahkan kembali cincin tanya dan cincin tanda kepada pihak wakil lelaki. Ini selalunya di iringi dengan kata-kata lucu mengenai memulangkan semula cincin tersebut. Namun, ia berakhir dengan penyerahan kepada waris pihak lelaki. Wakil lelaki akan menyerahkan kepada waris kadim lelaki untuk memastikan bahawa cincin itu adalah cincin yang diberikan dahulu. Sudah dipastikan ia akan menyimpannya untuk dipulangkan kepada keluarga pengantin lelaki.

Perbuatan mengembalikkan cincin tanya dan/ cincin pertunangan oleh pihak perempuan kepada pihak pengantin lelaki ini diistilah sebagai adat naik, tanda turun.

#### 6.5. Istiadat Ijab Kabul

Setelah selesai adat istiadat mengisi adat, Dato' Lembaga pihak perempuan akan memberikan orang semendanya supaya dijalankan pula upacara akad nikah. Dengan itu, wakil pihak perempuan akan menghalakan sembah kepada tuan Imam, seraya berkata:

"Sembah, Tuan Imam;  
Menurut kata adat,  
Bertampok bak kurap,  
Berompok masing-masing,  
Ompok kita dipupok,  
Ompok orang jangan dipupok.

Adat bersendi syarak,  
Syarak bersendi kitabulAllah,  
Biar mati anak,  
Jangan mati adat.



### 5.9. Hari Menggantug-gantung

Hari terakhir sebelum akad nikah ini disebut orang sebagai hari menggantung-gantung atau hari memasang (olek) di setengah tempat. Apa yang dimaksudkan adalah pada hari inilah dipamerkan segala alat kebesaran adat di rumah yang mengadakan majlis. Sebelum alat-alat itu boleh dipamerkan atau digantungkan, ianya haruslah terlebih dahulu diresmikan oleh pembesar adat - Buapak.

Pada hari tersebut Buapak akan datang ke rumah yang berkenaan. Beliau akan mengarahkan salah seorang orang semenda membakar bedil (meriam) satu letus (letupan) sebagai menandakan permulaan olek.

Di setengah tempat alat letupan ini diletakkan di atas pokok besar yang berhampiran dengan rumah berkenaan; lazimnya terletak dibahagian sebelah kanan rumah. Atas pokok ini di sediakan tempat seperti lantai untuk meletakkan peralatan seperti meriam, penuras (obat untuk letupan), tetawak dan tambor. Pokok berserta dengan tempat peralatan tersebut di panggil bangunan bedil. Kalau tidak ada pokok di tempat yang berkenaan maka terpaksa dibina satu bangunan khas untuk peralatan bedil tersebut.

Selepas dibunyikan bedil, Buapak akan mengarahkan anak-buahnya untuk mengenakan atau memasang alat-alat kebesaran.

Nampaknya tuan Imam,  
Pihak adat dah selesai,  
Tengok dek adat:  
Terang benar dan bertentu,  
Jadi dipulangkan pula pada pihak hukum,  
Untuk diijab kabul bagi menentukannya.  
  
Sembah Tok Imam".

Mendengar kata-kata itu, tuan iman akan mengadap serta memohon izin Dato'-dato' daripada Dato'-dato' adat, Buapak dan Lembaga untuk menjalankan tugasnya - menjalankan upacara ijab kabul.

Dato' Lembaga, sebagai wakil Dato'-dato' yang ada, serta kaum keluarga yang berkahwin akan mempersilakan tuan Imam. Mereka-mereka yang berkenaan, wali dan saksi akan mengambil tempat masing-masing. Pengantin lelaki akan dipersilakan duduk berhadapan dengan Imam untuk upacara tersebut. Selepas sah akadnya, dia pun dibaca oleh tuan Imam.

#### 6.6. Istiadat Ikatan persetiaan

Selesai upacara ijab kabul, dijalankan pula istiadat ikatan persetiaan. Adat ini adalah upacara menyerahkan anak buah, iaitu pengantin lelaki kepada suku pengantin perempuan. Atau dengan istilah adat menyerahkan orang semenda kepada tempat semendanya. Apabila sah sahaja akan nikah tadi bermakna pengantin lelaki sah dan diterima pula oleh suku pihak perempuan menjadi orang semenda dan orang yang sesuku dengan pengantin perempuan (isterinya) otomatis menjadi orang tempat semenda (pekmondo) pengantin lelaki.

Untuk upacara ini, wakil pengantin lelaki sekali lagi akan berhadapan dengan wakil pengantin perempuan. Wakil pihak pengantin lelaki akan berkata:

(a) Tiang rumah. Tiang-tiang rumah akan dibalut dengan kain anika warna. Di Rembau, jika majlis itu olek lembaga, tiang-tiang rumah dibalut dengan kain hitam.

(b) Tabir. Di dalam rumah akan dipasang tabir langit-langit dan tabir lingkung. Tabir langit-langit ialah kain yang direntang di bawah atap rumah sedangkan tabir lingkungan pula direntang di dinding rumah.

Kedua-dua alat ini adalah simbol kepada pengorbanan anak saudara perempuan Datuk Perpatih. Anak saudara perempuan datuk tersebut, yang pada ketika itu sedang mengandung sulung telah sanggup menjadi penggalang untuk bahtera Datuk Perpatih belayar. Tabir langit-langit dan tabir lingkung adalah lambang kepada kain yang digunakan untuk menutupi tubuh perempuan tersebut sewaktu menjadi galang bahtera bapa saudaranya.

(c) Tilam pandak. Tilam pandak tiga tingkat juga di pasang yang dipanggil bantal rangka. Tilam pandak ini adalah untuk tempat duduk pengantin dan Datuk Lembaga. Tilam pandak adalah salah satu daripada alat kebesaran Datuk Lembaga. Ianya adalah sebagai peringatan tempat duduk Datuk Perpatih di dalam bahtera semasa belayar.

(d) Tepak sireh. Empat buah tempat sirih harus diadakan. Tempat sirih-tempat sirih itu diletakkan pada

"Sembah Dato'.

Mengikut kata adat:

Kok jalan tu berperhentian,

Kok kata tu berkesudahan,

Maka sekarang ni,

Saya memulangkanlah

Anak buah saya ni (sebut nama dan gelarannya)  
.....

Lah tu,

Kok rugi labanya;

Terpulanglah kepada tempat semendanya,

Darah nan setitik,

Daging nan sekepal,

Terpulanglah kepada suku warisnya,

Kok tumbuh,

Gila nana,

Maka terpulanglah timbal balik.

Sembah Dato'.

Kok tumbuh malang menimpa,

Kok untung dek melambung:

Kata-kata janji sunat di ulang-ulangi.

Cerai berai pula anak buah kita,

Pertama cerai hidup,

Kedua cerai mati.

Kok cerai hidup:

Maka diadatkanlah,

Cari, bagi:

tempat duduk Datuk Lembaga, Buapak, di tempat pengantin akad-nikah dan di hadapan pelamin.

(e) Sampaian. Sampaian ialah lipatan kain songket yang digantungkan kepada binaan buluh yang telah dibelah-belah dan dibentuk segi tiga. Untuk majlis ini tiga buah sampaian harus digantungkan: satu di dinding dalam rumah, dan dua buah lagi di dinding serambi iaitu satu di hujung dan satu lagi pangkal. Sampaian ini adalah lambang kepada pemeliharaan adat.

(f) Tunggul Merual. Tunggul merual akan ditegakkan di halaman rumah. Tunggul merual adalah sebagai tanda alat kebesaran mengingati pelayaran Datuk Perpatih. Ia bermaksud selamat berjalan dan selamat belayar. Kain yang mengelibat melambangkan tangan yang mengucapkan selamat berjalan kepada yang pergi dan selamat tinggal kepada yang tinggal.

(g) Ular-ular. Di sebelah tunggul merual itu akan dipasang pula ular-ular. Ular-ular adalah kain yang digulung seperti tali berwarna hitam. Alat ini adalah sebagai memperingati atas kehendak dan kemahuan Datuk Perpatih hendak belayar.

(h) Payung Bertirai. Dua jenis payung bertirai iaitu se kaki payung kertas dan se kaki lagi payung kain juga dipasang.

Pembawaan, kembali.

Sembah Dato'.

Kata-kata penyerahan dari wakil pengantin lelaki ini akan disambut pula oleh pihak pengantin perempuan, sebagai tanda penerimaan pengakuan ikatan kesetiaan, disamping memberitahu pengantin lelaki akan tugas-tugasnya sebagai orang semenda di suku isterinya. Antara lain, wakil pengantin perempuan akan berkata:

Sembah Dato'.

Menurut kata:

Adat nan diadatkan,

Adat datar,

Pusaka satu,

Sepertama: tali berwaris,

Kedua : tali berpusaka,

ketiga : tali bersemenda.

Tali pusaka,

Tak boleh diubah,

Tali bersemenda,

Tak boleh cacat,

Setia tak berubah,

Muafakat tak beralih,

Kok kata janji sunat diulang-ulangi.

Kok tumbuh malang dah menimpa,

Kok untung dah melambong,

Cerai berai pula anak buah kita:

Bertama cerai hidup,

(i) Pedang. Satu lagi alat kebesaran yang harus dipamerkan ialah pedang bersilang. Untuk ini dua pasang pedang diperlukan. Tiap-tiap pasang itu lazimnya dicucukkan pada pelepah rumbia atau enau secara bersilang. Pedang bersilang ini adalah lambang kepada kebesaran lembaga, raja di dalam sukunya.

(j) Tombak. Akhir sekali, tombak berambu yang juga menjadi lambang kepada kebesaran lembaga sebagai raja dalam sukunya harus di besarkan. Tombak ini harus di cacakkan dengan matanya ke atas.

Upacara pada hari ini lebih kepada pemasangan alatan beradat istiadat sahaja. Ini sesuai dengan perbilangan:

Kain bersampai, tiang berpaltu,  
 pasang tunggul merual di halaman,  
 padang tercabut, tombak berambu,  
 payung bertirai dipasang hujung tirai.

Orang yang berperanan pada hari itu ialah Buapak. Buapak bertanggungjawab mengarahkan pemasangan alat-alat berkenaan. Besar pula akan memerhatikan dan memastikan yang alatan yang dipasang adalah cukup dan lengkap. Mana-mana yang kurang, Besar akan memberitahu Buapak dan Buapak pula akan mengarahkan anakbuah memasangnya.

Kok bercerai hidup:  
Maka diadatkan cari, bagi,  
Dapatan, tinggal,  
Pembawaan, kembali.

Kok cerai mati pula,  
Maka diadatkanlah:  
Putu : belah,  
Seorang : beragih,  
Dapatan : tinggal,  
Pembawaan : kembali.

Sembah Dato',

Maka menerimalah saya,  
Sepanjang adat nan diadatkan,  
Sepanjang yo bab fasal tumbuh tu.

Sembah Dato'.

Orang semenda itu adalah diadatkan,  
Penyimpan amanah bagi tempat semenda nan seadat.  
Bak kata perbilangan:  
Pagar tasak, peti buruan,  
Tempat benar,  
Tempat percaya,  
Tempat semenda.

Pagi melepaskan,  
Petang mengandangkan,  
Dapat baik,  
Sampaikan baik,  
Dapat buruk,  
Sampaikan buruk,



Serentak dengan itu di dalam rumah, kaum wanita pula akan mengenakan atau menghiasi pelamin, dibentangkanlah tilam dalam bilik pengantin, digantungkan kelambu dan lain-lain peralatan bilik seperti susunan bantal besar dan kecil serta melamparkan permaidani.

Dengan siap kelengkapan ini semua maka inilah yang dibilangkan orang sebagai:

Sudah tergantung rupanya tabir,  
 sudah terbentang langit-langit,  
 sudah tergantung kain sampai,  
 sudah terlonggok rupanya pinang,  
 sudah tersusun rupanya sirih,  
 sudah terkacip rupanya pinang,  
 sudah putih rupanya kapur,  
 sudah kuning rupanya gambir,  
 sudah berguspal rupanya tembakau,  
 sudah bertimpuh tilam pandak,  
 sudah terbantang tilam panjang,  
 sudah beratur bantal besar,  
 sudah bersusun bantal kecil,  
 sudah bergantung gunung berangkat,  
 sudah bersilang gunting-gunting,  
 sudah memancung rupanya pedang,  
 sudah menikam rupanya keris,  
 sudah terurai rupanya tombak.  
 sudah terkembang rupanya payung,

Dapat pagi,  
Sampaikan pagi,  
Dapat petang,  
Sampaikan petang,  
Kepada tempat semenda.

Diterima yo bak adat,  
Dibela yo bak kitab.

Warisnya menanam,  
Orang semenda memupuk,  
Duduk berlingkungan,  
Lingkungan tempat semenda,  
Tegak berturus,  
Turusan warisnya.

Sembah Dato'.

Dengan kata-kata itu, wakil pihak pengantin perempuan akan bersalaman dengan wakil pihak pengantin lelaki serta dengan pengantin lelaki. Bersalaman ini bermakna bahawa sejak masa itu, pengantin lelaki beserta kaum keluarga dan kelompok kekeluargaannya diterima atau dianggap sebagai orang semenda dan saudara kepada kaum keluarga suku pihak pengantin perempuan dan bergitu juga sebaliknya.

Sesudah upacara ikatan persetiaan itu tibalah masanya untuk pengantin lelaki dibawa masuk ke dalam menemui isterinya. Di mana pengantin perempuan berada ketika ini, berbeza dari tempat ke tempat. Di setengah tempat, pengantin perempuan berada di atas pelamin di tengah rumah. Pelamin adalah suatu tempat khas bagi pengantin bersanding. Pelamin akan dibuat tinggi sedikit daripada lantai rumah dengan dua atau tiga mata tangga dan dibina pada bahagian dalam rumah bersandarkan dinding bilik atau serambi, mana yang sesuai.

sudah berkecipong tawak-tawak,  
 sudah meningkah bunyi genderang,  
 sudah beratur rupanya meriam,  
 sudah bersukat ubat bedil,  
 sudah terbakar rupanya tunam (tempat bara),  
 sudah berderun bunyi 'lamat.  
 Adat pun beratur,  
 bilang pun tertentu.

Ini bermaksud bahawa segala persiapan untuk mengadakan majlis perkahwinan itu telah siap belaka, hanya menanti masa sahaja untuk dimulakan. Istiadat memulakan olek ini disebut sebagai berkonak olek (merasmikan olek).

#### 5.10. Malam Mengukus

Malam mengukus ini bermaksud hari menjalankan kerja memasak atau mengukus pulut kuning. Pekerjaan ini selalunya telah bermula sejak dari petang hari sebelum upacara akad-nikah.

Pulut kuning adalah bahan penting dalam olek perkahwinan di Negeri Sembilan. Pertama sekali, pulut kuning adalah perlu untuk mengisi panca iaitu alat persembahan pihak pengantin perempuan yang berisi pulut kuning dan dihias dengan bunga telur. Panca ini dikenal juga sebagai nasi besar. Disamping itu pulut juga akan buah tangan bersama

Di tempat lain, pengantin tidak duduk dipelamin tetapi duduk bersimpuh di hadapan katil & di bilik pengantin. Bersamanya ada beberapa orang pengiring atau pengapit berserta mak andam (dan pengantin kecil perempuan jikalau di Luak Rembau). Pengapit berserta mak andam (dan pengantin kecil) juga akan hadir jikalau pengantin perempuan berada di atas pelamin.

#### 6.7. Adat Istiadat Membatalkan Air Sembahyang

Upacara berikutnya adalah adat istiadat membatalkan air sembahyang. Dalam upacara ini pengantin lelaki dan perempuan akan bersalaman. Selepas bersalaman pengantin perempuan akan mencium tangan suaminya. Dalam upacara inilah buat pertama kalinya kedua-dua orang pengantin bersentuhan secara halal. Pengantin perempuan mencium tangan suaminya sebagai tanda hormat belia kepada suaminya. Ia juga melambangkan kerelaan isteri untuk tunduk dan patuh kepada suaminya yang akan menjadi ketua dalam rumahtangga yang baru dibina, sesuai dengan perbilangannya :

Lingkungan bendul empat kerat,

Orang semenda yang punya.

Di setengah tempat, upacara membatalkan air sembahyang ini akan diikuti dengan upacara menyarungkan cincin ke jari manis pengantin perempuan. Selain daripada cincin, ada juga yang menyarungkan gelang ataupun rantai. Ini adalah sebagai tanda hadiah daripada suami kepada isterinya, selain daripada bayaran mas kahwin. Kalau upacara ini diadakan maka pengantin perempuan akan mencium tangan suaminya sebagai terima kasih dan hormat. Semasa menyarungkan cincin itu, wakil pengantin lelaki akan berkata ;

"Adalah adat,

Bisik nan berdesus,

Duai nan merangkak,

dengan telur yang akan diberikan kepada para tetamu yang mengunjungi majlis perkahwinan tersebut. Perkerjaan mengukus pulut ini akan berlarut sehingga tengah malam.

Senyum nan beririt,  
Maka bertanda rupa.

Esa sekata,  
Kata dikembalikan,  
Tak esa sekata ,  
Benda dikembalikan,  
Maka sekatalah timbal balik.

Janji dibuat dimuliakan,  
Sampai janji menepatkan."

Sesudah itu pengantin lelaki akan dibawa ke serambi semula untuk jamuan makan. Pengantin akan laik ke tempat duduknya di tiang menantu yang membelakangkan halaman rumah.

Hidangan akan disajikan kepada semua yang hadir. Cara dan alat hidangan untuk pengantin lelaki adalah lebih kurang serupa dengan hidangan ketua-ketua adat, melainkan dulangnya, yakni dulang yang tidak berkaki.

Selepas makan pengantin lelaki dan rombongannya akan belik ke rumah ibunya. Sekiranya rumah pengantin lelaki jauh, pihak pengantin perempuan akan menyediakan rumah tumpangan yang dipanggil rumah berangguh. Di rumah berangguh inilah pengantin lelaki dan rombongan bermalam, sehingga olek rumah pengantin perempuan selesai.

Lazimnya, selepas upacara akan nikah, pesta di rumah perempuan akan diteruskan dengan majlis berdikir. Dalam majlis berdikir selalunya ada dua kumpulan yang mengambil bahagian. Kedua-dua kumpulan akan berlawan syair atau puisi antara satu sama lain. Setiap kumpulan akan cuba mengatasi kumpulan lain melalui puisi. Majlis berdikir ini akan berlanjutan sehingga ke tengah malam. Tujuan mengadakan majlis berdikir ini adalah untuk menghiburkan sanak saudara yang berkerjasama menyediakan dan mengendalikan majlis olek perkahwinan.

#### 6.9. Hari kedua

##### Persediaan Majlis

Pekerjaan pada hari kedua ini dimulakan dengan menyembelih kerbau atau lembu, selepas sarapan pagi. Kerja menyembelih ini dimulakan selepas sembahyang subuh. Semasa menyembelih Buapak akan hadir kerana ia mempunyai Kelabaan atau hak ke atas ramek-ramek, iaitu bahagian pangkal jantung. Ramek-ramek harus diberikan kepadanya. Adalah menjadi kesalahan adat seandainya ramek-ramek itu tidak diberikannya kepadanya. Kalau kesalahan ini berlaku maka tuan rumah akan dikenakan denda, yang pada awal abad ke 20 berjumlah \$3.60 sen.

Mengikut kata orang-orang tua, pada malam itu barulah kedua pengantin tidur bersama. Sebelum itu, jikalau pengantin berada di rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki tidur dalam bilik, pengantin perempuan tidur di bilik lain atau di atas peran. Semasa bermalam di rumah pengantin lelaki pengantin perempuan tidur dalam bilik dan pengantin lelaki tidur di serambi.

Pada malam yang berkenaan ini selalunya kedua pengantin akan dipakai-kan pakaian berwarna putih. Cadar dan sarung bantal juga berwarna putih. Tujuan memasang cadar dan sarung bantal putih adalah untuk melihat pada keesokan harinya sama ada si isteri masih dara atau pun tidak. Seandainya terbukti yang isteri tidak dara lagi, kelapa telah ditebuk tupai, suami akan menterbalikkan tepak peminangan yang sedia ada di serambi, bertentangan dengan tiang menantu. Selepas melakukan sedemikian suami akan terus balik ke rumah ibunya. Jikalau ini berlaku maka pihak pengantin lelaki akan mengadakan suatu majlis berkampung kecil yang terdiri daripada ketua-ketua adat dan waris kadim kedua pihak.

Dalam majlis ini suami baru akan menyatakan masalah isterinya bukan anak dara lagi. Buapak pihak perempuan akan membuat penyiasatan mengenai tuduhan tersebut. Dalam penyelidikan ini Mak Andam juga dipanggil kerana selalunya Mak Andam, dengan ilmu dan petuanya telah mengetahui dara atau tidak pengantin perempuan semasa ia diandan. Apabila terbukti kebenarannya dan dimuafatkan keputusan ini. Lazimnya ada dua cara sahaja untuk menyelesaikan perkara ini:

- a) Suami menceraikan isterinya atau
- b) Pihak isterinya harus membayar atau mengembalikan semula wang adat dan mas kahwin. Dan pihak lelaki akan membayar wang adat dan mas kahwin mengikut



Seandainya Buapak tidak hadir, ramek-ramek harus dihantarkan ke rumahnya.

Sebahagian besar daripada masa pagi itu akan dihabiskan untuk menyediakan hidangan makanan dan minuman. Di samping itu mereka, iaitu sanak saudara pengantin perempuan, yang dikenali sebagai orang pangkal akan juga menghiasi balai di halaman rumah, mengemaskinikan alat-alat adat di serambi dan di dalam rumah. Pada pagi tersebut juga, ada beberapa orang akan membuat tandu, atau disebut juga penangga. Seandainya ia belum Tandu atau penangga adalah tempat duduk pengantin yang dibuat daripada kerusi yang diberi kayu atau buluh sebagai alasan untuk dijulang di atas bahu. Biasanya tandu ini dijulang oleh sekurang-kurang empat orang. Jikalau di Luak Rembau setiap tandu mempunyai dua buah kerusi, iaitu satu untuk pengantin dan satu lagi untuk pengantin kecil. Kerusi pengantin kecil berada di bahagian hadapan kerusi pengantin. Ada juga tempat yang menyediakan tandu khas untuk pengantin dan pengantin kecil. Ini bermakna empat buah tandu harus dibuat iaitu dua buah untuk pengantin (lelaki dan perempuan) dan dua buah lagi untuk pengantin kecil (lelaki dan perempuan).

Pada lazimnya kerja-kerja persediaan ini adalah di bawah kelolaan kadam, Besar dan Buapak. Ketiga-tiga orang ketua adat inilah yang menyelaraskan kelancaran persediaan itu.

Antara pukul 11 dan 12 tengahari diadakan jamuan makan untuk orang pangkal. Mereka diberi makan lebih awal kerana mereka akan bertugas lagi melayan tetamu jemputan yang dipanggil orang panggilan. Orang panggilan adalah orang-orang yang dijemput untuk bersama merayakan upacara perkahwinan itu.

Orang panggilan akan mula datang selepas waktu zuhur dan akan berterusan sehingga petang. Orang panggilan perempuan yang datang akan membawa buah tangan. Antara buah tangan yang biasa dibawa ialah :

bayaran kahwin janda.

Walaupun bagaimanapun peristiwa begini jarang sekali berlaku.

Seandainya pada malam berkenaan terbukti kesucian si isteri maka pada besoknya dijalankan pula istiadat terakhir dalam urutan adat istiadat perkahwinan dalam adat perpatih.

#### 6.29. Istiadat Unjuk Beri

Istiadat ini mungkin merupakan istiadat yang terakhir dalam institusi perkahwinan masyarakat adat. Upacara ini dapat dikatakan sebagai mengistiharkan harta. Kedua-dua pihak suami dan isteri akan memberitahu pihak lain mengenai harta benda masing-masing.

Istiadat unjuk beri ini lazimnya diadakan hari kedua atau ketiga selepas istiadat bertandang, bergantung kepada sama ada kedua pengantin bermalam atau tidak di rumah ibu pengantin lelaki pada hari bertandang. Ianya diadakan di rumah pengantin perempuan. Untuk menjalankan istiadat ini suatu upacara berkampung kecil akan diadakan dan pihak perempuan akan mengadakan suatu jamuan kecil. Dalam berkampung Buapak, Besar dan Kadim, tempat semenda kadim, waris pusaka dan orang semenda yang hampir hubungan dengan keluarga daripada kedua belah pihak akan hadir.

Majlis ini akan dikelolakan oleh Buapak pihak perempuan. Pada masa itu, jikalau pengantin lelaki belum bergelar ia akan diberi gelaran. Ini bersesuaian dengan perbilangannya yang berbunyi:

Kecil diberi nama,

Besar diberi gelar.

a) Beras segantang yang dibungkus atau diletakkan dalam boko atau bakul sia. Sebagai balasan, pihak tuan rumah akan mengisi boko atau bakul sia itu dengan pulut atau/dan kuih. Tugas mengisi semula boko atau bakul sia ini diberikan kepada orang-orang tertentu.

b) Ada juga orang panggilan yang datang membawa 'nasi' pulut dan telur. Ada dua jenis nasi pulut yang lazim dibawa iaitu:

i) Nasi besar: nasi pulut bersama dengan 30 biji telur.

ii) Nasi kecil: nasi pulut bersama dengan 15 biji telur.

c) Ada juga orang panggilan yang hanya membawa telur sahaja sebanyak mana yang disukai umpamanya 30, 40, 50 malahan 100 atau 200 biji.

d) Barang-barang mentah seperti gula, tepung dan sebagainya ada juga dibawa sebagai buah tangan.

Membawa barang-barang yang tersebut di atas ini, selain daripada sebagai buah tangan, ada juga orang panggilan yang membawanya dengan tujuan menanam atau membayar tanaman. Menanam disini bermaksud orang panggilan itu berharap akan balasan yang sama daripada tuan rumah apabila dia mengadakan majlis nanti. Sedangkan membayar tanaman bermaksud barangkali suatu masa dahulu tuan rumah berkenaan telah membawa benda-benda seperti itu dan kini, orang panggilan itu membayar semula. Oleh yang demikian, dalam majlis ini, orang yang menyambut ketibaan orang panggilan akan memastikan tujuan buah tangan itu dibawa. Segala butir mengenai buah tangan itu akan dicatatkan ke dalam buku tertentu oleh seorang yang ditugaskan untuk itu.

Jikalau orang semenda baru itu telah diberi gelar, maka tidak perlu gelaran diberi lagi, hanya diisytiharkan sahaja gelaran itu.

Acara kedua dalam majlis ini ialah Buapak, bagi pihak diri pengantin perempuan akan mengisytiharkan harta yang ada pada diri pengantin perempuan. Buapak akan menyebut satu persatu harta-harta tersebut: Letaknya, jumlah dan sebagainya yang berkaitan. Tujuannya adalah supaya si suami mengetahui harta yang sedia ada pada isterinya. Mengikut istilah adat, harta ini dikatakan harta dapatan. Setelah habis diisytiharkan Buapak akan meminta pengantin lelaki, sebagai orang semenda menjaga harta-harta tersebut seolah-olah hartanya sendiri. Untuk tujuan ini, antara lain Buapak itu akan berkata:

"Menteri (gelaran pengantin lelaki),

Pada hari nan sehari ini,

Pada malam nan semalam ini,

Memerintah bendul yang empat.

Kepada menteri,

Saya unjuk berilah:

Kampung nan sesudut,

Sawah nan selopak,

Ternakan nan seekor,

Ladang nan sebidang,

Pokok nan sebatang,

Sirih nan sejunjung,

Perigi nan sejunjung,

Perigi nan sepermandian,

Hubungan timbal balik ini sangat dijaga dan diperhatikan oleh setiap orang. Orang yang tidak mahu pergi dan menolong rumah orang lain maka majlis di rumahnya nanti tidak akan ditolongi oleh orang pula.

#### 6.10. Upacara Mengarak Pengantin

Pengantin lelaki (dan pengantin kecil) berserta rombongannya akan datang ke rumah pengantin perempuan, biasanya selepas zohor. Kodatangan mereka petang tersebut sama ada dijemput oleh orang menjemput pihak pengantin perempuan atau mereka datang sendirian. Aturan ini tergantung kepada muafakat dan perjanjian yang telah dibuat pada malam akad nikah antara wakil kedua-dua belah pihak.

Rombongan pengantin akan didahului oleh dua orang semenda perempuan (kakak atau adik ipar) pengantin lelaki yang membawa tepak sirih dan tepak peminangan.

Perarakan ini akan berhenti di pintu pagar rumah pengantin perempuan atau sesuatu tempat yang telah dijanjikan. Apabila sampai di tempat berkenaan utusan atau salah seorang daripada orang menjemput akan mendapatkan dan memberitahu pihak pengantin perempuan mengenai ketibaan mempelai dan rombongannya dan sedang menunggu di pintu pagar atau tempat yang dijanjikan.

Selepas diberitahu, pihak perempuan akan bersedia untuk menyambut mempelai. Pengantin perempuan (dan pengantin kecil) akan turun daripada rumah dan didudukkan atas penangga atau tandu atau usungan. Dengan didahului oleh dua orang pembawa tepak sirih dan tepak peminangan pengantin perempuan yang dipayungi dengan payung pengantin diarak menyambut suaminya. Penangga pengantin perempuan akan diusung oleh saudara mara lelakinya. Penangga pengantin akan diiringi oleh mak andam dan beberapa orang lain yang kebanyakannya terdiri daripada kaum wanita. Rombongan pengantin ini akan diiringi

Jamban nan seperulangan,  
Halaman nan sepermainan,  
Menteri bela peliharalah kesemuanya.

Dalam pada itu,  
Mana yang ada,  
Bela pelihara,  
Jangan mencacat,  
Jangan mengurang,  
Mana yang tiada,  
Adakanlah,  
Mana yang tak cukup,  
Cukupkanlah,  
Mana yang kurang,  
Tambahkanlah,  
Menteri lakukan mana yang patut".

Selepas Buapak perempuan mengisytiharkan harta anak-buah pihak pengantin lelaki pula akan memberitahu hadirin akan harta kepunyaan. Seperti juga pihak perempuan, orang semenda baru juga akan memberitahu secara agak terperinci mengenai semua jenis hartanya termasuk harta pusaka peribadi seperti keris, tumbuk lada dan sebagainya jikalau ada. Dari segi adat harta yang diisytiharkan oleh pengantin lelaki ini dikatakan sebagai harta bawaan.

Akhir sekali, Buapak pihak perempuan akan memberitahu pengantin lelaki syarat pembahagian harta jikalau berlaku perceraian.

Antara lain akan disebutkan perbilangan:

"Pecah kutu belah.  
Yang dapatan, tinggal,  
Yang bawaan, kembali,  
Yang carian, bagi".

dengan pukulan dikir rebana.

Perarakan ini akan berhenti beberapa ela atau meter daripada tempat mempelai menunggu. Pengantin perempuan (dan pengantin kecil akan diturunkan daripada penangga). Dan dipimpin menemui suaminya. Apabila berhadapan pembawa tepak peminangan rombongan perempuan akan menyeru kedatangan rombongan pengantin lelaki dan mempersilakan mereka masuk. Seruan ini akan dijawab oleh pihak pengantin lelaki dengan upacara terima kasih dan menerima jemputan tersebut. Kedua-dua wakil akan bertukar tepak peminangan dan payung pengantin sebagai tanda keikhlasan jemputan dan penerimaan jemputan masing-masing.

Selepas upacara 'menjemput' ini pengantin perempuan akan dibawa ke samping suaminya dan dengan pertolongan mak andam jari kelengkeng kedua pengantin akan dikaitkan. (Pengantin kecil pula akan di tempat di sebelah pengantin yang diiringinya). Dengan jari berkait dan dipayungkan, kedua-dua pengantin akan berjalan (perlahan) menuju penangga. (pihak pengantin perempuan akan menyediakan penangga untuk pengantin lelaki (dan pengantin lelaki kecil). Penangga pengantin lelaki akan diusung oleh orang lelaki, orang semenda suku pengantin perempuan.

Dengan diiringi oleh dikir rebana, rombongan yang menghantar dan menyambut pengantin akan berarak ke rumah pengantin perempuan. Pembawa-pembawa tepak sirih dan tepak peminangan akan berjalan di bahagian hadapan. Kedua-dua pengantin akan dipayungi oleh pengapit masing-masing.

Dalam setengah majlis, sebelum pengantin turun daripada penangga. mereka akan terlebih dahulu diarak mengelilingi rumah. Jumlah kaki berarak mengelilingi rumah ini bergantung atas kemahuan majlis atau/dah tuan rumah, sekurang-kurangnya sekali pusing dan ada juga yang tiga kali pusing. Semasa berarak

Dengan itu berakhirlah upacara semenda menyemenda atau adat istiadat perkahwinan dalam amalan masyarakat adat perpatih.

Walaupun aturcara adat telah tamat dengan berakhirnya majlis unjuk be-ri, namun kedua pengantin harus meneruskan istiadat menyalang. Istiadat ini hanya tamat apabila kedua pengantin baru telah habis mengunjungi atau bertandang ke semua rumah waris dan sanak saudara kedua belah pihak. Sekiranya kedua belah pihak mempunyai sanak saudara yang ramai, istiadat menyalang ini mungkin memakan masa hampir sebulan, dan terpaksa mengacau dodol atau wajik lagi, jikalau tidak cukup boko.

#### 7. PERKAHWINAN OLEK BUAPAK

Olek Buapak atau dibilangkan sebagai:

Kok tumbuh di lereng,

Buapak yang punya.

Atau disebut juga sebagai olek paras sayur ini berlangsung tidak melebihi dua hari dua malam. Dalam olek Buapak Dato' Lembaga tidak hadir. Justeru itu peralatan kebesaran adat Dato' Lembaga seperti keris, pedang, tombak dan sebagainya tidak dipamerkan. Alatan yang dipasang hanyalah tabir langit-langit dan tabir lingkungan. Di serambi hanya diberikan dua tepak peminangan iaitu sebuah dan lagi untuk pengantin, yang terletak di tiang menantu. Pada setengah tempat, dalam olek Buapak hanya satu sahaja tilam pandak yang dipasang, iaitu tilam pandak untuk pengantin lelaki. Di tempat-tempat lain Buapak juga diberi atau dibentangkan tilam pandak. Jambar hidangan olek Lembaga, iaitu menggunakan dulang berkaki. Namun pada tempat-tempat tertentu, Buapak juga diberikan jambar tunggal seperti menghidangkan Dato' Lembaga. Di tempat lain jambar hidangan Buapak, walaupun atas dulang berkaki diperkongsikan dengan Besar atau/ dan kadim. Binatang sembelihan untuk jamuan olek Buapak, biasanya kambing sa-



Keliling rumah ini pengantin akan diiringi oleh rombongan seperti mana ia berarak daripada pintu pagar tadi. Selepas berarak keliling rumah barulah pengantin diturunkan daripada penangga di halaman rumah.

Ada dua cara yang biasa dilakukan selepas pengantin berarak:

a) Di setengah majlis, pengantin akan disandingkan dahulu di halaman rumah. Semasa bersanding ini diadakan pertunjukan tarian atau pencak silat pulut dan tarian terinai di hadapan pengantin. Kedua-dua tarian ini akan diiringi oleh bunyi-bunyi dikir rebana. Selepas tamat pertunjukan tersebut pengantin akan dibawa naik ke atas rumah.

b) Pengantin terus naik ke atas rumah. Mereka akan turun semula untuk berarak sekeliling rumah selepas tamat upacara adat di atas rumah.

Setelah naik ke atas rumah, sekiranya Buapak masih ada di tempatnya (selalunya ia masih ada) kedua-dua pengantin perlu melakukan acara menyembah adat kepada Buapak dan orang Besar adat yang lain. Dalam upacara ini kedua mempelai akan menyembahkan tepak sirih yang telah sedia ada untuk dimakan oleh Buapak dan orang menjemput akan memperkenalkan pengantin kepada Buapak.

Pengantin perempuan kemudiannya akan masuk ke dalam bersedia untuk bersanding. Pengantin lelaki akan dibawa duduk di tempat khasnya di tiang menantu.

haja.

Pada hari pertama, Buapak, Besar dan kadim akan hadir dalam membuat perediaan. Tetapi olek sebab Buapak orang yang dibesarkan dalam olek ini tanggungjawab dan mengendahkan persiapan dipikul oleh Besar dan Kadim. Kehadiran Buapak hanya setakat menyelia, memberi nasihat dan tunjuk ajar sahaja.

Pada hari ini segala tugas Dato' Lembaga dalam istiadat olek lembaga seperti berkonakan olek, melepaskan orang pergi menjemput pengantin lelaki akan dilakukan oleh Buapak. Dengan kata-kata lain, adat istiadat dan aturcara olek Buapak pada hari pertama ini lebih kurang sama dengan olek lembaga. Hanya segala adat dan istiadat itu berpusat kepada Buapak dan tidak Dato' Lembaga.

Pada hari kedua iaitu hari langsung, pada setengah tempat diadakan kedua-dua majlis berinai - berinai kecil dan berinai besar. Pada tempat-tempat lain, dalam olek Buapak hanya majlis berinai besar diadakan. Upacara berinai besar ini akan dimulakan oleh Buapak. Aturcara lain seperti menyembah mertua, suap-suapan dan makan berdamai akan diadakan Oleh sebab jemputan dan orang pangkal tidak seramai olek lembaga maka segala adat dan istiadat ini dijalankan dengan lebih ringkas. Buapak akan menutup majlis selepas berinai besar. Beliau akan balik selepas jamuan makan.

Adat istiadat berikutnya - menyalang, menikam jejak dan tunjuk beri akan dijalankan selepas malam kedua, iaitu hari ketiga dan seterusnya. Adat istiadat yang baru disebutkan ini harus dijalankan kerana ia adalah sebahagian daripada kehendak adat dan bukannya olek atau upacara yang boleh ditinggalkan atau diringkankan berdasarkan kemampuan tuan rumah.

#### 6.11. Istiadat Hambat Pintu

Setelah duduk seketika, salah seorang orang menjemput masuk ke dalam rumah melihat sama ada pengantin perempuan telah bersedia untuk bersanding. Pengantin perempuan, selepas masuk akan terus duduk di atas pelamin dengan ditemani oleh Mak Andam (dan pengantin kecil). Jikalau sudah demikian, maka pengantin lelaki (berserta pengantin lelaki kecil) bersama pengapitnya akan diseru dipersilakan masuk. Namun kemasukkan mereka akan disekat di muka pintu masuk. Semasa pihak lelaki ingin masuk ia akan dihalangi oleh orang menjemput yang masuk melihat persediaan pengantin perempuan tadi. Selalunya, cara menghalang ini adalah menutup pintu masuk. Orang menjemput yang seorang lagi, iaitu yang mengiringi pengantin lelaki (dan pengantin kecil) berserta pengapitnya akan menyeru minta bukakan pintu agar memelai dapat masuk. Seruan ini akan dijawab oleh orang menjemput di dalam meminta bayaran upah sebelum dibenarkan masuk. Selanjutnya berlakulah upacara berpantun berseloka yang melucukan di antara kedua belah pihak.

Lazimnya, orang menjemput di luar akan menggenggam beberapa duit syiling dalam tangannya. Untuk mendapatkan duit itu, orang menjemput di dalam terpaksa membuka daun pintu sedikit. Genggam berisi duit akan disorongkan ke dalam melalui renggangan pintu. Orang di dalam terpaksa membuka genggam itu sambil menahan agar pintu, yang ditolak dari luar tidak terbuka. Cara memberi 'wang rasuah' atau wang pelepasan diri ini menimbulkan suasana yang melucukan, yang dilucukan lagi dengna pertelingkahan kata-kata antara kedua-duanya. Jumlah duit dalam genggam adalah antara sepuluh dan dua puluh sen sahaja.

## 8. PERKAHWINAN OLEK BIASA

Olek biasa atau dibilangkan sebagai:

Kok tumbuh di lapan,  
Anak buah yang punya.

Atau disebut juga olek separas air segolok ini adalah olek yang paling ringkas dan sederhana. Olek ini tidak melebihi dari sehari semalam. Dalam olek ini, alat kebesaran adat tidak dipamerkan. Hanya, ada di setengah tempat, di tempat pengantin duduk dipasangkan tabir langit-langit dan tabir lingkungan, sedangkan di tempat lain, hanya direntangkan tabir langit-langit sahaja. Pengantin lelaki, yang dianggap sebagai raja sehari akan diberi tempat duduk tilam pendak dan di hadapannya diletakkan sebuah tepak peminangan. Dalam majlis ini oleh sebab Buapak atau Dato' Lembaga tidak hadir, hanya perlu disediakan sebuah tepak peminangan.

Aturcara majlis akan dikendalikan oleh Tua Waris atau Kadim bersama Besar. Merekalah yang menjadi tunggak dalam segala perjalanan adat dan istiadat. Mereka akan hadir dalam majlis ini daripada pagi hinggalah ke malam. Tugas memulakan olek, melepaskan orang menjemput akan dilakukan oleh Besar atau Kadim. Pada hakikat dalam olek ini tidak ada upacara mengenakan olek secara rasmi. Olek bermula apabila orang menjemput diminta pergi menjemput. Malahan di setengah tempat upacara menjemput pengantin ini juga ditiadakan. Pengantin akan datang pada masa dijanjikan sebagaimana yang dimuafatkan antara kedua belah pihak.

Aturcara sebelah malam pun ringkas juga. Antara lain upacara yang diadakan ialah menyembah mertua, bersanding, berinai kecil dan makan berdamai. Upacara berinai akan dimulakan oleh Besar atau Tua Waris atau Kadim. Majlis

Tujuan membayar sedikit demi sedikit ini adalah untuk melambatkan pembayaran masuk. Walaubagaimana pun, jumlah wang dikenakan telahpun dipersetujui terlebih dahulu, dan telah dibekalkan oleh pihak pengantin lelaki. Jumlah yang dikenakan ini berbeza diantara tempat ke tempat, misalnya di setengah tempat di Rembau bayarannya adalah \$1.40 sen dan di beberapa tempat di Nanning berjumlah \$1.80 sen.

Istiadat menghalang kemasukan pengantin lelaki untuk bersanding ini dikenali sebagai istiadat hambat pintu atau disebut juga rompak pintu. Ianya dianggap sebagai "permainan tempat semenda". Wang hambat pintu ini adalah hak orang menjemput. Jumlah wang itu akan dibagi sama rata antara kedua orang menjemput tersebut.

Selepas terbayar jumlah yang diperlukan barulah pintu masuk dibuka, dan pengantin serta rombongan pengiringinya dipersilakan masuk ke dalam.

#### 6.12. Istiadat Hambat Pelamin

Mempelai akan dipimpin ke pelamin. Di pelamin telah sedia duduk pengantin perempuan (dan pengantin kecil disebelahnya). Tetapi tempat duduk pengantin lelaki telah diduduki oleh Mak Andam. Pada masa ini Mak Andam yang bertindak sebagai pengapit perempuan akan mengusik pengantin lelaki dengan menutup muka pengantin perempuan seraya cuba menghalang pengantin lelaki duduk untuk bersanding. Pengantin harus tahu tujuan mengusik kedua mempelai, terutamanya pengantin lelaki yang tidak dapat duduk itu.

Melihat keadaan demikian, salah seorang orang menjemput akan bertanya mengapa Mak Andam tidak memberi tempat bagi pengantin lelaki. Pertanyaan ini diluakkan dengan kata-kata menyindir yang melucukan. Mak Andam pula akan menjawab kata-kata orang menjemput itu dengan kata-kata sin-

akan tamat sehabis sahaja diadakan jamuan makan berdamai.

Adat istiadat berikutnya seperti menyalang, menikan jejak dan unjuk berikan dilakukan seperti juga oleh Lembaga dan olek Buapak.

## 9. PERKAHWINAN TIDAK LAZIM

Perkahwinan jenis ini adalah perkahwinan yang tidak mengikut aturan biasa iaitu yang bermula dari merisik sehingga ke adat unjuk beri. Dari segi aturcara ianya adalah ringkas. Di setengah tempat kahwin jenis ini dinamakan kahwin orang berada dan dikatakan juga sebagai perbuatan yang berani. Walaupun perkahwinan bentuk ini tidak mengikut aturan kebiasaan adat, ia dibolehkan dan dilembagakan oleh adat perpatih. Perkahwinan tidak lazim dapat dibagikan kepada enam jenis, iaitu:

- a) Nikah Terkurung Di dalam atau pendeknya Terkurung sahaja.
- b) Nikah Serah Menyerah atau Menyerah.
- c) Merumah.
- d) Merebut Rampas.
- e) Adat Mendapatkan, dan
- f) Adat Beli Laki.

### 9.1. Nikah Terkurung Di Dalam

Nikah jenis ini dikenali juga sebagai nikah salah-salahan atau nikah sesalhan. Upacara nikah mengikut proses ini harus dilakukan apabila didapati atau ditemui seorang lelaki atau perempuan duduk bersama dengan orang perempuan atau lelaki yang bukan muhrimnya di dalam sebuah rumah dan di luar dari pengetahuan orang. Perangkap mereka berdua ini mungkin berlaku dengan tidak sengaja, atau ianya mungkin hasil daripada suatu perancangan sulit ter-

diran dan jenaka, kadangkala disulami dengan pantun dan seloka.

Selagi Mak Andam tidak bangun daripada pelamin itu persandingan antara kedua pengantin tidak dapat dijalankan.

Dalam suasana yang kecoh dan melucukan ini, pengantin lelaki yang berdiri di hadapan pengantin perempuan akan mencecahkan sirih alur yang dibawanya ke dahi pengantin perempuan. Pengantin lelaki, sebelum ia masuk ke dalam untuk istiadat bersanding telah dibekalkan dengan sirih alur dan bungan telur. Sirih alur ini sebenarnya merupakan wang upah Mak Andam. Duit itu dibungkus dengan daun sirih yang dilipat tiga. Di setengah tempat, sirih alur ini diberi kerocok yang berkerawang.

Pengantin lelaki, selepas mencecahkan sirih alur itu ke dahi isterinya akan melepaskannya. Sirih alur itu akan jatuh ke atas pangkuan pengantin perempuan. Melihat keadaan ini Mak Andam akan bangun dari atas pelamin untuk mengambil sirih alur itu dari pangkuan pengantin perempuan. Mungkin kehadiran sirih di atas pangkuan pengantin itu akan merosakkan keindahan upacara persandingan, yang menjadi tanggungjawab Mak Andam. Dengan latahnya (hampir kesemua Mak Andam lama pelatah orangnya), Mak Andam akan bangun sambil "memarahkan" pengantin lelaki kerana merosak dan mengotorkan Keindahan pengantin perempuan. Beliau akan mengambil sirih alur itu daripada pangkuan pengantin, sambil itu membersihkan pangkuan pengantin. Semasa Mak Andam sibuk 'membersihkan' sambil merungut mengenai rosaknya keistimewaan dandanannya, pengantin lelaki dibawa duduk di tempatnya di pelamin. Pengiringnya (termasuk pengantin kecil) akan mengambil tempat masing-masing.

lebih dahulu. Walaubagaimana pun, perbuatan ini adalah dianggap sebagai kurang baik dari segi moral dan pandangan masyarakat. Adat mengatur supaya orang seperti ini ditangkap dan dikahwinkan pada hari itu juga.

Peristiwa penangkapan itu harus disampaikan kepada Dato' Lembaga -dato' Lembaga kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan. Dengan itu, sehingga Dato' Lembaganya dapat membayar denda atau diistilahkan sebagai mengisi adat, si lelaki harus dikurung. Dato' Lembaga lelaki berkenaan pual harus mendapatkan denda adat daripada waris lelaki. Seandainya waris si lelaki sengaja melambat-lambatkan pembayaran itu, Dato' Lembaga berkuasa mengambil harta pusaka kadim lelaki itu. Mengikut aturan adat perpatih salah satu syarat yang membolehkan seseorang itu "menjula" harta pusaka adalah apabila ahli rumpun kena denda yang berhubungan dengan perkahwinan.

Dato' Lembaga silelaki harus mendapatkan denda itu. Jikalau didapati seorang lembaga yang tidak sanggup menyempurnakannya, beliau dianggap sebagai telah melakukan kesalahan adat. Kesalahan yang sedemikian ini dikatakan sebagai "melindungi" ini Dato' Lembaga yang berkenaan boleh dijatuhkan hukum pecat oleh Undang atau Penghulu.

Jumlah bayaran yang dikenakan berbeza-beza dari satu tempat ke tempat lain dan dari satu suku ke suku yang lain. Pada zaman sebelum kedatangan Inggeris kebanyakan bayaran dikenakan adalah dengan kain dengan tafsiran harga enam sen sehasta. Kain ini akan dibagi-bagikan dengan Buapak. Buapak pula akan membahagikan bahagiannya dengan Besar. Semasa mengisi adat ini, serta pembahagiannya antara Lembaga, Buapak dan Besar anakbuah harus hadir menyaksikannya.



### 6.13. Adat Istiadat Menyembah Mertua

Selepas pengantin lelaki duduk disisi isterinya, maka dimulakan adat istiadat menyembah mertua. Untuk istiadat ini kedua-dua pengantin dibawa turun dari pelamin dan didudukkan di hadapan pelamin menghadap orang ramai. Orang menjemput akan pergi memanggil ibu bapa serta sanak saudara kadim pengantin perempuan.

Istiadat ini akan dimulakan dengan mertua lelaki. Bapa pengantin akan duduk di hadapan kedua-dua orang pengantin. Pengantin yang duduk dengan kedua belah tangan di atas pangkuan akan menyusun jari sepuluh, iaitu merapatkan tangan tanpa mengangkatnya tangan/lengan dari pangkuan. Demikian dilakukan sehingga dua kali dan setiap kalinya dibalas oleh bapa mertua dengan pelakuan yang sama. Untuk menyembah kali yang ketiga, pengantin akan mengangkat tinggi sedikit tangan mereka. Sembahan kali ketiga ini akan disambut oleh bapa pengantin perempuan dengan bersalaman dengan kedua-dua pengantin dengan didahului pengantin perempuan.

Selepas bapa diikuti oleh emak pengantin perempuan. Ini akan disusuli pula oleh bapa dan emak saudara serta abang-abang dan kakak-kakak pengantin. Setiap orang akan melakukan cara penyembahan yang sama. Adat istiadat ini akan diteruskan sehinggalah habis sanak saudara dan waris yang rapat dengan pengantin. Setiap kali anggota saudara datang menyembah, orang jemputan akan memberitahu pengantin siapa yang menyembah dan cara memanggilnya. Misalnya dikatakan yang ini abang kepada emak, cara memanggilnya suasana formal, orang menjemput lazimnya memberitahu serba sedikit peribadi orang yang berkenaan secara jenaka. Kata-kata ini selalu disambut dengan gelak ketawa para hadirin.

Di setengah tempat pula, jumlah bayaran isi adat ini diambil kira juga keadaan pasangan itu tertangkap - di bendang, di ladang atau di kawasan di luar rumah, atau tertangkap di dalam rumah. Sekiranya mereka tertangkap di luar rumah bayaran isi adat atas sebab salah-salahan di kurangkan separuh daripada biasa. Sebaliknya jikalau mereka tertangkap di dalam rumah gadis yang berkenaan maka jumlah isi adat yang perlu dibayar oleh pihak lelaki adalah ganda daripada kebiasaan. Namun, sebelum mengisi adat, kedua-dua belah waris boleh memuafakatkannya. Ini adalah atas dasar perbilangan adat:

Kelebihan Nabi dengan mukjizat,  
Kebulatan manusia dek muafakat,  
Bulat air dek pembetung,  
Bulat manusia dek muafakat.  
Tatkala kecil bernama muafakat,  
Tatkala besar bernama adat,  
Si raja adat dek muafakat,  
Air melurut dengan bondanya,  
Benar melurut dengan muafakatnya,  
Negeri tumbuh dengan adatnya,  
Muafakat lalu di dalam gelap,  
Adat lalu di tengah terang,  
Hilang adat kerana muafakat.

Setelah selesai perundingan, dan jumlah isi adat yang perlu dibayar ditentukan maka pembahagiannya adalah sama seperti yang telah dihuraikan di atas tadi.

Selepas dibayar adat kedua pasangan itu dinikahkan. Setelah selesai dinikahkan dibuatlah rundingan antara kedua belah pihak tentang aturcara berikutnya, jikalau si lelaki itu tidak menceraikan isterinya itu selepas

Setelah habis waris yang perlu dikenalkan, pengantin dibiarkan bersanding untuk beberapa ketika. Pengantin akan diminta bangun dengan jari kelengkeng bercangkukan dibawa masuk ke dalam bilik pengantin. Tetapi pengantin lelaki tidak dibenarkan masuk ke dalam. Ia hanya menghantar isterinya ke ambang pintu bilik sahaja. Setelah pengantin perempuan masuk ke bili, pengantin lelaki akan dibawa ke serambi dan duduk berehat ditempatnya.

Seandainya, selepas perarakan menyambut pengantin lelaki datang tadi, pengantin terus naik ke rumah, yaitu cara kedua (b) seperti di huraikan di atas tadi (6.10), maka apabila habis upacara menyembah mertua, kedua-dua pengantin akan dibawa turun ke halaman. Di halaman mereka akan disandingkan dengan tujuan ahli-ahli lain dalam majlis dapat menyaksikan persandingan pengantin. Pertunjukan silat dan tarian terinai juga akan diadakan dengan diiringi oleh pukul dikir rebana.

Apabila tamat pertunjukkan itu, kedua pengantin akan dibawa naik ke rumah dengan jari kelengkeng bercangkukan. Pengantin lelaki, dalam aturcara begini tidak menghantar isterinya sehingga ke pintu bilik, melainkan ke pintu masuk tengah rumah sahaja. Pengantin perempuan (dan pengantin kecil), Mak Andam dan pengiringnya akan terus ke dalam, dan pengantin lelaki akan tinggal di serambi di tempat yang disediakan untuknya berehat.

Mengikut pendapat orang tua, aturcara kedua ini (6.10 - b) adalah lebih baik. Pengantin, sebelum ditayangkan atau dikenalkan kepada orang ramai dengan bersanding di halaman rumah, haruslah terlebih dahulu berkenalan dengan ibu bapa serta waris terdekatnya, dengan mendahulukan upacara menyembah mertua. Selepas itu baherulah diperkenalkan atau diperlihatkan kepada orang ramai.

Selepas upacara ini kadim dan Besar akan mengarahkan agar jamuan makan bagi pengantin dan rombongannya dimulakan. Pada hari kedua ini lazimnya

dinikahkan. Rundingan itu berkisar atas bila untuk mengadakan adat istiadat perkahwinan biasa, jikalau dikehendaki.

## 9.2. Nikah Serah Menyerah

Adat ini sering hanya dikatakan sebagai adat menyerah sahaja. Dalam menyerah seorang lelaki akan mendatangi rumah perempuan yang diinginkannya. Lelaki ini bersama dengan rombongannya yang terdiri daripada beberapa orang sahabat karibnya akan naik ke rumah perempuan berkenaan dan duduk dipangkal serambi iaitu di ruang luar rumah. Di situlah dia diam seolah-olah menyerah diri kepada keluarga perempuan supaya menyampaikan hajatnya. Oleh kerana keadaan menyerah itu hanya duduk sahaja dipangkal serambi maka perbuatannya itu kerap kali dipanggil juga menyerambi.

Dalam 'menyerah', pada kebiasaannya pihak lelaki terlebih dahulu memberitahu Buapaknya. Selepas memberitahu, dia dan rombongannya akan pergi ke rumah perempuan yang dihajatnya. Kedatangannya, pada lazimnya pada waktu malam, akan diterima oleh tuan rumah, dan dilayan sebagai tetamu.

Setelah duduk, wakil pihak lelaki akan menyampaikan maksud kedatangan mereka. Antara lain, wakil itu akan berkata:

"Begini sahajalah Pak Cik (atau Pak Long atau Pak Teh - berdasar panggilan harian tuan rumah). Kami ni dah sampai ke sini. Kami ni ke rumah Pak Cik ada hajat. Hajat kami ini baik, iaitu menghantar budak ujang (atau gelaran lelaki menyerah) ini. Anak Pak Ahmad hujung kampung tu. Ia ini nak menyemenda ke sini. Jadi harap kami, pada Pak Ciklah, baik buruknya, pada Pak Cik jugalah".

Dato' Lembaga tidak hadir. Yang hadirnya hanya Buapak. Buapak akan makan di pangkal serambi di tempat khasnya. Jambar atau hidangan Buapak haruslah bertutup dengan tudung saji, berlapik dan bertekad. Lazimnya salah satu daripada lauk jambar Buapak ialah masakan kepala kambing. Kepala kambing adalah makanan Buapak, jikalau tidak diberikan kepadanya, tetapi diletakkan dijambar lain, bukan jambar ketua adat, tuan rumah akan dikenakan denda adat. Selepas Buapak merasa lauk kepala kambing barulah, lazimnya, diberitahu kepada orang jemputan lain untuk menikmatinya.

Pada waktu yang sama kedua-dua pengantin juga dijamu makan. Hidangan untuk pengantin (dan pengantin kecil) juga hidangan istenawa dan bertutup tudung saji yang bertekad juga. Pengantin makan akan ditemani oleh Mak Andam dan juga pengapit pengantin. Kadangkala orang menjemput pun turut bersama.

Ada dua cara yang lazim dilakukan dalam majlis makan pengantin ini. Pertamanya ialah diadakan dalam bilik pengantin. Jikalau demikian, apabila hidangan telah sedia, orang menjemput akan mempersilakan pengantin lelaki (pengantin kecil) serta pengapitnya masuk ke dalam. Di dalam bilik telah sedia menunggu pengantin perempuan (dan pengantin perempuan kecil), Mak Andam dan pengapit pengantin perempuan. Setelah semuanya duduk, pengantin perempuan dan mempelai akan berdekatan, Mak Andam dan orang menjemput akan mempersilakan menikmati jamuan. Mak Andam akan meminta pengantin perempuan membasuhkan tangan suaminya. Selalunya, pengantin 'malu' dan 'segan' untuk melakukannya. Justeru itu, Mak Andam 'memaksa' dan seterusnya 'membantu' pengantin perempuan melakukannya. Perbuatan yang sama akan dilakukan oleh pengantin perempuan apabila suaminya habis makan.

Cara kedua yang biasa dilakukan ialah majlis makan pengantin ini diadakan di hujung serambi. Hujung serambi digunakan mungkin kerana keadaan dalam bilik pengantin sempit. Dalam keadaan ini pengantin perempuan yang akan

Setelah mengetahui hajat rombongan itu, tuan rumah mungkin menasihati mereka untuk pulang sahaja ke rumah masing-masing. Kalau pujukan tuan rumah itu berjaya maka perbuatan menyerah itu gagal. Ini akan memalukan si lelaki. Selalunya, si lelaki tidak akan turun dari rumah itu. Dia akan menuntut sesuatu keputusan adat diadakan mengenai tujuan dan hajatnya.

Pihak perempuan boleh membawa turun yang dihajati lelaki itu dan pergi ke rumah lain. Dengan itu lelaki itu tidak akan diberi makan dan bergelap di waktu malam. Jika si lelaki berkuat juga, ia harus duduk diam di situ. Kaum kerabat kadim lelaki itu haruslah memberinya pelita pada waktu malam dan menghantar makanan apabila tiba waktu makan. Si lelaki tidak boleh meninggalkan rumah perempuan itu selagi satu penyelesaian tidak tercapai.

Apabila keadaan telah sedemikian, pihak perempuan haruslah memberitahu tempat semenda kadim, kadim, Besar dan Buapak kedua belah pihak. Perkahwinan secara ini adalah diselesaikan oleh Buapak setelah berkumpul semuanya dirundingkan hal menyerah itu. Dalam muafakat ini ditentukan adatnya. Dalam keadaan begitu pihak perempuan boleh meminta sahaja daripada pihak lelaki sebagai mas kahwin. Di samping itu si lelaki harus membayar denda yang terdiri dua jenis iaitu bunga pinang (pakaian sepersalinan) dan kain deraan cincin. Adat yang diminta oleh pihak perempuan harus diisi oleh si lelaki. Kata perbilang adat:

Ke laut menuju arus,  
Ke darat menuju benar,  
Bertahun nanti musim,  
Mensiang hangus.

Berdiri menuju jarak,  
Duduk meraut ranjau,  
Menyeludup gelas lalu,

keluar mendapatkan suaminya di hujung serambi. Aturcara makan sama sahaja seperti yang dihuraikan di atas, apabila makan dalam bilik. Setelah makan pengantin perempuan (pengantin kecil) serta Mak Andam dan pengapit akan masuk semula ke dalam.

Pengantin lelaki, selepas makan akan dibawa ke rumah beranggho untuk berehat. Orang menjemput, (pengantin kecil), pengapitnya lelaki dan perempuan akan mengiringi dan melayan pengantin di tempat beranggho itu. Di situ lah pengantin lelaki akan duduk sehingga malam.

#### 6.14. Adat Istiadat Berinai Kecil

Selepas waktu maghrib, pengantin lelaki dan ahli penggiringnya akan kembali ke rumah pengantin perempuan. Kedatangannya kali ini tidak perlu dijemput. Apabila sampai di pintu pagar halaman rumah orang menjemput akan memberitahu mengenai kedatangan pengantin lelaki. Sekali lagi kedua-dua pengantin akan diarak ke atas rumah dengan penangga dengan diringi dikir rebana.

Di atas rumah pengantin akan disandingkan di atas pelamin. Setelah bersanding untuk seketika dimulakan pula upacara berinai kecil. Kelengkapan-kelengkapan yang mesti disediakan dipelamin terlebih dahulu ialah:

- a) Daun inai yang telah ditumbuk halus.
- b) Beras kunyit.
- c) Air mawar.
- d) Lilin.
- e) Bunga telur yang dicucukkan pada pulut kuning yang dikenali sebagai nasi panca.

Buapak pengantin perempuan akan memulakan menginai anak buahnya diikuti oleh Buapak pengantin lelaki, jikalau ia turut hadir. Setelah se-

Menyelam minum air.

Lain biduk lain galang,  
Lain orang lain hati,  
Lain padang lain belalang,  
Lain negeri lain adatnya.

Perahu terdorong boleh undur,  
Kalau harimau sudah terlompat,  
Kalau kata sudah terdorong,  
Mulut berkata-kata emas padahnya,  
Kaki terdorong badan binasa,  
Cepat tangan dapat hutang,  
Terpijak benang arang orang,  
Hitam tapak kaki,  
Tersauk air orang,  
Ikutlah adat benar orang.

Keputusan adat tidak perkara:  
Pertama adat terjadi,  
Kedua adat kebulatan,  
ketiga adat kitabul 'Allah,  
Hukum syarak dan kuran,  
Mengelakkan yang busuk,  
Menimbulkan yang baik.

Pada syarak menyuruh:  
Berbuat baik,  
Meninggalkan yang jahat.



lesai kedua-dua Buapak tadi, Mak Andam pengantin perempuan akan menyeru ibu bapa pengantin perempuan dan akhir sekali ibu bapa pengantin lelaki jikalau mereka hadir. Upacara ini akan diteruskan oleh saudara-mara kedua belah pihak.

Istiadat berinai ini dimulakan dengan mencecahkan daun inai yang telah ditumbuk halus pada kedua belah tapak tangan kedua-dua pengantin. Perlakuan ini diikuti pula dengan merenjisikan sedikit air mawar ke tapak tangan kedua-dua orang pengantin dan diakhiri dengan menaburkan sedikit beras kunyit. Sebelum beredar, orang yang menginaikan itu harus menyembah pengantin, dan sembah itu dijawab oleh kedua-dua pengantin dengan merapatkan jari sepuluh. Setiap orang yang menginaikan itu akan diberi hadiah bunga telur pahar yang diambil daripada nasi panca, sebagai ucapan terima kasih pengantin dan tuan rumah.

#### 6.15. Istiadat suap-suapan

Upacara berinai ini diikuti pula oleh istiadat suap-suapan di atas pelamin. Alat-alat yang digunakan dalam istiadat ini ialah sedulang kecil pulut yang dicucuk telur atasnya, semangkuk air untuk basuh tangan dan dua buah piring kecil. Mak Andam akan menjemput sedikit pulut dan mengepal-ngepalkannya. Kepalan pulut itu diletakkan di dalam sebuah pinggan kecil. Perbuatan ini diulang sehingga dapat enam kepal pulut.

Mak Andam akan memulakan istiadat ini. Dia bersama-sama pengantin perempuan akan memegang sekepal pulut : sementara pengapit atau Pak Andam pengantin lelaki memegang tangan mempelai dan bersedia untuk menahan atau menghalang suapan dari pengantin perempuan. Semasa penyuaipan itu kedua-dua pihak sama-sama membilang hingga ke angka tiga, barulah disuapkan pulut itu ke mulut pengantin lelaki. Perbuatan atau suapan ini diulang sebanyak tiga kali berturut-turut oleh pengantin perempuan dan Mak Andam.

Setelah dapat keputusan itu, lelaki itu kan dikahwinkan dengan perempuan yang dihajatnya serta memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak perempuan tanpa penangguhan. Oleh sebab itu, disisi adat kahwin menyerah ini dikatakan sebagai:

Orang menyerah tanda kaya.

Bayaran bunga pinang dan kain deraan cincin akan dibagikan antara Bapak dan Besar pihak perempuan. Bahagian Besar pula akan dibagikan dengan kadim perempuan.

### 9.3. Adat Merumah

Adat merumah adalah lebih kurang sama dengan adat menyerah, tetapi ia mempunyai ciri kekerasan. Lelaki, bukan sahaja naik ke rumah perempuan bahkan masuk terus ke dalam bilik dan memegang gadis yang dihajatnya. Malah kadangkala si lelaki menguncinya bersama-sama di dalam bilik tidur tersebut. Hanya apakala hal sedemikian berlaku barulah persoalan perkahwinannya itu dipertimbangkan dengan adat merumah. Adat ini, seperti juga adat menyerah boleh dilakukan baik malam atau pun siang, tetapi kebiasaannya adalah waktu malam.

Lelaki yang hendak merumah haruslah terlebih dahulu mengetahui betul yang gadis yang dihajatnya itu sesungguhnya berada dalam rumah semasa ia menaiki rumah itu. Jikalau gadis itu tiada pada masa itu maka tidak dapat dipertimbangkan atau diadatkan. Di samping itu, lelaki itu juga harus berhati-hati agar orang dipegangnya itu adalah gadis yang dihajati dan bukan orang lain. Seandainya ia terpegang perempuan lain, maka harus dikahwinkan dengan perempuan tersebut dan bukan dengan gadis yang dihajati. Oleh sebab itu, sebelum seorang lelaki merumah ia harus membuat penyelidikan yang teliti agar tidak tersalah masa dan tidak bersilap orang.

Sesudah itu, sebanyak tiga kali berturut-turut, kepada pengantin perempuan.

Biasanya pulut yang disuap itu tidak masuk ke mulut pengantin baik lelaki ataupun perempuan. Semasa bersuap-suap itulah para jempunan merasa gembira kerana kadang-kadang Mak Andam pengapit lelaki berjenaka seperti "Jaga, jaga, jaga a a a...kena!". Di samping itu, Mak Andam juga akan melatah. Ini akan lebih melucukan para penonton persandingan itu.

Mengikut pendapat orang-orang tua, perbuatan suap-suapan ini membawa pengertian simbolik. Pulut kuning yang menjadi bahan suap-suapan adalah diibaratkan sebagai nasi. Tiga kepal pulut yang disuapkan oleh pengantin perempuan kepada mempelai bermakna jikalau pengantin lelaki atau suami sakit maka adalah tanggungjawab pengantin perempuan atau isteri untuk memberi makanan kepada suaminya. Dan begitulah sebaliknya jikalau pengantin perempuan atau isteri yang sakit pula, maka suami bertanggungjawab memberi isteri makan.

Di setengah tempat, selain daripada menyuapkan pulut, disuapkan juga telur rebus berkusap. Upacara ini juga memerlukan enam biji telur, iaitu tiga biji untuk suapan pengantin perempuan dan tiga biji lagi bagi kegunaan pengantin lelaki. Aturcara suapan telur ini sama sahaja seperti suap-suap pulut di atas.

Upacara persandingan malam kedua ini diakhiri dengan tarian terinai dan tarian piring. Kedua-dua tarian ini akan diiringi oleh pukulan rebana dan gendang.

Setelah selesai upacara persandingan, pengantin akan dibawa untuk menikmati hidangan yang telah disediakan untuk mereka selain daripada Mak Andam, beberapa orang ahli keluarga sebelah lelaki atau/dan sebelah perempuan akan turut sama.

Lazimnya seorang lelaki yang menaiki rumah perempuan harus membawa sebilah senjata kecil yang mudah disisipkan dipinggang atau senang disimpan dalam baju, umpamanya tumbuk lada, keris pendek atau pisau kecil. Senjata ini adalah sebagai peneman atau penguat semangatnya. Di samping senjata, lelaki itu juga harus membawa sehelai kain sarung, selalunya kain pelekat lerang besar.

Untuk menaiki rumah berkenaan lelaki tersebut haruslah menggunakan kebijaksanaan dan helahnya sendiri ataupun dengan bantuan rakan rapatnya. Setelah menaiki rumah itu, lelaki itu dengan segera pergi ke mana gadis itu berada dan memegangnya. Lazimnya gadis itu dibawa ke dalam bilik jikalau semasa dipegang itu ia berada di luar bilik. Selepas berada di dalam bilik maka dia tidak boleh dilepaskan sehingga dapat ditibangkan kesalahannya itu melalui adat.

Sementara menunggu pertimbangan adat lelaki itu akan mengurung dirinya dan gadis berkenaan dalam kain sarung yang dibawanya bersama. Pada ketika ini juga senjata kecil yang dibawa digunakan untuk mengugut agar kemahuaannya ditunaikan, dan untuk mempertahankan diri daripada ugutan yang datang daripada pihak ibu bapa atau/ dan saudara mara perempuan, yang akan cuba mengusirnya. Keadaan ini dengan jelas menunjukkan bahawa dalam adat merumah terdapat elemen paksaan dan kekerasan bagi mendapatkan apa yang dikehendaki. Oleh kerana itulah dikatakan oleh perbilangan bahawa:

Orang merumah:  
Berdeda bidang,  
Berkulit tahan,  
Hati berani,  
Senjata tajam,  
Mulut bacar,  
Emas banyak.

Semua upacara ini akan tamat lebih kurang jam 12 malam. Selepas makan, pengantin lelaki akan pulang bersama-sama warisnya ke rumah ibu bapanya atau ke tempat beranggunya. Di setengah tempat, pada malam ini, pengantin lelaki, (pengantin kecil lelaki, jikalau di Luak Rembau), berserta dua orang perempuan waris yang hampir dengan pengantin lelaki tidur dalam bilik pengantin di rumah perempuan. Pengantin perempuan, (dan pengantin kecil perempuan) berserta teman-temannya tidur di bilik lain, atau di atas peran.

Walaupun kedua-dua pengantin telah berehat, upacara diteruskan dengan majlis dikir maulud. Majlis ini, kadangkala berterusan sehingga ke pagi.

Seandainya pengantin lelaki tidur di rumah pengantin perempuan, maka pada pagi-pagi hari lagi ia harus balik ke rumahnya atau ke tempat beranggunya. Pengantin lelaki harus bersiap sedia untuk upacara berikutnya.

#### 6.16. Aturacara Hari Ketiga

Seperti pagi hari kedua, kadim, Besar dan Buapak akan datang di awal pagi dan mengarahkan penyembelihan lembu atau/ dan kerbau. Di samping itu, segala peralatan dan bahan memasak perlu disediakan untuk tujuan membuat lauk dan kuih-muih bagi menjaja orang menjemput dan orang panggilan.

Pada hari ketiga ini, Dato' Lembaga akan turut hadir. Beliau akan datang lebih awal, iaitu kira-kira jam 9 pagi. Kedatangannya akan disambut oleh Buapak, Besar dan kadim. Ketibaan Dato' Lembaga akan disambut dengan membakar bedil sebanyak empat letus. Jikalau tuan rumah menjemput juga Dato' Lembaga dari suku-suku lain maka ketibaan setiap Dato' Lembaga itu akan ditandai dengan pembakaran empat letus bedil. Tetapi jikalau mereka datang serentak maka bedil akan dibakar hanya sebanyak empat letus sahaja. Jikalau Penghulu atau Undang Luak dijemput ke majlis ini, Dato' Lembaga berserta pembesar-pembesar adat berserta orang ramai akan menunggu ketibaannya.

Kadim gadis itu akan berusaha untuk melepaskan saudaranya itu daripada tangan lelaki tersebut. Kadim itu akan juga mengemukakan berbagai-bagai tuntutan. Jikalau pihak perempuan gagal dalam usaha menaksa memulangkan semula saudara perempuannya maka baru si lelaki berhak mengahwininya. Seandainya si lelaki gagal mempertahankan kedudukannya; dan gadis itu dapat dirampas semula oleh kadimnya, si lelaki akan dikenakan denda adat. Sebaliknya jikalau lelaki itu berjaya dan kadim si perempuan gagal merampas semula saudara perempuannya maka pasangan itu harus dikahwinkan pada hari itu juga.

Walau apapun kesudahan merumah ini, ketua-ketua adat daripada kedua belah pihak - Buapak dan Besar - harus diberitahu mengenainya. Merekalah yang berkuasa menyelesaikannya, bak kata perbilangan:

Kunci anak kepada bapa,  
Kunci isteri kepada suami,  
Kunci luak, Penghulu,  
Kunci Alam, Raja,  
Adat:

Berjenjang naik,  
Bertangga turun,  
Berlukis berlambaga,  
Berlurus bertauladan,  
Bercacar berceraci,  
Bertunggal berperasan,  
  
Pulai berpangkat naik,  
Manusia berpangkat turun,  
Kambing biasa membebek,  
Kerbau biasa menguak,  
Ayan biasa berkokok,  
Balam biasa berkuku.

Untuk Penghulu atau Undang Luak, ketibaannya harus disambut dengan membakar bedil sebanyak tujuh letus.

Pengantin lelaki, (pengantin kecil lelaki), dan rombongannya akan sampai ke rumah pengantin perempuan lebih kurang pada waktu zuhur atau lebih awal bergantung kepada permuafakatan janji. Upacara berarak, seperti aturcara di hari-hari sebelumnya dijalankan. Selepas mengelilingi rumah sebanyak tiga kali, kedua-dua pengantin akan terus naik ke atas rumah.

#### 6.17. Istiadat Menyembah Adat

Setibanya pengantin di atas rumah, orang menjemput akan dibawa menyembah Dato' Lembaga. Kedua-dua pengantin akan duduk di hadapan Dato' Lembaga. Orang menjemput akan memperkenalkan pengantin kepada Dato' Lembaga dan sebaliknya. Kepada Dato' Lembaga akan diberitahu juga gelaran orang semenda baru itu.

Cara menyembah Dato' Lembaga adalah sama seperti aturcara menyembah mertua. Acara menyembah adat ini akan diakhiri dengan pengantin lelaki mempersembahkan tepak sirih kepada Dato' Lembaga. Selepas Dato' Lembaga mengapur sirih, orang menjemput, bagi pihak kedua pengantin memohon izin untuk pergi meneruskan upacara. Selepas Dato' Lembaga memberi izin, pengantin akan beredar.

Pengantin akan dibawa turun ke halaman rumah untuk upacara persandingan. Tujuannya adalah untuk memberi peluang para jemputan dan orang panggilan hari itu menyaksikan pengantin. Semasa pengantin bersanding di halaman diadakan tarian silat pulut, tarian terinai dan juga tarian lilin. Kesemua pertunjukan ini akan diiringi oleh pukulan rebana.

Penghulu biasa menghakinkan adat,  
Alim biasa menghakinkan syarak,  
Hulubalang biasa menjarah,  
Buaya biasa melepas,  
Saudagar biasa malu bungkal teraju,  
Perempuan berusahakan pinang kapur.

Raja sekeadilan,  
Penghulu seundangan,  
Tua selembaganya,  
Waris sepusaknya,  
Buapak seadatnya,  
Tempat semenda seadat,  
Orang semenda seresan.

Raja berdaulat,  
Penghulu berandika,  
Raja bertitah,  
Penghulu bersuku, berkawasan,  
Lembaga bersekat.

Raja bersejarah,  
Penghulu bersalasilah,  
Raja berdaulat di dalam alamnya,  
Penghulu bernobat di dalam sukunya,  
Buapak bernobat pada anak buahnya,  
Orang banyak bernobat pada ternaknya.



Selepas upacara ini Besar akan mengarahkan agar jamuan pengantin dimulakan. Pengantin, lelaki dan perempuan (kedua-dua pengantin kecil) dan pengapit daripada kedua belah pihak serta Mak Andam akan naik ke atas rumah. Mereka akan makan dihujung serambi. Pada waktu yang sama Dato' Lembaga berserta pembesar adat yang hadir akan juga makan di tempat mereka iaitu dipangkal serambi. Apabila habis makan, Dato' Lembaga dan pembesar-pembesar adat yang hadir pulang ke rumah masing-masing. Pengantin perempuan, (pengantin kecil perempuan), Mak Andam serta pengapit akan masuk ke bahagian dalam rumah, dan pengantin lelaki, (bersama pengantin kecil lelaki) serta pengapitnya pula akan balik ke tempat berangguh pengantin.

#### 6.18. Istiadat Makan Berdamai

Pada malam terakhir ini Dato' Lembaga akan hadir. Beliau akan datang ke rumah pengantin lebih kurang pada waktu maghrib. Beliau harus datang untuk upacara berinai besar dan penutupan olek. Kedatangan Dato' Lembaga akan ditandai dengan membakar bedil sebanyak dua letus.

Pengantin lelaki lazimnya datang selepas ketibaan Dato' Lembaga di rumah pengantin perempuan. Kedatangan pengantin lelaki dan rombongannya tidak perlu dijemput lagi. Mereka akan datang bersendirian. Apa yang harus diambil perhatian di sini ialah orang menjemput sentiasa ada bersama rombongan pengantin lelaki semasa di tempat berangguh. Mereka ini adalah pepandu dan pelayan kepada pengantin lelaki. Semasa pengantin berehat di rumah berangguh, salah seorang daripada orang menjemput ini akan sentiasa berulang alik ke rumah pengantin perempuan, melihat dan mendapat berita mengenai perkembangan aturcara. Orang jemput yang seorang lagi akan menunggu pengantin. Pengantin dan rombongan tidak diharuskan oleh adat tinggal bersendirian tanpa wakil pengantin perempuan.

Setelah berkumpul tempat semenda, ketua-ketua adat maka barulah dirundingkan mengenai peristiwa merumah itu menurut sebagaimana biasanya.

Penyelesaian yang dilakukan untuk merumah adalah seperti menyerah juga, tetapi merumah menyalahkan pihak lelaki dan juga perempuan. Kedua-dua pihak perlu mengisi adat atau membayar denda adat. Pihak perempuan dikenakan bayaran kerana dikatakan jikalau perempuan tidak membuka pintu masakan si lelaki dapat masuk. Buapak dan kadim daripada kedua-dua belah pihak akan merundingkan bagi menyelesaikan adat merumah ini.

Sebaliknya, jikalau si lelaki gagal mencapai hajatnya kerana gadis yang dirumahnya dirampas semula oleh saudara kadim, maka dia akan dikenakan denda adat yang tinggi. Jikalau peristiwa ini berlaku di Luak Rembau, sebelum memasukkan Inggeris, dendanya ialah \$50.00 (ringgit: lima puluh) berserta dengan bunga pinang dan juga kain deraaan cincin.

Satu lagi cara bagaimana merumah ini dilakukan membawa lari perempuan yang telah dipegang itu ke wilayah luar adat perpatih. Ini bermakna si lelaki, selepas menaiki rumah dan memegang perempuan yang dihajatnya, terus membawa lari perempuan itu. Semasa membawa lari ke luar daerah ini lelaki tersebut terpaksa mempertahankan diri dan gadis yang berkenaan daripada dirampas semula oleh sanak saudaranya. Pasangan itu bolehlah berkahwin di tempat lain apabila mereka berjaya melepaskan diri daripada halangan. Setelah kedua-duanya berkahwin, jikalau ibu bapa si perempuan menjemput kedua-duanya balik maka si lelaki tidak akan dikenakan sebarang bayaran.

#### 9.4. Adat Merebut Rampas

Adat merebut rampas ini ketelabikan adat-adat nikah tidak lazim yang telah dihuraikan di atas. Adat bentuk ini membenarkan perempuan memaksa lelaki yang dihajati mengahwini dia, walaupun lelaki itu tidak suka. Untuk mencapai

Justeru itu walaupun pada malam terakhir ini pengantin tidak dijemput secara rasmi, namun masa bertolak ke rumah pengantin perempuan adalah ditentukan.

Kedatangan rombongan pengantin lelaki akan disambut oleh pengantin perempuan. Kedua-duanya, dengan menaiki penangga akan diarah ke rumah pengantin dengan diiringi oleh dikir rebana. Aturcara perarakan ini samalah seperti perarakan-perarakan sebelumnya.

Apabila mereka turun daripada penangga, Mak Andam akan mencangkukan jari kelingking pengantin perempuan dengan jari kelingking pengantin lelaki. Pengantin lelaki berjalan naik ke rumah dan dipandu terus ke dalam bilik dengan diikuti oleh pengantin perempuan di belakangnya tanpa melepaskan cangkukan itu. Di bilik baru cangkukan itu dilepaskan dan barulah bermula istiadat makan berdamai.

Makan berdamai ini selain daripada dihadiri oleh kedua pengantin, (dan kedua pengantin kecil jikalau di Luak Rembau), tukang andam, juga orang-orang yang mengiringi atau mengikuti rombongan pengantin tadi. Makanannya adalah istimewa yang diperbuat khas untuk pengantin dan para pengikutnya. Semasa makan berdamai ini isteri akan melayan suami ketika makan seperti tolong membasuhkan tangan suaminya, menyendukkan nasi ke dalam pinggan dan menuangkan air ke dalam gelas atau cawan suaminya. Pengantin perempuan kelihatan masih lagi malu-malu dan menyuapkan nasi ke mulut perlahan-lahan dengan penuh sopan. Pada ketika inilah kawan-kawan dan sanak saudara yang hadir menyaksikan istiadat makan berdamai atau yang sana makan mengusik-ngusik mereka.

Selepas istiadat ini selesai, pengantin lelaki akan dibawa keluar ke tempatnya di serambi, di mana ia dan rombongannya akan berehat sebentar atau/dan menukar pakaian.

tujuannya itu, perempuan berkenaan akan datang mendapatkan si lelaki dengan jalan memegangkan atau merampas salah satu pakaian lelaki yang dihajatnya. Salah satu pakaian yang dimaksudkan di sini ialah seperti songkok, kopiah, baju atau kain lelaki berkenaan.

Setelah mendapat pakaian tersebut perempuan itu harus berterus terang dengan lelaki berkenaan mengenai hajatnya. Dia boleh menyampaikan hajatnya di mana sahaja, dan tidak semestinya di rumah lelaki itu. Semasa menyatakan hajatnya itu si perempuan itu mendakwa bahawa lelaki tersebut telah mencerboboh kehormatannya dan telah berjanji akan berkahwin dengannya. Dengan itu perempuan tersebut memohon penyelesaian adat. Mengikut adat pencerobohan begini memerlukan bukti, seperti kata perbilangan:

Hukum berdiri dengan saksi,

Adat berdiri dengan ganda.

Perempuan itu akan menggunakan pakaian lelaki yang dirampasnya sebagai tanda sebagai bukti yang si lelaki mempunyai hubungan dengannya. Andainya tidak bertanda maka tidaklah dapat diketengahkan halnya ini. Setelah demikian barulah disampaikan ke pengetahuan pihak-pihak yang bertanggungjawab daripada kedua belah pihak, iaitu waris-waris kadim, Buapek dan Besar supaya diselesaikan atau diadatkan.

Dalam keadaan yang sedemikian ini, kebiasaannya adat yang dikenakan ke atas lelaki cicir separuh, iaitu lelaki hanya perlu mengisi sebahagian sahaja daripada duit adat yang biasa dikenakan ke atas kesalahan nikah lazim. Ini adalah kerana pihak perempuan mendapatkan lelaki dan bukan sebaliknya.

#### 6.19. Istiadat Berinai Besar

Setelah berehat atau/ dan bertukar pakaian pengantin lelaki (dan pengantin kecil lelaki) dan pengapitnya akan dipersilakan masuk. Ia akan terus ke bilik mendapatkan isterinya. Dengan jari kelingking tercangkuk pengantin lelaki akan memimpin isterinya ke pelamin. Setiba di pelamin mereka akan disandingkan untuk upacara berinai besar.

Upacara berinai besar ini akan dimulakan oleh Dato' Lembaga suku perempuan, diikuti oleh Dato' Lembaga lelaki jikalau ia hadir. Selepas Dato' -dato' Lembaga, Buapak pula menjalankan upacara, dan diikuti oleh Besar Kadim. Selepas Dato-dato' adat dijemput pula ibu bapa pengantin. Upacara diteruskan oleh saudara kadim kedua-dua belah pihak.

Aturcara berinai besar ini hampir sama dengan berinai kecil seperti yang dihuraikan di atas (6.14). Hanya dalam berinai besar ditambah satu lagi adat iaitu tepung tawar. Tepung tawar ialah beras basuh yang ditumbuk dan dicampurkan dengan air bedak, hasilnya terdapat cecair yang berkeadaan seperti air susu. Serumpun daun, iaitu daun-daun sepulih, hati, rusa dan sedingin diikat dengan akar ribu-ribu. Ikatan daun-daun ini dicelupkan pada air beras basuh tadi dan kemudian direnjiskan di atas tapak tangan kedua-dua pengantin.

#### 6.20. Istiadat Padam Lilin

Selepas istiadat berinai dan tepung tawar di setengah tempat diadakan pula istiadat padam lilin. Mak Andam dan pengapit pengantin lelaki akan mengambil sebatang lilin yang telah dipasang dan dibawa ke mulut kedua-dua pengantin. Mak Andam membawa lilin itu ke mulut pengantin perempuan dan

## 9.5. Adat Mendapatkan

Adat ini lebih kurang sama seperti adat merebut rampas iaitu pihak perempuan mendapatkan pihak lelaki.

Jikalau seorang perempuan, tidak kira sama ada ianya masih gadis atau pun janda ingin berkahwin dengan seorang lelaki, maka ia akan mendapatkan lelaki tersebut. Perempuan itu akan terus datang ke rumah lelaki tersebut. Apabila sampai di rumah lelaki itu, sama ada lelaki itu ada di rumah atau pun tidak, dia akan menyatakan hasratnya dengan terang. Jikalau lelaki itu tiada di rumah hasratnya itu akan disampaikan kepada waris kadim lelaki. Oleh sebab ianya perempuan, masih punya perasaan malu dan segan sukar juga ia hendak menyampaikan hasratnya. Waris lelaki akan berfubi bertanya maka barulah tersampaikan dengan rasa malu. Selepas diketahui hasrat sebenar maka adalah tanggungjawab waris lelaki memberitahu waris perempuan itu mengenai hal perempuan itu mendapatkan.

Lazimnya peristiwa perempuan adat mendapatkan lelaki bukanlah tidak bersebab. Sebab musabab itu akan diberitahu kepada perkampungan antara kedua belah pihak yang terdiri daripada waris-waris kadim, Besar dan Buapak.

Mengikut kebiasaan adat, oleh sebab perempuan yang mendapatkan lelaki maka cicirlah separuh daripada adatnya. Walaupun pada lahirnya perempuan yang datang mendapatkan lelaki namun pada dasarnya lelaki itu pun bersalah juga. Mereka harus dinikah dengan secepat mungkin, berdasarkan kepada bulatan yang dicapai semasa perkampungan itu. Jikalau hendak dibuatkan adat istiadatnya itu ditangguhkan atau digantungkan dahulu.

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa ada persamaan antara adat ini dengan adat merebut rampas. Perbezaannya hanyalah dalam adat merebut rampas perempuan membawa tanda bukti dan bersenuka terus dengan lelaki tanpa mengira di tempat mana. Cara penyelesaiannya adalah sama.

pengapit pengantin lelaki akan membawa lilin ke mulut pengantin lelaki. Kedua-duanya akan membilang ke angka tiga. Selesai sahaja dibilang, kedua-duanya pengantin serentak akan menghembus api lilin itu sehingga padam. Perbuatan ini diulang hingga tiga kali. Menurut pendapat orang tua, api lilin itu di dalam adat adalah sebagai fitnah. Kalau fitnah itu kena pada isteri, yang dilambangkan dengan api lilin yang dibawa ke mulut perempuan, maka isterilah yang memadamkannya. Dan kalau fitnah itu singgah kepada suami maka suamilah yang memadamkannya, yang dilambangkan dengan lakuan menghembus api lilin sehingga padam.

#### 6.21. Istiadat Pangkasan

Istiadat pangkasan dijalankan selepas upacara padam lilin. Pada hakikatnya istiadat ini adalah istiadat memberi hadiah, sama ada berbentuk barang atau wang tunai kepada pengantin perempuan. Untuk istiadat ini di hadapan pelamin disediakan sebuah dulang yang beralaskan kain, biasanya kain songket.

Buapak atau Besar atau Kadim akan memanggil atau menyeru sesiapa dari sanak saudara pihak perempuan yang hendak menghadiahkan apa-apa barang atau wang kepada pengantin. Orang yang memberi pangkasan akan diberi sebiji telur. Semua wang dan barang pangkasan itu akan diserahkan kepada pengantin perempuan selepas majlis perkahwinan nanti. Wang itu merupakan bantuan sanak saudara kepada pengantin perempuan. Selalunya pengantin perempuan menyerahkan wang pangkasan itu kepada ibu bapanya seolah-olah sebagai ganti wang belanja yang telah disediakan oleh ibu bapanya untuk perbelanjaan hari perkahwinannya.

Di setengah tempat pangkasan sanak saudara ini dicatitkan. Pihak tuan rumah atau kadim akan menentukan siapa pencatit iut. Oleh itu, semasa seseorang sanak saudara perempuan perempuan itu meletakkan hadiah atau sum-

## 9.6. Adat Beli Laki

Adat ini pada hakikatnya bukan adat perkahwinan tetapi lebih kepada adat bermadu. Pada dasarnya adat perpatih tidak menggalakkan anggota masyarakat berkahwin lebih daripada seorang. Misalnya di Luak Rembau dalam tahun 1898, mengikut laporan Hak, lelaki yang berkahwin lebih daripada seorang (poliandri) ada seramai tiga orang sahaja.

Antara sebab kurang berlakunya poliandri di tanah adat ini ialah: berkahwin dengan dua orang perempuan yang sama suku adalah salah satu daripada kesalahan adat dan secara idealnya hukunya adalah bunuh. Kesalahan seperti ini disebut dalam perbilangan sebagai:

Anau sebatang dua sigai,

Pelesit dua sekampung.

dan pantang benar pada adat.

Daripada huraian ringkas di atas nyatalah bahawa perempuan adat tidak suku suaminya berkahwin lebih daripada satu. Tegasnya perempuan adat tidak suka dimadukan. Seandainya berlaku juga peristiwa ia dimadukan maka dia bolehlah menuntut haknya mengikut adat. Untuk mendapatkan 'haknya' itu, perempuan tersebut akan pergi ke rumah isteri muda suaminya dengan membawa sebilah keris atau sebilah pisau terhunus. Sesampai ke rumah madunya ia harus berdiri di muka tangga rumah. Dia tidak dibenarkan naik ke atas rumah. Dari muka tangga itu ia harus berteriak menuntut pembayaran atau memulangkan semula suaminya kepadanya. Jikalau madunya sanggup membayar akan tuntutan perempuan (isteri tua) itu bolehlah, dan berhaklah madunya (isteri muda) itu memiliki lelaki itu sebagai suaminya. Jikalau tidak, si madu harus memulangkan semula kepada isteri tua.

Perbuatan yang sedemikian inilah yang dinamakan adat beli laki. Sungguhpun adat ini jarang sekali berlaku tetapi ia dibolehkan oleh adat.



bangannya ke atas dulang, dia akan menyebut namanya serta menyatakan apa barang atau berapa jumlah wang pangkasannya. Tujuannya adalah untuk memudahkan jurutulis atau pencatit merakamkan nama-nama orang yang memberi pangkasan dan jenis atau jumlah wang pangkasannya. Dalam keadaan yang sedemikian selalunya, pemberian telur bergantung kepada jumlah wang tunai atau barang pangkasan yang dihadiahkan. Misalnya, jikalau diberikan wang lima ringgit maka ia akan diberi lima biji telur atau lebih.

#### 6.22. Istiadat Mencecah Inai

Majlis terakhir malam itu adat istiadat mencecah inai. Untuk upacara ini, kedua pengantin yang duduk di atas pelamin akan dipersilakan turun dari pelamin dan duduk di atas lantai. Pengantin akan duduk berlunjur dengan kedua belah tangan diletakkan di atas peha yang telah dilapik dengan daun pisang. Mak Andam akan memakaikan inai di kesemua jari tangan, beberapa bahagian tapak tangan dan kaki. Perlakuan yang sama juga dilakukan ke atas pengantin lelaki.

Semasa istiadat mencecahkan inai atau dipanggil juga istiadat memasang atau istiadat mengenakan inai ini, majlis akan diiringi dengan pukulan dikir dan rebana sebagai menyerikan majlis.

Sesudah itu bererti tamatlah olek Lembaga yang dijalankan selama tiga hari tiga malam. Pada malam tersebut, pengantin (pengantin kecil) dan pengantinnya akan tidur dalam bilik pengantin. Pengantin perempuan akan tidur ditempat lain - di bilik lain atau di atas peran.

Walaupun aturcara adat telah tamat namun majlis masih diteruskan dengan berzanji dan diikuti dengan dikir rebana. Sementara itu, sanak saudara pengantin perempuan akan bekerja membuat persediaan untuk istiadat bertandang atau menyalang ke rumah pengantin lelaki.

#### 10. Adat Nikah Gantung

Adat nikah gantung atau di setengah tempat disebut juga nikah harap adalah corak perkahwinan yang tidak selesai menurut semua peringkat istiadat yang penuh mengikut aturcara adat. Ada bahagian daripada peringkat-peringkat itu (lihat bahagian 3 di atas) digantung atau ditangguhkan. Adat ini semata-mata mengadakan majlis akad nikah atau ijab kabul dengan diiringi oleh kenduri kecil dan bacaan doa selamat.

tujuan utama nikah gantung ialah sebagai suatu cara menghadapi keadaan di mana si lelaki yang menghajati perempuan itu akan pergi jauh atau pun si perempuan yang dikahwini itu masih terlalu muda dan belum pandai mengurus rumah. Selain daripada itu ia mungkin berpunca daripada beberapa perkara yang didatangkan oleh keadaan yang tidak mengizinkan semasa dalam pertunangan, yang mendatangkan masalah kepada kedua-dua belah pihak atau salah satu pihak. Perkara terakhir ini adalah dibilangkan sebagai:

Sakit lelaki, lari pada perempuan,

Sakit perempuan, lari pada lelaki.

Jikalau terjadi keadaan sedemikian, jikalau ditangguhkan juga dikhuatiri akan terputus tali pertunangan; teruslah dinikahkan sahaja terlebih dahulu. Apabila sampai musimnya atau keadaan yang sesuai barulah disatukan atau diadakan upacara adat istiadatnya.

Satu lagi sebab yang mendorong orang melakukan nikah gantung ialah: anak yang muda dan cepat dipinang dan dikahwinkan adalah merupakan prestige bagi ibu bapa. Itu menunjukkan bahawa anak itu 'ada rupa' dan 'ada harga'. Oleh sebab itulah ia cepat dipinang. Dan untuk menjaga keselamatan hubungan itu mereka dikahwinkan dulu tanpa adat istiadatnya.

Nyatalah pada dasarnya nikah ini adalah ikatan yang ingin mengelakkan daripada terputusnya harapan. Itu sebabnya ia juga dinamakan nikah harap. Dengan ikatan nikah gantung maka hajat untuk mendapatkan isteri atau bermenentukan seseorang itu dapat dijamin.

### 6.23. Istiadat Mandi-mandian

Istiadat ini disebut juga sebagai istiadat bersiram atau istiadat mandi sempat. Ia diadakan pada hari ke empat. Tempat di mana istiadat ini diadakan berbentuk seperti kurungan yang diberi tiang buluh sebanyak empat batang, berbentuk empat segi. Binaan ini diberi dinding tabir lingkungan yang biasanya berwarna hitam. Pada setiap batang tiang itu dihiasi dengan pakupakis dan jari lapan, iaitu ayaman pandai tangan yang dibuat daripada daun kelapa muda. Bahagian atas binaan ini, seolah-olah menjadi atap, dibentangkan tabir langit-langit. Di setengah tempat, di bahagian atas binaan ini diletakkan juga daun mengkuang.

Di sebelah 'rumah mandi-mandian' itu terdapat pula sebuah khemah kecil untuk pengantin berselin atau bertukar pakaian. Khemah ini bertabir serta berlelangitkan perca kain yang terdiri dari dua belas corak yang melambangkan dua belas suku.

Bahan-bahan yang digunakan untuk istiadat ini adalah air kelapa muda dua biji, air biasa yang disimpan dalam gebuk, alat-alat tepung tawar dan dua ekor ayam, seekor betina dan seekor ayam jantan seta sedikit beras.

Setelah siap segala peralatan, pengantin akan diarak ke tempat mandi itu. Lazimnya, mempelai akan turun melalui tangga hadapan rumah, sedangkan pengantin perempuan dari pintu belakang atau dari pintu dapur. Kedua-dua pengantin akan bertukar pakaian di khemah yang disediakan. Setelah berkain basah kedua pengantin akan dibawa ke tempat mandi-mandian.

Upacara mandi dijalankan oleh orang semenda yang hampir seperti suami emak saudara pengantin perempuan dan Mak Andam. Istiadat dimulakan, di setengah tempat, dengan membawa air kelapa muda dan air biasa mengelilingi kedua pengantin sebanyak tiga kali. Sedikit air kelapa dicolek dan dicecahkan ke dahi kedua pengantin, manakala kedua kaki pengantin dibasuh

#### 10.1. Upacara Nikah Gantung

Sebagaimana dinyatakan di atas tadi upacara ini diadakan sederhana sahaja. Untuk upacara itu pembesar-pembesar adat seperti Lembaga, Buapak dan Besar serta Kadim harus diberitahu. Jikalau upacara nikah itu diadakan secara besar-besaran maka ketua-ketua adat harus dijemput. Dengan itu segala keperluan adat yang minima bagi mereka harus dipasang. Seandainya upacara itu sederhana sahaja hanya Buapak, Besar dan Kadim sahaja yang hadir. Di setengah majlis, oleh sebab upacara itu dilakukan secara kecil-kecilan sahaja, ketua-ketua adat hanya sekadar diberitahu sahaja. Orang adat yang harus hadir dalam upacara kecil-kecilan ini adalah Kadim.

Senasa datang ke rumah pengantin perempuan untuk majlis akad nikah yang dibawa oleh pengantin lelaki adalah meis kahwin dan wang adat. Di samping itu ia juga akan membawa sepasang pakaian peribadinya, termasuk songkok dan kasut. Barang-barang ini akan ditinggalkan di rumah pengantin perempuan selepas selesai upacara nikah. Walaupun upacaranya kecil, kadangkala diadakan juga majlis bersanding tanpa bunga-bunga adat yang lain. Majlis bersuria selepas jamuan makan. Pengantin lelaki akan balik ke rumah ibu bapanya.

Pasangan yang bernikah gantung tidak dibenarkan tinggal serumah<sup>M</sup> mereka, walaubagaimana pun dibenarkan keluar dari rumah bersama-sama untuk ke mana-mana sahaja. Halangan daripada hidup bersama itu hanya untuk mengelakkan daripada berlakunya kemungkinan isteri itu mengandung anak sebelum mereka dapat disandingkan dalam istiadat atau dalam olek kahwin sepenuhnya.

#### 10.2. Adat Istiadat Dalam Masa Nikah Gantung

Senasa menunggu menjelangnya hari langsung atau hari olek ada beberapa adat istiadat yang lazim dilakukan oleh pasangan yang berkenaan. Tujuan utama diadakan adat istiadat ini adalah untuk menguatkan ingatan dan merapatkan lagi perhubungan di antara mereka, termasuk di antara kedua buah keluarga. Antara adat istiadat yang biasa dilakukan adalah seperti berikut:

dengan air kelapa. Pelakuan ini dijalankan oleh Mak Andam. Di tempat-tempat lain, pengantin tidak perlu di kelilingi dengan air kelapa muda dan air biasa. Pengantin terus sahaja dimandikan dengan air kelapa muda oleh Mak Andam.

Selepas disirami dengan air kelapa, kedua pengantin akan dibilas atau disirami pula dengan air biasa oleh orang semenda pengantin lelaki. Alat yang digunakan untuk menyiram air biasa ini ialah gebok.

Acara berikutnya ialah Mak Andam akan menaburkan beras di hadapan tempat bersiram. Orang semenda pula akan melepaskan ayam. Mengikut petua orang-orang tua ayam yang awal mematak beras yang ditaburkan itu membayangkan keadaan dan sifat pengantin itu. Contohnya, sekiranya ayam betina yang memakan (beras) dahulu, ini bermakna pengantin perempuan lebih cergas atau lebih aktif daripada pengantin lelaki dan begitu juga sebaliknya.

Di setengah tempat, kedua-dua ekor ayam itu tidak dilepaskan, tetapi dilambung ke atas. Para hadirin akan berebut-rebut menangkap ayam tersebut. Siapa yang dapat menangkapnya akan menjadi haknya. Keadaan serupa juga dilakukan dalam aturcara di mana ayam dilepaskan sahaja, tetapi dipeributkan selepas diketahui ayam mana yang makan dahulu.

Aturcara terakhir istiadat ini adalah Buapak pengantin perempuan akan merenjiskan tepung tawar kepada kedua pengantin sebagai mengakhiri upacara. Setelah ditepung tawar kedua-dua pengantin akan diarak balik ke rumah.

Mengikut pendapat orang-orang tua, tujuan menjalankan istiadat mandi sempat ini antara lain ialah:

- a) Menolak bala kedua-dua pengantin, iaitu agar mereka terhindar daripada sebarang bencana.

i. Pada masa membantai kerbau di bulan (awal) puasa, si lelaki akan menghantar seorang atau dua orang wakilnya ke rumah perempuan. ~~Wakilnya ke rumah perempuan~~. Wakil ini akan membawa bersama, sebagai buah tangan suami, secucuk dua daging kerbau. Wakil itu akan melafazkan kata-kata iringan semasa menyerahkan daging pemberian itu kepada pihak perempuan.

Pemberian si lelaki (suami) itu akan dibalas pula oleh pihak perempuan (isteri). Pihak isteri akan menghantar seorang atau dua orang wakilnya ke rumah suaminya. Wakil itu akan menjunjung dulang yang berisi bedak lima beserta dengan beberapa jenis lagi ramuannya.

ii. Pada hari pertama berpuasa, pihak perempuan akan menghantar sedulang dua makanan berbuka puasa untuk suami dan mertuanya. Dulang atau bintang (dulang tembaga) akan diisi dengan kuih muih dan Lauk pauk. Dulang atau dulang-dulang itu akan ditutup dengan tudung saji yang berhias indah. Seorang atau dua orang perempuan yang mewakili pihak isteri dan keluarganya akan menjunjung dulang-dulang tersebut. Semasa menyampaikan hantaran itu wakil itu melafazkan sepatah dua kata iringan.

iii. Pemberian makanan berbuka puasa akan juga dihantar ke rumah keluarga suami pada malam 27 puasa. Wakil-wakil yang menghantarkan dulang itu biasanya adalah terdiri daripada induk-induk atau ibu saudara kadim isteri.

iv. Pada malam tujuh likur atau malam hariraya itu lazimnya si suami akan datang ke rumah isterinya dengan pakaian yang indah. Sebab itulah terbidal oleh orang jikalau seseorang memakai indah yang luar biasa dikatakan: "macam hendak menemui tunang".

v. Pada hari bantai sebelum menjelang hariraya wakil suami akan datang ke rumah isteri membawa secucuk dua daging, seperti hari bantai di awal puasa. Namun kali ini, daging itu akan diiringi dengan pemberian lain seperti gula, tepung, telur dan wang.

- b) Melambungkan, khususnya acara melepaskan ayam, bahawa kedua-dua pengantin bebas dari tanggungjawab ibu bapa.
- c) Selesai sudah hutang terakhir ibu bapa terhadap anaknya; seperti yang dibilangkan:

Lama kelamaan mengadakan anak,  
Sehari ada, sehari bernama,  
Sehari berhutang pada mak bapaknya,

Hutang atas lima perkara:  
Pertama kerat pusat,  
Kedua upah bidan,  
Ketiga bedak langir,  
Keempat akhir baligh,  
Kelima nikah kahwin.

6.24. Hari Bertandang atau Menyalang  
Peralatan Hari Menyalang

Istiadat menyalang atau disebut juga sebagai istiadat bertandang adalah upacara di mana pihak pengantin perempuan pula pergi ke rumah pengantin lelaki. Dengan kata-kata lain istiadat atau hari menyalang ini adalah pihak ibu bapa lelaki pula mengadakan pesta kahwin. Lazimnya istiadat ini diadakan selang sehari selepas hari langsung atau hari terakhir upacara di rumah pengantin perempuan. Mengikut istilah masyarakat adat perpatih, hari yang menyelang antara hari akhir/ upacara di rumah pengantin perempuan dengan hari permulaan pesta kahwin di rumah pengantin lelaki itu dikatakan hari terletak.

Hari terletak iaitu hari berehat bagi pasangan baru kahwin dan keluarga pengantin perempuan, atau hari di mana, untuk sementara segala adat isti-

vii. Sebagai balasan, isteri pula akan menghantar sedulang bedak limau serta ramuan lain, seperti di awal puasa dulu.

Apabila sampai hari langsung, pasangan itu akan disandingkan mengikut salah satu olek yang telah dinyatakan di atas tadi, tetapi tanpa akan nikah, kerana aspek ini telah pun dijalankan lebih dahulu. Upacara oleh ini adalah penting dalam aturan perkahwinan adat. Ia mempunyai fungsi sebagai pemberi tahu kepada seluruh masyarakat bahawa kedua-dua orang yang akan (telah, dalam adat nikah gantung) menjadi suami isteri dan duduk serumah telah berkahwin dengan cara sah dan halal. Tanpa upacara bersanding dan peringkat langsung perkahwinan itu sudah sah setakat akad tetapi tidak dirasakan lengkap. Ibu bapa ingin melihat anak mereka bersanding.

### 10.3. Adat Menghantar Bedak Langir

Sebagai dinyatakan di atas (10.2.) pihak perempuan dalam bulan puasa lazimnya menghantar bedak limau atau disebut juga bedak langir kepada pihak lelaki. Pada setengah tempat adat istiadat ini tidak sahaja dilakukan oleh pasangan yang telah bernikah gantung tetapi juga oleh mereka yang sedang bertunang.

Sebelum dilakukan adat menghantar bedak langir itu terlebih dahulu hendaklah disediakan:

- i. tiga biji limau nipis yang dibelah-belah dan diberi berukir-ukir;
- ii. tiga jenis bedak sejuk yang diberi berwarna merah, hijau dan kuning atau warna-warna lain yang berbeza-beza. Bedak sejuk ini diletakkan ke dalam piring yang berasingan mengikut jenis warnanya.



adat yang berkaitan dengan olek perkahwinan pasangan tersebut ditangguhkan. Hari ini mungkin lebih daripada satu hari, tetapi tidak lebih daripada tujuh hari. Namun, hari ini mungkin tidak diadakan langsung, yakni upacara perkahwinan di rumah pengantin lelaki dimulakan terus sebaik sahaja tamat upacara di rumah pengantin perempuan. Jumlah hari terletak bergantung kepada muafakat antara kedua belah pihak.

Pada hari bertandang ini sejak awal pagi lagi, sanak saudara pihak pengantin lelaki telah mula bekerja membuat persiapan untuk menyambut kedatangan pengantin. Kerja-kerja persiapan ini hampir sama dengan yang dilakukan di rumah pengantin perempuan. Lembu atau/ kerbau akan disembelih. Pembesar-pembesar adat seperti Dato' Lembaga, Buapak, Besar dan Kadim akan hadir dan disambut secara adat yang cocok dengan kedudukan masing-masing. Mereka juga ditempatkan dengan peralatan adat yang setimbal di tempat khas mereka. Di sekitar jam 11 pagi diadakan jamuan makan pengkal. Selepas zuhur para jemputan dan orang panggilan mulai datang membawa bersama barang-barang hadiah dan 'tanaman' seperti yang berlaku di majlis pengantin perempuan.

Kedudukan kesibukan yang hampir serupa juga berlaku di rumah pengantin perempuan. Kesibukan yang bermula dari sejak awal pagi itu bukan membuat persiapan untuk kenduri atau berjamu, tetapi menyediakan peralatan yang harus dibawa oleh pengantin perempuan sebagai buah tangan ke rumah emak mertuanya. Sebahagian daripada bahan-bahan untuk peralatan itu, terutamanya bahan makanan yang tahan lama, seperti dodol atau penganan telah disiapkan terlebih dahulu, mungkin di hari kayu berakar dahulu. Hanya bahan-bahan yang tidak tahan seperti nasi pulut dan kuih-muih sahaja disediakan pada pagi itu.

Antara buah tangan yang harus dibawa oleh pengantin perempuan adalah:

- a) Tepak sirih.
- b) Nasi besar.

Kesemua jenis peralatan itu, di dalam piringnya masing-masing diletakkan ke dalam suatu dulang atau bintang yang dengan tudung saji yang berbunga-bunga. Dulang dan tudung saji itu kemudian dibungkus pula dengan tuala besar (tuala hidangan) yang elok dan bersih. Tuala itu diberi simpulan yang seperti ukiran. Simpulan ini mempunyai berbagai nama mengikut cara ukiran atau simpulannya. Selepas siap barulah dihantar ke rumah pihak lelaki.

Sebelum menghantar itu terlebih dahulu dipilih sesiapa yang patut pergi. Biasanya yang menghantar itu tidak kurang daripada dua orang perempuan sanak saudara yang berkenaan.

Di rumah pihak lelaki telah disedia pula orang menanti. Ini adalah kerana pihak lelaki sudah diberitahu terlebih dahulu mengenai hari dan waktu pihak perempuan akan datang. Orang yang menanti itu adalah terdiri daripada beberapa orang perempuan, sanak saudara pihak lelaki. Apabila sampai pihak yang menghantar, mereka disambut dengan penuh hormat dan langsung dipersilakan naik ke rumah.

Selepas duduk sebentar mulalah pihak perempuan itu mengeluarkan kata-kata yang penuh dengan gaya kias ibarat serta pantun gurindam yang mengandungi tujuan dan makna menghantar barang-barang itu. Sambil itu pihak yang datang akan menghulurkan dulang yang dibawa tadi. Setelah diterima pihak lelaki pula akan membalas kata-kata pihak yang menghantar dengan gaya yang sama. Setelah tamat ucapan jikalau pada hari bantai sebelum puasa diadakan majlis jamuan mengikut ala kadar. Seandainya dalam bulan puasa, pihak perempuan dijemput untuk berbuka puasa bersama. Selepas itu pihak yang menghantar akan memohon diri untuk balik.

Hantaran bedak langir ini haruslah diiringi oleh sedulang dua kuih muih dan lauk pauk. Seperti juga dulang bedak langir tadi hidang kuih muih dan lauk pauk itu harus juga diberi tudung saji dan dibungkus.

- c) Nasi kecil.
- d) boko
- e) Bunga telur.

Boko adalah wajik atau dodol/ penganan yang dimasukkan ke dalam satu bekas khas yang dibuat dari anyaman daun mengkuang. Bekas khas ini dikenali sebagai tampin. Bilangan boko yang harus dibawa adalah sekurang-kurangnya sepuluh buah.

Nasi besar adalah merupakan nasi pulut kuning yang diisikan ke dalam sebuah bekas khas yang dipanggil panco (panca). Panco ini diperbuat daripada kayu berbentuk lapan bucu. Bahagian tengah panco yang setinggi lebih kurang 8 sm ini diberi lubang bulat dengan garis pusat lebih kurang 40 sm. Panco ini terletak di atas rumah panco yang dikenali sebagai Kanca. Kanca adalah binaan segi empat. Jarak antara tiang ke tiang kanca adalah berukuran 32.8 sm. tinggi setiap tiang kanca adalah 45 sm.

Beras pulut yang diperlukan untuk membuat nasi besar adalah tiga gantang. Nasi itu akan dimasukkan ke dalam lubang panco dan bahagian atasnya akan dibentuk berupa separuh bulatan. Tinggi nasi besar ini dari tepak ke puncaknya adalah 32 sm. Di bahagian dalam nasi pulut kuning ini diletakkan seekor ayam panggang. Bahagian setengah bulatan yang di atas panco akan dicucuk dengan 50 biji bunga telur. Di tengah-tengah puncak nasi besar itu dicacukkan sebatang buluh. Buluh ini adalah bekas untuk bunga perhiasan bagi puncak nasi besar itu. Bunga puncak ini dikenali sebagai bunga ligotar.

Nasi kecil atau dikenali juga sebagai tetapak adalah berisi penganan atau dodol dan wajik. Bekas tetapak ini sama sahaja dengan bekas nasi besar hanya ukurannya adalah lebih kecil. Tinggi tiang kancanya adalah 27.5 sm. Tinggi bintang rumah panco itu adalah 6.5 sm.

Lazimnya sebagai balas pihak lelaki haruslah menghantar pula selengkap pakaian untuk isteri atau tunangnya.

#### 11. Adat Nikah Janda

Istiadat besar-besaran dan menurut yang berperingkat seperti yang dijelaskan di atas (3 hingga 8) adalah bagi perkahwinan seseorang anak perempuan yang dara yang belum pernah berkahwin. Perkahwinan antara seorang teruna dengan dara adalah perkahwinan yang paling meriah, kerana ianya adalah merupakan suatu upacara peralihan (rites de passage). Perkahwinan itu memberi kedudukan atau status baru kepada pasangan berkenaan. Mereka telah meninggalkan zaman 'orang muda' dan sudah menjadi 'orang tua'.

Janda adalah orang telah pernah berkahwin tetapi telah bercerai, sama ada cerai mati atau cerai hidup. Oleh sebab janda telah melalui upacara peralihan, dia adalah dianggap sedang menjadi 'orang tua'. Justeru itu, apabila ia berkahwin semula, adat istiadatnya tidaklah semeriah perkahwinan antara dara dan teruna. Di samping itu mas kahwin dan belanja adat yang lainnya adalah separuh daripada jumlah yang perlu untuk anak dara.

##### 11.1. Upacara Nikah Janda

Pada lazimnya nikah janda perlu juga proses merisik, iaitu bertanya sama ada si perempuan mahu ataupun tidak dijadikan isteri. Setelah diketahui mengenai kesediannya ditentukan pula hari nikahnya. Jarang sekali dalam nikah janda diadakan istiadat pinang meminang. Ada juga lelaki yang memberi tanda tetapi upacara menyampaikan cincin tanda itu dilakukan dalam suasana yang bersahaja dan ringkas tanpa istiadat formal. Malahan kenduri pun jarang diadakan, hanya dihidang sejambor air dan kuah sahaja. Masa bertunang pun sangat singkat kerana kedua belah pihak tidak perlu mengadakan perayaan secara besar-besaran.

Nasi kecil akan diisi dengan wajik sebagai tapisan bawah. Di atas wajik itu diisikan pula dengan dodol yang juga dibentuk seperti setengah bulatan. Lazimnya tinggi nasi kecil daripada lantai panco ke puncak bulatan adalah 27 sm. Seperti juga nasi besar, telapak juga dihias dengan bunga telur sebanyak 25 biji dan dipuncaknya diletakkan bunga ligotar.

Mengenai buah tangan yang dibawa oleh pengantin perempuan semasa pergi menyalang ini mempunyai sedikit kelainan. Di setengah tempat di Nanning misalnya, buah tangan yang dibawa oleh pengantin perempuan adalah terdiri daripada:

- a) Boko besar yakni sedulang pulut yang mempunyai telur sebanyak 20 biji dan ayam panggang seekor.
- b) Kepala patung iaitu sepinggan besar pulut dan seekor ayam panggang yang dibalut dengan kain seperti sapatangan.
- c) Boko kecil iaitu sepinggan kecil pulut dan sedikit ayam panggang. Boko kecil yang dibalut dengan kain tetapi tidak diberi ikatan berbentuk 'kepala patung' seperti boko kepala patung. Ia hanya disimpul dengan simpulan biasa sahaja.

Walaupun terdapat kelainan bentuk buah tangan yang dibawa namun tujuan setiap peralatan itu adalah sama iaitu:

- a) Nasi besar atau boko besar adalah persembahan pengantin perempuan kepada ibu bapa pengantin lelaki yang telah menjadi mertuanya.
- b) Nasi kecil atau boko kepala patung adalah persembahan kepada bapa saudara kadim pihak pengantin lelaki.
- c) Boko atau boko kecil adalah persembahan kepada kerabat-kerabat lain atau waris-warisan dalam suku pengantin lelaki.

Menjelang hari perkahwinan, sanak saudara kedua belah pihak akan dijemput. Orang yang dijemput atau orang panggilan adalah orang pilihan sahaja, tidak semua. Pembesar adat seperti Lembaga, Buapak, Besar dan Kadim akan diberitahu. Antara pembesar adat yang diharapkan hadir adalah Buapak, Besar dan terutama sekali Kadim, ketiga-ketiga pembesar adat ini adalah ketua yang mempunyai peranan sosial dalam kelompok kekeluarganya. Dari itu, dalam organisasi perkahwinan anak buah mereka terlibat dan berfungsi.

Majlis perkahwinan janda walaupun dihadiri oleh Buapak akan berlangsung untuk sehari semalam. Selalunya, oleh sebab Buapak hadir, kambing harus disembelih kerana kambing adalah adat Buapak. Majlis akad nikah boleh diadakan di waktu siang (selalunya tengahari menjelang petang) ataupun malam. Perayaan yang diadakan adalah berdasarkan muda atau tua janda yang kahwin. Seandainya ia masih muda dan berkecukupan, pada sebelah malamnya diadakan juga permainan dikir rebana atau berzanji jikalau yang berkahwin itu telah agak berumur.

Dalam majlis nikah janda ini suatu perkara harus diutarakan. Pada sebelah malam, lazimnya di rumah pengantin baru itu ramai berkumpul anak-anak muda. Mereka ini mungkin terdiri daripada kawan pengantin lelaki ataupun 'peminat' pengantin perempuan. Untuk memeriahkan suasana majlis, anak-anak muda sering mengadakan beberapa jenis permainan. Permainan yang sering dimainkan pada malam nikah janda ialah:

1. Main musang-musangan, dan
2. Main burung-burungan.

Mereka akan bermain menghiburkan hati sehingga larut malam.

Persembahan ini tidaklah diterima dengan percuma sahaja. Selalunya pihak yang menerima persembahan akan membayar wang sebagai ganti apabila bekas itu dipulangkan kepada pihak pengantin perempuan. Bayaran untuk nasi besar atau boko besar sekurang-kurangnya adalah lima ringgit, nasi kecil atau boko kepala patung adalah dua ringgit dan bayaran untuk boko kecil adalah sepuluh ringgit. Jumlah bayaran kepada setiap persembahan ini tidak tetap tetapi terpulang kepada kemampuan pihak yang menerima. Kutipan semua wang ini akan diserahkan kepada ibu bapa pengantin perempuan.

#### 6.25. Perarakan Menyalang

Kedatangan pengantin ke rumah pengantin lelaki adalah selepas waktu zuhur. Kedua-dua pengantin akan diarak oleh sanak saudara pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki.

Aturan perarakan pengantin ini adalah didahului oleh rombongan orang yang menghantar. Kedua-dua pengantin berjalan dibahagian tengah. Di belakang pengantin ialah nasi besar yang dipikul bersama orang menjemput. Nasi besar ini akan diikuti oleh pembawa nasi kecil atau tetapak. Di belakang tetapak, berjalan orang-orang yang membawa boko dengan didahului oleh wanita-wanita yang membawa tepak peminangan dan tepak sirih atau bujan epok. Dato' Lembaga dan Buapak serta pembesar adat yang lain akan berjalan di bahagian hadapan rombongan pengantin. Di setengah tempat, turut mengiringi pasangan pengantin adalah dua orang, lelaki, anggota perut perempuan membawa keris panjang. Mereka adalah orang-orang yang menjaga keselamatan pengantin semasa dalam perjalanan tersebut.

Apabila rombongan sampai ke kawasan kampung pengantin lelaki pihak yang menunggu akan membakar bedil sebanyak dua letus menandakan pengantin selamat datang serta memberitahu orang ramai pengantin telah sampai. Dua bilah keris panjang dibawa mengiringi pengantin akan dicucukkan ke dalam suatu bekas da-

## 10.2. Adat Berkenalan dengan Saudara Mara

Adat yang serupa dengan menyalang juga diadakan oleh pasangan nikah janda. Tujuannya sama sahaja dengan adat menyalang iaitu berkenalan dengan sanak saudara daripada kedua belah pihak. Oleh sebab kedua-dua pengantin dianggap sebagai 'orang tua' maka mereka tidak perlu juri iring sesama melawat atau menyalang rumah sanak saudara. Mereka sebagai 'orang dewasa' akan pergi bersendirian dan memperkenalkan pasangan 'baru'nya kepada sanak saudaranya. Walaubagaimanapun, mereka tetap membawa buah tangan ke setiap rumah yang dikunjungi dan tuan rumah akan membalas pula buah tangan yang dibawa. Proses menyalang ini tidak bertentu masanya. Mereka akan pergi berkunjung apabila ada masa terluang. Kadangkala berjarak beberapa hari. Pada hakikatnya pasangan itu telah pun mengenali sanak saudara pasangannya kerana mereka sebagai 'orang dewasa' telah bergaul dengan mereka. Kunjungan yang mereka lakukan ini adalah semata-mata kunjung hormat dan merasmikan tali perhubungan persemendaan di antara mereka.

## 11. KONSEP ORANG SEMENDA DAN TEMPAT SEMENDA

Perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih adalah berbentuk eksogami yakni melarang perkahwinan sesuku. Jikalau dilakukan juga ia dianggap suatu perlakuan yang paling mengaibkan. Menyedari hakikat ini maka lahir lah sistem perkahwinan di antara suku yang berlainan dan berstruktur :

Labu ke kundur,

Kundur ke labu.

Selanjutnya, sistem ini mengkehendaki pihak suami bertempat tinggal di tempat isteri (matrilokal). Aturan ini, antara lain telah membagikan masyarakat adat perpatih kepada dua golongan iaitu golongan orang semenda dan golongan orang tempat semenda.



ripada buluh yang telah sedia diadakan di halaman rumah pengantin lelaki.

Perarakan antara tempat menunggu hingga ke tengah rumah mungkin dilakukan dengan dua cara, iaitu:

- a) Pengantin dan rombongannya berjalan kaki sahaja dengan diiringi oleh pukulan dikir rebana.
- b) Pengantin akan dijulung atas penangga. Siapa yang memikul penangga atau tandu ini sama seperti yang dilakukan di rumah pengantin perempuan. Selalunya jikalau diarak dengan penangga, kedua pengantin sebelum naik ke atas rumah akan dibawa mengelilingi rumah sebanyak tiga kali. Sepanjang masa pengantin diarak ini ia akan diiringi oleh dikir rebana.

Setelah sampai di halaman rumah, ada dua aturcara yang mungkin dilakukan iaitu sama ada pengantin terus naik ke rumah ataupun mereka bersanding dahulu di halaman rumah. Aturcara ini sama seperti yang dilakukan di rumah pengantin perempuan di masa perarakan pengantin di hari yang kedua.

Barang-barang persembahan pengantin perempuan di setengah tempat, dipamerkan di halaman rumah, pada tempat yang telah disediakan. Di setengah tempat lain, barang-barang ini dibawa naik ke serambi dan diletakkan di tempat yang telah disediakan terlebih dahulu. Di mana barang-barang ini diletakkan adalah tergantung kepada kelaziman setempat dan atas kemahuan pihak tuan rumah.

#### 6.26. Istiadat Penyerahan Nasi Besar

Upacara penyerahan nasi besar ini dilakukan oleh Buapak kedua-dua belah pihak. Buapak bagi pengantin perempuan akan menyerahkan nasi besar, tetapak nasi (nasi kecil) dan boko kepada Buapak pengantin lelaki. Kedua Bu-

Orang semenda adalah seseorang yang mendatang ke dalam satu-satu suku yang lain dari sukunya sendiri melalui perkahwinan. Sementara anggota-anggota suku yang didatanginya itu pula disebut orang tempat semenda. Oleh kerana sistem kediaman dalam masyarakat ini berbentuk matrilokal maka yang dititik beratkan dalam konsep orang semenda dan orang tempat semenda itu ialah golongan lelaki. Dengan kata-kata lain dapatlah difahamkan bahawa suami-suami adalah menjadi orang semenda kepada anggota-anggota suku isterinya, dan anggota suku isteri adalah orang tempat semenda kepada suami.

Apabila seseorang lelaki berkahwin, ia tinggal dan bercampur dengan orang-orang yang seseuku dengan isterinya. Pihak suami-suami walaupun masih mempunyai ikatan dengan sukunya sendiri, mestilah turut menorganasaskan diri mereka sebagai anak buah kepada kadim, Besar, Buapak dan Lembaga suku isterinya dengan batas-batas hak yang tertentu, hanya hak seresan dan bukannya hak seadat yang khusus untuk ahli suku isterinya. Hak inilah yang dikatakan oleh perbilangn sebagai:

Orang semenda seresan

Orang tempat semenda seadat.

Ini bermaksud, suami atau orang semenda tidak boleh mencampuri segala hal ehwal tatacara hidup dan pentadbiran kelompok kekeluargaan si isteri dengan sewenang-wenangnya. Orang semenda adalah orang yang 'menumpang' disuku isterinya. Sebab itu suami haruslah akur kepada perbilangn:

Masuk kandang kambing, mengembek,

masuk kandang kerbau, menguak.

Taraf mereka di dalam organisasi suku isteri adalah:

Laksana mentimun dengan durian:

mengolek luka,

pak akan duduk berhadapan di samping barang-barang persembahan tersebut. Mereka akan disaksikan oleh pembesar-pembesar adat yang hadir serta sanak-saudara dari kedua belah pihak.

Sebelum upacara penyerahan nasi besar ini dilangsungkan, Buapak pihak pengantin lelaki akan memulakan perbincaraan. Sebagai permulaan, Buapak tersebut akan memberi salam dan berkata ;

"Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di atas akar,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah dari hujung sampai ke pangkal.

Burung belatuk di atas pohon,  
Pokok kepaya tumbuh dilembali,  
Kepada Dato' saya memohon,  
Kepada siapa haluan sembah,  
Sembah Dato'".

Buapak pihak perempuan akan menjawab kata atau pantun Buapak pengantin lelaki :

"Sembah Dato'.

Nampaknya Dato' ni:

Sudah geharu cendana pula,  
Di hari raya dibelah-belah,  
Sudah tahu Dato' bertanya pula,  
Kepada sayalah dihalukan sembah.

Sembah Dato'.

kena golek pun luka.

Secara tidak langsung ini membayangkan bahawa kekuasaan suami dalam suku isterinya secara kasar tidak memberi sebarang kesan.

Sungguhpun begitu ini tidak pula bermakna hak orang semenda tidak diperhitungkan langsung. Mereka masih memiliki kuasa mutlak terhadap dirinya, isterinya dan anak-anaknya serta segala urusan rumahtangganya. Kekuasaannya orang semenda jelas diterangkan dalam perbilangan:

Lingkungan bendul yang empat:

Orang semenda yang punya.

Tagasnya, segala kuasa ke atas seisi rumahnya adalah hak miliknya dan tidak boleh diganggu gugat oleh orang tempat semenda, seperti kata perbilangan:

Salah hamba kepada tuan,

Salah murid kepada guru,

Salah anak kepada bapa,

Salah bini kepada laki.

Pembagian bidang kuasa antara suku dan rumah ini penting. Dan ini telah dijelaskan semasa pengamanahan harta dahulu (lihat di atas) Antara kata-kata yang disebutkan oleh Buapak isteri di acara itu adalah:

Buapak pihak lelaki akan meneruskan perbualan dengan menjawab:

"Sembah Dato'.

Burung belatuk di atas pohon,  
Dalam paya tumbuh menanti,  
Buah kepaya santapan puteri,  
Daripada Dato' maaf dipohon,  
Saya bertanya untuk mendapat pasti,  
Supaya saya tak tersalah beri.

Kalaulah begitu Dato'.

Batang rumbia berbelah-belah,  
Yang sebelah dinakan api,  
Datang saya ke mari tidak perahh,  
Datang saya berkehendak hati.

Pohon keduduk di atas tikar,  
Uratnya silih-menyilih,  
Kita dah duduk di atas tikar,  
Inilah saya hendak memberi sirih.

Sembah Dato'".

Dengan kata-kata itu Buapak pihak perempuan pun menyorongkan tepak sirih atau bujam empok kepada Buapak pihak lelaki, sambil berpantun:

"Kain bersuji di atas atap,  
Baru dikulim lalu dipakai,  
Kalau sudi silalah santap,  
Sirihnya kering pinangnya kotai.

Sembah Dato'".

"Sekarang diberilah akan menteri (gelaran)  
memerintah bendul yang empat,  
maka dikau belalah....."

11.1. Jenis Orang Semenda

Orang semenda mengikut adat, berdasarkan kepada peranan dan tindak tanduk mereka semasa bermastautin di tempat isteri dapat dibagikan kepada lima kumpulan; iaitu:

i. Orang semenda sahaja:

Orang semenda jenis ini adalah orang yang beristeri tanpa anak. Justeru itu ia tidak berfungsi ke arah pengembangan keahlian atau keanggotaan sesuatu suku sebagaimana yang diharapkan.

ii. Orang semenda Bapak Budak

Orang semenda kumpulan ini hanya tahu menambah anggota atau keahlian suku isterinya. Dalam aspek orang semenda jenis ini tidak memberikan apa-apa sumbangan. Walaubagaimana pun masyarakat tetap tidak menidakkan terus sumbangan.

iii. Orang semenda Langan Hijau

Mereka ini adalah terdiri daripada orang semenda yang suka meninggalkan isterinya sesudah mengandung. Dalam kumpulan ini termasuk juga suami-suami yang mencabuli kehormatan perempuan lain dalam suku isterinya, sehingga perempuan berkenaan mengandung. Mereka ini dipandang jelek sekali oleh masyarakat.

iv. Orang semenda Kumbang Jantan

Mereka ini adalah terdiri daripada orang semenda yang tidak berusaha langsung untuk menambah harta benda isteri, sebaliknya mereka akan menghabiskan segala apa yang ada akan dihabiskan. Tegas-

Tepak sirih atau bujam epok yang disorongkan diterima oleh Buapak pihak lelaki, lalu menjawab :

"Sembah Dato'.

Orang kaya tersalah pilih,  
Orang menari di bulan pernama,  
Kepada saya disorongkan sirih,  
Sirih diberi saya terima.  
Nampaknya Dato' telah berbudi kepada saya,  
Jadi terpaksa pula saya berbahasa".

Dengan kata-kata itu Buapak lelaki pun memegang tepak sirih atau bujam epok. Ia pun menyambung katanya :

"Sembah Dato'.

Orang kaya pergi ke lirin,  
Orang menebas silih-menyilih,  
Kepada saya disorongkan sirih,  
Saya membalas pula dengan sirih.

Jemputlah Dato' sudikan sirih kami".

Tepak sirih pun disorongkan kepada Buapak pengantin perempuan, yang menyambutnya lalu membuka. Kedua-dua orang akan membuka tepak masing-masing dan lalu makan sirih sekapur seorang.

Semasa mengapur sirih ini, mereka akan terus berpantun yang bercorak sindir-menyindir dan bergurau senda. Antara pantun-pantun yang mereka jual dan beli ialah :

Anak kambing Lindan Dewi,

nya mereka ini terdiri daripada orang tidak boleh diharapkan.

v. Orang semenda Atas tempat semenda

Pada pandangan masyarakat adat orang semenda golongan inilah yang terbaik sekali. Mereka ini adalah golongan orang semenda yang serba boleh. Mereka boleh dipercayai, memberi faedah dan senantiasa membantu orang tempat semenda menguatkan kedudukan suku dalam segala aspek dan segi.

Walaupun orang semenda itu boleh dikumpulkan ke dalam lima jenis namun pengumpulan ini adalah pada teoritis sahaja. Dalam kehidupan sehari-harian, jarang sekali kalau pun ada, masyarakat menggolongkan seseorang orang semenda itu ke dalam mana-mana golongan tersebut. Orang semenda, walaupun sekali tingkahlakunya tetap dihargai dan dihormati oleh orang tempat semenda.

11.2. Peranan Orang Semenda

Pada pandangan adat, baik orang semenda atau orang tempat semenda, setiap orang ahli masyarakat adalah berguna sungguhpun kadangkala terdapat kecacatan pada anggota yang berkenaan yang dari segi logiknya ia tidak mungkin berkebolehan memberikan apa-apa bantuan apatah lagi untuk menyaraikan anak isterinya.

Yang buta menghembus lesung,  
yang patah menunggu jemuran,  
yang pekak mencucuh meriam,  
yang kurap mengandar buluh,  
yang berani dibuat kepala lawan.

Perbilangan di atas secara nyata menghuraikan jenis tugas yang sesuai bagi anggota masyarakat berdasarkan keadaan dirinya, tetapi di sebaliknya dalam perbilangan ini tersirat juga mengenai kewujudan semangat kerjasama, tolong menolong, menyerayakan kerja dan bantu membantu di antara satu sama



Makan kulit mendang' baru,  
Sirih saya sirih puteri,  
Yang mana diambil dahulu.

Pergi ke dusun berbilang,  
Menebang mendang bulu  
Kata hukum kita ber Allah,  
Piring dimakan dahulu.

Telok Tanjung berbelah-belah,  
Orang berkolek membawa antan,  
Telunjuk kita diberi Allah,  
Akan pencolek kapur jintan".

Setelah mereka mesra, pihak pengantin perempuan akan mengeluarkan pantun yang akan membawa kepada maksud sebenarnya mereka berhadapan.

"Sembah Dato'.

Cerati piring cerati,  
Cerana di atas papan,  
Sirih kami sirih bererti,  
Suka makan barulah makan".

Ini akan dijawab :

"Sembah Dato'.

Saya tidak tahu berebana,  
Selisih telunjuk bertolakan,  
Saya tak tahu akan maknanya,  
Sirih diunjuk saya makan".

lain, antara yang cacat dengan yang tidak.

Setiap individu itu ada peranannya bersesuaian dengan kemampuan yang upaya dilakukannya. Jadi, mereka tetap diserapkan bersama menjalani hidup, dan membentuk satu masyarakat. Adat dengan itu membentuk satu masyarakat yang harmoni tanpa mengambil kira rupa dan kecacatan. Dalam masyarakat ini setiap orang: kaya atau miskin, cantik atau buruk tetap mempunyai nilai dan harus dihargai serta memberi sumbangan:

Kalau kaya hendakkan emasnya,

Kalau alim hendakkan doanya,

Jika bodoh disuruh arah.

Dalam situasi tertentu, orang semenda amat diharapkan. Campur tangan mereka dianggap penting sebagai jentera penggerak yang tidak boleh diperingankan begitu sahaja. Dalam upacara oleh perkahwinan misalnya orang semenda tua adalah tunggak kepada kelancaran olek. Begitu juga menjalankan tugas-tugas adat lain umpama menjadi wakil tempat semenda di hari pertunangan, menjemput pengantin dan sebagainya, mereka tetap diketengahkan. Lantaran itu, peranan yang dimainkan oleh orang semenda setidak-tidaknya meringankan beban tempat semenda seterusnya menjadi tunggak kejayaan pihak orang tempat semenda sendiri dalam menyelesaikan satu-satu urusan:

Orang semenda seresan,

tempat semenda seadat,

buat seorang buat semua,

berjalan serentak,

melenggang seayun,

lemah menapis,

condong menupang.

Di samping itu orang semenda juga seringkali menjadi teman rundingan bagi

Ini dibalas pula pihak pengantin perempuan :

Rumah besar alangnya besar,  
Rumah Dato' Perdana Menteri,  
Kalay tidak hajat yang besar,  
Kami tak kan sampai ke mari.

Lima purut jatuh ke lembah,  
Tiba di lembah tumbuh duri,  
Pinang mengadap, sirih menyembah,  
Jari sepuluh menjunjung duli.

Sembah Dato'.

Pohon keduduk di atas tikar,  
Uratnya datang dari Melaka,  
Duduk kita di atas tikar,  
Hendak membilang adat pusaka.

Sembah Dato'.

Pantun ini akan dijawab oleh pihak pengantin lelaki :

"Sembah Dato'.

Pokok keduduk di dalam kual,   
Uratnya datang dari Melaka,  
Duduk kita dalam negeri,  
Elok membilang adat pusaka.

Pohon keduduk di dalam dulang,  
Uratnya panjang berjalur-jaluran,  
Duduk kita duduk berbilang,  
Adat nan mara nak dikeluarkan.

orang tempat semenda:

Orang semenda di tempat semenda,  
jika cerdas teman berunding,  
tinggi banir tempat berlindung,  
rimbu daun tempat bernaeng.

Walaupun begitu penghargaan orang tempat semenda terhadap orang semenda adat telah menetapkan bahwa orang semenda umumnya masih dilindungi oleh dasar-dasar adat yang menggariskan mereka dengan aturan-aturan adat:

Orang semenda di tempat semenda:  
disuruh pergi,  
dipanggil datang.

### 11.3. Tanggungjawab Orang Tempat Semenda

Perbilangan di atas tidak harus digunakan oleh orang tempat semenda untuk mengambil kesempatan ke atas orang semenda. Orang tempat semenda haruslah sentiasa menjaga kepentingan pihak orang semenda. Mereka harus menghindarkan diri daripada menimbulkan sebarang bibit yang memungkinkan timbulnya perselisihan faham, bermasam muka dengan orang semenda. Kelewatan atau kegagalan bertindak menyelesaikannya akan menyentuh imej keseluruhan suku tempat semenda sendiri. Ini membawa implikasi ketidak senang-an suku-suku lain untuk menyemenda ke dalam suku berkenaan, suatu gejala yang tidak diinginkan. Justeru itu adat secara tegas telah memperuntukkan:

Kusut menyelesaikan,  
cicir memungut,  
hilang mencari,  
hutang membayar,  
piutang menerima,  
oleh tempat semenda.

Sembah Dato'.

Buapak pengantin perempuan akan menghulurkan tangan untuk berjabat sa-  
lam sekali lagi. Sambil itu ia menjawab :

"Begini sahajalah Dato'.

Mahat kisah laman genang,  
Mahat berada di rumah Jata,  
Makan sirih sekapur seorang,  
Inilah mula asal kata.

Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di pohon buluh,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah bersusun jari sepuluh.

Sembah Dato'.

Adat berpangkal ke bumi,  
Adat berpucuk ke langit,

Adat perpatih, Dato':;  
Cincang diberi pampas,  
Mati diberi balas,  
Anak dipanggil makan,  
Anak buah disorong balas.

Adat Temenggung pula,  
Siapa membunuh, siapa dibunuh,  
Siapa berhutang, siapa membayar,  
Siapa bersalah, siapa bertimbang.

Mengikuti peraturan adat, sebarang kesalahan orang tempat semenda kepada orang semenda adalah kesalahan kumpulan. Ini bermakna kesalahan yang dilakukan bukan dianggap sebagai kesalahan orang perseorangan tetapi adalah kesalahan semua anggota suku orang tempat semenda. Penyelesaian yang lazim dilakukan adalah dengan mengaku salah dan meminta maaf di dalam satu upacara kenduri kecil. Keadaan sebeginilah yang dikatakan oleh adat sebagai:

Ular dipalu biar mati,  
kayu pemalu jangan patah,  
tanah dipalu jangan lembang.

yang bermaksud dalam menyelesaikan masalah kepentingan semua yang berkenaan harus diperhitungkan bersama. Dengan itu, dalam segala jenis tindakan oleh semua anggota masyarakat haruslah berdasarkan dua perkara yakni akal dan budi.

Selanjutnya, orang tempat semenda tidak boleh dihukum oleh orang semenda. Jikalau orang semenda merasa muskil atau tidak puas hati atau merasa teraniaya atas perbuatan orang tempat semendanya, ia harus mengadu kepada kadim atau Besar serta Buapak, ikut aluran jika perlu, Mereka atau salah seorang daripada ketua adat inilah yang akan mengambil tindakan,

Untuk menseimbangkan lagi jalinan sistem semenda menyemenda ini, adat telah menggariskan beberapa pantang larang bagi kedua-dua belah pihak. Dan kedua-dua belah pihak harus menaatinya. Jikalau pantang larang ini tidak dipatuhi, seringkali ia akan mencetuskan ketidak seimbangan hidup daripada jalinan sistem semenda menyemenda di atas.

#### 11.4. Pantang Orang Semenda

Raja memerintahkan alam,  
Penghulu memerintahkan luak,  
Tua memerintahkan suku,  
Waris memerintahkan pusaka,  
Buapak memerintahkan anak buah,  
Tempat semenda memerintahkan orang semenda,  
Enak memerintahkan anak.

Kunci alam kepada raja,  
Kunci luak kepada penghulu,  
Kunci suku kepada tua,  
Kunci waris kepada pusaka,  
Kunci anak buah kepada Buapak,  
Kunci orang semenda kepada tempat semenda,  
Kunci anak kepada enak.

Sembah Dato'.

Kemudian daripada itu Dato':.

Dilingkung kampung nan bersudut,  
Ditokok tangan nan berkatak,  
Dibetulkan rasuk pelancar,  
Dithan rusuk melintang,  
Ditatang lantai nan sebelah,  
Ditutup atap nan selayar,  
Diarak kayu panjang,  
Terhanper rupanya kasau,  
Tersirak rupanya tabir layar,  
Terkuit rupanya bunyi pintu,  
Tampak terdiri tiang tengah.

Pantang orang semenda ialah pantang yang dikenakan kepada orang tempat semenda oleh orang semenda mereka. Ada 4 (empat) perkara besar yang boleh mengaibkan atau memperkecilkan orang semenda jikalau dilakukan oleh orang tempat semenda. Keempat-empat perkara ini haruslah dihindarkan oleh orang tempat semenda:

i. Sudah diberi diambil balik

Isteri orang semenda diperlakukan sewenang-wenangnya oleh orang tempat semenda. Harta benda yang telah diberikan cuba diambil semula.

ii. Sudah diuja dipegang ekor

Bermakna orang tempat semenda membolot keuntungan untuk diri sendiri daripada susah payah orang semenda. Misalnya orang tempat semenda telah memberi harta umpannya anak kerbau untuk dibela oleh orang semenda. Apabila sampai ketika mendapat keuntungan yakni kerbau itu sudah besar, tiba-tiba orang tempat semenda menjualkannya tanpa pengetahuan orang semenda yang memeliharanya, tanpa membahagikan hasil jualan itu.

iii. Pesan taruh dipermalami

Bermaksud orang tempat semenda tidak memberi kepercayaan sepenuhnya kepada orang semenda selepas memberikannya sesuatu tugas atau tanggungjawab. Contohnya: orang semenda telah diberikan tugas dalam sesuatu urusan umpannya menjemput adat pusaka kahwin. Tetapi apabila orang semenda berkensaan sampai ke rumah yang dituju, ia disusuli pula oleh orang tempat semenda dengan alasan takut-takut orang semenda itu tidak boleh diharapkan (tidak penureh)

v. Sudah dipesan dituruti

Keadaan ini sama seperti patang larang di atas (3) hanya ini melibatkan pengerjaan tanah pusaka isteri. Dalam keadaan sedemikian



Sembah Dato'.

Kemudian daripada itu :

Sudah terdinding rupanya tabir,  
Sudah terbentang langit-langit,  
Sudah tergantung kain simpai,  
Sudah terlonggok rupanya pinang,  
Sudah tersusun rupanya sirih,  
Sudah berkacip rupanya pinang,  
Sudah putih rupanya kapur,  
Sudah kuning rupanya gambir,  
Sudah bergumpal rupanya tembakau,  
Sudah bertimpoh tilam pandak,  
Sudah terbentang tilam panjang,  
Sudah beratur bantal besar,  
Sudah bersusun bantal kecil,  
Sudah bergunjung gunung berangkat,  
Sudah bersilang guntung-gunting,  
Sudah memancung rupanya pedang,  
Sudah memikam rupanya keris,  
Sudah berkecimpung tawak-tawak,  
Sudah meningkah bunyi genderang,  
Sudah beratur rupanya meriam,  
Sudah bersukat ubat bedil,  
Sudah terbakar rupanya tunam,  
Sudah berderun bunyi alamat.

Adat pun teratur,

Bilang pun tertentu.

Sembah Dato'.

Mengaji kepada alif.

kian, orang tempat semenda tidaklah perlu menjenguk setiap hari untuk memastikan sama ada tanah itu diusahakan ataupun tidak oleh orang semendanya.

Pantang larang yang diwujudkan oleh adat ini bermakna bahawa hak, kekuasaan dan tanggungjawab yang diberikan kepada orang semenda itu bukanlah sesuatu yang boleh dipermudahkan atau dibuat sesuka hati oleh orang tempat semenda. Orang tempat semenda tidak harus menunjukkan rasa ragu, rasa curiga dan tidak percaya kepada orang semendanya. Segala pantang itu sebenarnya larangan yang menjaga beberapa hak yang ada pada seseorang suami terhadap isterinya : bendul yang empat kerat, orang semenda yang punya.

#### 11.5. Pantang Tempat Semenda

Pantang tempat semenda adalah pantang yang dikenakan terhadap orang semenda dalam hubungan dengan perempuan-perempuan tempat semendanya. Larangan ini adalah merupakan perbuatan buruk yang amat dicela oleh orang tempat semenda dan juga seluruh masyarakat. Pantang tempat semenda ini terdiri daripada 3 (tiga) jenis iaitu:

##### i. Beri satu dua ditarik

Ini bermakna orang semenda membuat perhubungan sulit (mungkin disetubuhi dan dibuntingkan) dengan adik iparnya.

Keadaan ini disebut juga sebagai :

Kakak dikahwini,

Adik ipar dibuntingi.

##### ii. Pelesit dua sekampung

Dalam keadaan ini orang semenda didapati berkasih-kasih dan membuat angkara dengan perempuan tempat semendanya.

Berbilang kepada esa,  
Bercakap kepada pangkal.

Sehelai akar yang putus,  
Sebingkah tanah terbalik,  
Sebatang kayu nan tumbang.

Hidup peruntungan,  
Mati berhukum Allah,  
Hidup dikandung adat,  
Mati dikandung bumi.

Alam sudah beraja,  
Luak sudah berpenghulu,  
Suku sudah berlembaga,  
Anak buah sudah berbuapak.

Sembah Dato'.

Berse menda pula di dalam alam nan tiga :

Pertama alam Maharaja Alif,  
Kedua alam Tuk Khalifah,  
Ketiga alam Maharaja Di raja.

Sudah itu mengadakan pula anak,  
Lelaki ada,  
Perempuan pun ada,  
Sehari ada,  
Sehari bernama,  
Sehari berhutang kepada mak bapa.  
Hutang atas enam syarat :  
Pertama kerat pusat,

iii. Enau sebatang dua sigai

Ini bermaksud orang semenda menggalakkan isterinya menjual maruah untuk keuntungannya sendiri.

Sekiranya orang semenda didapati melanggar pantang ini atau membuat kesalahan lain maka ia boleh dihukum oleh orang tempat semenda. Hukuman itu dijatuhkan semasa diadakan majlis berkampung yang diadakan untuk menimbang salah kejadian berkenaan. Dalam majlis berkampung ini ketua-ketua adat atau waris daripada kedua belah pihak harus hadir. Denda yang dikenakan adalah berdasarkan kecil besarnya kesalahan yang dilakukan. Jumlah yang patut dibayar juga adalah mengikut aturan adat serta permuafakatan dan kebulatan para hadirin dalam majlis berkampung itu.

Pantang dan larangan ini diwujudkan adalah berfungsi sebagai mengawal ketenteraman susunan masyarakat. Maka dengan itu masyarakat dapat terus wujud dan berkembang. Orang-orang tidak akan ragu-ragu mencari jodoh kerana perjodohnya adalah dikawal oleh undang-undang dan hukum adat dan agama.

12. GANTI TIKAR

Ganti tikar adalah proses mengahwini adik siisteri apabila kematian isteri. Selepas kematian seseorang isteri kira-kira 14 hari atau 40 atau 100 hari maka suami itu akan dijemput oleh warisnya yakni adik beradik perempuannya atau ibu bapanya, pulang ke rumah ibu bapanya. Pada hari dijemput itu dibahagikan harta-harga yang ada sama ada harta carian, dapatan atau bawaan kepada yang berhak. Namun begitu harta itu tidak perlu dibahagikan jikalau pihak perempuan itu menyetujui si suami itu diambil kembali sebagai menantu dan dikahwinkan dengan adik isterinya melalui proses ganti tikar.

Kedua upah bidah,  
Ketiga sunat rasul,  
Keempat tindik daieng,  
Kelima diserahkan mengaji,  
Keenam nikah :  
Utang adat dengan hukum.

Yang kecil sudah besar,  
Yang belayar sudah pulang,  
Yang bingung sudah cerdik,  
Teraku pula nak berumahtangga,  
Lalu dirisik duaikan,  
Dekat rumah dekat kampung,  
Serantau ke hilir,  
Serantau ke hulu,  
Risik dah berdesus,  
Gamit dah berkecapi,  
Orang membeli kerbau dengan talinya,  
Mengikat kata dengan tanda.

Diberikan cincin sebetuk,  
Cincin tawai, cincin tanya,  
Kalau sah sekata: menjadi,  
Kalau tak sah sekata: pulang balik,  
Kalau sah sekata:  
Janji pun diikat,  
Kalau elah perempuan,  
Ganda tanda,  
Kalau elah lelaki,  
Loncor tanda.

Proses ganti tikar ini dibenarkan hanya berkahwin ke bawah iaitu dengan kerabat-kerabat yang berpangkat bawah dari arwah isterinya yang pertama; dan tidak ke atas. Ganti tikar itu dilakukan terutama kerana si suami itu berharta dan baik pada pandangan pihak isteri. Disamping itu suami ada mempunyai anak dengan isteri pertama. Dia perlu memberi nafkah anak itu nanti. Hal ini akan sukar dilakukan jikalau dia diam berjauhan dari anak-anaknya dan lebih mudah lagi jikalau ia berkahwin dengan adik bekas isterinya sahaja. Suatu hari nanti suami itu akan ingin berkahwin juga nanti. Justeru itu mengapa tidak berkahwin sahaja dengan adik bekas isterinya. Ini akan memudahkan pembelaan anak-anak tanpa perlu memberi nafkah dan memecahkan harta. Disamping itu, walaupun anaknya beribu tiri tetapi ibu tirinya itu adalah emak saudaranya, maka tentulah isteri yang kedua itu tidak akan mensia-siakan kakak iaitu anak saudara (anak buah) sendiri. Jadi apabila ada persetujuan pihak perempuan dan lelaki maka dijalankan perkahwinan ganti tikar.

Oleh sebab adik ipar itu selalunya masih anak dara maka adat istiadat perkahwinan ganti tikar ini selalu dilakukan mengikut oleh biasa. Jenis olek terpulanglah kepada muafakat dan kebulatan semua waris pihak perempuan.

### 13. PRINSIP TEMPAT TINGGAL

Pada umumnya prinsip kediaman selepas berkahwin dikalangan masyarakat adat perpatih ialah di dalam kelompok emak isterinya atau dalam istilah antropologi disebut matrilokal. Ini bermakna menantu lelaki akan tinggal di rumah mertuanya. Apabila dirasakan rumah emak itu sudah tidak sesuai lagi didiami atas sebab-sebab tertentu umpamanya rumah sudah sempit hasil daripada pertambahan ahli, maka menantu itu biasanya mendirikan rumah sendiri bersama isterinya di samping rumah mertuanya, yang dapat diistilahkan sebagai

Cacat cida berkembali,  
Sewan gila luar janji,  
Cacat tidak,  
Gila pun tidak,  
Sampai masa menepati janji.

Janji dibuat,  
Dimuliakan,  
Di dalam janji,  
Digaduhkan,  
Janji sampai ditepati.

Kemudian daripada itu Tuk :

Duduk berkebulatan,  
Orang semenda dengan tempat semenda,  
Serta buapak :

Maka disuruh mengadakan adat :

Yang tak lapuk dek hujan,  
Yang tak lekang dek panas.

Oleh orang sebelah, orang Dato' ,

Maka diisilah adat :

Yang tak lapuk dek hujan,  
Yang tak lekang dek panas.

rentangkan tali,

Serukan tuah dek Buapak timbal balik,

Serta anak buahnya,

Serukan untungnya :

Sepertama untung baik,

Kedua untung jahat.

Kemudian daripada itu,

Adalah anak buah Dato' :

keolokal. Jadi di sini terdapat corak keolokal di dalam matrilokal - bersifat kediaman baru yang terasing daripada rumah emak mertua tetapi masih di kawasan rumah emak mertua. Corak kediaman uksorilokal adalah dianggap sebagai sebahagian daripada seluruh prinsip organisasi bagi masyarakat nisab ibu.

### 13.1. Adat Unjuk Beri

Walaubegaimanapun, dalam keadaan di mana sisuami inginkan supaya si isteri tinggal di rumah emak si suami adat tidak menghalang tetapi haruslah terlebih dahulu dijalankan adat unjuk beri atau dikenali juga sebagai adat jemput isteri. Untuk mencapai tujuan ini, terlebih dahulu, seperti juga dalam adat lain, harus diadakan muafakat dan kebulatan di antara kedua belah pihak - pihak isteri terutamanya. Setelah ada kebulatan barulah dijalankan adat unjuk beri ini.

Dalam peraturan ini kerabat perempuan pihak suami akan datang ke rumah emak si isteri dengan membawa pulut kuning yang dinamakan nasi besar, sepiring kuih dan duit adat sebanyak sembilan puluh sen. Segala yang dibawa adalah menurut aturan adat. Pulut dan kuih akan diberikan kepada emak si isteri dan duit adat akan diserahkan kepada Buapak pihak isteri. Dalam perjumpaan Buapak isteri akan menyerahkan si isteri atau anak buahnya kepada si suami dan juga Buapak si suami. Kata-kata adat yang dilafazkan itu akan diakhiri dengan kata-kata yang bermaksud segala hidup mati anak buahnya (si isteri) itu terserahlah kepada suami dan pihaknya. Lafazan kata-kata adat akan dibalas oleh Buapak si suami dengan menyatakan bahawa suami dan pihaknya menerima si isteri dan berjanji akan menjaga segala hidup matinya, Perjumpaan itu akan diakhiri dengan jamuan kecil.

Pada hari itu juga si isteri akan pergi ke rumah ibu mertuanya (ibu suaminya) dan akan pulang ke rumahnya semula pada sebelah petang jika-lau jarak antara rumahnya dengan rumah ibu suaminya agak jauh, atau pada sebelah malam jikalau jaraknya dekat. Pada hari esoknya, si isteri akan balik



Kecil menyibar,  
Pendek menggulung,  
  
Sembah Dato'.

Tergawa mati,  
Bertanda berhutang.

Bukan hutang padi nan bersukat,  
Bukan hutang kain nan berhasta,  
Bukan hutang ringgit nan berbilang,  
Utang adat dengan pusaka,  
Adat diisi orang dinikah.

Sembah Dato'.

Kemudian Dato',  
Akan keduanya singgah kepada,  
Arak, usung, inai dan andam,  
Riuh dihilir,  
Dihilirkan,  
Riuh di hulu,  
Dimudiki,  
Riuh di tengah,  
dihimpunkan.

Nampaknya disebelah kami Dato',

Untung sudah melambung,  
Malang sudah menimpa,  
Kalau ke laut,  
Pecah perahu,

semula ke rumah suaminya dan terus tinggal di situ.

Dengan berjalannya aturan adat unjuk beri ini si isteri adalah diberi hak kepada tanah yang dicari bersama suaminya dan tanah yang bukan tanah pusaka. Namun begitu jikalau mereka bercerai ketika masih hidup maka hak itu tidak dapati. Isteri akan pulang semula ke rumah ibunya.

## 12. PENUTUP

Dari penghuraian adat istiadat perkahwinan dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengannya jelaslah bahawa ia dijalankan secara yang amat tersusun, cantik dan halus. Setiap satu langkah yang diatur dilakukan dengan penuh adat, tertib dan sopan santun serta dengan budi pekerti dan bahawa yang tinggi.

Setiap upacara yang dijalankan disepanjang proses adat istiadat semenda menyemenda ini adalah merupakan seolah-olah suatu majlis berbalas puisi - pantun dan perbilangn. Setiap maksud yang hendak disampaikan adalah disalurkan melalui puisi berkenaan. Maksud hati setiap pihak tidak disampaikan secara terbuka, langsung dan kasar tetapi melalui perlambangan, bunga-bunga bahasa, bahasa rendah dan berlapis. Ini secara tidak langsung menunjukkan betapa halusnya seni budaya adat masyarakat yang menganalnya.

Setiap peraturan dan adat istiadat adat perpatih menampakkan peribadi masyarakatnya. Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem bersuku ini terdapat nilai muafakat dan sefahaman dalam melakukan sesuatu. Hanya dengan muafakat baharulah dapat kebulatan fahaman dan tercapailah persetujuan mengenai satu-satu perkara dan kerja. Suatu perkara yang sungguh ketara dalam adat istiadat perkahwinan masyarakat adat ini ialah nilai muafakat menjadi sendi dalam membuat sesuatu keputusan atau kerja.

Dalam adat istiadat perkahwinan misalnya dalam adat istiadat merisik keputusan sama ada menerima atau menolak cincin tanya itu hanya terca-

Kalau ke darat,  
Pecah periuk,  
Kalau cicir,  
Dah kami pungut,  
Yang hilang,  
Dah kami cari,  
Kalau sirih,  
Pulang ke gagang,  
Kalau pinang,  
Pulang ke tampuk,  
Kalau kerbau,  
Pulang ke kandang,  
Kalau belut,  
Pulang ke lumpur,  
Manusia pulang,  
Ke suku warisnya.

Sembah Dato'.

Nampaknya Dato',  
Pada hari nan sehari ini,  
Kami bawalah anak buah Dato',  
Dah jadi orang semenda baru kami,  
Datang bersama anak buah kami,  
Orang semenda baru Dato',  
Nak berkenalan dengan orang pek menda di sini,  
Kalau datang,  
Nampak muka,  
Kalau pergi,  
Nampak belakang, . . .

pai setelah diadakan muafakat dan dicapai kebulatan di antara keluarga terdekat. Dalam menentukan tarikh, hari dilangsungkan serta jenis oleh perkahwinan antara teruna dan dara yang telah diikat dengan cincin tanda itu juga memerlukan muafakat dan kebulatan antara kedua pihak. Tegasnya muafakat dan kebulatan adalah perkara pokok atau asas sebelum memulakan satu-satu kerja itu atau sebelum diambil satu-satu keputusan itu; sebagaimana kata adat:

Bulat air kerana pemetong,

Bulat kata kerana muafakat

Justeru itu anggota-anggota dalam satu suku beranggapan bahawa mereka itu adalah:

Beranak bersaudara,

adik beradik,

dekat rumah dekat kampung,

sehalaman sepermainan,

seperigi sepermandian,

segayung sepergiliran.

maka nilai dan sifat bekerjasama, bergotong-royong, tolong menolong, menyera-ya dan bantu membantu menjadi teras dalam melaksanakan adat istiadat tersebut serta menjadi amalan yang terus menerus. Dalam upacara perkahwinan sanak saudara si pengantin dengan penuh kerelaan menghulurkan bantuan sama ada berupa material mahupun tenaga, daripada peringkat awal hingga ke akhir adat istiadat.

Contohnya, keperluan yang digunakan untuk mengadakan segala persediaan-persediaan perkahwinan seperti jamuan para jemputan dan sebagainya adalah hasil daripada bantuan sanak saudara si pengantin. Bagi mereka yang tidak memberi wang, mereka membantu dalam bentuk material yang berupa bahan mentah seperti tepung, gula, beras, minyak masak, telur ayam, malahan ternakan besar seperti kambing dan bahan-bahan lain. Pendeknya setiap ahli kelompok kekeluargaan akan memberi sumbangan mengikut kadar kemampuan masing-

Sembah Dato'.

Jadi Dato',  
Lepas hutang,  
Dibayar,  
Tergawa mati,  
Bertanda berutang,  
Bukan hutang padi nan bersukat,  
Bukan hutang kain nan berhasta,  
Bukan hutang ringgit nan berbilang,  
Utang adat dengan pusaka.

Sembah Dato'.

Orang berbudi, kita berbehasa,  
Orang memberi, kita merasa,  
Maka pada hari nan sehari ini,  
Datang kami, anak buah kami kepada Dato',  
Membawa adat dan pusaka;  
Membayar:  
Hutang budi dan bahasa.

Oleh dek terhutang,  
Sebagai budi dan bahasa,  
Maka bersama ini adalah:  
Bawaan persembahan anak buah saya,  
Orang semenda baru Dato',  
Serta anak buah, serta daripada buapaknya,  
Saya.

Air yang seteguk,

masing. Di samping itu setiap anggota kelompok kekeluargaan juga akan menolong dengan tenaga kerja mereka.

Konsep muafakat dan kebulatan serta semangat yang berikutan daripada menjadi aturan harian yang harus dilakukan dan dipatuhi oleh anggota-anggota masyarakat ini. Setiap anggota, tiada pengecualian kerana adat tidak memungkinkannya, adalah bertanggungjawab atas kejayaan keseluruhan majlis atau upacara. Setiap orang harus bersama dengan yang lain melalui kebolehan dan kelebihan serta kekurangan masing-masing untuk mencapai tujuan bersama. Kejayaan majlis bukannya kejayaan individu atau kumpulan orant tertentu tetapi adalah kejayaan keseluruhan kelompok kekeluargaan. Oleh sebab itu bagi masyarakat ini tidak ada yang berat atau yang susah kerana sebarang masalah atau halangan akan di atasi secara bersama-sama.

Tegasnya melalui semua peringkat istiadat itu kita dapati orang-orang seperti Buapak, Besar, Kadim, Waris, saudar-mara serta orang-orang semenda mempunyai tugas atau peranan serta tanggungjawab tertentu yang saling berhubungan atau/dan berkait serta teratur dan berkodinasia antara semua bahagian menjadikan sebuah organisasi istiadat semenda menyemenda. Dengan adanya sifat atau nilai tolong menolong dan bekerjasama dalam melaksana adat istiadat perkahwinan itu, ia juga merapatkan lagi hubungan kekeluargaan. Konsep hubungan kekeluargaan ini bukan sahaja melalui ikatan darah tetapi juga melalui ikatan perkahwinan. Konsep ikatan terakhir ini jelas ditunjukkan dan dilahirkan sebagai proses permulaan melalui istiadat menikahkan jejak dan menyalang ke rumah saudara mara selepas istiadat berkahwin.

Konsep perhubungan kekeluargaan ini dapat pula menimbulkan semangat perpaduan dalam masyarakat itu. Kenyataan ini adalah dibayangkan melalui perbilangannya:

Nasi yang sesuap,  
Lauk nan sebinjat,  
Pinang nan sekacip,  
Sirih nan secarik,  
Gambir nan secubit,  
Tembakau nan seurat.

Itulah bawaan anak buah,  
Serta orang semenda dengan saya sekali,  
Untuk dipersudikan dek saudara mara di sini.

Itu sahajalah sembahan saya kepada Dato',  
Apa yang tersalah serta tersilap tutur kata saya  
Yang saya tuturkan,  
Minta sudikanlah sama-sama, dato'.

Ni, ada pula pantun orang-orang tua:

Bolibih disangka itik,  
Terbang tinggi turun ke sawah,  
Kok berlebih berikan saya balik,  
Kok kurang, Dato' saja yang menambah.

Dan lagi Dato':

Entah lantak entahnya lentik,  
Budak-budak main dalam bulatan,  
Entah mentah entahnya lembik,  
Budak-budak punya buatan.

Sembah Dato'.

Adat bersaudara:  
saudara dipertahankan,  
adat berkampung:  
kampung dipertahankan,  
adat bersuku,  
suku dipertahankan,  
adat bernegeri,  
negeri dipertahankan,  
Hidup sandar menyandar:  
seperti aur dengan tebing.

Dan seterusnya:

Jika khabar baik diberitahu,  
jika khabar buruk, serentak didatangi,  
jika jauh ingat-mengingat,  
jika dekat temu-menemui.

Perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih adat perpatih adalah penting, terutama sekal dari suku isteri. Kekuatan sesuatu suku itu bergantung kepada penghasilan daripada carian dan harta baik tanah ataupun barang-barang yang didapati oleh ahli-ahli lelakinya. Dari segi adat perkahwinan itu adalah salah satu cara untuk memperbanyakkan harta dari luar masuk ke dalam suku. Cara kemasukan harta baru ini adalah sama ada ia dibawa oleh orang semenda yang akan dikerjakan bersama dengan isteri yang akan menghasilkan harta tambahan - harta carian. Jadi dalam keadaan unggul, orang semenda mempunyai hubungan harapan dengan orang tempat semendanya. Bukan sahaja dia diharap menjaga dan membela rumahtangganya bahkan berkhidmat kepada orang tempat semendanya.



Dengan kata-kata itu Buapak pihak perempuan pun menyerahkan barang-barang pembawaan rombongan pengantin perempuan kepada Buapak pihak lelaki. Kedua-dua Buapak akan bersalaman tanda keikhlasan yang memberi dan yang menerima.

Selepas bersalaman, Buapak pihak lelaki akan memegang nasi besar dan menarik ke arahnya sedikit melambangkan ia menerima barang-barang tersebut bagi pihak tuan rumah. Sambil itu ia kan menjawab kata-kata Buapak pihak perempuan. Antara lain katanya :

"Sembah Dato'.

Panjang nampaknya Dato' berbilang, Rasa-rasanya susah saya nak jawab ini. Tapi biarlah saya cuba.

Anau kecil panjang pelepah,  
Tak andoh, tolong andohkan,  
Saya ini tak pendai sembah,  
Kalau salah, tolong tunjukkan.

Sudah penat kami berbangsi,  
Mencari gaharu di bawah batang,  
Sudah penat kami menanti,  
Inilah baru Dato' datang.

Bukan batang sebarang batang,  
batang ara batang puaka,  
Bukan datang sebarang datang,  
Datang dengan adat dan pusaka.

Satu lagi aspek yang diharapkan melalui institusi perkahwinan ini ialah ianya bukan hanya setakat mengadakan perhubungan antara dua individu yang berlainan jantina tetapi juga perhubungan antara dua kelompok kekeluargaan yang luas. Daripada perhubungan yang terjelma itu akan wujudkan pula kerjasama di antara dua buah kelompok kekeluargaan, daripada peringkat rumpun sehinggalah kepada peringkat kelompok suku. Selanjutnya, perhubungan antara dua orang itu adalah diharapkan oleh adat sebagai langkah permulaan untuk kesuburan sesuatu suku.

Bunga raya dari Melaka,  
Pohon berangan tidak berdahan,  
Datang dengan adat pusaka,  
Bersama dengan barang persembahan.

Sembah Dato'.

Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di atas akar,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah dari hujung hingga ke pangkal.

Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di pohon nangka,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah adat dengan pusaka.

Bukan lebah sebarang lebah,  
Lebah bersarang di rumpun buluh,  
Bukan sembah sebarang sembah,  
Sembah mengangkat jari sepuluh.

Sembah Dato'.

Kalau begitu Dato',  
Umur baru setahun jagung,  
Darah baru setampuk pinang,  
Tanahnya baru,  
Belukarnya muda,  
Kok perjalanan,  
Belum jauh lagi, Dato',  
Dek belum jauh perjalanan:

Perkahwinan Adat N.S.  
Bibliografi.

Tersungkup pula saya dek tulang bumbung,  
Terlingkup dek bendul nan empat,  
Mengirap cucuran atap,  
Itulah adat nan saya bawa ni, Dato',  
Adat perpatih,  
Adat perpatih, Dato':  
Tak lekang dek panah,  
Tak lapuk dek hujan.  
Adatnya datar,  
Muafakatnya sama.

Sembah Dato'.

Kalau begitu Dato',  
Orang mengaji kepada alif,  
Orang membilang kepada esa,  
Ambil wazlin daripada Nabi,  
Ambil turasan daripada nan tua.

Asal-asal, usul-usul,  
Berkata daripada asal,  
Usul-usul jangan ditinggalkan,  
Terang-terang, nyata-nyata,  
Biar terang pangkal kata.

Sakit bermula,  
Mati bersebab,  
Hujan berpohon,  
Kata berasal.

Abas Haji Ali,  
1952.

Rembau sebuah Luak daripada Luak-luak yang sembilan. Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadat, N. Rembau: Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau.

Abdul Aziz Abd. Kadir,  
Mohd Zulkifli Idris,  
Mohd Razali Seman dan  
Yahya Mustafa, 1991.

'Adat perkahwinan Olek Lembaga di Negeri Sembilan', kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.

Abdul Rahman b. Haji  
Mohammad, 1964.

Dasar-dasar Adat Perpatih, K.Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Abdul Siddik, 1975.

Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, K.Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Abu Hassan Jaalan,  
1975.

'Organisasi Dalam Perut: Satu kajian kes di Kampung Pegoh wilayah Nanning, Melaka', Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Bangi: Jabatan Antopologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Suadi Abd. Rahim, Ahmad Saifuddin Hashim, Asri Hashim, Gan Sook Yee, Martina Dewi Juan, dan Yusri Sham Abu Hassan.  
1991.

'Perkahwinan Olek Lembaga di Luak Rembau, Negeri Sembilan', kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.

de Jong, P.E. de  
Josselin, 1952.

Minangkabau and Negeri Sembilan. Socio-Political Structure in Indonesia, The Hague: Martinus Nijhoff

de Moubray, G.A.dé,C.,  
1931.

Matriarchy in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries, London: George Routledge & Sons.

Fadzlina Shamsuddin,  
Rugayah Mohd Thith,  
dan Hasmawardi Mohd  
Yusof, 1991.

'Adat Perkahwinan Negeri Johor, Kelantan dan Negeri Sembilan', kertas Projek kursus (tidak diterbitkan). Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.

Maka duduk berbilang:

Tahun nan kecil pada nan godang,

Tahu nan godang pada nan tua,

Tahu nan tua pada nenek moyang,

Begitulah adat negeri kita.

Sembah Dato',

Itulah perbilangan orang-orang tua dulu,

Apa perbilangan orang-orang tua dulu'.

Pertama kalam Allah,

Kedua kalam Rasul,

Ketiga resam dunia.

Kalam Allah itu Dato':

Berbunyi, berlafaz, berdalil,

Bertunggul, berparasan,

Bercacar, berjerami,

Itulah kalam Allah.

Kalam Rasul itu Dato',

Waktu yang lima,

Hari yang tujuh,

Bulan yang dua belas,

Itulah kalam Rasul.

Resam dunia itu Dato':

Sebagaimana awalnya,

sebegitulah akhirnya.

Sembah Dato'.

Faiza Tambi Chik,  
1995.

'Adat Menghantar cincin. Lambang ketinggian Budi Penganut Adat Perpatih', Pusaka, Jil. 1, Bil. 1, Hal: 22 - 25.

Hamdan Abd. Ghani, Abdullah Din,  
Khairul Anwar Haji Hasan, Khodari Mohamamed,  
Norazam Mohd Nor dan Norhisham Ramli, 1991.

'Adat Meminang dan Meloncor Cincin', kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.

Hamidi Yusof, Ramlan Hamzah, Shaharuddin, Mohd Jalil, dan Hanafiah Maulud.  
1989.

'Perkahwinan Adat di Luak Ulu Muar dan Rembau', kertas projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.

Humphreys, J.L.  
1916.

'A Naning Wedding-speech', Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society, 72, Mei. Hal: 25-33

1921.

'A Naning Recital', Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society, 83, April. Hal: 1 - 29.

Ibrahim bin Abdullah,  
1977.

'Sistem Suku Adat Perpatih di Rembau', Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) K.Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Ibrahim bin Atin,  
1956,

Perbilangan Adat, Penang: Sinaran Brothers Press.

Ibrahim b. Hj. Salleh,  
1983.

'Sistem kekeluargaan Bersuku Berwaris, Dewan Budaya, 5 (6), Jun. Hal: 15 - 16.

Ibrahim bin Kassim,  
1983.

'Adat Bersendikan Hukum, Sejauhmana kebenarannya dan Penerimaan Masyarakat Jempol. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.



Maka dibilangkan orang-orang tua:

Sezaman bilah buluh ditanam,  
Besi nan berdencing,  
Puntung nan berasap.  
Sehelai akar, Sebingkah tanah,  
Sekerat kayu,  
Sebatang buluh,  
  
Sehelai akar nan putus,  
Akan pengikat,  
Sebingkah tanah terbalik,  
Akan pematang,  
Sekerat kayu,  
Akan turusan,  
Sebatang buluh,  
Akan belintang.

Kemudian daripada itu Dato',  
Besi berdencing,  
Gagak putih,  
Bangau hitam,  
Puntung berasap,  
Siak bertali ke Minangkabau,  
Masa nenek Bujang Gadis.

Kemudian daripada itu Dato',  
Pandang ke hulu!  
Nampak gaung guntung,  
Nampak belukar nan rendah,  
Di situ segantang selubuk,

Izzurin bin Sha'ari,  
1987.

'Adat Perkahwinan di Negeri Sembilan', kertas  
Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Ja-  
batan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian  
Malaysia.

Jamaludin Abdullah,  
1955.

'Adat Hadiah di Majlis Nikah Kahwin Melayu',  
Mastika, Januari, Hal.

1955.

'Adat Hadiah di Majlis Nikah Kahwin Melayu',  
Mastika, Februari. Hal. 22 - 23.

1955.

'Sirih Bertepak', Mastika, Ogos Hal. 9 - 12.

1955.

'Sirih Bertepak', Mastika, September. Hal. 23-24,35.

1955.

'Sirih Bertepak', Mastika, Oktober, Hal. 31 -32.

1955.

'Adat Berkampung', Mastika, Disember. Hal. 30 - 31

1956.

'Adat Menjemput Pengantin Lelaki', Mastika, April,  
Hal. 32 - 34.

1956.

'Mengisi Adat Pesaka', Mastika, Mei. Hal. 20 - 23.

1956.

'Mengisi Adat Pusaka', Mastika, Jun.Hal. 33 - 34.

1956.

'Mengisi Adat Pusaka', Mastika, Julai. Hal. 22-23,33.

Tempat si dengkang berbunyi malam,  
Tempat si kapeh turun mandi,  
Tempat ungka bergegauan.  
Pandang beridar ke hilir:  
Nampak pulau berdindingan,  
Nampak galah silang seli,  
Nampak perahu hilir mudik.  
Pandang beridar ke darat:  
Nampak meranti bersanggit dahan,  
Pandang beridar baruh:  
Nampak gaung berandaman,  
Lobaknya luas,  
Airnya jernih,  
Orangnya ramai.

Sembah Dato'

Maka ditengok pula:  
Permatangnya sudah lurus,  
Tanahnya sudah datar,  
Sawahnya berlopak-lopak,  
Pinang berjejer,  
Nyiornya berliok-liok,  
Tanaman sudah menjadi,  
Orang sudah sentosa.

Kampung nan bersudut,  
Rumah nan berkotak bertangga,  
Kok halaman,  
Sepermainan,

1957. 'Adat memangkas Inai', Mastika, Mac. Hal. 14 - 15, 18.
1957. 'Merumah Dalam ADat Perpatih', Mastika, Disember. Hal. 20 - 23, 33.
1958. 'Adat Menyerah': Teruna datang ke rumah dara di malam hari, dara lari kalau hatinya tak sudi', Mastika, Januari. Hal. 16 - 18.
1958. 'Adat Bersanding', Mastika, Mac. Hal. 4 - 8.
1958. 'Adat Mandi-mandian', Mastika, April. Hal. 21 - 23, 26.
1958. 'Adat Menyembah', Mastika, Julai. Hal. 34 - 37, 41.
1958. 'Adat Melipur Jejak', Mastika, Ogos. Hal. 20 - 25.
1958. 'Nikah Gantung dan Sesalahan', Mastika, Oktober. Hal. 31 - 33, 50.
1958. 'Adat Perempuan Merampas dan mendapatkan Pemuda', Mastika, Disember. Hal. 32 - 34, 50.
1959. 'Masyarakat Bersuku-suku di Negeri Sembilan', Mastika, Januari. Hal. 16 - 19.
1959. 'Kata-kata Adat dan Perbilangannya', Mastika, Februari. Hal. 42 - 43, 46, 48.
1959. 'Kata-kata Adat dan Perbilangannya', Mastika, Mac. Hal. 14 - 17, 49.

Kok perigi,  
Sepermandian,  
Airnya jernih,  
Kampungnya biru,  
Adatnya sentosa.

Senbah Dato'.

Kemudian Dato' diperbilangkan.. lagi,  
Si pasin mudik ke hulu,  
Si lawah mudik ke hilir.

Alan nan beraja,  
Luak nan berpenghulu,  
Suku nan berlembaga,  
Anak buah nan berbuapak.

Berapakah sukunya Dato'.  
Iaitu dua belas,  
Sebelas berhaluan.

Kemudian lagi Dato'.

Adat nan datar,  
Pusaka nan satu,  
Adat tidak bertukar,  
Setia tidak berubah,  
Muafakat tidak beralih.

Bukit sama didaki,  
Lurah sama dituruni,  
Cicir sama rugi,  
Dapat sama laba,

1959. 'Adat Buang Negeri', Mastika, Jun. Hal. 4 - 6.
1959. 'Pantun di dalam Adat Istiadat Melayu', Mastika, September. Hal. 18 - 20.
1959. 'Adat Perpatih, Singapura : Geliga.
- Kahar Bador, A.  
1963. 'Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan Malays', tesis M.A. (tidak diterbitkan), London: University of London.
- Khairun Nida Abd. Majid, Rafiah Sibil,  
Roslin Haji Basran, Shely Sam Abu Zarin,  
dan Shirley ak. Sading,  
1991. 'Perhtunangan "Tidak Jadi" dalam Sistem Adat Perpatih', Kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Khazinah Takiman,  
1974. 'Sistem kekerabatan di Luak Rembau, Negeri Sembilan', skripsi Sastera (tidak diterbitkan), Bandung: Fakultas Sastera, Universitas Negeri Pedadjaran.
- Lewis, K.D.,  
1962. The Minangkabau Malays of Negeri Sembilan: A Study of Socio - Cultural Change. tesis Ph.D., Cornell University, Ann Arbov; Michigan: Xerox University Micotilms.
- Marzuki bin Hamid,  
1974. 'Pengaruh Adat Perpatih Dalam Pemikiran Masyarakat Islam di Jelebu Dengan Penekanan Khusus kepada Perkahwinan', Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Minarni Shariff, Siti Rakiah Ismail,  
Fadzilah Mat, dan Sarimah Siratman,  
1990. 'Adat Istiadat Perkahwinan Orang Minangkabau Negeri Sembilan', kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.

Tanah sekepal digunungkan,  
Air setitik dilautkan.

Padang sepermainan,  
Sejamban seperulangan,  
Seperigi sepermandian,  
Jalan sedundun,  
Lenggang seayun,  
Duduk sejajar,  
Kata-kata seiya,  
Sekocong bak kuih,  
Sebungkus bak nasi.

Tumbuh di hulu, dimudiki,  
Tumbuh di hilir, di hiliri,  
Tumbuh di tengah, dihimpuni.

Kemudian daripada itu Dato':

Duduk sepelantaran,  
Pinta meminta, seraya menyeraya,  
Dekat rumah, dekat kampung.

Sembah Dato'.

Kemudian Dato'.

Oleh sebab:

Rumah dah berkotak bertangga,  
Kampung dah bersudut,  
Bilik pula dah berisi,  
Ada anak buah saudara Dato' nan dara,  
Maaf saya bercakap.

Mohd Din bin Ali,  
1956.

Samban Cakap dan Pepatah Adat Melayu, Penggal I,  
K.Lumpur: The Printers Ltd.

1957.

Samban Cakap dan Pepatah Adat Melayu, Penggal II,  
K.Lumpur: The Economy Printers Ltd.

1957.

'Kesusasteraan Melayu dari segi Adat Perpatih',  
Mastika, November. Hal: 34 - 39.

1964,

'Malay Customary Law Family', Intisari, 2(2), Hal:  
33 - 45.

Mohd Faizal Hassan, Sulaiman Selamat,  
Zunaidi Mohd Noor dan Norhayati Mohd Salleh.  
1991.

'Proses Peminangan Dalam Adat Perpatih', Kertas  
projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Ja-  
batan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian  
Malaysia.

Mohd Saleh B. Mohamad, Mohd Yaziz Buntal dan Md. Salim Mohd Said,  
1989.

'Adat Istiadat Perkahwinan Tradisi di Pulau Pinang,  
Kedah dan Negeri Sembilan', Kertas Projek kursus  
(tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Saubs Kema-  
syarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.

Mohd. Saleh B. Rashid (Pakcik Sadai),  
1986.

'Terombo kedatangan Adat Perpatih', Warisan, Bil.  
II, Hal: 40 - 43, dicatatkan semula oleh T.Mazuana  
binti T.Mansor.

Mohd Zalgħanf Hj.Hassan, Mustapa Kanal Basheer,  
Noor Ashmadi Mat, dan Yahya Osman,  
1989.

'Perkahwinan Bagi Adat Perpatih dan Adat Temeng-  
gong', kertas Projek kursus (tidak diterbitkan)  
Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Univer-  
siti Pertanian Malaysia.

Mohd Zulkifli Hj. Maulud, Norzali Ibrahim,  
Bukhari Hj. Badusah, dan Mohd Yusof Maidin,  
1986.

'Adat Istiadat Perkahwinan Dalam Luak Ulu Muar,  
Kuala Pilah, Negeri Sembilan', Kertas Projek Kur-  
sus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains  
Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.



Sembah Dato'.

Maka saya tengok pula:

Gaduh di ulu sama di ulukan,

Gaduh di hilir sama di hilirkan,

Gaduh di tengah sama di hampunkan.

Maka dilihat pula kata adat:

Nampaknya Dato':

Sama-sama pula kita beradat,

Sezaman sepengkalan,

Sembah kepada Dato'.

Maka dilihat pula pada Dato':

Kok pucuk Dato',

Nak diuraikan,

Kok batang Dato',

Nak dilintangkan,

Kok pantang Dato',

Nak dibilangan,

Maka oleh sebab itu Dato',

Menghantarkan risik nan berdesus,

Indok dengan bapanya,

Anak buah Dato' jua.

Sembah Dato'.

Dalam pada itu,

Ada pula urat nan merangkak,

Ada pula kilat nan memancar,

Kata dusi nan merangkap:

Mokhtar bin Mohd Dom,  
1977.

Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Me-  
KiLumpur: Federal Publications.

Nathan, J.E. and R.O. Winstedt,  
1920.

Johol, Inas, Ulu Muar, Jempul, Gunung Pasir an  
Terachi, 'Their History and Constitution', Paper  
on Malay Subjects, Quilcutta: Published for the  
Committee for Malay Studies, Federated Malay sta-  
tes at the Baptist Mission Press, Dicitak semula  
dalam R.J. Wilknison (ed), Paper on Malay Subjec  
K.Lumpur: Oxford University Proos, 1971.

Noor Hana Hamdan, Sarina Idris,  
Sahidha Sirajuddin, Suhana Abdul Rafar, dan Zainab Ehsan,  
1990.

'Adat Istiadat Perkahwinan Dalam Masyarakat Adat  
Perpatih', kertas Projek kursus (tidak diterbit-  
kan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Uni-  
versiti Pertanian Malaysia.

Noorshita Chek Malek, Noraini Mohd Zahid,  
dan Wan Zarina Wan Salleh,  
1989.

'Adat Perkahwinan Orang Melayu Alor Gajah, Melaka',  
kertas projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang:  
Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian  
Malaysia.

NorAzlina Abdul Razak,  
dan Normala Sulaiman,  
1990.

'Adat Perkahwinan Suku Tanah Datar di Negeri Sem-  
bilan', kertas projek kursus (tidak diterbitkan),  
Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti  
Pertanian Malaysia.

Nordin Selat,  
1970.

'Some Facts and Fallacies with Regard to the  
Position of Man in Adat Perpatih', Federation  
Museums Journal, 15, Hal. 101 - 120.

---

1976.

Sistem Sosial Adat Perpatih, K.Lumpur: Utusan Me-  
layu (M) Berhad.

Norhalim Hj. Ibrahim,  
1971.

'Kekeluargaan dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu  
Desa Di Rembau, Negeri Sembilan', Latihan Ilmiah  
(tidak diterbitkan), K.Lumpur: Jabatan Pengajian  
Melayu, Universiti Malaya.

Menegur dan menyapa.

Dalam risik andai tu Dato',  
Dilabuh pula cincin tanya,  
Cincin sebetuk,  
Sebelum setuju antara dua pihaknya,  
Dibagi tempuhnya,  
Tujuh menyalang dua kali tujuh,  
Esa sekata, diterima,  
Esa batal, dikembalikan,  
Nampaknya Dato',  
Esa sekata, diterima,  
Tanda muafakat.

Dalam diterima Dato',  
Ditengok pula:  
Di segi adat dan hukum:  
Adat pun tak menghambat,  
Hukum pun tak melarang,  
Disetujui pula antara dua pihak, Dato',  
Kalau begitu,  
Dalam bersetuju antara dua pihak,  
Dihantar pula pinang bertepak,  
Dibawa pula cincin berikat, Dato'.  
Cincin berikat itu Dato',  
Cincin satu pula jadi dua,  
Tanda terikat,  
Maka bertaruhlah:  
Dua hari nan tiga.

1976. \_\_\_\_\_  
'Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan (Malaysia), tesis M.A. (tidak diterbitkan), Hull: Department of South-East Asian Anthropology and Sociology University of Hull.
1989. \_\_\_\_\_  
'Sistem Masyarakat Negeri Sembilan', Warisan, Bil. 13, Hal. 50 - 62.
1992. \_\_\_\_\_  
'Adat Perpatih: Konsep Perkahwinan dalam Masyarakat', Budaya Negeri, 5/92. Januari. Hal. 4 - 6, 12.
1992. \_\_\_\_\_  
'Adat Perpatih. Konsep Perkahwinan dalam Masyarakat', Budaya Negeri, 6/92. April. Hal. 6 - 10.
1992. \_\_\_\_\_  
'Aturan Perkahwinan Adat', Budaya Negeri, 7/92. Hal: 7 - 11.
1992. \_\_\_\_\_  
'A Brief Introduction to Adat Perpatih', dalam Nellie S.L. Tan-Wong and Vipin Patel (eds), Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan, K.Lumpur: Wintrec (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. Hal: 1 - 4.
1992. \_\_\_\_\_  
'Vanishing Culture of Adat Perpatih', dalam Nellie S.L. Tan-Wong and Vipin Patel (eds), Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan, K.Lumpur; Wintrec(WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. Hal: 37 - 43.
1992. \_\_\_\_\_  
'Social Structure and Organisation of Negeri Sembilan Malays' dalam Nellie S.L. Tan-Wong and Vipin Patel (eds), Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan, K.Lumpur: Wintrec (WWB/Malaysia) Sdn.Bhd. Hal: 44 - 64.

Sembah Dato'.

Oleh kerana itu Dato',

Dibuatkan janji:

Janji dibuat, dimuliakan,

Dalam janji, digaduhkan,

Sampai janji ditepati.

Dalam pada itu,

Sampailah pula masanya,

Sampai masa sampai waktunya,

Menjemput adat dan pusaka,

Maka dek maki pula, Dato',

Diberikan adat dan pusakanya sekali,

Mengikut adat kita:

Adat yang tak lapuk dek hujan,

Adat yang tak lekang dek panas.

Sembah Dato'.

Maka lepas itu Dato',

Merintanglah tali,

Diserukan oleh Buapak timbal balik,

Serta anak buahnya,

Diserukan untungnya:

Sepertama untung baik,

Kedua untung jahat.

Kemudian daripada itu,

Adalah anak buah Dato',

Kecil menyibar,

Norinah Othman, Haslina Ali,  
Aida Othman, Fauzi Mamat Sah,  
Rasidha Harun, Noor Ashimah Ahmad,  
dan Noorfelthiah Mohd Noor,  
1989.

'Perkahwinan Masyarakat Melayu Negeri Sembilan',  
kertas projek kursus (tidak diterbitkan), Ser-  
dang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti  
Pertanian Malaysia.

Noriza Mohd Zain, Roghiah Dali,  
Siti Rahmah, dan Hayati Yang Ghazali,  
1989.

'Institusi Perkahwinan di Tampin, Negeri Sembilan',  
kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang;  
Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian  
Malaysia.

Norzali Hj. Ibrahim,  
1987.

'Perbilangan Adat Menerima Cincin', Warisan,  
Bil. 12, Hal: 57 - 62.

Omar bin Ahmad,  
1948.

'Adat Menghantar "Bedak Langir" di Jelebu',  
Majalah Cenderamata, Bil. 34. Februari. Hal 69 - 70

Ong Chen Ni, Loh Too Chin, Kumal a/l P.Muthu,  
Latifa Sahat, Salmah Rahim, Suraya Abdul Wahab,  
dan Shasikala,  
1989.

'Perbilangan Adat, kertas Projek kursus (tidak  
diterbitkan), Bangi: Jabatan Persuratan Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H.  
1910.

'Rembau One of the Nine States, Its History,  
Constitution and Customs, Journal of the Straits  
Branch Royal Asiatic Society, 56. Disember. Hal:  
1 - 157.

Roslin A.Ghani, Evelyn anak Jugi, Beti Edi,  
Noor Asmah Ahmad, dan Radin Asmawati Raden Mahmud,  
1991.

'Adat Di Rembau', kertas Projek kursus (tidak  
diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan,  
Universiti Pertanian Malaysia.

Rozita Bakar, Norhashimah Hashim,  
Jamilah @ Amelia Yahya dan Salmah Pilus,  
1988.

'Adat Meminang di kalangan orang-orang Batu Kikir  
Tahun 30-an, Kertas Projek kursus (tidak diterbit-  
kan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Uni-  
versiti Pertanian Malaysia.

Pendek mengulung.

Atau keduanya telah Dato' singgahkan:

Kepada arak, usung,  
Riuh di hilir, dihilirkan,  
Riuh di ulu, diulukan,  
Riuh di tengah, dihimpunkan.

Maka pada hari nan sehari ini,

Kok malam nan semalam,  
Datanglah pula kepada kami,  
Kok jauh dah dijemput,  
Kok dekat dah dikampungkan,  
Segala tempat semenda,  
Oleh orang semenda,  
Serta Buapak nan beradat,  
Oleh orang semenda,  
Serta duduk sepereret:  
Menunggu kedatangan Dato',  
Berserta anak buah Dato'.

Sembah Dato'.

Maka pada hari nan sehari ini Dato',

Kok malam nan semalam ini,  
Giliran kamilah pula, kepada:  
Arak dan usung,  
Inai dan andam.

Riuh di hilir, nak kami hilirkan,  
Riuh di ulu, nak kami ulukan,  
Riuh di tengah, nak kami himpunkan pula.

- Ruziana bt. Ismail,  
1988. 'Perkahwinan Orang Melayu Negeri Sembilan,' kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Salina Zaini, Md. Saldi Ahmad,  
Jamaliah Abd. Aziz, Juliet Kok Swee Bee,  
Sumathi Paramasium, dan Yatharan S.Palaniandy,  
1989. 'Hantaran Dalam Perkahwinan Adat Perpatih', kertas Projek kursus (tidak diterbitkan), Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salman Sa'aban, Norhisham Mohd Radli,  
Mustadza Mustafar, Siti Zubaidah Hj. Ali,  
Faridawati Hj. Sidik dan Sh. Zara'ah Syed Alwi,  
1991. 'Merisik dan Meminang Dalam Adat Perpatih Bagi Masyarakat Melayu di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan', kertas Projek kursus, (tidak diterbitkan), Serdang : Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahba,  
1955. 'Salsilah Datuk Perpatih Nan Sebatang', Mastika, September. Hal: 44 - 45.
- 
1955. 'Salsilah Datuk Perpatih Nan Sebatang', Mastika, Oktober. Hal: 8 -12.
- Shahidin bin Mukhtar,  
1974. 'Kata-kata Perbilangn Dalam Adat Perpatih (Suatu Analisa Umum)', Latihan Ilmiah, (tidak diterbitkan), Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsiah bt. Abdul Rahim,  
1974. 'Bahasa Perbilangn Dalam Istiadat Perkahwinan Dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan', Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sheehan, J.J. and Abdul Aziz bin Kamis,  
1936. 'Adat Kuala Pilah', Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society, 14(3), Hal: 190 - 225.
- Sheppard, Hj. Mubin,  
1964. 'Bujam Epok Bertundan: A Wedding Ceremony Recalled', Federation Museums Journal, New Series, 9, Hal: 32 - 36.



Sembah Dato'.

Maka adalah pembawaan orang semenda saya,

Serta anak buah, buapaknya - Dato':

Air nan seteguk,

Nasi nan sesuap,

Lauk nan sebinjat,

Pinang nan sekacip,

Sirih nan secarik,

Gambir nan secubit,

Tembakau nan seurat,

Saya ucapkan berbanyak terima kasihlah Dato'.

Oleh dek itu Dato':

Maka pada hari nan sehari ini, Dato',

Di atas diri saya,

Waris nan saka nan bersaka,

Di hari nan sehari ini,

Adalah saya terimalah sembahan Dato':

Pinang nan sekacip,

Sirih nan secarik,

Kapur nan secubit,

Tembakau nan seurat,

Air nan seteguk,

Nasi nan sekepal,

Lauk nan sebinjat.

Itulah nan saya sembahankan kepada Dato'.

Apa yang tersalah serta tersilap tutur kata saya,

Yang saya tuturkan,

Minta sudikanlah sama-sama, Dato'.

- Siti Nazly bt. Abd. Shattar,  
1989. 'Istiadat Perkahwinan Adat Perpatih Di Daerah Jelebu',  
kertas Projek Kursus (tidak diterbitkan), Serdang:  
Jabatan Sains Kemasyarakatan, Universiti Pertanian  
Malaysia.
- Siti Rohane Dewa,  
1978. 'Adat Istiadat Perkahwinan Dalam Masyarakat Yang Menga-  
malkan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan:  
Tumpuan Kajian Di Kampung Belangan, Kuala Sawah, Rantau',  
Latihan Ilmiah, (tidak diterbitkan), Bangi: Institut Ba-  
hasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Ke-  
bangsaan Malaysia.
- Stanza,  
1964. 'Adat Istiadat, Adat Rembau', Mastika, Ogos Hal: 12 - 18.
- Switf, M.G.,  
1958. 'A Note on the Durability of Malay Marriages', MAN,  
58. The Royal Anthropological Institute, London.  
Hal: 155 - 158.
- 
1965. 'Malay Peasant Society in Jelebu, London: The Althione  
Press.
- Taib bin Md. Seh,  
1990. 'Adat Istiadat Dalam Pusingan Hidup Adat Perpatih Na-  
ning (Proses Sosialisasi Budaya)', kertas Projek kursus  
(tidak diterbitkan), Serdang: Jabatan Sains Kemasyara-  
katan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Winsted, R.O.,  
1920. 'Family Relationships in Negeri Sembilan', Journal of  
the Federated Malay States Museum, 9 (9), Julai,  
Hal: 111 - 114.
- 
1928. 'Some Rembau Customary Saying', Journal of the Malayan  
Branch Royal Asiatic Society, 6(4), November. Hal:  
54-55.
- 
1931. 'A Jelebu Customary Saying', Journal of the Malayan  
Branch Royal Asiatic Society, 9(1), Mei, Hal: 136.
- Yaakub Idrus,  
1986. 'Rakaman Perbilangan Adat Semasa Menghantar Pengantin  
Lelaki', Warisan, Bil. 11. Hal. 32 - 35.

Sembah Dato'.

Dengan kata-kata itu Buapak pengantin lelaki pun menghulurkan tangan. Kedua-dua orang Buapak berjabat tangan sekali lagi untuk menyatakan keikhlasan masing-masing, serta memohon maaf dan bermaafan atas tersilap atau terkasar kata.

Barang-barang pembawaan itu akan diangkat oleh pihak pengantin lelaki dan diletakkan di sisi pelamin.

#### 6.27. Istiadat di Rumah Pengantin Lelaki.

Aturan adat istiadat di rumah pengantin lelaki ini sama sahaja seperti yang dijalankan di rumah pengantin perempuan. Apa yang harus diambil perhatian ialah majlis perkahwinan di rumah pengantin lelaki pada kebiasaannya lebih kecil daripada yang dijalankan di rumah pengantin perempuan. Ini tidak pula bermaksud adat melarang pihak pengantin lelaki boleh menjalankan segala olek seperti di rumah pengantin perempuan, atas rundingan, muafakat dan kebulatan dari kedua belah pihak.

Pada lazimnya aturcara di rumah lelaki adalah :

- a) Bersanding.
- b) Istiadat susp-suapan.
- c) Istiadat berinai dan tepung tawar.
- d) Istiadat pangkasan.
- e) Istiadat menyembah.

Aturcara, mana yang didahulukan dan mana yang di kemudikan terdapat perbezaan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain dalam masyarakat adat perpatih.

1986. 'Perbilangan Adat Pinang Meminang', Warisan, Bil. 11, Hal: 36 - 39.
1986. 'Terombo Adat Perpatih', Warisan, Bil. 11. Hal: 44 - 48.
- Yong Mei Liang, Santhi M, Jagaraman, Sholahuddin Omar, Zaiton Awang, Hashim Hj. Ismail, dan Badrul Nisak Ahmad, 1989. 'Laporan Mengenai Upacara Istiadat Persandingan bagi Masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Kampung Simin, Lubuk China, Rembau, Negeri Sembilan D.K', kertas Projek Kursus (tidak diterbitkan), Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Kling, 1969. 'Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara', tesis M.A. (tidak diterbitkan), K.Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 1977, 'Bentuk dan Organisasi keluarga Di Kampung Melayu', dalam Zainal Kling (ed), Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan, K.Lumpur: Utusan Publication & Distributors. Hal: 51 - 91.
1978. 'Struktur dan Organisasi Kekeperabatan di Wilayah Adat Perpatih Naning', dalam Mohd Taib Osman dan Handan Hassan (eds), Bingkisan Kenangan Untuk Pendita K.Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Mohd Yassin, 1965. 'Adat Berumah-rumahan', Angkatan Baru, Jun. Hal: 40-44, 53-55.
- Zubaidah bt. Hj. Ahmad, 1977. 'Pengaruh Adat dalam Perkahwinan, Perceraian dan Pembahagian Harta di kalangan Masyarakat Islam Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Bangi: Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Di setengah tempat, istiadat menyembah di rumah pengantin lelaki ini dimulakan oleh anak dara tua. Anak dara yang dipilih adalah perempuan yang sama suku dengan pengantin perempuan. Jikalau tiada yang sesuku, maka dipilih daripada yang berlainan suku. Semasa istiadat ini berjalan, ibu bapa dan anak saudara serta saudara kadim pengantin akan duduk di atas tikar di hadapan pelamin menghadap orang ramai.

Anak dara tua yang ditugaskan memulakan istiadat menyembah ini akan terlebih dahulu menyembah ibu bapa pengantin. Selepas itu ia akan menyembah bapa saudara, anak saudara dan sanak saudara kadim pengantin lelaki.

Cara melakukan istiadat ini ialah tiga kali menyembah tiga kali berensot. Ini bermakna si penyembah akan menyembah dari tempat duduknya. Selepas menyembah kali pertama, ia akan berensot, iaitu bergerak ke hadapan sambil duduk (tanpa bangun), dan akan bergerak ke hadapan lagi untuk sembah kali ketiga. Ensotan untuk sembah terakhir ini harus sampai ke tempat yang betul-betul berhadapan dengan orang yang disembah. Apabila telah berhadapan dilakukan sembah yang terakhir dan disudahi dengan bersalam tangan. Cara menyembah adalah sama seperti yang dilakukan semasa istiadat menyembah di rumah pengantin perempuan, iaitu menggerakkan jari di atas pangkuan tanpa mengangkat tangan. Namun di setengah kawasan adat ada juga diadatkan yang orang semenda itu mengangkat tangan setinggi paras dada untuk menyembah.

Orang menyembah tidak boleh terus bangun selepas bersalaman. Ia harus mengulangi aturcara awal tetapi ditertbalikkan. Selepas bersalaman si penyembah harus melakukan sembah lagi. Kemudian ia berensot atau bergerak pula ke belakang dan menyembah pula. Ia bergerak lagi ke belakang dan melakukan sembah yang ketiga. Dengan itu ia boleh bangun dan meninggalkan majlis.

Istiadat sembah anak dara tua ini akan diikuti pula oleh pengantin lelaki. Ia juga akan melakukan cara yang sama, hanya selepas sembah terakhir it tidak meninggalkan majlis tetapi balik ke tempatnya di hadapan pelamin. Selepas pengantin lelaki barulah pengantin perempuan menjalankan istiadat menyembah.

Selepas upacara menyembah, jamuan makan dimulakan. Pengantin, Mak Andam dan pengapit berserta sanak saudara yang kadim akan dijamu dengan hidangan istimewa, sama seperti hidangan makan berdamai di rumah pengantin perempuan.

Pada kebanyakan tempat dalam wilayah adat perpatih. Lazimnya selepas jamuan makan, rombongan pengantin perempuan, termasuk kedua-dua pengantin balik ke rumah pengantin perempuan. Di beberapa tempat pula, hanya rombongan penghantar pengantin sahaja yang balik, dan kedua pengantin terus bermalam di rumah pengantin lelaki. Pengantin perempuan akan di teman oleh dua orang saudara kadimnya. Pada malam yang berkenaan ini giliran pengantin lelaki pula tidur di bilik lain, kerana pengantin perempuan bersama pengiringnya akan tidur di bilik pengantin. Jikalau pengantin bermalam di rumah pengantin lelaki, pagi-pagi besoknya mereka akan balik ke rumah pengantin perempuan.

Di luak Ulu Muar, pengantin tidak dibenarkan tinggal di rumah ibu bapa pengantin lelaki selepas menyembah dan jamuan makan. Kedua pengantin harus pulang dahulu ke rumah pengantin perempuan. Kemudian, jikalau masih ada upacara yang hendak diadakan bolehlah mereka pergi semula ke rumah ibu bapa pengantin lelaki.

Lazimnya, selepas majlis bersurai, semasa hendak pulang, pihak pengantin lelaki (selalunya Mak Andam) akan berpantun. Pantun tersebut berbunyi:

"Hendak dulang diberi dulang,  
Dulang ada berpanta tidak,  
Hendak pulang diberi pulang,  
Pulang boleh berhantar balik".

Pantun ini akan dijawab oleh pihak perempuan yang selalunya diwakili oleh Mak Andam. Pantunnya berbunyi:

"Orang benua meminta dulang,  
Ayam berlaga di dalam bilik,  
Maaflah semua, kami nak pulang,  
Dua hari ketiga kami datang balik".

#### 6.28. Istiadat Menikam Jejak

Selain daripada menikam jejak istiadat ini dikenal juga sebagai istiadat Menempuh Jejak atau Menjelang Jejak atau Melipur Jejak. Istiadat ini diadakan sehari selepas hari bertandang atau menyalang. Ia bermaksud kedua pengantin balik ke rumah emak pengantin lelaki sebagai menurut atau 'menikam' jejak yang awal.

Di pagi hari yang berkenaan, pengantin lelaki akan balik ke rumah ibu bapanya untuk mengambil pakaiannya, jikalau ia tidak membawa pakaiannya semasa balik ke rumah isterinya selepas majlis menyalang. Pengantin lelaki akan balik semula ke rumah isterinya pada waktu zuhur. Ia balik seorang diri sahaja.

Kedua orang pengantin dengan dihantar atau diiringi oleh dua atau tiga orang perempuan, selalunya saudaranya pengantin perempuan, akan pergi ke rumah ibu bapa pengantin lelaki. Mereka bertolak pada waktu petang, selepas waktu asar. Mereka akan membawa buah tangan iaitu boko - setampin wajik

atau dodol untuk ibu bapa pengantin lelaki. Di samping boko untuk ibu bapa pengantin lelaki, dibawa boko-boko lain yang jumlah telah ditentukan oleh pihak lelaki. Boko-boko ini adalah keperluan sebagai buah tangan apabila pergi menyalang atau pergi berkenalan dengan sanak saudara pengantin lelaki. Setiap boko itu akan dibungkus dengan tuala tompok. Iaitu kain putih yang dijahit dengan kain perca yang berwarna-warni.

Selepas rumah ibu suami, pada hari itu juga atau esoknya kedua suami isteri akan berkunjung ke rumah Buapak, Besar dan Kadim terlebih dahulu sebelum mengunjungi sanak-saudara yang lain. Ini adalah mereka itu pembesar kelompok kekeluargaan - Perut, Ruang dan Rumpun, maka dengan kunjungan tersebut ianya menandakan satu penghormatan serta mengucapkan terima kasih atas pertolongan mereka pada hari olek dahulu. Namun mendahulukan kunjungan ke rumah Pembesar adat ini tidaklah diatur adat. Ada tempat selepas rumah ibu mertua, kedua pengantin akan berkunjung ke rumah saudara nan kadim pihak suami seperti adik-beradik yang sudah berumah tangga, dan emak dan bapa saudara sebelah ibu suami. Setiap rumah yang mereka kunjungi akan diberikan sebuah boko.

Tujuan utama menempuh jejak atau menikam jejak ialah untuk berkenalan dengan mentua-tayo, ipar-lamai, saudara nan kadim dan saudara nan jauh di pihak lelaki. Setiap rumah yang dikunjungi akan memberi balasan. Misalnya emak mertua akan membalas dengan memberi seperlengkap barang-barang bagi memulakan rumah baru seperti pinggan makan, mangkuk nasi, dulang, cawan dan sudu. Begitu juga halnya dengan saudara mara lain yang dikunjungi. Mereka juga akan membalas dengan sepasang kain baju, sebiji pinggan atau sebuah mangkuk lauk dan sebatang sudu. Pemberian ini bergantung kepada kemampuan yang memberi.



Pada malam mula menikan jejak ini kedua pengantin akan tidur di rumah pengantin lelaki. Mereka masih lagi tidur berasingan. Pengantin lelaki akan tidur di serambi, dan pengantin perempuan bersama pengiringnya akan tidur di dalam bilik pengantin.

Pada pagi besoknya, sehingga petang kedua-dua pengantin dengan diiringi oleh pengapit dan seorang saudara (emak) pengantin lelaki akan melanjutkan lagi kunjungan ke rumah sanak saudara pengantin lelaki. Mereka akan balik ke rumah sanak saudara pengantin lelaki. Mereka akan balik ke rumah pengantin perempuan pada sebelah petang.

Pada sebelah malamnya, rumah perempuan akan dikunjungi oleh sanak saudara kadim pengantin perempuan, termasuk orang semenda lama. Pengantin lelaki yang berpakaian baju Melayu lengkap sampin akan duduk di serambi, di tiang menantu. Di hadapan pengantin terletak tepak peminangan dan sebungkus atau dua rokok atau setin rokok.

Orang menjemput iaitu orang semenda yang bertugas mengiringi pengantin lelaki di masa olek akan hadir juga pada malam itu. Merekalah yang menjadi orang tengah memperkenalkan pengantin lelaki dengan sanak saudara isteri - orang semenda dan orang tempat semenda isterinya. Semasa memperkenalkan itu orang menjemput akan memberitahu pengantin dan gelaran panggilan yang harus digunakan, seperti Pak Long, Pak Ngah, Bang Lang dan sebagainya. Pengantin pula akan bersalaman dengan setiap orang yang diperkenalkan kepadanya, mempersilakannya memakan sirih dengan menyorongkan tepak dan mempelawanya menghisap rokok.